



بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ



جَلَالِيٰ مُفْتِنَةٍ وَلَبِقَةٍ لِلْعَوْنَانِ  
PEJABAT MUFTI WILAYAH PERSEKUTUAN



# **ADA APA DENGAN SYIAH? MENGENAL HAKIKAT SYIAH**



جایز صفحه و پایه فرمانکووان  
DEJABAT MUFTI WILAYAH PERSEKUTUAN



Cetakan Pertama 2013  
Cetakan Kedua 2013  
Cetakan Ketiga 2014  
Cetakan Keempat 2020 Edisi kemaskini

Hakcipta terpelihara. Setiap bahagian (termasuk teknik & konsep) daripada terbitan ini tidak boleh diterbitkan semula, atau pun disimpan untuk pengeluaran atau dipindahkan kepada bentuk lain, sama ada dengan cara elektronik, mekanik, gambar, rakaman dan sebagainya tanpa izin bertulis daripada penerbit terlebih dahulu.

Diterbitkan oleh:

**PEJABAT MUFTI WILAYAH PERSEKUTUAN  
JABATAN PERDANA MENTERI**

Aras 5, Blok D,  
Kompleks Islam Putrajaya,  
No. 3, Jalan Tun Abdul Razak,  
Presint 3, 62100 Putrajaya  
Tel : 03-8870 9000  
Faks: 03-8870 9101  
Web: [www.muftiwp.gov.my](http://www.muftiwp.gov.my)

Perpustakaan Negara Malaysia

Data Pengkatalogan-dalam-Penerbitan

Mengenal hakikat syiah

ISBN 978-983-44840-9-5

1. Shiites. 2. Shi'ah--Doctrines.

297.82

Naskhah percuma.

# KANDUNGAN

<b>01</b>	PERUTUSAN MUFTI	vii
<b>02</b>	AKIDAH ‘IMAMAH’ DI SISI SYIAH ISNA ASHARAH DAN KESAN-KESANNYA TERHADAP PEGANGAN AHLI SUNNAH WAL JAMAAH	1
<b>03</b>	BENARKAH SYIAH TIDAK KAFIRKAN SAHABAT? 45	
<b>04</b>	FAHAMAN SYIAH JAUH BERCANGGAH DENGAN AHLI SUNNAH WAL JAMAAH	99
<b>05</b>	SEJARAH PERKEMBANGAN SYIAH DAN PERKAITANNYA DENGAN AHLI BAIT	129
<b>06</b>	AHLUL BAIT MENURUT PANDANGAN SUNNAH DAN SYIAH	143
<b>07</b>	GERAKAN SYIAH DI MALAYSIA	175
<b>08</b>	FATWA WILAYAH PERSEKUTUAN TERHADAP FAHAMAN SYIAH	209

## MENGENAL HAKIKAT SYIAH

## PERUTUSAN MUFTI

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

الحمد لله رب العالمين والصلوة والسلام على أشرف المرسلين سيدنا محمد  
وعلى آله وصحبه ومن تبعهم بإحسان إلى يوم الدين

Terlebih dahulu saya mengucapkan syukur kepada Allah SWT kerana dengan limpah rahmat-Nya Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan sekali lagi dapat menerbitkan buku ini yang judul asalnya bertajuk “Mengenal Hakikat Syiah” yang ditulis oleh Datuk Wan Zahidi bin Wan Teh mantan Mufti Wilayah Persekutuan yang ke-6 iaitu hasil daripada koleksi tulisan beliau yang terdahulu serta salah satunya beliau terjemahkan daripada tulisan bahasa arab oleh Syeikh Mahmood Sa’ad Nasih.

Pada kali ini, buku ini telah dijudgetulkan dengan tajuk baru iaitu “Ada Apa Dengan Syiah?” namun masih mengekalkan tulisan buku asal “Mengenal hakikat Syiah” oleh Datuk Wan Zahidi bin Wan Teh mantan Mufti Wilayah Pesekutuan. Pada terbitan kali ini juga Pejabat Mufti Wilayah telah menambah bab berkaitan Syiah di Malaysia yang ditulis oleh Dr. Mohamed Fairooz bin Mohamed Fathillah. Ia bertujuan untuk bacaan awam yang ingin mengenali apa itu fahaman *Syiah*, perkembangannya serta gerak-gerinya, termasuk juga mengetahui sejarah dan perkembangan *Syiah* di Malaysia.

Malaysia sejak sekian lama mengamalkan fahaman akidah Ahli Sunnah Wa al-Jamaah. Dalam konteks di Malaysia, golongan yang terkeluar daripada Ahli Sunnah Wa al-Jamaah dihukumkan sebagai sesat. Ini sebagaimana takrif ajaran sesat yang diberikan oleh Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) seperti berikut:

*“Ajaran sesat adalah sebarang ajaran atau amalan yang dibawa oleh orang-orang Islam atau orang-orang bukan Islam yang mendakwa bahawa ajaran atau amalan tersebut adalah ajaran Islam atau berdasarkan ajaran Islam, sedangkan hakikatnya ajaran dan amalan yang dibawa itu bertentangan daripada ajaran Islam yang berdasarkan al-Qur'an dan al-Sunnah (iaitu hadis sahih) serta juga bertentangan dengan ajaran Ahli Sunnah wa al-Jamaah”.* (Lihat Diskusi Isu Aqidah dan Pemikiran Semasa di Malaysia, 57).

Oleh itu, bersama-sama lah kita berdoa supaya umat Islam sentiasa terpelihara akidahnya mengikut manhaj Ahli Sunnah wa al-Jamaah dan dijauhkan daripada fahaman yang menyeleweng, lebih-lebih lagi fahaman *Syiah* yang dilihat sebagai satu aliran ekstrim, merosakkan akidah dan syarak, memecah-belahan perpaduan, menggugat keharmonian masyarakat dan sesebuah negara, sebagaimana berlaku di negara-negara Asia Barat yang bergolak sebelum ini, sehingga berlakunya pertumpahan darah serta menyebabkan kehancuran sesebuah negara yang aman dan makmur.

Akhir kalam, saya merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih kepada semua penulis buku ini, yang terdiri daripada Datuk Wan Zahidi bin Wan Teh, Syeikh Mahmood Sa'ad Nasih, Dr. Mohamed Fairooz bin Mohamed Fathillah, seterusnya mereka yang membantu dalam penerbitan buku kami, iaitu Syarikat Attin Press Sdn. Bhd, semua pegawai dan kakitangan Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan, serta semua yang terlibat secara langsung dan tidak langsung dalam menyusun dan menerbitkan buku ini. Justeru, kami dengan rendah diri persembahkan buku ini

buat tatapan para pembaca yang budiman sekalian, semoga usaha kecil kami ini memberi laba dan habuan yang besar kepada kita untuk menuju ke alam yang abadi.


Akhukum Fillah

**SS DR. LUQMAN BIN HAJI ABDULLAH**

Mufti Wilayah Persekutuan

## MENGENAL HAKIKAT SYIAH

# AKIDAH ‘IMAMAH’ DI SISI SYIAH ISNA ASHARAH DAN KESAN-KESANNYA TERHADAP PEGANGAN AHLI SUNNAH WAL JAMAAH



## MUKADIMAH

**S**ebelum judul ini dibincangkan lebih lanjut, ada dua perkara dirasakan penting diperjelaskan terlebih dahulu. Pertama, sebab-sebab mengapa persoalan ini perlu diketengahkan. Kedua, pendekatan yang akan digunakan dalam membahaskan tajuk ini.

Bagi menjelaskan persoalan pertama, merujuk tulisan al-Faqih Ibn Hajar al-Haithami yang memperjelaskan sebab-sebab beliau menulis kitabnya “الصواعق المحرقة”:

*Ketahuilah bahawa yang mendorong saya menulis dalam perkara ini sekalipun saya merasa kurang mampu, ialah hadis yang diriwayatkan oleh al-Khatib al-Baghdadi dalam kitab al-Jami' dan lain-lainnya bahawa Nabi SAW bersabda:*

إِذَا ظَهَرَ الْفِتْنُ أَوِ الْبِدْعُ وَسُبِّ أَصْحَابِي فَلْيَظْهُرْ الْعَالِمُ عِلْمُهُ،  
فَمَنْ لَمْ يَفْعَلْ ذَلِكَ فَعَلَيْهِ لَعْنَةُ اللَّهِ وَالْمَلَائِكَةِ وَالنَّاسِ أَجْمَعِينَ،  
لَا يَقْبَلُ اللَّهُ مِنْهُ صَرَفًا وَلَا عَدَلًا

*“Apabila timbul fitnah, atau bida'ah – dan sahabat-sahabatku dimaki, maka orang yang berilmu hendaklah menzahirkan ilmunya. Sesiapa yang tidak melakukan demikian, maka ke atasnya laknat Allah, malaikat dan manusia seluruhnya. Allah tidak akan menerima daripadanya amalan fardhu mahupun sunat.”*

Setelah menyebut beberapa hadis tentang bahaya golongan bidaah terhadap agama Islam, beliau merumuskan :

وَسَتَتَلُو عَلَيْكَ مَا تَعْلَمَ مِنْهُ عِلْمًا قَطْعِيًّا أَنَّ الرَّافِضَةَ وَالشِّيَعَةَ  
وَنَحْوُهَا مِنْ أَكَابِرِ أَهْلِ الْبَدْعَةِ فَيَتَنَاوِلُهُمْ هَذَا الْوَعِيدُ الَّذِي فِي  
هَذِهِ الْأَحَادِيثِ

*“Dalam kitab ini saya akan kemukakan kepada anda nas-nas yang daripadanya anda akan ketahui secara pasti bahawa golongan Rafidhah, Syiah dan yang seumpamanya adalah daripada kalangan ahli bidaah yang terbesar. Oleh*

*itu, amaran-amaran yang terdapat di dalam hadis-hadis yang dikemukakan itu meliputi golongan ini.<sup>1</sup>*

Hadis di atas meletakkan tanggungjawab yang besar ke atas setiap ahli ilmu untuk menjelaskan penyelewengan yang terdapat dalam ajaran *Syiah Imamiyah* dan bukan mendiamkannya kerana bimbang akan terjejas usaha “mendekatkan” seperti yang diseru oleh sesetengah pihak. Ia pada hemat saya lebih daripada mencukupi untuk menjadi sebab mengapa isi ini perlu dikenangkan. Perkara kedua yang ingin diperjelas ialah dalam memperkatakan akidah *Syiah*, selain daripada memetik hadis-hadis yang mereka riwayatkan, tumpuan juga akan diberikan kepada huraian-huraian ulama muktabar dalam kalangan mereka seperti yang terdapat dalam kitab-kitab fiqh, tafsir dan fatwa yang menjadi pegangan dalam mazhab *Syiah*. Pendekatan seperti ini perlu memandangkan penganut *Syiah* sering menggunakan taktik melarikan diri dengan mengemukakan alasan bahawa riwayat tersebut dhaif atau “tidak semua riwayat yang terdapat dalam kitab-kitab hadis mereka sahibh”, ketika dikemukakan riwayat-riwayat seperti yang menghukum kafir para sahabat khususnya *Khulafa al-Rasyidin* selain daripada Saidina Ali R.A, atau riwayat yang menunjukkan al-Quran yang ada pada hari ini tidak lengkap kerana telah diubah oleh para sahabat yang mengumpulnya. Ini ialah kerana yang menjadi pegangan dan amalan penganut satu-satu mazhab adalah fatwa yang diputuskan oleh ulama yang muktabar dalam mazhab berkenaan dan ia sekaligus menunjukkan riwayat-riwayat tersebut sahibh dan menjadi pegangan penganut *Syiah*.

---

<sup>1</sup> Lihat hadis-hadis tersebut dalam tulisan saya “Ahli Bait menurut pandangan Sunnah dan Syiah.” Perhatikan juga bagaimana cara ulama Salaf menghadapi golongan ini, iaitu menjelaskan kebatilan mereka, bukan pandangan “” yang digunakan oleh *Syiah* untuk melindungi kesesatan mereka.

## AHLI SUNNAH

Memandangkan tema perbincangan kertas ini ialah mengenai kesan akidah *Imamah* di sisi *Syiah* terhadap pegangan Ahli Sunnah wal-Jamaah, maka dirasakan penting diperingatkan semula asas-asas pegangannya supaya perbandingan antara dua golongan ini menjadi lebih jelas. Sekalipun pegangan Ahli Sunnah sangat rapat dengan kita, kerana melaluinya kita beribadat kepada Allah, namun kadang kala perkara yang sangat dekat itu sering kita melupakannya menyebabkan berlaku suasana kecelaruan dalam kalangan sesetengah masyarakat Islam hingga tidak dapat membezakan antara “*khilaf*” atau perbezaan yang dibenarkan dan pegangan menyesatkan dan menyeleweng daripada akidah yang benar. Maka daripada sini timbul cakap-cakap apa yang dipanggil “pendekatan” antara Ahli Sunnah dan *Syiah* yang pada hakikatnya jika diperhalusi, merupakan satu usaha “mendekatkan” atau “kompromi” antara yang hak dengan yang batil.

Al-Imam Ibn Hazm ketika mentakrifkan Ahli Sunnah menyebut :

وأهْلُ السَّنَةِ الَّذِينَ نَذَرُوهُمْ أَهْلَ الْحَقِّ، وَمَنْ عَدَاهُمْ فَأَهْلُ الْبَدْعَةِ،  
فَأَنَّهُمْ الصَّحَابَةُ (رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُمْ)، وَكُلُّ مَنْ سَلَكَ نَهْجَهُمْ مِنْ  
خَيَارِ التَّابِعِينَ (رَحْمَهُمُ اللَّهُ تَعَالَى) ثُمَّ أَصْحَابُ الْحَدِيثِ وَمَنْ  
اتَّبَعَهُمْ مِنَ الْفُقَهَاءِ جِيلًا فَجِيلًا إِلَى يَوْمِنَا هَذَا، وَمَنْ اقْتَدَى بِهِمْ  
مِنَ الْعَوَامِ فِي شَرْقِ الْأَرْضِ وَغَربِهَا رَحْمَةُ اللَّهِ عَلَيْهِمْ

*“Ahli Sunnah ialah mereka yang kita panggil ‘Ahlul Haq’ (kumpulan yang berada di atas landasan yang benar) dan yang lain daripada mereka ialah ‘ahli bidaah’ (kumpulan yang sesat), kerana mereka terdiri daripada para sahabat dan siapa sahaja yang mengikuti jalan mereka daripada kalangan tabi’in. Kemudian para ahli hadis yang mengikut mereka daripada kalangan ulama Fiqh dari satu generasi ke generasi berikutnya hingga ke hari ini, begitulah juga*

*orang yang mengikut mereka daripada kalangan orang awam  
di segenap pelosok dunia.”*

(Rujuk *al-Fasl fi al-Milal wa al-Ahwa' wa al-Nihal*, 2/271)

Kesimpulan yang dapat dirumuskan daripada tulisan para ulama mengenai Ahli Sunnah ialah:

Mereka yang berpegang dengan al-Quran dan Sunnah, akidah mereka sesuai dengan keterangan yang terdapat di dalam kedua-duanya mengikut fahaman *salaf al-soleh* daripada para sahabat, *tabi'in* dan yang mengikut mereka daripada kalangan para imam dan ulama mazhab yang muktabar. Hadis Rasulullah SAW menjelaskan sifat golongan yang terselamat :

**مَا أَنَا عَلَيْهِ وَأَصْحَابِي**

“Golongan yang mengikut jalanku dan para sahabatku”

Abu al-Muzaffar al-Asfaraini mengulas hadis di atas :

وَهَذِهِ الصَّفَةُ تَقْرَرَتْ لِأَهْلِ السَّنَةِ: لَأَنَّهُمْ يَنْقُلُونَ الْأَخْبَارَ وَالآثَارَ  
عَنِ الرَّسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ وَالصَّحَابَةِ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُمْ  
وَلَا يَدْخُلُ فِي تَلْكُ الْجَمْلَةِ مَنْ يَطْعُنُ فِي الصَّحَابَةِ مِنَ الْخَوَارِجِ  
وَالرَّوَافِضِ<sup>2</sup>

*“Sifat ini (mengikut jalan Rasulullah SAW dan para sahabat) menepati sifat Ahli Sunnah, kerana mereka lah yang menyampaikan hadis-hadis yang diriwayatkan daripada Rasulullah SAW dan para sahabat. Dengan demikian tidak termasuk dalam golongan ”الفرقة الناجية“ (golongan yang terselamat) seperti yang terdapat dalam hadis yang*

---

2 التبصیر في الدين وتمیز الفرقۃ الناجیۃ عن الفرقۃ الماکین

*disebutkan, golongan yang mencaci para sahabat Rasulullah SAW daripada kalangan puak Khawarij dan Rafidhah<sup>3</sup>.”*

Jika kita mengamati hadis-hadis yang menerangkan mengenai perpecahan yang akan berlaku dalam kalangan umat dan kelahiran pelbagai puak yang sesat adalah jelas bahawa berpegang dengan ajaran Ahli Sunnah wal-Jamaah adalah merupakan satu-satunya penyelamat daripada kesesatan dan kebinasaan. Perkara ini ditegaskan oleh Imam al-Thohawi dalam kitabnya yang dikenali dengan “العقيدة الطحاوية”

**وَنَتَّبِعُ السُّنَّةَ وَالْجَمَاعَةَ، وَنَجْتَبُ الشُّدُودَ وَالْخَلَافَ وَالْفُرْقَةَ**

*“Ajaran yang menjadi ikutan kita ialah sunnah dan jamaah, yang kita jauhi ialah pendapat yang ganjil, menyalahi sunnah dan berpecah (daripada jemaah).”*

Al-Qadi Abu al-‘Az ketika mensyarahkan kata-kata Imam al-Thohawi di atas menyatakan :

**السنة: طريقة رسول الله صلى الله عليه وسلم والجماعة: جماعة المسلمين، وهو الصحابة والتبعين لهم بإحسان إلى يوم الدين**

*“Yang dimaksudkan dengan sunnah ialah cara beragama yang diajarkan oleh Rasulullah SAW. Manakala jamaah pula ialah jamaah umat Islam yang terdiri daripada para sahabat dan golongan yang mengikut mereka hingga ke hari kiamat.”*

---

<sup>3</sup> “Rafidhah” adalah gelaran bagi Syiah Imamiah Isna Asyariyah. Mengenai permulaan gelaran “Rafidhah”, kitab ”الروم النصر” menyebut riwayat daripada Isa bin Yunus katanya: “Adapun golongan “Rafidhah”, maka permulaan kelahiran mereka ialah ketika sekumpulan pengikut Imam Zaid bin Ali datang menemuinya dan meminta beliau menolak kepimpinan Abu Bakar dan Umar sebagai syarat untuk mereka menyokongnya. Apabila Imam Zaid menolak syarat tersebut, mereka mengatakan ”إذاً نرفضك” (kalau begitu kami menolak kepimpinan kamu). Maka semenjak itu golongan tersebut digelar “Rafidhah” (yang menolak kepimpinan Imam Zaid)”.

Al-Qadi Abu al-'Az seterusnya menyebut beberapa nas yang mengukuhkan keterangan di atas, antaranya sabda Nabi SAW :

إِنَّ أَهْلَ الْكُتُبِ افْرَقُوا فِي دِينِهِمْ عَلَى اثْتَيْنِ وَسَبْعِينَ مِائَةً –  
يَعْنِي الْأَهْوَاءَ – كُلُّهَا فِي النَّارِ إِلَّا وَاحِدٌ، وَهِيَ: الْجَمَاعَةُ، وَفِي  
رَوْاْيَةٍ: قَالُوا مَنْ هِيَ يَا رَسُولَ اللَّهِ؟ قَالَ مَا أَنَا عَلَيْهِ وَأَصْحَابِي<sup>4</sup>

*“Sesungguhnya golongan ahli dua kitab berpecah dalam agama mereka kepada tujuh puluh dua puak, dan umat ini akan berpecah kepada tujuh puluh tiga – yakni mengikut nafsu – kesemuanya dalam neraka kecuali satu kumpulan iaitu yang mengikut Jamaah”.*

Dalam riwayat yang lain:

*“Rasulullah SAW ditanya: Kumpulan manakah yang satu itu? Rasulullah menjawab: “Kumpulan yang mengikut perjalananku dan para sahabatku”.*

Daripada dalil-dalil yang dihuraikan oleh para ulama dapat disimpulkan bahawa kepentingan pegangan Ahli Sunnah wal-Jamaah adalah sama dengan kepentingan Islam itu sendiri dalam melaksanakan tuntutan llahi supaya kita berpegang dengan agama yang benar dan diredhai oleh-Nya serta tidak berpecah belah. Dan mempertahankan pegangan Ahli Sunnah bermakna mempertahankan kesucian Islam yang diamanahkan kepada kita sebagai umat Muhammad SAW dan pengikut kepada para *Khulafa al-Rasyidin* selepasnya. Peristiwa-peristiwa sejarah masa silam dan realiti masa kini memperlihatkan kepada kita bahawa permusuhan, persengketaan dan pertumpahan darah adalah sesuatu yang tidak mungkin dapat dielakkan jika fahaman Syiah dibiarkan bertapak dalam kalangan Ahli Sunnah wal-Jamaah. Ini ialah kerana unsur-unsur tersebut telah dicanaai dan diadun dengan begitu rapi sekali dalam setiap sendi ajarannya oleh para perancang mazhab ini sehingga menjadi sebatи dan tidak mungkin dapat dipisahkan lagi.

4 Riwayat al-Tirmizi, Abu Daud dan Ahmad - Sahih

## AKIDAH “IMAMAH” DI SISI SYIAH IMAMIYAH ISNA ASHARAH

*Syiah* Imam dua belas yang dikenali juga dengan al-Ja’fariyah<sup>5</sup> merupakan puak *Syiah* terbesar yang wujud hingga ke hari ini. Mazhab *Syiah* ini mempunyai akidah dan disiplin ilmu yang tersendiri dengan kitab-kitab rujukan dan para ulama yang dianggap muktabar dalam kalangan pengikut-pengikutnya dan merupakan mazhab rasmi negara Iran sekarang.

Akidah “*al-Imamah*” yang dikenali juga dengan “*al-Wilayah*” di sisi mazhab *Syiah Imamiyah* bermaksud : “*al-Khilafah*” atau dua belas wali atau imam sehingga ke hari kiamat. “*Imamah*” sama juga dengan “*nubuwwah*” (kenabian), adalah suatu jawatan yang ditentukan oleh Allah Taala secara nas daripada Nabi SAW. Antara syarat penting bagi seorang imam ialah mesti seorang yang *maksum* seperti seorang nabi. Dengan demikian pemerintahan para *Khulafa al-Rasyidin* dan pemerintah-pemerintah Islam selepasnya adalah tidak sah dan dianggap perampas hak imam-imam yang mereka senaraikan seramai dua belas imam selepas kewafatan Nabi SAW. *Imamah* juga dianggap sebagai rukun Islam paling utama yang tidak sah Islam seseorang itu melainkan dengannya.

Dua belas Imam yang wajib bagi setiap Muslim beriman dengannya menurut *Syiah* ialah:

1. **Abu al-Hasan Ali bin Abi Talib – al-Murtada**
2. **Abu Muhammad al-Hassan bin Ali – al-Zaki (2-50H)**
3. **Abu Abdullah al-Husin bin Ali – Saidu as-Syuhada’ (3-61H)**
4. **Abu Muhammad Ali bin Husin – Zainul Abidin (37-95H)**
5. **Abu Jaafar Muhammad bin Ali – al-Baqir (57-114H)**
6. **Abu Abdullah Jaafar bin Muhammad – al-Sodiq (83-148H)**
7. **Abu Ibrahim Musa bin Jaafar – al-Khadim (128-183H)**
8. **Abu al-Hassan Ali bin Musa – al-Ridza (143-203H)**
9. **Abu Jaafar Muhammad bin Ali – al-Jawad (195-220H)**

<sup>5</sup> Kerana kebanyakan hukum feqah diambil dari mazhab Imam Jaafar bin Muhammad as-Sodiq mengikut dakwaan mereka.

10. Abu Muhammad Ali bin Muhamad – al-Hadi (212-245H)
11. Abu Muhammad al-Hassan bin Ali – al-Asyukuri (232-260H)
12. Abu al-Qasim Muhammad bin al-Hassan – al-Mahi (652H)

Berikut ini nukilan nas-nas daripada ulama Syiah mengenai akidah *al-Imamah* ini:

Abu Jaafar Muhamad bin Babawaih al-Qummi (381M) yang bergelar “*al-Sodiq*” menyebut dalam kitabnya “الاعتقادات” :

اعتقدنا فيمن جحد إمامية أمير المؤمنين على بن أبي طالب والأئمة من بعده أنَّه كَمَنْ جحد نبوة جميع الأنبياء واعتقدنا فيمن أقر بأمير المؤمنين وأنكر واحداً من الأئمة بمترلة من أقر بجميع الأنبياء وأنكر نبوة محمد صلى الله عليه وسلم

“Iktikad kita pada mereka yang mengingkari Imamah (kepimpinan) Amirul Mukminin Ali bin Abi Talib<sup>6</sup> dan imam-imam selepasnya, bahawa hukumnya seperti orang yang mengingkari semua anbiya (nabi-nabi), dan iktikad kita pada sesiapa yang mengakui Amirul Mukminin, tetapi mengingkari salah seorang daripada imam-imam selepasnya, sama dengan yang mengakui semua Nabi, tetapi mengingkari nabi kita Muhammad SAW.”

Mengenai “العصمة” beliau menyatakan dalam kitabnya yang sama :

اعتقدنا في الأئمة أنهم معصومون مُطَهَّرونٌ مِّنْ كُلِّ دَنَسٍ، أَنَّهُمْ لَا يذنبون ذنباً صَغِيرًا وَلَا كَبِيرًا

6 Yakni secara langsung selepas wafat Rasulullah SAW tanpa didahului oleh Khulafa al-Rasyidin

*“Iktikad kita pada imam-imam ialah mereka semua terpelihara daripada dosa, suci daripada segala kekejilan dan bahawa mereka tidak melakukan dosa sama ada kecil atau besar.”*

Menurut al-Majlisi dalam “**بِحَارُ الْأَنُوَارِ**” pandangan ini ijmak seluruh ulama Imamiyah. Muhammad bin al-Nukman al-Mufid<sup>7</sup> (413M) menyatakan seperti yang dipetik oleh al-Majlisi dalam kitabnya “**بِحَارُ الْأَنُوَارِ**”

**اتتفقت الإمامية على أن من انكر اماماً أحد الأئمة وجد ما  
أوجبه الله تعالى من فرض الطاعة فهو كافر ضال مستحق الخلو  
في النار**

*“Ulama Imamiyah sependedapat menyatakan bahawa sesiapa yang mengingkari kepimpinan salah seorang daripada imam-imam yang disebutkan serta tidak mengakui kewajipan taat kepada mereka seperti mana yang diwajibkan oleh Allah. Maka ia menjadi kafir, sesat dan layak kekal dalam neraka.”*

Pandangan bahawa Imamah merupakan sebahagian daripada usul agama adalah pandangan yang disepakati oleh ulama Syiah sepanjang zaman seperti yang ditegaskan oleh beberapa ulama semasa mereka. Jaafar Subhani yang bergelar Aayatullah al-'Uzma menyebut dalam kitabnya “**الملل والنحل**”

**الشيعة على بكرة ابيهم اتفقوا على كونها أصلاً من أصول الدين  
وقد برهنا على ذلك في كتابهم**

*“Ulama Syiah seluruhnya sependedapat menyatakan bahawa Imamah adalah sebahagian daripada Usuluddin dan mereka telah membuktikannya dalam kitab-kitab mereka.”*

---

<sup>7</sup> Al-Mufid adalah guru kepada Abu Jaafar al-Towasi yang diberi gelaran “**شيخ الطائفة**” (guru bagi puak Syiah) oleh pengikut-pengikut Syiah.

Muhammad Reda al-Muzafar dalam kitabnya “عقائد الإمامة” menyatakan :

نعتقد أن الإمامة أصل الدين لا يتم الإيمان إلا باعتقادها

*“Kita beriktiad bahawa Imamah adalah merupakan bahagian daripada Usuluddin, tidak sempurna iman seseorang tanpa iktikad dengannya.”*

Al-Khomeini dalam kitabnya “كشف الأسرار” juga menyebut kenyataan yang sama.

Akidah ini dianggap rukun Islam paling utama di sisi Syiah didasarkan kepada hadis-hadis palsu yang diriwayatkan dalam kitab-kitab hadis mereka, antaranya hadis yang diriwayatkan oleh Muhammad bin Yakob bin Ishak al-Kulaini yang bergelar “ثقة الإسلام” dalam kitabnya al-Kafi :

عَنْ أَبِي جَعْفَرِ قَالَ: بُنِيَّ الْإِسْلَامُ عَلَىٰ خَمْسٍ: عَلَى الصَّلَاةِ  
وَالزَّكَاةِ وَالصَّوْمِ وَالحَجَّ وَالوِلَايَةِ، وَلَمْ يَنَادِ بِشَيْءٍ كَمَا نُودِيَ  
بِالْوِلَايَةِ

*“Daripada Abu Jaafar katanya, Islam ditegakkan di atas lima rukun: solat, zakat, puasa, haji dan wilayah dan tidak diseru kepada sesuatu ajaran seperti mana diseru kepada al-Wilayah”*

Pegangan bahawa *Imamah* merupakan rukun Islam paling utama mengatasi solat. Ini ditegaskan oleh ulama Syiah zaman ini Hadi al-Thaharani dalam “ودائع النبوة”:

إِنَّ أَعْظَمَ مَا بَعَثَ اللَّهُ تَعَالَىٰ نَبِيًّا مِّنَ الْدِينِ إِنَّمَا هُوَ أَمْرُ الْإِمَامَةِ

*“Sesungguhnya ajaran agama terbesar dibawa oleh nabi utusan Allah Taala ialah urusan al-Imamah”*

Penganut *Syiah* juga beriktikad bahawa imam-imam mereka lebih afdal daripada para anbiya' selain daripada Nabi Muhammad SAW. Al-Syaikh al-Mufid menyebut dalam "أوائل المقالات":

قَدْ قَطِعَ قَوْمٌ مِّنْ أَهْلِ الْإِمَامَةِ بِفَضْلِ الْأَئُمَّةِ مِنْ آلِ مُحَمَّدٍ صَلَّى  
اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ عَلَى سَائِرِ مَنْ تَقَمَّ مِنَ الرَّسُولِ وَالْأَنْبِيَاءِ سَوْيَ نَبِيِّنَا  
مُحَمَّدٌ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ

"Satu kaum daripada ulama (*Syiah*) memutuskan bahawa imam-imam lebih afdal daripada semua rasul dan nabi yang terdahulu selain daripada Nabi Muhammad SAW."

Al-Khomeini dalam "الحكومة الإسلامية" menyatakan:

وَإِنْ مِنْ ضَرورِيَّاتِ مَذَهَبِنَا لَأَنْتَمْنَا مَقَاماً لَا يَبْلُغُهُ مَلْكٌ مَقْرُوبٌ وَلَا  
نَبِيٌّ مَرْسُلٌ

"Sesungguhnya antara kepercayaan asas dalam mazhab kita bahawa imam-imam kita mempunyai kedudukan yang tidak dapat dicapai oleh mana-mana malaikat yang hampir dengan Allah dan juga mana-mana Nabi yang diutuskan."

Menurut al-Sayidul Nikmatullah al-Jazairi dalam "الأنوار النعمانية":

وَأَكْثَرُ الْمُتَأْخِرِينَ إِلَى أَفْضَلِيَّةِ الْأَئُمَّةِ عَلَيْهِمُ السَّلَامُ عَلَى أَوَّلِ  
الْعَزْمِ وَغَيْرِهِمْ وَهُوَ الصَّوَابُ

"Kebanyakan ulama mutakhir cenderung kepada pendapat bahawa imam-imam lebih afdal daripada rasul-rasul *Ulul-Azmi* dan rasul-rasul yang lain dan inilah pendapat yang tepat."

Dengan kedudukan *Imamah* yang begitu penting di sisi *Syiah Imamiyah*, bagaimanakah pula kedudukan Ahli Sunnah pada pandangan mereka?

Kesimpulan yang pasti daripada nas-nas yang dipetik di atas ialah bahawa pengikut Ahli Sunnah bukan seorang mukmin. Namun begitu para ulama *Syiah* tidak membiarkan pengikut mereka memahami persoalan ini secara kesimpulan sahaja, sebaliknya ia dinyatakan dengan jelas bagi memantapkan kebencian dan rasa permusuhan penganut *Syiah* terhadap Ahli Sunnah. Seorang ahli hadis terkemuka *Syiah*, Syeikh Yusuf al-Bahrani menyatakan dalam kitabnya “الحدائق الناضرة”:

**المؤمن هو المسلم المعتقد لإمامية الأئمة الثانية عشر**

“Orang Mukmin itu ialah Muslim yang beriktikad akan kepimpinan dua belas.”

Al-Khomeini juga membuat kenyataan yang sama dalam “المكاسب المحرمة”:

**المراد بالمؤمن الشيعة الإمامية الإثنى عشرية**

“Yang dimaksudkan dengan mukmin itu ialah penganut *Syiah Imam Dua Belas”*

Menurut Abu al-Qasim al-Musawi al-Khuie yang mereka gelarkan dengan *al-Isnad al-Akhbar Aayatullah al-'Uzma* bahawa hadis-hadis yang menunjukkan orang yang tidak beriman dengan *al-Wilayah* itu kafir adalah *mutawatir*. Seperti yang dinyatakan dalam kitab *مصباح الفقاحة*“:

**وتدل عليه الأخبار المُتوَاتِرَة الظاهِرَة في كُفُرِ منْكَرِ الْوَلَايَةِ**

“*Dalil yang menunjukkan orang yang tidak beriman dengan al-Wilayah itu kafir adalah mutawatir lagi nyata.*”

Malah orang yang tidak beriman dengan *Imamah Syiah* bukan sahaja dianggap kafir, tetapi juga akan menerima azab yang lebih berat daripada Yahudi dan Nasrani. Seorang ulama besar mereka Muhammad Hasan al-Najafi menyatakan dalam kitabnya “الكلام جواهر”:

فَمِنْشأَ هَذَا الْقَوْلُ مِنَ الْقَاتِلِ بِهِ اسْتِفَاضَةُ النَّصُوصِ وَتَوَاتِرُهَا بِكُفَّرِ

الْمُخَالَفِينَ وَأَنَّهُمْ مُجْوَسٌ هَذِهِ الْأُمَّةُ وَشَرٌّ مِنَ الْيَهُودِ وَالنَّصَارَىِ

“Punca pendapat ini dikeluarkan oleh ulama yang memperkatakan ialah disebabkan nas-nas yang banyak hingga ke peringkat mutawatir menyatakan bahawa orang yang menyalahi iktikad Syiah Imamiyah (*al-Mukhalifin*<sup>8</sup>) adalah kafir, dan mereka adalah Majusi umat ini. **Malah nasib mereka di akhirat lebih buruk daripada Yahudi dan Nasrani.**”

Segala ibadat juga tidak sah kerana tidak beriman dengan *al-Wilayah*, seperti yang ditegaskan oleh Abu al-Qasim al-Khuie:

تَكْفِينَا بَعْدَ إِجْمَاعِ الْمُحَقِّقِ كَمَا عَرَفَ النَّصُوصُ الْكَثِيرَةُ

الْدَّالَّةُ عَلَى بَطْلَانِ الْعِبَادَةِ مِنْ دُونِ الْوَلَايَةِ

“Selain daripada ijmak yang jelas seperti yang diketahui, terdapat dalil-dalil yang banyak dan menunjukkan sebagai hujah yang mencukupi terbatal ibadat tanpa iktikad dengan *al-Wilayah*.

<sup>8</sup> Dalam kitab-kitab Syiah, istilah “*al-Mukhalifin*” dan “*al-Ammah*” bermaksud Ahli Sunnah. Ini dinyatakan oleh ulama mereka yang bergelar Ayatollah al-Uzma Muhammad Said al-Hakim dalam kitabnya *المحكم في أصول الفقه*

“(الظاهر أن المراد بالعامة المخالفون الذين يتولون الشیخین ويرون شرعیة خلافتهم...)”

Maksudnya: “Adalah nyata bahawa yang dimaksudkan dengan “*al-Ammah*” ialah golongan yang menyalahi Syiah dengan mengiktiraf kepimpinan Abu Bakar dan Umar”. Satu lagi istilah yang dipakai untuk Ahli Sunnah ialah “*al-Nasib*” yang berasal daripada ungkapan “نَاصِبُ الْعَدَاءِ لِعَلِيٍّ” (yang bermusuh dengan Saidina Ali). Bagi mereka, mengiktiraf kesahihan tiga Khulafa al-Rasyidin bermakna bermusuhan dengan Saidina Ali Karamallahu Wajhah. Sementara gelaran “*al-Khasah*” pula untuk mereka.

## AL-RAJ'AH “الرجعة“ DAN AL-GHAIBAH “الغيبة“

“الغيبة” merupakan akidah yang asas dalam mazhab Syiah. Mereka beriktikad bahawa imam yang kedua belas Muhammad bin al-Hasan mengalami dua keghaiban iaitu: “*ghaibah shoghiri*” (ghaib kecil) dan “*ghaibah kabiri*” (ghaib besar).

Ghaib kecil berlaku pada tahun 260 hijrah sewaktu umurnya sekitar empat tahun dan berterusan selama tujuh puluh empat tahun. Dalam masa ghaib kecil ini, imam boleh dihubungi oleh pengikut Syiah melalui perantara yang digelar “*al-Bab*” (**pintu saluran untuk berhubung dengan imam**). Antara peranan *al-Bab* ialah menerima soalan-soalan daripada pengikut-pengikut Syiah dan mendapatkan jawapan daripada al-Imam al-Ghaib, di samping menerima harta orang Syiah bagi pihak imam. Orang pertama yang bertindak sebagai *al-Bab* ialah Uthman bin Said al-Umri, seorang saudagar minyak. Kitab “*al-Ghaibah*” karangan al-Thusi menceritakan berbagai-bagai karamah dan sifat-sifat luar biasa tentangnya. Kemudian diganti oleh beberapa perantara lain selepasnya dengan wasiat daripada perantara yang terdahulu hingga kepada “*al-Bab*” yang terakhir iaitu Ali bin Muhammad al-Samiri yang meninggal dunia pada tahun 329 hijrah.

Al-Tubrusi dalam kitabnya “*I'lamlul Wara*” menyebut riwayat yang menyatakan bahawa al-Samiri sebelum meninggal dunia memberitahu pengikut-pengikut Syiah tentang satu “*tauqik*” (**Risalah**) daripada imam memaklumkan yang dia (**al-Samiri**) akan mati dalam masa enam hari dan memintanya tidak mewasiatkan kepada sesiapa sebagai “*al-Bab*” selepasnya kerana keghaiban yang sempurna (**al-Ghaibah al-Kubra**) akan berlaku di mana imam tidak lagi boleh dihubungi oleh sesiapa. Sebarang persoalan selepas ini hendaklah dirujuk kepada ulama mujtahid Syiah yang berperanan sebagai naib kepada al-Imam al-Ghaib. Imam yang ghaib ini mereka namakan “*al-Mahdi al-Muntazar*”, “*Sahibu Zaman*”, “*al-Qaimul Hujah*” – akan lahir di akhir zaman setelah diizinkan oleh Allah untuk keluar. Kemunculan semula Imam Mahdi ini dipanggil “*ar-Raj'ah*”. Selain daripada Imam Mahdi, akan lahir juga imam-

imam yang lain serta musuh-musuh mereka yang terdiri daripada kaum Quraisy. Khususnya Saidina Abu Bakar dan Umar untuk menerima balasan atas apa yang mereka panggil “kezaliman” terhadap Ahli Bait. Antara azab yang diterima oleh Saidina Abu Bakar dan Umar ialah seperti yang terdapat dalam riwayat yang disebut oleh Nikmatullah al-Jazairi dalam “الأنوار النعيمية”:

ثُمَّ يُصْلِبُهُمَا عَلَى الشَّجَرَةِ، وَيَأْمُرُ نَارًا تَخْرُجُ مِنَ الْأَرْضِ تُحْرَقُهَا  
وَالشَّجَرَةِ، ثُمَّ يَأْمُرُ بِهَا فِي قِتَالٍ فِي كُلِّ يَوْمٍ وَلِيلٍ أَلْفَ قَتْلَهُ وَيُرِدُّهُ  
إِلَى أَشَدِ الْعَذَابِ

*“Kemudian Imam Mahdi menyalib kedua-duanya (Abu Bakar dan Umar) pada pokok dan memerintahkan api keluar dari bumi membakar kedua-duanya dan pokok... kemudian Imam Mahdi meminta supaya didatangkan kedua-duanya (setelah dihidupkan semula) lalu dibunuh seribu kali dalam sehari semalam. Seterusnya dikembalikan kepada azab yang sangat pedih.”*

Manakala Saidatina Aisyah pula menurut “Tafsir al-Sof” karangan al-Faidh al-Kashani – akan dihidupkan semula dan dikenakan hukuman sebat sebagai hukuman *had*.

Riwayat-riwayat di atas dan seumpamanya yang begitu banyak dalam kitab-kitab *Syiah* mencerminkan betapa mendalamnya dendam kesumat penganut *Syiah* terhadap para sahabat Rasulullah SAW dan Ahli Sunnah sebagai pewaris sebenar Islam seperti yang dibawa oleh Rasulullah SAW.

Malah al-Kulaini dalam “al-Kaafi” membawa satu riwayat daripada Jaafar bin Muhammad yang menyatakan bahawa kelahiran Imam Mahdi mereka adalah sebagai pembawa seksaan:

إِنَّ اللَّهَ بَعَثَ مُحَمَّدًا صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ رَحْمَةً، وَيَبْعَثُ الْقَائِمَ  
نَقْمَةً

“Sesungguhnya Allah mengutuskan Nabi Muhammad SAW pembawa rahmat dan membangkitkan Imam Mahdi membawa seksaan.”

Berikut ini beberapa petikan tulisan ulama Syiah mengenai akidah *ar-Raj'ah* : Muhamad Reda Kharsani dalam kitabnya “النَّجْعَةُ فِي الرَّجْعَةِ”:

**وَقَدْ أَطْلَعْتُ عَلَى سَمَائِهِ وَعَشْرِينَ حَدِيثًا فِي الرَّجْعَةِ**

“Aku telah membaca enam ratus dua puluh hadis mengenai *ar-Raj'ah*”

Menurut Alhar al-Aamili dalam “الإيقاظ من الهجعة بالبرهان على الرجعة”:

إن ما يزيد على سبعين كتابا قد صنفها علماء الإمامية في  
أثبات الرجعة

“Sesungguhnya terdapat lebih daripada tujuh puluh kitab telah ditarik oleh ulama Syiah Imamiyah bagi menyatakan kebenaran *al-Raj'ah*.”

Sementara Ali Hasan Hanizi menyatakan dalam “al-Dakwah al-Islamiyah” :

وَأَمَّا الرَّجْعَةُ: ظَهُورُ الْإِمَامِ الثَّانِي عَشْرَ، وَامْتِلَاءُ الْأَرْضِ بِهِ قِسْطَا  
وَعَدْلًا بَعْدَ أَنْ مَلَّتِ ظُلْمًا وَحُورًا فَهُوَ صَحِيحٌ مِنْ لَوَازِمِ مَذْهَبِ  
الإِمامِيَّةِ

“Adapun *al-Raj'ah* : ia bererti kemunculan semula imam kedua belas bagi menyebarkan keadilan di muka bumi setelah dipenuhi dengan kezaliman. Maka ia adalah benar dan merupakan kepercayaan yang tidak dapat dipisahkan dari pada Mazhab Imamiyah”

Khomeini dalam “*al-Hukumah al-Islamiyah*” menyatakan :

*“Telah berlaku ghaibah kubra bagi imam kita Mahdi sejak lebih seribu tahun dan mungkin beribu tahun akan datang sebelum tiba keperluan menghendaki kemunculan yang ditunggu-tunggu itu.”*

Al-Kulaini dalam “*al-Kafi*” membawa satu riwayat daripada Ibnu Jaafir al-Baqir katanya :

إِنَّ الْجَاحِدَ لِصَاحِبِ الزَّمَانِ كَالْجَاحِدِ لِرَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ

*“Orang yang mengingkari sohibu zaman (kewujudan dan kemunculan Imam Mahdi) adalah sama dengan orang yang tidak percaya kepada Rasulullah SAW.”*

Akidah *ghaibah* ini dibina atas kepercayaan bahawa pada setiap zaman wajib ada imam. Al-Kulaini yang bergelar “*Thiqatul Islam*” mengkhususkan satu bab dalam kitabnya “*al-Kafi*” yang memuatkan riwayat-riwayat berkaitan dengan kepercayaan ini:

باب إِنَّ الْأَرْضَ لَا تَخْلُو مِنْ حِجَةٍ

*“Bab pada menyatakan bahawa bumi tidak boleh sunyi daripada hujah.”*

Satu riwayat daripada Jaffar al-Sodiq katanya :

لَوْ بَقِيتِ الْأَرْضُ بِغَيْرِ إِمَامٍ لَسَاخْتَ

*“Jika pada satu-satu ketika tiada imam di bumi ini, pasti ia dengan segala isinya akan tenggelam”*

Dalam membina akidah *Imamiyah*, para perancang mazhab *Syiah* telah menetapkan beberapa sifat yang dikatakan sebagai tanda

yang mesti ada pada seseorang imam. Antara sifat-sifat tersebut seperti yang terdapat dalam kitabnya “*al-Kafi*” ialah:

- Seseorang imam tidak mati sehingga dia berwasiat kepada imam selepasnya.
- Ia mestilah anak paling tua bagi imam yang ada (syarat ini mereka kecualikan pada Hassan dan Hussin).
- Seseorang imam itu mesti dimandikan jenazahnya oleh imam berikutnya.
- Mesti sepadan dengannya baju besi (*dir 'un*) Rasul SAW.
- Mesti ada padanya senjata Rasul SAW yang kedudukannya dianggap sama dengan “*al-Tabut*” bagi Bani Israil.
- Imam mestilah seseorang yang paling alim dan paling berani.
- Imam mengetahui apa yang telah berlaku dan akan berlaku. Tidak tersembunyi baginya sesuatu apa pun.
- Ada pada imam semua kitab Allah yang terdahulu dan ia mengetahuinya dalam kepelbagaiannya bahasa kitab tersebut.

Inilah antara sifat-sifat yang dikatakan perlu ada pada seorang imam. Pada realitinya, tidak semua sifat tersebut ada pada kebanyakan orang yang mereka anggap sebagai imam. Walau bagaimanapun, ulama *Syiah* berjaya menggunakan berbagai-bagi takwilan bagi menangkis kemosykilan yang dikemukakan oleh pengikut-pengikut mereka berkaitan dengan persoalan ini. Namun demikian, mereka berhadapan dengan satu keadaan yang sangat genting dalam menegakkan akidah *Imamiyah* ini apabila imam mereka yang kesebelas, al-Hasan bin Ali al-Askari meninggal dunia tanpa mempunyai anak. Dalam keadaan ini, bukan sahaja *Imamah* imam yang kesebelas ini akan terbatal tetapi juga akan menyebabkan seluruh asas yang mereka bina di atasnya akan runtuh. Natijahnya *Imamah* imam-imam sebelumnya juga akan terbatal kerana mereka lahir yang meletakkan asas-asas ini. Menurut

al-Nubajini seorang ulama dan ahli falsafah *Syiah* terkemuka, pengikut *Syiah* kebingungan selepas kematian al-Hasan dan berpecah kepada beberapa mazhab. Akhirnya bagi menyelesaikan kemelut ini dan memastikan akidah *Imamah* tidak terkubur, satu kumpulan iaitu kumpulan imam dua belas mengatakan bahawa al-Hasan mempunyai anak yang tersebunyi yang diberi nama Muhammad. Bapanya sempat berwasiat kepadanya sebagai imam selepas kematiannya. Kemudian berlaku kisah-kisah keghaiban seperti yang dipaparkan sebelum ini. Cerita rekaan ini telah berjaya menjamin penerusan doktrin *Imamah Syiah* dan menyelamatkannya daripada kehancuran. Inilah kisah di sebalik akidah rekaan yang dijadikan garisan pemisah antara iman dan kufur oleh *Syiah Imamiyah Isna Ashriyah*. Apa pandangan anda?



### PANDANGAN SYIAH TERHADAP SAHABAT RASULULLAH SAW

Dengan kedudukan *Imamah* yang begitu penting dalam Mazhab *Syiah* beserta pengertian yang tersendiri, sudah tentu ia mempengaruhi pandangan mereka terhadap para sahabat Ridhwanullah, al-Quran, Sunnah dan apa sahaja yang berkaitan dengan Islam. Perbuatan mengkafirkan *Khulafa al-Rasyidin* dan para sahabat, memaki dan melaknat mereka menjadi sebahagian daripada asas agama yang dipanggil “*al-Bara’ah min A’daai Ahli Bait*” (**membersihkan diri daripada musuh-musuh Ahli Bait**). Malah, perbuatan melaknat para sahabat, khususnya Saidina Abu Bakar dan Umar dianggap satu bida yang besar<sup>9</sup>. Iniialah disebabkan

<sup>9</sup> Oleh kerana berlaku banyak laknat terhadap para sahabat diulang dalam kitab-kitab mereka, maka ia diringkaskan dengan (ع) yang bermaksud (laknatullah)

dakwaan mereka bahawa para sahabat telah membela kangkan nas dengan melakukan syura di *Saqifah Bani Saadah* dan memilih Abu Bakar sebagai khalifah.

Berikut ini diperturunkan tulisan para ulama *Syiah* serta nas-nas yang mereka gunakan dalam melaknat para sahabat:

Muhammad Baqir al-Majlisi yang bergelar “*Khatimah al-Muhaddithin*” dalam kalangan penganut *Syiah* menyebut dalam “*بحار الأنوار*”:

**الأَخْبَارُ الدَّالَّةُ عَلَى كُفَّرِ أَبِي بَكْرٍ وَعُمَرَ وَأَصْرَابِهَا، وَثَوَابُ لِعْنِيهِمْ  
وَالْبَرَاءَةُ مِنْهُمْ أَكْثَرُ مِنْ أَنْ يُذَكَّرَ فِي هَذَا الْمَجْلِدِ**

“Sesungguhnya hadis-hadis yang menunjukkan kekufuran Abu Bakar dan Umar dan yang seumpama keduanya, dan pahala melaknat mereka serta membersihkan diri dari mereka adalah lebih banyak daripada yang mampu disebut dalam kitab ini...”

Al-Syaikh al-Mufid menulis dalam “*أوائل المقالات*”:

**وَاتَّفَقَتِ الْإِمَامَيْةُ وَكَثِيرٌ مِنَ الزَّادِيَّةِ عَلَى أَنَّ الْمُتَقْدِمِينَ عَلَى أَمِيرِ  
الْمُؤْمِنِيْنَ – عَلَيْهِ وَسَلَّمَ – ضَلَالٌ فَاسِقُونَ، وَأَنَّهُمْ بِتَأْخِيرِهِمْ أَمِيرٌ  
الْمُؤْمِنِيْنَ عَلَيْهِ السَّلَامُ عَنْ مَقَامِ رَسُولِ اللَّهِ صَلَوَاتُ اللَّهِ عَلَيْهِ وَآلِهِ  
عَصَاهُ ظَالِمُونَ، وَفِي النَّارِ بِظُلْمِهِمْ مَخْلُدُونَ**

“Seluruh ulama Imamiyah dan ramai daripada kalangan Ulama Zaidiyah telah sepakat mengatakan bahawa khalifah-khalifah yang mendahului Amirul Mukminin (Ali) adalah orang-orang yang sesat dan fasik, dan tindakan mereka melewatkhan Amirul Mukminin daripada kedudukan yang ditentukan oleh Rasulullah SAW menjadikan mereka orang-

*orang yang derhaka lagi zalim dengan kezaliman tersebut mereka akan kekal dalam neraka.”*

Berkata Muhamad al-Redha al-Redwa yang mereka gelar dengan “al-‘Allamah” dalam “Kazibu Ala Syiah”:

أَمَا بِرَاعْتَنَا مِنَ الشَّيْخِينَ – أَبِي بَكْرٍ وَعُمَرَ – فَذَاكُ مِنْ ضَرُورَةِ  
دِينِنَا، وَهِيَ إِمَارَةٌ شَرِيعَةٌ عَلَى صَدْقِ مَحْبِبِنَا لِإِمامَنَا

*“Adapun pembersihan diri kita daripada dua Syeikh – Abu Bakar dan Umar – maka ia sebahagian daripada pegangan asas dalam agama kita, dan merupakan tanda syarie menunjukkan kebenaran kasih kita kepada imam.”*

Ia seterusnya menyifatkan Khulafa al-Rasyidin sebagai penyembah berhala :

إِنْ مَا لَا يَخْتَلِفُ فِيهِ اثْنَا مِنْ هُنَّ عَلَى وَجْهِ الْأَرْضِ أَنَّ الْثَّالِثَةَ  
الَّذِينَ هُنَّ فِي طَلِيَّةِ الصَّحَابَةِ كَانُوا عَبْدَةً أَوْثَانَ حَتَّى لَفَظُوا آخِرَ  
أَنفَاسِهِمْ

*“Sesungguhnya antara perkara yang tidak dipertikaikan hatta oleh dua orang yang ada di atas bumi ini ialah bahawa tiga orang dari para sahabat terkemuka adalah merupakan penyembah-penyembah berhala sehingga mereka menghembuskan nafas yang akhir.”*

Bagi memperdalamkan rasa kebencian umat Syiah kepada dua khalifah Islam secara khusus – Saidina Abu Bakar dan Saidina Umar R.Anhuma – mereka mengarang doa yang dinamakan “دعاء لعن صنم قريش” (doa melaknat dua berhala Quraisy<sup>10</sup>). Bahagian awal doa yang agak panjang ini berbunyi :

<sup>10</sup> Disebabkan kebencian yang mendalam terhadap dua khalifah Islam ini, ulama Syiah dalam kitab-kitab mereka jarang menyebut nama kedua-duanya. Sebaliknya dirujukkan dengan gelaran-gelaran keji seperti: الحبْتُ وَالطَّاغُوتُ، عَجَلَ الْأَمَةَ وَالسَّامِرَى، الرَّجَلَانِ وَفَرْعَوْنَ وَهَامَانَ وَنَمَرُودَ

اللهم العن صنمی قریش، وجبتیها وطاغوتیها، وافکیها وابنتیهما،  
الذین خالفا أمرک، وأنکر اوحیک، وعصیا رسولک، وقلبا دینک  
وحرفا کتابک

*“Allahumma turunkan laknat-Mu ke atas dua berhala Quraisy, dua pengkhianat dan thaghutnya, dua pendustanya dan dua anak perempuan keduanya yang telah menyalahi perintah-Mu, mengingkari wahyu-Mu, mengkufuri nikmat-Mu, menderhakai rasul-Mu, menukar agama-Mu, menyelewengkan kitab-Mu...”*

Seorang ulama besar mereka al-Tabrasi ketika menjelaskan kelebihan dalam membaca doa ini menyatakan dalam “فصل الخطاب”:

*“Sesungguhnya orang yang berdoa dengan doa ini pahalanya sama dengan orang yang melontar sejuta anak panah bersama Nabi SAW dalam peperangan Badar dan Hunain”*

Aqa Bozorq al-Tehrani dalam “**al-Zari’ah**” menyenaraikan sembilan kitab yang mensyarahkan doa *sanam-e-quraisy* di sepanjang zaman ini menunjukkan ia begitu penting dalam kalangan penganut Syiah. Mereka juga membawa riwayat palsu mengatakan Saidina Ali Karamallahu Wajhah senantiasa mengekalkan membaca doa ini siang dan malam dan juga dalam doa qunutnya. Seperti yang disebut oleh ulama mereka Ali bin Abdul Aal al-Karki dalam “نفحات الالهوت في لعن الجب والطاغوت”:

Bagi membuktikan bahawa pandangan terhadap para sahabat ini merupakan pandangan Syiah di sepanjang zaman dan bahawa cakap-cakap yang lain daripada itu adalah “**taqiyyah**” belaka. Saya perturunkan tulisan Khomeini yang merupakan rujukan Syiah yang terbesar zaman ini dalam kitabnya yang tersebar luas “**كشف الأسرار**”.

“Sesungguhnya kita tiada kaitan dengan Syaikhaini (Abu Bakar dan Umar) dan apa yang dilakukan oleh kedua-duanya iaitu menyalahi al-Quran, mempermain-mainkan hukum Allah, menghalal dan mengharamkan dengan sesuka hati dan tindakan-tindakan zalim yang mereka lakukan...”

Khomeini kemudian meneruskan serangan terhadap khalifah-khalifah Islam yang lain dengan katanya :

أَنْ مُثِلْ هُؤُلَاءِ الْأَفْرَادِ الْجَهْلِ الْحَمْقِيِّ وَالْأَفَاكِونِ وَالْجَائِرُونَ غَيْرِ  
جَدِيرِينَ بِأَنْ يَكُونُوا فِي مَوْقِعِ الْإِمَامَةِ، وَأَنْ يَكُونُوا ضَمِّنَ  
أُولَى الْأَمْرِ

“Sesungguhnya orang-orang seperti mereka yang jahil, bodoh, pendusta dan zalim tidak layak untuk berada di kedudukan kepimpinan dan menjadi sebahagian daripada golongan pemerintah.”

Pandangan demikian terhadap para sahabat Riduanullahu Alaihim merupakan satu pendustaan terhadap ayat-ayat dan hadis-hadis yang banyak memuji dan menyatakan keredhaan Allah Taala terhadap mereka seperti firman Allah dalam surah al-Taubah ayat 100:

وَالسَّابِقُونَ الْأَوَّلُونَ مِنَ الْمُهَاجِرِينَ  
وَالْأَنْصَارِ وَالَّذِينَ أَتَّبَعُوهُمْ بِإِحْسَانٍ رَّضِيَ اللَّهُ عَنْهُمْ وَرَضُوا عَنْهُ ...

Surah At-Taubah 9:100

“Orang-orang yang terdahulu dan terawal (masuk Islam) daripada kalangan Muhajirin dan Ansar dan orang-orang yang mengikuti mereka dengan baik, Allah redha kepada mereka dan mereka pun redha kepada Allah...”

Redha Allah adalah sifat yang *qadim* dan tidak akan berubah (**Sadaqa Allah wa Kazaba Syiah**) “*Benarlah Allah Subhanahu wa ta’ala wa kazaba Syiah.*”

Antara hadis-hadis yang menerangkan kelebihan dan martabat para sahabat ialah sabda Rasul SAW:

إِنَّ اللَّهَ تَعَالَى اخْتَارَ أَصْحَابِي عَلَى الْعَالَمِينَ سُوْى النَّبِيِّينَ  
وَالْمُرْسَلِينَ<sup>١١</sup>

*“Sesungguhnya Allah Ta’ala memilih sahabat-sahabatku dan melebihkan mereka ke atas sekalian alam selain daripada nabi-nabi dan rasul-rasul.”*

Dalam sebuah hadis yang lain, Rasulullah SAW bersabda:

خَيْرُ النَّاسِ قُرْنَى، ثُمَّ الَّذِينَ يَلُونُهُمْ، ثُمَّ الَّذِينَ يَلُونُهُمْ

*“Orang Islam yang terbaik ialah mereka yang berada pada zamanku, kemudian zaman yang selepasnya dan seterusnya zaman yang selepasnya.”*

Dengan kedudukan sahabat yang begitu rupa dalam mazhab Syiah, tentulah tiada tempat untuk memperkatakan mengenai “**Adalatus Sahabah**” yang ijmak Ahli Sunnah mengenainya. Kepercayaan kepada *Adalatus Sahabah* (keadilan para sahabat) adalah sangat penting kerana ia berkait langsung dengan kepercayaan kepada al-Quran dan al-Sunnah.

Bagaimana kita boleh mempercayai kebenaran al-Quran dan al-Sunnah jika orang-orang yang bertanggungjawab mengumpul dan menyampaikan kepada kita adalah orang-orang yang fasik, pembohong, zalim dan kafir?

Para sahabat Ridhuanullahu Alaihim adalah saksi-saksi utama kepada kebenaran al-Quran dan al-Sunnah. Membatalkan

---

رواه البزار 11

kepercayaan terhadap saksi, bermakna dan bertujuan membatalkan kepercayaan terhadap yang disaksikan seperti yang dinyatakan oleh al-Hafiz Abu Zur'ah ar-Razi:

إِذَا رأَيْتُ الرَّجُلَ يَنْتَقِصُ أَحَدًا مِّنْ أَصْحَابِ رَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فَاعْلَمْ أَنَّهُ زَنْدِيقٌ، لَأَنَّ الرَّسُولَ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ حَقَّ، وَالْقُرْآنُ حَقٌّ، وَإِنَّمَا أَدَى إِلَيْنَا هَذَا الْقُرْآنُ وَالسُّنْنَ أَصْحَابُ رَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ، وَإِنَّمَا يَرِيدُونَ أَنْ يَجْرِيَوْا شَهُودَنَا لِيُبَطِّلُوا الْكِتَابَ وَالسُّنْنَةَ، وَالْجُحْ بِهِمْ أُولَئِكَ، وَهُمْ زَنَادِقَةٌ<sup>12</sup>

*“Jika kamu lihat orang merendahkan salah seorang daripada sahabat-sahabat Nabi SAW, maka ketahuilah bahawa ianya seorang zindik (munafik) kerana Rasulullah SAW adalah benar dan al-Quran juga benar. Sesungguhnya yang menyampaikan kepada kita al-Quran dan al-Sunnah adalah para sahabat Rasulullah SAW. Mereka sebenarnya ingin menghilangkan kepercayaan kepada saksi-saksi kita untuk membatalkan keyakinan kepada al-Quran dan al-Sunnah. Merekalah yang lebih utama tidak boleh dipercayai dan mereka sebenarnya adalah golongan zindik.”*

Ibn Kathir menyatakan :

وَمَنْ ظَنَّ بِالصَّحَابَةِ رَضْوَانَ اللَّهِ عَلَيْهِمْ ذَلِكَ (كُتْمَانُ الْوَصِيَّةِ لِعَلِيٍّ  
بِالخَلْفَةِ) فَقَدْ نَسَبُوهُمْ بِأَجْمَعِهِمْ إِلَى الْفَجُورِ وَالتَّوَاطُؤِ عَلَى مَعَانِدَةِ  
رَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ وَمُضَادَتِهِ فِي حُكْمِهِ وَنَصِّهِ وَمَنْ  
وَصَلَّ مِنَ النَّاسِ إِلَى هَذَا الْمَقَامِ فَقَدْ خَلَعَ رِبْقَةَ الْإِسْلَامِ وَكَفَرَ  
بِإِجْمَاعِ الْأُمَّةِ<sup>13</sup>

12 الكفاية في علم الرواية، «للخطيب البغدادي»

13 التمهيد لما في الموطأ من المعاني والأسانيد، الابن عبد البر

*“Sesiapa yang mengatakan para sahabat melakukan demikian (menyembunyikan wasiat Rasulullah SAW melantik Saidina Ali sebagai khalifah) maka bermakna ia telah menuduh mereka seluruhnya sebagai fasik, bersekongkol mengingkari Rasulullah SAW dan menentang Baginda SAW pada apa yang telah dihukum dan nas olehnya. Sesiapa daripada manusia yang sampai ke peringkat ini maka sesungguhnya ia telah menanggalkan ikatan Islam, dan menjadi kafir dengan ijmak sekalian ulama.”*

## PANDANGAN SYIAH TERHADAP AL-QURAN

Ulama Islam telah ijmak mengatakan bahawa al-Quran yang diturunkan oleh Allah SWT kepada Rasul-Nya SAW yang terpelihara dengan jaminan Allah Taala, ialah al-Quran yang ada di tangan umat Islam di sepanjang zaman. Sesiapa yang beriktiad bahawa ia telah ditambah, dikurangkan atau diubah dan diselewengkan maka ia menjadi kafir dan terkeluar daripada agama Islam. Ibn Abdul al-Bar menyatakan :

**وأجمع العلماء أن ما في مصحف عثمان وهو الذي بآيدي المسلمين اليوم في أقطار الأرض حيث كانوا هو القرآن المحفوظ  
الذي لا يجوز لأحد أن يتتجاوزه<sup>١٤٥</sup>**

*“Ulama Islam telah ijmak mengatakan bahawa apa yang ada di dalam mashaf Uthman iaitu yang ada di tangan umat Islam hari ini di mana sahaja mereka berada, ialah al-Quran yang terpelihara dan tidak halal bagi sesiapa pun meninggalkannya.”*

Al-Qadi Ibad berkata dalam “الشفاء”:

---

البداية والنهاية 14

اعلم أن من استخف بالقرآن أو كذب به، أو بشيء منه أو كذب  
بشيء مما صرخ به فيه من حكم أو خبر أو أثبتت ما نفاه، أو  
نفي ما أثبتته على علم منه بذلك، أو شك في شيء من ذلك فهو  
كافر عند أهل العلم بإجماع

*“Ketahuilah bahawa sesiapa yang mempersendakan al-Quran atau mashaf, atau sesuatu daripadanya atau mendustakan al-Quran atau sesuatu daripadanya atau mendustakan sesuatu hukum atau khabar yang diterangkan dengan jelas atau mensabitkan apa yang dinafikan atau menafikan apa yang disabitkan oleh al-Quran ataupun ia syak pada sesuatu daripada perkara tersebut, maka ia menjadi kafir dengan ijmak para ulama.”*

Ibn Hazm menyatakan:

من قال إن القرآن نقص من بعد موت النبي صلى الله عليه وسلم حرف، أو زيد فيه حرف أو بدل منه حرف فهو كافر خارج عن دين الإسلام، لأنه خالف كلام الله عز وجل، وسنن رسول الله صلى الله عليه وسلم وإجماع أهل الإسلام<sup>15</sup>

*“Sesiapa yang berkata bahawa berlaku kekurangan satu huruf pada al-Quran selepas kewatafan Nabi Muhammad SAW atau ditambah padanya satu huruf atau ditukar satu huruf... maka sesungguhnya ia menjadi kafir dan terkeluar daripada agama Islam, kerana ia telah menyalahi firman Allah Azza wa Jalla, hadis-hadis Nabi SAW dan ijmak ulama Islam.”*

---

الدراة فيها يجب اعتقاده 15

Demikianlah akidah Ahli Sunnah tentang al-Quran yang ada pada tangan umat Islam hari ini. Tetapi golongan *Rafidhah* yang telah menjadikan “***Mukhalafah al-Ammah***” (menyelisihi Ahli Sunnah) salah satu prinsip asasnya berpendapat sebaliknya. Mereka mengatakan bahawa al-Quran telah diselewengkan dan diubah serta dikurangkan. Orang yang mengumpulkan al-Quran seperti yang diturunkan oleh Allah Taala hanyalah Saidina Ali Karamallahu wajhah. Baginda telah menzahirkan sekali sahaja untuk menjadi hujah ke atas para sahabat sebelum menyembunyikannya. Kemudian Baginda menyerahkannya sebelum meninggal dunia kepada anaknya al-Hassan. Selepas itu al-Hussin, seterusnya kepada imam-imam berikutnya sehingga sampai kepada Imam Dua Belas yang dikatakan ghaib dan membawa bersamanya al-Quran yang “**hakiki**”. “**Al-Quran**” ini akan dizahirkan ketika kemunculannya yang ditunggu-tunggu itu.

Berikut ialah nukilan tulisan-tulisan ulama Syiah mengenai dakwaan berlaku penyelewengan pada al-Quran :

Nikmatullah al-Jazairi (512M) menyebut dalam “الأنوار النعانية”:

إِنَّ الْأَصْحَابَ قَدْ أَطْبَقُوا عَلَى صَحَّةِ الْأَخْبَارِ الْمُسْتَفِيَّةِ، بَلْ  
الْمُتَوَاتِرَةِ الدَّالَّةِ بِصَرِيحَهَا عَلَى وقْوَاعِدِ التَّحْرِيفِ فِي الْقُرْآنِ

“Sesungguhnya ulama Syiah sepakat mengatakan bahawa hadis-hadis yang diriwayatkan secara luas, malah mutawatir adalah sahih yang menunjukkan dengan terang berlaku perubahan pada al-Quran...”

Abu al-Hasan as-Syarif dalam tafsirnya “مرءاة الأنوار” menyebut:

إِنَّ القَوْلَ بِتَحْرِيفِ الْقُرْآنِ مِنْ ضَرُورِيَّاتِ مَذَهَبِ الشَّيْعَ

“Sesungguhnya pandangan bahawa berlaku perubahan pada al-Quran adalah merupakan antara pegangan yang asas dalam mazhab Syiah.”

Seorang ulama besar mereka, al-Husin bin Muhammad al-Nuri al-Tabrisi mengarang kitab khusus bagi membuktikan berlaku perubahan pada al-Quran yang diberi judul:

### فصل الخطاب في إثبات تحريف كتاب رب الأرباب

*“Kepastian kata dalam mensabitkan berlaku perubahan pada kitab ‘Rab al-Arbab’.”*

Dalam mukadimahnya ia menyebut:

هذا كتاب لطيف، وسفر شريف، عملته في إثبات تحريف القرآن، وفضائح أهل الجور والعدوان

*“Ini adalah kitab yang sangat rapi pengolahannya, sebuah karangan yang mulia, aku tuliskan untuk mendedahkan keburukan golongan yang melakukan kezaliman dan tindakan permusuhan.”*

Al-Tabrasi mengemukakan dalil-dalil yang banyak bagi membuktikan dakwaannya. Antaranya ia menyebut:

الدليل الثاني عشر: الأخبار الواردة في الموارد المخصوصة من القرآن الدالة على تغيير بعض الكلمات والأيات والسور بإحدى الصور المتقدمة، وهي كثيرة جداً، حتى قال السيد نعمة الله الجزائري: أن الأخبار الدالة على ذلك تزيد على ألفي حديث، وادعى استفاضتها جماعة كالمفید، والمحقق الدمامي والعلامة المجلسي وغيرهم واعلم أن تلك الأخبار منقوله من الكتب المعترفة التي عليها معول أصحابنا في إثبات الأحكام الشرعية

*“Dalil kedua belas : Hadis-hadis yang diriwayatkan yang menyebut tempat-tempat tertentu dalam al-Quran menunjukkan berlaku perubahan pada sesetengah kalimah, ayat dan surah dengan salah satu daripada bentuk-bentuk yang disebutkan terdahulu, dan ianya (hadis-hadis) sangat banyak hingga mendorong al-Sayid Nikmatullah al-Jazairi membuat kenyataan : Bahawa hadis-hadis yang menunjukkan berlaku perubahan pada al-Quran melebihi dua ribu hadis dan sekumpulan ulama seperti al-Mufid, al-Muhaqqiq, al-Dimad, al-Alamah al-Majlisi dan lain daripada mereka mendakwa hadis-hadis berkenaan diriwayat secara meluas. Ketahuilah hadis-hadis tersebut diambil daripada kitab-kitab muktabar yang menjadi pegangan ulama kita dalam menetapkan hukum-hukum syarak.”*

Mengenai cara mengumpul al-Quran, al-Kulaini menyebut riwayat daripada Jaafar katanya:

ما ادعى أحد من الناس أنه جمع القرآن كله كما أنزل إلا كذب،  
وما جمعه وحفظه كما نزله الله إلا علي (ع) والأئمة من بعده  
(ع)

*“Sesiapa mendakwa bahawa ia mengumpul al-Quran semuanya seperti yang diturunkan, dakwaannya adalah dusta. Tiada setiap yang mengumpul dan memeliharanya seperti yang diturunkan oleh Allah melainkan Ali dan imam-imam selepasnya.”*

Al-Tabrasi menyebut dalam kitabnya “فصل الخطاب” satu riwayat daripada al-Mahdi katanya:

لما انتقل رسول الله صلى الله عليه وسلم من دار الفناء، و فعل  
صثما قريش ما فعلا من غصب الخلافة، جمع أمير المؤمنين

(عليه السلام) القرآن كله ووضعه في إزار وأتى به إليهم وهم في المسجد فقال لهم: هذا كتاب الله أمرني رسول الله صلى الله عليه وسلم أن أعرضه عليكم لقيام الحجة عليكم يوم العرض فقال له عمر – فرعون هذه الأمة ونمرودها –: لسنا محتاجين إلى قرآنك فجمع أبو بكر ومن معه القرآن

*"Ketika Rasulullah SAW meninggal dunia dan dua berhala Quraisy (Abu Bakar dan Umar) telah bertindak merampas jawatan khalifah, Amirul Mukminin mengumpulkan semua al-Quran dan meletakkan dalam kain lalu membawanya kepada para sahabat ketika mereka berada di masjid. Baginda berkata kepada mereka: Ini kitab Allah. Rasulullah SAW menyuruh aku kemukakan kepada kamu semua untuk menjadi hujah ke atas kamu di hari kiamat. Maka berkata Umar – Firaun umat ini dan Namrudnya : - Kami tidak perlu kepada al-Quran kamu, lalu Abu Bakar dan mereka bersama-sama bertindak mengumpul al-Quran..."*

Mengenai sifat al-Quran mereka, al-Kulaini membawa riwayat daripada Jaafar bin Muhammad katanya:

وإن عندنا لمصحف فاطمة (عليها السلام)، وما يدرى بهم ما  
مصحف فاطمة (عليها السلام) مصحف فيه مثل قرآنكم هذا  
ثلاث مرات والله، ما فيه من قرآنكم حرف واحد

*"Dan sesungguhnya di sisi kami ada mashaf Fatimah. Apakah mereka tahu tentang mashaf Fatimah? Mashaf besarnya tiga kali ganda daripada al-Quran kamu ini. Demi Allah, tidak terdapat di dalamnya satu huruf pun daripada al-Quran kamu..."*

Berikut adalah contoh beberapa ayat yang menurut al-Kulaini terdapat dalam al-Quran mereka (**perkataan kurungan ini adalah daripada tambahan mereka**):

”وَمَنْ يُطِعِ اللَّهَ وَرَسُولَهُ، (فِي وِلَايَةِ عَلِيٍّ وَالْأَئمَّةِ مِنْ بَعْدِهِ)  
فَقَدْ فَازَ فَوْزًا عَظِيمًا“ (الأحزاب: ٧١)

“Dan (ingatlah) sesiapa yang taat kepada Allah dan Rasul-Nya (**dalam kepimpinan umat oleh Saidina Ali dan imam-imam selepasnya**), maka sesungguhnya ia telah berjaya mencapai sebesar-besar kejayaan.”

Surah al-Ahzab (71)

”سَأَلَ سَائِلٌ بِعَذَابٍ وَاقِعٍ لِّلَّكَافِرِينَ (بِوْلَايَةِ عَلِيٍّ)  
لَيْسَ لَهُ دَافِعٌ“ (المعارج: ١-٢)

“Salah seorang (dari kalangan orang-orang kafir Makkah secara mengejek-ejek) meminta kedatangan azab yang (dijanjikan) akan berlaku, azab yang disediakan untuk orang-orang yang kafir (**mengenai kepimpinan umat pada Saidina Ali**) yang tidak ada sesiapapun dapat menolak kedatangannya.”

Surah al-Ma'arij (1-2)

”وَاهْجُرْهُمْ هَجْرًا جَمِيلًا وَذَرْنِي (يَا مُحَمَّد) وَالْمَكَذِّبِينَ  
(بِوْصِيك) أُولَئِي الْنَّعْمَةِ وَمَهِلْهُمْ قَلِيلًا“ (المزمول: ١٠-١١)

“dan jauhkanlah dirimu dari mereka dengan cara yang baik (**wahai Muhammad**). Dan biarkanlah Aku sahaja membalaas orang-orang yang mendustakan (bawaanmu) itu (**mengenai ketetapan kepimpinan Saidina Ali**), orang-orang yang berada dalam kemewahan, dan berilah tempoh kepada mereka sedikit masa.”

Surah al-Muzammil (10-11)

Memandangkan pendirian mereka yang sedemikian, maka bagaimana pula penganut *Syiah* berurusan dengan al-Quran yang ada pada hari ini? Persoalan ini diperjelaskan oleh an-Nuri al-Tabrasi dalam “**فَضْلُ الْخِطَابِ**” (*Faslul Khitob*):

“Memandangkan telah sah daripada imam kita bahawa mereka menyuruh membaca apa yang ada pada mashaf hari ini, tanpa menambah dan mengurangkan sehingga muncul Imam Mahdi yang akan membaca kepada manusia mengikut apa yang diturunkan oleh Allah dan dikumpulkan oleh Amirul Mukminin. Kita dilarang membaca seperti yang diriwayatkan oleh hadis-hadis kerana jika seseorang membaca berlainan daripada apa yang ada dalam mashaf, ia akan terdedah kepada bahaya daripada mereka yang berlainan akidah. Dan menggalakkan tindakan daripada pihak berkuasa, seterusnya mendedahkan dirinya kepada kebinasaan. Oleh itu, imam-imam melarang kita daripada membaca seperti yang diriwayatkan.”

Kenyataan ini mendedahkan hubungan umat *Syiah* dengan al-Quran yang ada pada hari ini hanyalah bersifat sementara sahaja dan dilakukan atas dasar *taqiyyah*.

Daripada apa yang dipaparkan di atas, maka persoalan yang ingin dikemukakan di sini ialah : Adakah wujud sebarang ruang walau sebesar lubang jarum pun pendekatan antara Ahli Sunnah dan *Syiah*?



## PANDANGAN SYIAH TERHADAP AL-SUNNAH

Al-Sunnah adalah sumber utama yang kedua selepas al-Quran yang diijmak oleh ulama Islam wajib berpegang dengannya dalam menentukan hukum syarak. Di sisi Ahli Sunnah, ia bermaksud : Apa yang diriwayatkan daripada Rasulullah SAW yang terdiri daripada perbuatan, perkataan dan takrir (*perakuan*).

Tetapi, di sisi Syiah bukan sahaja terbit daripada Rasulullah SAW, tetapi juga daripada imam-imam mereka yang *maksum*. Muhammad Reda al-Muzafar menyebut dalam kitabnya “**أصول الفقه**” (*Usul fiqh*):

اما فقهاء الإمامية بالخصوص – فلما ثبت لديهم أن  
المعصوم من آل البيت يجري قوله مجرى قول النبي، في  
كونه حجة على العباد واجب الإتباع فقد توسعوا اصطلاح  
السنة إلى ما يشمل قول واحد من الموصومين أو فعله أو  
تقريره، فكانت السنة باصطلاحكم، قول المعصوم أو  
فعله أو تقريره

*“Adapun ulama fiqh Imamiyah secara khusus. Manakala telah sabit di sisi mereka bahawa setiap Imam maksum daripada Ahli Bait perkataannya sama dengan perkataan nabi daripada segi ayatnya menjadi hujah ke atas sekalian hamba dan wajib diikuti. Maka mereka memperluas istilah Sunnah kepada takrif yang meliputi perkataan setiap Imam maksum, perbuatan dan perakuannya. Maka , istilah Sunnah di sisi mereka ialah perkataan Imam maksum, perbuatan dan perakuannya.”*

Bagi mereka tiada perbezaan sama ada imam-imam tersebut masih di peringkat umur kanak-kanak ataupun dewasa. Oleh yang demikian, mereka menerima apa yang dipanggil hadis “**at-Tauqi’at**” iaitu jawapan bertulis yang dikatakan datang daripada imam kedua

belas semasa “**Ghaibah Sughra**”. Imam ini dikatakan ghaib ketika umurnya sekitar empat atau lima tahun.

Khomeini dalam bukunya “**al-Hukumah al-Islamiyah**” telah menyebut hadis ini ketika berhujah menegakkan teori “**Wilayatul Faqih**” iaitu orang yang layak memerintah umat manusia dalam masa keghiban imam ialah para ulama fiqh daripada kalangan Syiah.

Di halaman 77, Khomeini telah menyebut tentang hadis “**taukiq**” yang dikatakan daripada imam kedua belas yang berbunyi:

*“Adapun hukum mengenai peristiwa-peristiwa yang berlaku, maka hendaklah dirujukkan kepada orang yang meriwayatkan perkataan kami, kerana mereka adalah hujah aku ke atas kamu dan aku adalah hujah Allah.”*

Mengenai syarat bagi seseorang “**rhawi**” (perawi hadis) untuk dapat diterima hadisnya, mereka menambahkan syarat “**al-Iman**” selain daripada “**Islam**”, “**bulugh**” (**baligh**), “**aqal**” (**berakal**), “**adalah**” (**adil**) dan “**dhabtu**” (**cermat/teliti**). Telah dijelaskan sebelum ini makna “**mukmin**” di sisi Syiah ialah seorang yang berpegang dengan akidah *Imamiyah Isna Asyriyah*. Maka natijah yang pasti daripada syarat ini ialah hadis-hadis yang menjadi pegangan Ahli Sunnah tidak ada nilai di sisi Syiah.

وَصُولُ الْأَخْيَارِ إِلَىٰ ”**أصول الأخبار**“

فصحاح العامة كلها وجميع ما يروونه غير صحيح

*“Maka hadis-hadis sahih di sisi Ahli Sunnah semuanya dan hadis yang mereka riwayatkan adalah tidak sahih.”*

Dr Muhamad Tijani al-Samawi dalam “**فَسَأْلَا أَهْلَ الذِّكْرِ**” menyatakan bahawa kitab hadis Bukhari dan kitab-kitab hadis yang lain (yang menjadi pegangan Ahli Sunnah) tidak mempunyai nilai di sisi Syiah.

Berasaskan fakta-fakta yang disebutkan di atas, maka persoalan yang mungkin boleh dikemukakan di sini ialah : Adakah di sana “*lampu ajaib*” yang boleh membantu mendekatkan antara Ahli Sunnah dan *Syiah*?

## PENDIRIAN SYIAH TERHADAP AHLI SUNNAH DAN TAQIYYAH

Sekiranya para sahabat dianggap tidak mukmin dan telah kafir kerana tidak beriman dengan *Imamah Syiah*, maka nasib pengikut Ahli Sunnah tidak perlu diperbahaskan lagi kerana tiada siapa dalam kalangan Ahli Sunnah yang beranggapan mereka lebih baik daripada sahabat atau mendekati martabat sahabat R.A. Namun bagi *Syiah* itu tidak mencukupi untuk melepaskan kebencian dan dendam kesumat mereka terhadap Ahli Sunnah. Mereka malah pergi lebih jauh lagi dengan menghukum orang-orang Islam yang bukan *Syiah* sebagai najis serta harus dibunuhan, diambil harta mereka dan tidak sah sembahyang berimamkan pengikut Ahli Sunnah.



Seseorang ahli hadis mereka yang terkemuka Yusuf al-Bahrani dalam “*al-Hadaiku Nadhirah*”:

والمشهور في كلام أصحابنا المتقدمين هو الحكم بكفرهم  
ونجاستهم، وهو المؤيد بالروايات الإمامية

*“Dan yang masyhur daripada pendapat ulama Syiah yang terdahulu ialah menghukum Ahli Sunnah sebagai kafir, memusuhi Ahli Bait dan najis. Pendapat inilah yang disokong oleh hadis-hadis yang diriwayatkan oleh ahli-ahli hadis daripada kalangan Imamiyah.”*

Al-Khomeini dalam “زبدة الأحكام” menyatakan :

**وأما النواصب والخوارج لعنهم الله تعالى فهما نجسان**

*“Adapun Ahli Sunnah dan Khawarij lakinat Allah ke atas mereka, maka kedua-dua golongan ini adalah najis.”*

Yusuf al-Bahrani dalam kitabnya yang disebut sebelum ini menyatakan:

**وهو الحق الظاهر بل الصريح من الأخبار لاستفاضتها ونکاثرها  
بکفر المخالف ونصبه وشركه وحل ماله ودمه**

*“Ia adalah yang benar lagi zahir, malah jelas daripada hadis-hadis yang masyhur dan banyak menunjukkan orang yang menyalahi Syiah adalah kafir. Memusuhi Ahli Bait, syirik serta halal harta dan darahnya.”*

Al-Har al-Amili dalam “وسائل الشيعة” menyebut bahawa al-Fadhl bin Yasar bertanya kepada Abu Jaafar mengenai hukum menikahi Ahli Sunnah dan sembahyang berimamkan mereka. Abu Jaafar menjawab : لا تناكحه ولا تصل خلفه (Jangan kamu menikahi dan sembahyang berimamkannya).

Ibn Babawaih al-Qummi dalam “من لا يحضره الفقيه” menyebut dalam kitab solat:

**باب عدم جواز الصلاة خلف المخالف في الاعتقادات  
الصحيحة إلا للتقبية، فإنه يستحب لها حضور جماعاتهم  
والقيام معهم في الصف الأول**

*“Bab pada menyatakan hukum tidak harus sembahyang berimamkan orang yang berlainan dalam akidah yang sahif melainkan atas dasar taqiyah. Oleh itu disunatkan atas alasan taqiyah menghadiri solat berjemaah dengan mereka dan berdiri bersamanya di baris hadapan.”*

Adalah jelas penyertaan *Syiah* dalam upacara ibadat bersama Ahli Sunnah dilakukan atas dasar *taqiyah*. Apakah dia “*taqiyah*” dan kedudukannya dalam mazhab *Syiah*? Seorang ulama mereka zaman ini, Muhammad Jawad Maghniyah dalam *الشیعه فی المیزان* menyatakan:

التقية أن تقول أو تفعل غير ما تعتقد لتدفع الضرر عن نفسك  
أو مالك أو لتحفظ بكرامتك

*“Taqiyah ialah engkau mengatakan atau melakukan lain daripada apa yang kamu iktikad untuk menolak mudarat daripada diri atau hartamu atau untuk menjaga kemuliaanmu.”*

Secara sepintas lalu ia tidak lebih daripada hukum rukhsah dalam *Qawaid Fiqhiyyah* yang termasuk di bawah kaedah *الضرورة تبيح المحظورات* (Keadaan darurat mengharuskan perkara yang dilarang). Namun, berdasarkan riwayat-riwayat yang terdapat dalam kitab-kitab hadis seperti *al-Kafi* dan diperakukan oleh ulama mereka. *Taqiyah* adalah satu rukun agama yang penting seperti solat atau lebih besar lagi. Berikut ini ialah nas-nas yang dipetik daripada kitab-kitab mereka:

Ibn Babawaih al-Qummi menyebut dalam “الاعتقادات”:

اعتقادنا في التقية أنها واجبة – من تركها بمنزلة من ترك الصلاة

*“Kita beriktikad bahawa taqiyyah adalah wajib seperti solat, sesiapa yang meninggalkannya seperti meninggalkan solat.”*

Kitab al-Kafi menyebut beberapa riwayat yang kesemuanya dikatakan daripada Imam Jaafar al-Sodiq. Antaranya:

**إِنْ تَسْعَةً اَعْشَارَ الدِّينِ فِي التَّقْيَةِ**

*“Sembilan persepuhl daripada agama adalah taqiyyah”*

Berasaskan nas-nas yang banyak, al-Qummi dalam “الاعتقادات” menyatakan bahawa :

*“Taqiyyah adalah wajib dan tidak harus ditinggalkan hingga muncul imam. Sesiapa yang meninggalkannya sebelum muncul imam, maka keluar ia daripada agama Allah Taala dan daripada agama Imamiyah. Dan ia menyalahi perintah Allah, rasul-Nya dan imam-imam.”*

Dan mereka menekankan supaya hubungan penganut Syiah dengan Ahli Sunnah berasaskan kepada taqiyyah. Al-Har al-Amili dalam “وسائل الشيعة” mengkhususkan satu bab menjelaskan perkara ini :

**بَابُ وُجُوبِ عَشْرَةِ الْعَامَةِ بِالتَّقْيَةِ**

*“Bab pada menyatakan wajib bergaul dengan Ahli Sunnah dengan mengamalkan taqiyyah.”*

Begitulah besarnya kedudukan taqiyyah dalam akidah Imamiyah yang dianggap sebagai salah satu rukun agama yang asas hingga menyebabkan seseorang itu terkeluar dari Islam jika tidak mengamalkannya. Namun kitab-kitab Syiah yang dikarang untuk tujuan “تقریب” atau diayah, hakikat ini disembunyikan. Orang Ahli Sunnah yang baik hati, apabila membacanya akan terpedaya lantas mengatakan: “Kalau begini maknanya, dalam mazhab Ahli Sunnah

pun ada *taqiyyah*". Sedangkan hakikat, tujuan dan pelaksanaannya amat berbeza. Kenyataan ini membawa kita kepada suatu pengertian bahawa : "Berurusan dengan golongan bidaah tidak boleh didasari kepada sikap sangka baik atau حسن الظن semata-mata. Sebaliknya ia memerlukan keilmuan, ketelitian, sikap berhati-hati serta keghairahan dan semangat yang tinggi untuk memelihara kemurnian akidah dan melindungi orang ramai daripada terjerumus ke lembah ajaran sesat dan bidaah."

Demikianlah kisah-kisah serta fakta-fakta di sebalik akidah "إمامية" serta drama keghaiban imam yang dianggap oleh *Syiah* sebagai rukun Islam paling utama dan dijadikan garis pemisah antara Islam dan kufur serta penentu untuk sah dan diterima segala ibadah. Kesan daripada akidah ini ialah bahawa umat Islam seluruhnya, bermula daripada para sahabat, tabi'in, ulama mujtahidin, fuqaha, *muhaddisin*, *mufassirin* serta semuanya yang berpegang dengan akidah Ahli Sunnah dianggap sesat dan terkeluar daripada Islam serta berhak kekal dalam neraka.

Persoalannya: Adakah kepercayaan bidaah, khurafat dan sesat ini perlu didiamkan atas nama 'pendekatan', 'menghadapi musuh bersama', 'menentang Amerika' dan sebagainya? Apakah ada musuh yang lebih besar daripada mereka yang berusaha merosakkan akidah umat Islam dan menghancurkan perpaduannya, melalui penyebaran akidah khurafat ini dalam kalangan Ahli Sunnah wal-Jamaah yang merupakan satu-satunya kumpulan yang diperakui oleh Rasulullah SAW sebagai "الفقة الناجية"؟


Bagi mengakhiri tulisan ini, saya ingin memetik tulisan Ahmad Amin dalam "فجر الإسلام" yang mungkin dapat memberi gambaran latar belakang pembentukan mazhab *Syiah* dan ajaran-ajaran yang terkandung di dalamnya :

والحق أن التشيع كان مأوى يلجاء إليه كل من أراد هدم الإسلام  
لعداوة أو حقد ومن كان يريد إدخال تعاليم آبائه من يهودية

ونصرانية وزردشتية وهندية كل هؤلاء كانوا يتخذون حب أهل البيت ستارا يضعون وراءه كل ما شاءت أهواءهم: فاليهودية ظهرت في التشيع بالقول بالرجعة فقال الشيعة: إن النار محرمة على الشيعي إلا قليلا كما قال اليهود والنصرانية ظهرت في التشيع في قول بعضهم: إن نسبة الإمام إلى الله كنسبة المسيح إليه وتستر بعض الفرس بالتشيع وحاربوا الدولة الأموية وما في نفوسهم إلا الكره للعرب ودولتهم.

*"Pada hakikatnya Syiah telah menjadi tempat berlindung bagi setiap mereka yang ingin meruntuhkan Islam kerana permusuhan atau dengki dan mereka yang ingin memasukkan ajaran nenek moyang mereka seperti Yahudi, Nasrani, Zoroaster dan Hindu. Semua mereka menjadikan kasih kepada Ahli Bait sebagai tabir untuk menutup keinginan mereka yang sebenar. Ajaran Yahudi misalnya muncul dalam Syiah melalui akidah al-Raj'ah. Syiah berkata bahawa neraka diharamkan ke atas orang-orang Syiah kecuali bilangan yang kecil sahaja seperti apa yang dikatakan oleh Yahudi... dan Kristian lahir dalam ajaran Syiah melalui pandangan sesetengah puak bahawa kedudukan imam Syiah nisbah kepada Allah sama dengan kedudukan al-Masih nisbah kepada-Nya... sebahagian anasir Parsi berselindung di sebalik pengikut Syiah untuk memerangi kerajaan Umayyah, sedangkan hakikat sebenar yang ada dalam diri mereka ialah kebencian kepada Arab dan pemerintahan mereka..."*

Melalui buku **Meniti Titian Kebenaran** karya Khair Izzah lihatlah akidah asas Syiah Imamiyyah yang cuba disorokkan oleh sebahagian pengamal *taqiyah* ini tetapi ibarat kata pepatah “seperti menutup bangkai gajah”.



Bolehkah tulisan seumpama ini dianggap sebagai usaha ke arah perpaduan antara Sunni dan Syiah di Malaysia? Mereka melihat setiap tindakan dan perlakuan para sahabat dari aspek negatif yang membayangkan busuknya hati para pengikut syiah.

## MENGENAL HAKIKAT SYIAH

Berikut saya akan kemukakan hujjah-hujjah dan dalil nas bagi membuktikan bahawa memang benar majoriti para sahabat telah jatuh kafir-murtad sepeninggalan Nabi s.a.w.

268 | MENITI TITIAN KEBENARAN

### Perbahasan Keempat : RAMPASAN HAK JABATAN KHILAFAH

Rampasan hak jabatan khilafah dari tangan sayyidina Ali a.s adalah sebuah peristiwa yang tersemat kemas di dalam buku-buku sejarah Islam. Terdapat berbagai kisah yang mengejutkan dan menyedihkan telah berlaku bagi mereka yang menelitinya secara ikhlas mencari kebenaran.

#### - Persoalan

Apakah Umar al-Khattab merupakan pakar al-Quran hingga mampu menjadikannya pegangan umat sepeninggalan baginda?

#### - Jawapan

Tidak sama sekali! Umar adalah manusia ke 2 selepas Abu Bakar yang paling jahil tentang al-Quran. Cukuplah

Namun, berdasarkan beberapa bukti dan keterangan yang telah lepas, anda fikirlah sebaiknya, apakah benar Abu Bakar benar-benar seorang sahabat Nabi yang ikhlas dalam persahabatannya dengan Rasul. Seterusnya, dia layak mendapat pujian-pujian yang menggunung hingga kesalahan-kesalahannya tertutup bagaikan tak pernah wujud. Sedangkan segala pujian dan kemuliaan yang menyandarkan namanya, sebenarnya adalah milik Ali dan Ahlul Baitnya. Inilah hakikatnya.

Abu Bakar telah melakukan banyak kesalahan dan penentangan yang terang lagi bersuluh. Setelah diangkat sebagai khalifah, dia telah menggubal, mengubah dan memansuhkan hukum-hakam Allah dan RasulNya tanpa rasa takut dan bersalah. Sebaliknya, ketika di akhir hayatnya dia menzahirkan rasa kebimbangannya untuk bertemu Allah s.wt dengan berkata ketika melihat seekor burung yang sedang bertenggek di atas sebatang dahan:

## BENARKAH SYIAH TIDAK KAFIRKAN SAHABAT?

Tulisan Haji Hassan Salleh berjudul “Benarkah Syiah Kafirkan Sahabat” yang termuat dalam Akhbar Watan keluaran 30 Mac 1989 lalu mungkin dilihat oleh sesetengah pihak sebagai satu polemik biasa mengenai isu-isu agama yang sering timbul di dalam akhbar-akhbar tempatan dari semasa ke semasa. Tetapi jika kita mengkaji isi kandungan tulisan tersebut dan mengamati implikasinya secara lebih mendalam, serta melihatnya menerusi kaca mata akidah Islam mengikut pegangan Ahli Sunnah wal Jamaah yang menjadi anutan umum umat Islam di Malaysia – maka tulisan tersebut bolehlah dianggap seperti bibit-bibit penyakit barah yang amat berbahaya sedang menulari masyarakat Islam di Malaysia, yang akhirnya akan menggugat bukan sahaja perpaduan dan kestabilan umat, tetapi juga akidah dan seluruh sendi ajaran Islam itu sendiri.

Kenyataan seperti ini mungkin dianggap keterlaluan dan sengaja hendak dibesar-besarkan. Buku ini akan membuktikan bahawa kebimbangan yang dilahirkan itu adalah sesuatu yang hakiki dan mempunyai asas-asasnya yang kukuh.

Para sahabat Rasulullah SAW mempunyai martabat yang tinggi dan kedudukan yang istimewa dalam Islam. Kerana mereka adalah generasi pertama yang telah memberikan pengorbanan dan berjihad bersama Rasulullah SAW untuk menegakkan Islam dan menghancurkan kuasa kufur dan syirik yang cuba memadam cahaya Allah di peringkat awal kemunculannya, bagi menghalangnya dari terus menerangi alam semesta ini dari kegelapan syirik dan jahiliah. Di samping itu, mereka adalah “syuhada” atau saksi-saksi terhadap kesahihan dan kebenaran syariat Allah ini. Dari mana generasi-generasi yang terkemudian mengetahui bahawa Al-Quran itu wahu Allah SWT dan hadis itu adalah sunnah Rasulullah SAW kalau tidak dari mereka? Sebarang percubaan untuk menghilangkan keyakinan terhadap saksi akan menjelaskan keyakinan terhadap sesuatu yang disaksikan iaitu agama Allah ini. Abu Zur’ah (w 264H) seorang ulama terkemuka dari kurun ketiga hijrah dan guru kepada Imam Muslim menyatakan:

*“Jika kamu melihat orang yang mencerca mana-mana sahabat Rasulullah SAW, maka ketahuilah ia adalah seorang zindiq. Kerana bagi kita Rasulullah adalah benar dan al-Quran itu benar; sesungguhnya yang menyampaikan kepada kita al-Quran dan al-Sunnah adalah sahabat-sahabat Baginda. Mereka sesungguhnya ingin mencacatkan saksi-saksi kita untuk membatalkan al-Quran dan al-Sunnah...”*

(Ibn Hajar dalam **al-Sowaiq al-Muhriqah**)

Mencaci, memfitnah malah memfasikkan dan mengkafirkhan sahabat-sahabat Rasulullah SAW adalah merupakan pegangan dan ajaran agama yang penting bagi orang-orang *Syiah*. Kitab-kitab yang mereka tulis dipenuhi dengan berbagai-bagai tohmahan dan kata-kata keji terhadap mereka yang direhdai dan dikasihi oleh Allah dan Rasul-Nya ini. Malangnya, tuduhan-tuduhan tersebut telah dikemukakan semula oleh Haji Hassan Salleh tanpa membuat sebarang penjelasan bagi membersihkan nama para sahabat Rasulullah ini, malah sebaliknya beliau turut mengesahkan

segala tuduhan itu. Bukan itu sahaja, beliau hingga sanggup menggunakan jawatannya sebagai “*Naib Yang Dipertua Persatuan Ulama Malaysia*” bagi menambahkan keyakinan orang terhadap kebenaran apa yang ditulisnya.

Sehingga kini, belum ada sebarang reaksi rasmi dikeluarkan oleh pihak Persatuan Ulama. Ini menimbulkan tanda tanya sama ada apa yang ditulis oleh Naib Yang Dipertuanya itu dipersetujui oleh persatuan berkenaan. Dalam ilmu fiqh, kalau menggunakan kaedah anak dara, maka diam itu tanda setuju, tetapi kalau kaedah perempuan janda diambil, maka diperlukan pernyataan yang terang dan jelas untuk menentukan sama ada bersetuju atau tidak. Dalam hal ini, kami tidak pasti kaedah mana yang mereka ambil.

Adalah sesuatu yang diterima umum bahawa di Malaysia ini apabila disebut “*ulama*”, maka ia bermakna ulama Ahli Sunnah mengikut kaedah adat dan ‘uruf. Setahu kami, Persatuan Ulama Malaysia ini ditubuhkan oleh ulama Ahli Sunnah bagi tujuan-tujuan kegiatan ilmiah dan dakwah yang berteraskan pegangan dan disiplin ilmu Ahli Sunnah. Tapi bagaimana pula ia tiba-tiba digunakan untuk menyemburkan racun *Syiah* dalam kalangan masyarakat Islam Ahli Sunnah menerusi mereka yang berselindung di sebalik pakaian Sunnah. Sekiranya mereka menguasai Persatuan Ulama hari ini ingin terus menggunakan persatuan berkenaan untuk menyebarkan fahaman *Syiah* dengan berselindung di sebalik pakaian Sunnah, kami berpendapat adalah lebih sesuai nama persatuan tersebut ditukar kepada “*Persatuan Ulama Syiah Malaysia*”. Supaya dengan itu akan jelas dan nyata di manakah duduknya masing-masing, dan supaya kita dapat berhadapan dengan cara yang lebih bertanggungjawab. Di samping itu, orang ramai juga tidak akan terkeliru mengenai ajaran yang disebarluaskan oleh persatuan ini.

Apabila membaca segala tuduhan terhadap para sahabat yang disenaraikan oleh Haji Hassan Salleh dalam rencananya itu, kami merasakan ia adalah sesuatu yang amat berat dan memerlukan sanggahan segera. Tetapi ternyata untuk melakukannya bukanlah

## MENGENAL HAKIKAT SYIAH

satu kerja yang mudah. Kerana tuduhan-tuduhan tersebut sebenarnya telah dirancang dan dirangka oleh para ulama dan mujahid *Syiah* di sepanjang zaman dengan menggunakan segala kepakaran yang dimiliki, dan dimuatkan dalam kitab-kitab yang mereka tulis. Namun demikian, kami merasakan ini adalah satu tugas yang wajib dilaksanakan, sekalipun ia memakan masa dan tenaga.

Haji Hassan Salleh sebenarnya adalah sahabat kami sewaktu beliau mengajar di Jabatan Syariah, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) sebelum beliau bersara. Namun demikian, kami tidak dapat menjadikannya sebagai alasan untuk tidak menjawab tulisan beliau yang terlalu berat untuk dibiarkan berlalu begitu sahaja. Kerana persahabatan para sahabat dengan Rasulullah dan martabat mereka dalam Islam adalah lebih besar dan lebih utama dari persahabatan kami dengan beliau. Di samping itu, kami takut (jika tidak menunaikan tanggungjawab ini) akan akibat seperti yang disebutkan oleh Rasulullah dalam sebuah hadis yang bermaksud :

*“Apabila lahir bidaah dan sahabat-sahabatku dimaki, maka setiap yang berilmu hendaklah menggunakan ilmunya, barangsiapa yang tidak melakukan demikian, maka ke atasnya laknat Allah, malaikat dan manusia seluruhnya. Allah tidak akan terima darinya amalan fardhu dan amalan sunat.”*

Riwayat al-Khatib al-Baghdadi / Ibnu Asakir

Sebelum menjawab persoalan “*Benarkah Syiah Tidak Kafirkan Sahabat*” dan membuat penjelasan mengenai beberapa tuduhan *Syiah* terhadap sahabat-sahabat Rasulullah yang disenaraikan oleh Haji Hassan Salleh dalam tulisannya, kami ingin menjelaskan terlebih dahulu akidah Ahli Sunnah mengenai sahabat berasaskan nas-nas dari al-Quran dan al-Sunnah.

## KEDUDUKAN PARA SAHABAT MENURUT AL-QURAN DAN AL-SUNNAH

Terdapat banyak ayat al-Quran dan hadis yang menyatakan kelebihan dan martabat para sahabat Rasulullah SAW; antaranya firman Allah SWT:

وَالسَّابِقُونَ الْأَوَّلُونَ مِنَ الْمُهَاجِرِينَ وَالْأَنْصَارِ وَالَّذِينَ اتَّبَعُوهُمْ  
بِإِحْسَانٍ رَّضِيَ اللَّهُ عَنْهُمْ وَرَضُوا عَنْهُ

**Maksudnya:** “Dan orang-orang yang terdahulu dan terawal (memeluk Islam) dari kalangan Muhajirin dan Ansar, dan orang-orang yang mengikuti mereka dengan baik (tabi'in), Allah redha kepada mereka dan mereka pun redha kepada Allah...”

Surah al-Taubah (100)

Ayat ini menyatakan dengan jelas bahawa Allah redha kepada sahabat Rasulullah SAW dari kalangan Muhajirin dan Ansar dan orang-orang yang mengikut mereka. Keredhaan Allah terhadap para sahabat ini ditegaskan lagi dalam surah al-Fath, ayat 18:

لَقَدْ رَضِيَ اللَّهُ عَنِ الْمُؤْمِنِينَ إِذْ يُبَايِعُونَكَ تَحْتَ الشَّجَرَةِ

**Maksudnya:** “Demi sesungguhnya! Allah reda akan orang-orang yang beriman, ketika mereka memberikan pengakuan taat setia kepadamu (wahai Muhammad) di bawah naungan pohon”.

Surah al-Fath (18)

Menurut Ibn Hisham dalam kitab sirahnya, bilangan sahabat yang terlibat dalam bai'ah ini sekitar 1400 orang dari kalangan Muhajirin dan Ansar. Sebarang bentuk perjuangan dan pengorbanan dalam

menegakkan Islam oleh generasi yang terkemudian tidak mungkin akan dapat menyamai jasa yang telah disumbangkan oleh para sahabat, seperti yang ditegaskan dalam surah al-Hadid ayat 10:

لَا يَسْتَوِي مِنْكُمْ مَنْ أَنْفَقَ مِنْ قَبْلِ الْفَتْحِ وَقَاتَلَ أُولَئِكَ أَعْظَمُ  
دَرَجَةً مِنَ الَّذِينَ أَنْفَقُوا مِنْ بَعْدِ وَقَاتَلُوا وَكُلُّا وَعَدَ اللَّهُ الْحُسْنَى  
وَاللَّهُ بِمَا تَعْمَلُونَ خَيْرٌ

**Maksudnya:** “Tidaklah sama antara kamu, orang-orang yang membelanjakan hartanya serta turut berperang sebelum kemenangan (Nabi menguasai Makkah). Mereka itu lebih besar darjatnya daripada orang-orang yang membelanjakan hartanya serta turut berperang sesudah itu. Dan tiap-tiap satu puak dari keduanya, Allah janjikan (balasan) yang sebaik-baiknya. Dan (ingatlah), Allah Maha Mendalam PengetahuanNya akan apa yang kamu kerjakan.”

Keterangan-keterangan al-Quran mengenai kelebihan para sahabat ini diperkuuhkan oleh hadis-hadis yang banyak daripada Rasulullah sama ada secara umum meliputi semua sahabat, mahupun secara khusus yang merujuk kepada sahabat-sahabat tertentu.

Antaranya ialah hadis-hadis berikut :

خَيْرُ النَّاسِ فَرْنِي، ثُمَّ الَّذِينَ يَلْوَنُهُمْ

**Maksudnya:** “Sebaik-baik umat aku ialah mereka yang ada pada kurun di mana aku berada, kemudian orang-orang yang selepas mereka.”

Riwayat al-Bukhari

إِنَّ اللَّهَ عَزَّ وَجَلَّ اخْتَارَنِي وَاخْتَارَ لِي أَصْحَابًا فَجَعَلَ مِنْهُمْ وزَرَاءً  
وَأَنْصَارًا وَأَصْهَارًا فَمَنْ سَبَّبَهُمْ فَعَلَيْهِ لَعْنَةُ اللَّهِ وَالْمَلَائِكَةِ وَالنَّاسِ  
أَجْمَعِينَ لَا يَقْبَلُ اللَّهُ مِنْهُ يَوْمَ الْقِيَامَةِ صِرْفًا وَلَا عَدْلًا

**Maksudnya:** “Sesungguhnya Allah telah memilih aku (sebagai Nabi), dan memilih sahabat-sahabat untukku, lalu Allah jadikan bagiku dari kalangan mereka pembantu-pembantu, penolong dan mereka yang mempunyai hubungan keluarga denganku (melalui perkahwinan); maka sesiapa yang memaki mereka, ia akan menerima lakanat Allah, malaikat dan manusia seluruhnya. Allah tidak akan menerima dari mereka pada hari kiamat amalan wajib mahupun sunat.”

Riwayat al-Tabrani

Antara hadis-hadis yang menyebut secara khusus kelebihan sahabat-sahabat tertentu ialah :

أَبُو بَكْرٍ وَعُمَرُ سَيِّدَا الْكَهْوَلِ أَهْلَ الْجَنَّةِ،  
مِنَ الْأُولَئِينَ وَالآخْرِينَ، إِلَّا التَّبَيِّنُ وَالْمَرْسَلُونَ

**Maksudnya:** “Abu Bakar dan Umar adalah sebaik-baik orang yang dahulu dan orang yang kemudian, sebaik-baik ahli langit dan ahli bumi selain Nabi-nabi dan Rasul-rasul.”

(Riwayat al-Hakim / Ibnu Adiy / al-Khatib)

اقْتَدُوا بِاللَّذِينَ مِنْ بَعْدِي : أَبِي بَكْرٍ وَعُمَرَ، فَإِنَّهُمَا حَبْلُ اللَّهِ  
الْمَمْدُودُ، فَمَنْ تَمَسَّكَ بِهِمَا، فَقَدْ تَمَسَّكَ بِعُرْوَةَ اللَّهِ الْوُثْقَى الَّتِي  
لَا انْفِصَامَ لَهَا

**Maksudnya:** “Jadikan dua orang selepas aku sebagai ikutan, iaitu Abu Bakar dan Umar; maka sesungguhnya kedua-dua mereka adalah tali Allah yang terhulur, barangsiapa berpegang dengan kedua-duanya, sesungguhnya ia telah berpegang dengan simpulan yang kukuh yang tidak mungkin akan terombak.”

Riwayat al-Tabrani

مَنْ رَأَيْتُمُوهُ يَذْكُرُ أَبَا بَكْرٍ وَعَمِّرَ بِسْوَءٍ ، فَإِنَّمَا يُرِيدُ الْإِسْلَامَ

**Maksudnya:** “Sesiapa yang kamu lihat menyebut tidak baik terhadap Abu Bakar dan Umar, maka sesungguhnya ia berkehendakkan selain dari Islam”

Riwayat Ibnu Qani’

ما أَحَدٌ أَعْظَمَ عَنِي يَدًا مِنْ أَبِي بَكْرِ الصَّدِيقِ  
وَاسَانِي بِنفِسِهِ وَمَالِهِ وَأَنْجَحَنِي ابْنَتَهُ

**Maksudnya:** “Tidak seorang pun yang lebih besar jasanya kepada aku selain dari Abu Bakar sahabatku; dia menolong aku dengan diri dan hartanya, dan telah mengahwinkan aku dengan anak perempuannya.”

Riwayat al-Tabrani

رَحْمَ اللَّهُ أَبَا بَكْرٍ ، زَوْجِنِي ابْنَتَهُ ، وَحَمَلَنِي إِلَى دَارِ الْهِجْرَةِ ،  
وَأَعْتَقَ بِلَالًا مِنْ مَالِهِ ، وَمَا نَفَعَنِي مَالٌ فِي الْإِسْلَامِ مَا نَفَعَنِي مَالٌ  
أَبِي بَكْرٍ

**Maksudnya:** “Semoga Allah memberi rahmat kepada Abu Bakar, ia telah mengahwinkan aku dengan anak perempuannya, membawa aku ke negeri Hijrah,

*memerdekan Bilal dengan hartanya, dan tidak ada sebarang harta pun yang telah memberi manfaat kepada aku dalam Islam seperti harta Abu Bakar.”*

Riwayat al-Tarmizi

أَرْبَعَةٌ لَا يَجْتَمِعُ حُبُّهُمْ فِي قُلْبٍ مُنَافِقٍ، وَلَا يُحِبُّهُمْ إِلَّا مُؤْمِنٌ : أَبُو  
بَكْرٍ ، وَعُمَرٌ ، وَعُثْمَانٌ ، وَعَلَيٌّ .

*Maksudnya: “Empat orang yang tidak akan berhimpun kasih akan mereka dalam hati seorang munafik, dan tidak mengasihi mereka melainkan seorang mukmin iaitu Abu Bakar, Umar, Uthman dan Ali.”*

Riwayat Ibnu Asakir

## SAHABAT TIDAK MAKSUM

Kelebihan-kelebihan yang diberikan oleh Allah dan Rasulullah terhadap para sahabat itu tidaklah bermakna mereka adalah manusia-manusia yang “maksum” (terpelihara dari dosa) kerana menurut akidah Ahli Sunnah, yang maksum hanyalah nabi sahaja. Sahabat-sahabat adalah seperti manusia lain yang tidak terlepas daripada kesalahan, kesilapan dan kelemahan sebagai manusia. Cuma dipandang dari segi keimanan, takwa dan jasa terhadap Islam, mereka adalah yang terbaik dari segala yang mempunyai kelemahan dan kekurangan.

Hakikat ini amat penting difahami apabila kita membicarakan tentang kelebihan para sahabat seperti yang telah sabit dalam nas-nas yang telah disebutkan sebelum ini. Kerana ia akan membantu kita memahami dan mengambil sikap yang betul terhadap persengketaan yang berlaku dalam kalangan para sahabat setelah wafatnya nabi. Sebagai manusia yang tidak maksum, para sahabat juga tentunya tidak terlepas dari sifat-sifat kelemahan seperti

kekeliruan, perbezaan pandangan atau ijтиhad dalam menghadapi sesuatu masalah dan sebagainya. Jadi perkara seperti ini bukanlah sesuatu yang mustahil berlaku dalam kalangan mereka, seperti mana yang berlaku dalam kalangan manusia lain.

Mengikut akidah Ahli Sunnah, segala persengketaan yang berlaku dalam kalangan sahabat adalah hasil dari perbezaan pandangan dan ijтиhad, dalam mana setiap pihak berpendapat bahawa kebenaran adalah di pihaknya, dan mereka wajib menjalankan kebenaran tersebut. Oleh kerana kedua-dua pihak inginkan kebenaran, dan mereka pula ahli ijтиhad, maka menurut keadaan usul, kedua-duanya tidaklah berdosa, seperti yang disebut dalam hadis:

إِذَا حَكَمَ الْحَاكِمُ وَاجْتَهَدَ، ثُمَّ أَصَابَ؛ فَلَهُ أَجْرٌ، وَإِذَا حَكَمَ  
وَاجْتَهَدَ، ثُمَّ أَخْطَأَ؛ فَلَهُ أَجْرٌ

*“Barangsiapa yang berijтиhad dan betul ijтиhadnya, maka baginya dua pahala; dan barangsiapa yang berijтиhad, tetapi salah ijтиhadnya, maka baginya satu pahala.”*

Ibn Hajar ketika menerangkan sikap Ahli Sunnah mengenai perkara ini menjelaskan :

*“Dan antara perkara yang wajib juga ialah mengelak diri dari mencerca mana-mana pihak dalam sebarang persengketaan yang berlaku dalam kalangan sahabat, dengan mengenepikan cerita-cerita palsu yang begitu banyak ditulis oleh ahli-ahli sejarah terutamanya dari kalangan Syiah yang jahil dan sesat, serta golongan bid’ah yang ingin memburuk-burukkan mereka.”*

Dalam hubungan ini, Rasulullah SAW bersabda :

إِذَا ذُكِرَ أَصْحَابِي فَامْسِكُوا

**Maksudnya:** “Apabila disebut apa yang berlaku di kalangan sahabat-sahabatku, maka hindarkan dirimu (dari mencerca mereka).”

Riwayat al-Tabrani

Al-Quran pula menganjurkan supaya kita berdoa untuk mereka :

وَالَّذِينَ جَاءُوا مِنْ بَعْدِهِمْ يَقُولُونَ رَبَّنَا اغْفِرْ لَنَا وَلَاخْوَانِنَا الَّذِينَ سَبَقُونَا بِإِيمَانٍ وَلَا تَجْعَلْ فِي قُلُوبِنَا غَلَّ لِلَّذِينَ آمَنُوا رَبَّنَا إِنَّكَ رَءُوفٌ رَّحِيمٌ

**Maksudnya:** “Dan orang-orang (Islam) yang datang kemudian daripada mereka (berdoa dengan) berkata: «Wahai Tuhan Kami! Ampunkanlah dosa kami dan dosa saudara-saudara kami yang mendahului kami dalam iman, dan janganlah Engkaujadikan dalam hati perasaan hasad dengki dan dendam terhadap orang-orang yang beriman. Wahai Tuhan kami! Sesungguhnya Engkau Amat Melimpah Belas kasihan dan RahmatMu».

Surah al-Hasyr (10)

Inilah dia akhlak yang dianjurkan oleh al-Quran dan al-Sunnah terhadap para sahabat. Ia wajib menjadi pegangan setiap Muslim yang ingin menyelamatkan dirinya daripada kemurkaan Allah di dunia dan di akhirat.

Memandangkan hakikat bahawa para sahabat tidak maksum, maka Rasulullah SAW memperingatkan dan memberi amaran yang tegas dan keras terhadap sesiapa yang cuba memaki dan merendah-rendahkan mereka, seperti yang tersebut dalam hadis yang banyak, antaranya:

لَا تُسُبُّوا أَصْحَابِي فَوَالَّذِي نَفْسِي بِيْدِهِ لَوْ أَنَّ أَحَدَكُمْ أَنْفَقَ  
مِثْلَ أُخْدِ ذَهَبًا مَا أَدْرَكَ مُدَّ أَحَدِهِمْ وَلَا نَصِيفَهُ

## MENGENAL HAKIKAT SYIAH

**Maksudnya:** “Jangan kamu sekalian memaki sahabat-sahabatku, demi Allah yang diriku dalam kekuasaannya, jika salah seorang daripada kamu membelanjakan pada jalan Allah timbunan emas setinggi bukit Uhud sekalipun, tidaklah akan dapat menyamai secukup atau setengah cupak dari apa yang dibelanjakan oleh sahabat-sahabat.”

Riwayat al-Bukhari, Muslim, Abu Daud dan Tirmizi

“Sejahat-jahat umatku ialah mereka yang paling berani terhadap sahabat-sahabatku.”

Riwayat Ibnu Aidiy

لَعْنَةُ اللَّهِ عَلَى شَرِّكُمْ إِذَا رَأَيْتُمُ الَّذِينَ يَسْبُّونَ أَصْحَابَيِ فَقُولُوا

“Apabila kamu melihat orang memaki sahabat-sahabatku, maka katakanlah : Laknat Allah di atas perbuatan jahat mereka.”

Riwayat Tarmizi

dan Ibnu Majah meriwayatkan :

“Peliharalah aku pada sahabat-sahabatku, kemudian golongan yang selepas mereka (tabi'in)”

(Ibnu Hajar al-Haitsami dalam *al-Sowaiq al-Muhriqah*)

## SAHABAT SEMUANYA BERSIFAT ADIL

Berasaskan nas-nas dari al-Quran dan hadis yang begitu banyak – yang sebahagiannya telah disebutkan di atas – maka:

“Seluruh ulama Ahli Sunnah telah ijmak mengatakan bahawa sahabat-sahabat Rasulullah semuanya adil, tidak ada yang menyalahi ijmak ini melainkan golongan yang terpencil daripada kalangan ahli bidaah.”

(Rujuk Ibnu Hajar, *al-Isabah*, 1/7)

Pada pandangan Ahli Sunnah, persoalan sahabat ini dianggap begitu penting, dengan sebab itu ia dibincangkan dalam kitab yang membicarakan mengenai akidah dan dianggap sebagai sebahagian daripada perbahasan Usuluddin. Seperkara yang penting disebutkan di sini ialah bahawa Ahli Sunnah mengasihi, menerima dan menyebut baik semua sahabat, lebih-lebih lagi Ahlul Bait. Ini berlawanan sekali dengan akidah *Syiah* yang mengutuk, malah mengkafirkan sebahagian besar sahabat kecuali Saidina Ali dan beberapa orang yang dianggap sebagai penyokong setia kepadanya.

Memandangkan kedudukan sahabat yang begitu penting dalam Islam, maka para ulama berbeza pendapat mengenai hukum memaki mereka. Menurut al-Qadi Husain dari mazhab Syafie, memaki sahabat adalah perbuatan fasik, kecuali Abu Bakar dan Umar; maka menurut satu pendapat hukumnya kufur kerana seluruh umat Islam telah ijmak menerima khilafah (kepimpinan) mereka. Abu Ya'ala dari mazhab Hanbali menyatakan, bahawa perbuatan memaki sahabat jika disertai dengan iktikad yang perbuatan memaki sahabat jika disertai dengan iktikad yang perbuatan tersebut adalah halal, maka hukumnya kufur. Menurut Ibn Hajar dari mazhab Syafie, bahawa perbuatan mengkafirkan sahabat-sahabat yang diperakui oleh Rasulullah akan masuk syurga seperti Khalifah yang empat, maka hukumnya adalah kufur (*Ibn Hajar dalam al-Sowaiq al-Muhriqah*). Adalah jelas dari perbincangan di atas bahawa persoalan sahabat adalah persoalan berat dalam Islam yang boleh membawa kepada kekufturan.

Setelah memperkatakan mengenai kedudukan sahabat dalam Islam, berikut ini kami akan menjelaskan isu yang menjadi persoalan pokok dalam menjawab tulisan Haji Hassan Salleh iaitu: Benarkah *Syiah* Tidak Kafirkan Sahabat? Untuk tujuan ini, kami akan mulakan dari Khomeini, kerana beliau merupakan pemimpin dan ulama *Syiah* terulung zaman ini, malah menurut Haji Hassan Salleh – sebagai imam bagi seluruh umat Islam dunia hari ini ***wal iyazu billah.***

Pandangan dan akidah *Syiah* mengenai sahabat telah dinyatakan dengan pandangan jelas dan terangnya oleh Khomeini dalam kitabnya “*Kasyful Asrar*”. Pandangan-pandangan beliau yang termuat dalam kitabnya ini telah dipetik oleh beberapa ulama yang menulis mengenai *Syiah*, seperti Sheikh Muhammad Manzur Nukmani dari India dalam bukunya “*al-Thaurah al-Iraniah fi Mizan al-Islam*”, dan al-Marhum Ustaz Ehsan Ilahi Zahir dari Pakistan dalam kitabnya *al-Syiah wa al-Tasyayyu’*. Kitab Khomeini ini masih dicetak oleh pemerintah Iran dan diedarkan di dalam dan di luar negara tanpa sebarang perubahan.

Ketika menjelaskan mengenai akidah *Syiah* tentang *imamah* ini, Khomeini mengatakan,

*“Imamah adalah salah satu dari akidah pokok (usul) yang tidak diragukan lagi dalam Islam berdasarkan hukum akal dan al-Quran...”*

Dalam rangka membentangkan hujah bagi menegakkan akidah ini, Khomeini cuba menjelaskan persoalan yang berbangkit mengenainya iaitu: Mengapakah nama imam tidak disebutkan dalam al-Quran sedangkan ianya begitu penting sekali dalam Islam? Sekiranya ia disebut, sudah tentu persengketaan dan peperangan mengenainya dapat dielakkan. Bagi menjawab persoalan ini, Khomeini menyatakan:

*“Kalaupun ditakdirkan nama imam disebut dalam al-Quran, ianya tidak akan menjamin persengketaan tidak akan berlaku dalam kalangan umat Islam mengenainya kerana mereka yang memeluk Islam semata-mata kerana tamakkhan kuasa dan merancang pakatan untuk merampasnya tidak akan bersedia mengenepikan perasaan tamak mereka untuk tunduk kepada nas-nas dan ayat-ayat al-Quran. Sebaliknya, mereka mungkin melipatgandakan usaha dan tipu helah yang boleh meruntuhkan sama sekali asas agama Islam. Ini ialah*

*kerana golongan yang tamakkan kuasa ini sentiasa berusaha mendapatkannya. Jika sekiranya mereka dapati yang tujuan tersebut tidak boleh dicapai atas nama Islam, mereka pasti akan menubuhkan parti bagi menentang Islam. Pada ketika itu tidak mungkin Ali bin Abu Talib akan mendiamkan diri. Ini sudah tentu menimbulkan perbalahan dan perselisihan yang boleh menghapuskan Islam sama sekali. Dengan itu jelaslah bahawa menyebut nama Ali bin Abu Talib adalah berlawanan dengan kepentingan akidah imamah itu sendiri.”*

*“Selain itu, sekiranya nama imam disebutkan dalam al-Quran sekalipun, mereka yang hubungannya dengan al-Quran hanyalah untuk tujuan keduniaan dan mendapat kuasa semata-mata; yang menggunakan al-Quran sebagai alat bagi melaksanakan cita-cita mereka yang busuk itu, sudah tentu akan menghapuskan ayat-ayat tersebut daripada al-Quran, menyelewengkan kitab Allah dan menghilangkannya (al-Quran) terus dari pandangan manusia.”*

Siapakah yang dimaksudkan oleh Khomeini - “*Mereka yang hubungannya dengan al-Quran untuk tujuan keduniaan dan mendapat kuasa semata-mata itu.*”? Sesiapa yang pernah mengkaji kitab-kitab Syiah tidak akan sukar untuk meneka siapakah yang dimaksudkan Khomeini itu. Tetapi Khomeini dalam kitabnya ini tidak akan membiarkan sesiapa pun meneka tentang orang yang beliau maksudkan. Setelah menyebut beberapa contoh, menurut Khomeini, Saidina Umar dan Abu Bakar telah menyalahi hukum al-Quran dengan jelas dan terang secara terang-terangan tanpa sebarang penentangan daripada jumhur sahabat, beliau lalu menyimpulkan :

*“Dari apa yang telah disebutkan itu, jelas bahawa Abu Bakar dan Umar telah menyalahi hukum al-Quran dengan kehadiran kaum Muslimin (sahabat); dan perbuatan tersebut pada mereka bukanlah merupakan perkara yang dipandang berat atau luar biasa. Malah mereka seluruhnya telah bersekongkol bersama parti kedua orang ini dalam menolong mereka*

*mencapai apa yang dimaksudkan. Dengan itu dapatlah diketahui sekiranya terdapat sebutan tentang imam dalam al-Quran, mereka ini tidak akan memberhentikan usaha mendapatkan kuasa sebagai mematuhi perintah Allah, dan memberi apa-apa perhatian terhadapnya. Seperti mana Abu Bakar yang begitu nyata dan banyak sekali tipu helahnya, hingga berjaya menghalang anak perempuan Rasulullah SAW dari mendapat pusakanya yang sabit melalui al-Quran dan akal, dengan cara mereka hadis palsu – maka demikianlah juga Umar, ia mungkin mengatakan bahawa Allah atau Jibril atau Rasul tersalah menyebut nama Imam dalam al-Quran dan ayat-ayatnya; dengan sebab itulah ia tidak memberi perhatian dan mengamalkannya.”*

Di bawah tajuk “Umar Menyalahi Kitab Allah”, Khomeini melemparkan tuduhan yang amat keji terhadap khalifah kedua Saidina Umar R.A dengan katanya:

*“...perkataan ini menunjukkan bahawa dia (Umar) secara terus terang telah mendedahkan kekuatan dan zindiqnya dengan menyalahi al-Quran.”*

Mengenai Saidina Uthman dan Muawiyah R.Anhuma, beliau menulis:

*“Bukanlah sifatnya tuhan itu setelah menegakkan binaan agama, ibadah dan keadilan kemudian cuba meruntuhkannya selepas itu dengan menghantar mereka yang zalim seperti Yazid, Muawiyah dan Uthman untuk menjadi pemerintah.”*

Inilah dia akidah *Syiah* tentang sahabat yang telah dinyatakan dengan jelas oleh Khomeini dalam kitabnya “*Kasyful Asrar*”. Pada pandangan Khomeini, Saidina Abu Bakar dan Umar tidak ada bezanya dengan Abu Jahal dan Abu Lahab (**wal ‘iyazu billah**). Kerana jika kedua-dua sahabat ini merasakan yang tujuan mereka untuk berkuasa boleh dicapai melalui penentangan secara terang-

terangan terhadap Islam – seperti yang dilakukan oleh Abu Jahal dan Abu Lahab – mereka pasti tidak akan teragak-agak melakukannya. Tetapi kedua-duanya memilih jalan yang berlainan dengan berpura-pura memeluk Islam dan mendampingi Rasulullah SAW bagi merancang pakatan untuk merampas kuasa dari Saidina Ali selepas wafatnya Rasulullah SAW. Oleh itu, menurut Khomeini, kedua-dua sahabat ini tidak akan teragak-agak untuk melakukan apa sahaja dalam mencapai tujuan mereka termasuk menggugurkan ayat-ayat al-Quran, menyelewengkannya, malah melenyapkan sama sekali al-Quran dari pandangan manusia buat selama-lamanya. (Lihat **Kasyful Asrar**, hlm.112-114)

Seperti yang dimaklumi bahawa al-Quran dikumpulkan di zaman tiga khalifah Islam ini – Saidina Abu Bakar, Umar, Uthman – kemudian al-Quran dan juga Sunnah sampai kepada kita melalui para sahabat Rasulullah SAW yang dijadikan sasaran utama oleh golongan *Syiah* ini. Soalnya di sini, bagaimanakah kita dapat mempercayai kesahihan al-Quran dan al-Sunnah sekiranya para pengumpul dan penyampainya kepada kita ialah orang kafir, zalim dan fasik? Mereka menggunakan Islam dan al-Quran hanya untuk tujuan keduniaan dan mendapat kuasa semata-mata? Natijahnya, seluruh syariat Islam yang suci ini berada di tahap keraguan dan tiada lagi sah dijadikan pegangan dan amalan. Bertolak dari hakikat ini, sekiranya penganut *Syiah* berjaya dalam usaha mereka menghilangkan kepercayaan terhadap para pendukung yang menjadi saksi-saksi utama bagi syariat Allah ini, apakah lagi yang ada pada Islam? Inilah apa yang kami maksudkan di awal tulisan ini bahawa persoalan sahabat seperti yang dimainkan oleh *Syiah* ini boleh menggugat seluruh sendi ajaran Islam itu sendiri.

Sampai di sini kami ingin mengemukakan pertanyaan kepada orang-orang Ahli Sunnah yang terpedaya dengan tipu helah *Syiah*: Kalaulah begini pandangan *Syiah* terhadap para sahabat yang merupakan generasi terbaik, maka bagaimanakah pula pandangan *Syiah* terhadap mereka? Apakah mereka merasakan diri mereka lebih baik, lebih Islamik, lebih beriman dan bertakwa daripada

Saidina Abu Bakar, Umar dan Uthman dan sahabat-sahabat yang lain; maka dengan itu *Syiah* yang telah menolak sahabat-sahabat Rasulullah SAW ini dapat menerima dan memandang baik terhadap mereka? Kami percaya ini tidak akan berlaku kecuali mereka bertukar menjadi *Syiah* dan ikut serta memusuhi dan memaki para sahabat. Kalau tidak, maka tentunya mereka ini pada pandangan *Syiah* tidak lebih dari *himar-himar* yang dapat dipergunakan untuk menyampaikan kepada tujuan jahat mereka. Kesimpulan ini agak keras dan pahit, tetapi barangkali ia berguna untuk menyedarkan sahabat-sahabat yang sedang dilamun mabuk *Syiah* dan boleh menyelamatkan mereka dari kecelakaan besar di akhirat kelak.

Untuk makluman para pembaca sekalian, amalan memaki hamun, melaknat dan mengkafirkan sahabat ini bukanlah merupakan pendapat atau tindakan peribadi Khomeini, tetapi ia adalah satu pegangan akidah dan dianggap sebagai satu ibadat yang besar dalam mazhab *Syiah*. Ini dapat disaksikan dalam kitab-kitab yang mereka tulis di sepanjang zaman.

Muhammad Yaakub al-Kulaini (M329H) yang bergelar “***thiqatul Islam***” (orang kepercayaan Islam) dalam kitabnya “al-Kaafi” – salah satu daripada kitab-kitab hadis yang dianggap paling muktabar dalam kalangan *Syiah* – telah menyebut riwayat berikut daripada Abu Jaafar, katanya :

“...dan sesungguhnya Abu bakar dan Umar telah meninggal dunia tanpa sempat bertaubat dan mengingati apa yang telah mereka lakukan terhadap Amirul Mukminin (Ali) AS : maka laknat Allah, malaikat dan manusia seluruhnya ke atas kedua-duanya.”

(al-Kaafi, ***Kitab al-Raudah***)

Al-Mulla Muhammad Kazim telah membawa satu riwayat yang dinisbahkan (secara dusta) kepada Imam Muhammad al-Baqir, katanya:

*“Sesiapa yang melaknat kedua-duanya (Abu Bakar dan Umar) sekali laknat pada waktu pagi, tidak ditulis dosanya pada hari itu hingga ke petang; dan sesiapa yang melaknat kedua-duanya sekali laknat pada waktu petang, tidak ditulis dosanya pada waktu malam hingga waktu Subuh.”*

(Ajma' al-Fadaaih)

Kesimpulan yang telah disebutkan bahawa kehilangan kepercayaan terhadap sahabat bermakna keraguan terhadap dua sumber utama syariat Islam – al-Quran dan Sunnah – bukanlah kesimpulan yang direka oleh Ahli Sunnah, sebaliknya ia adalah satu realiti dalam mazhab Syiah. Pada mereka, al-Quran yang ada pada hari ini tidak lengkap sepertimana yang diturunkan oleh Allah SWT kepada Nabi Muhammad SAW kerana ia telah menjadi mangsa pengubahan oleh “golongan munafiqin” (sahabat dirujuk oleh Syiah sebagai munafiqin).

Untuk membuktikan ini, kami mulakan dari kitab yang paling sahih di sisi mereka iaitu “al-Kafi”. Diriwayatkan daripada Abu Abdullah katanya :

*“Bahawa al-Quran yang dibawa oleh Jibril AS kepada Nabi Muhammad SAW ialah 17,000 ayat”*

(al-Kafi, *Kitab Fadhlul Quran*)

Seperti yang diketahui bahawa al-Quran yang ada pada hari ini ada 6000 ayat lebih sahaja. Ini bermakna sekitar tiga perempat ayat al-Quran telah hilang (berdasarkan pandangan Syiah).

Dalam satu riwayat yang lain disebutkan bahawa seorang lelaki membaca al-Quran di hadapan Abu Abdullah (Imam Jaafar al-Sodiq), yang mana ayat-ayatnya tidak terdapat dalam al-Quran yang ada. Abu Abdullah lalu mlarang orang tersebut dari membacanya dan menyuruhnya membaca al-Quran yang ada pada hari ini sehingga saat kelahiran Imam Mahdi yang akan mengeluarkan al-Quran yang lengkap, yang dikumpulkan oleh Saidina Ali A.S (*ibid*). Jadi al-Quran yang sempurna ialah yang dikumpulkan oleh

Saidina Ali A.S dan pada masa ini berada di tangan Imam Mahdi yang ghaib. Walau bagaimanapun, imam mereka yang *maksum* memerintahkan supaya pengikut *Syiah* menggunakan al-Quran yang ada hari ini yang dikatakan tidak begitu lengkap itu. Sumber kedua yang ingin dikemukakan di sini ialah “*Tafsir al-Qummi*” oleh Sheikh Ali bin Ibrahim al-Qummi (m370H). Beliau adalah antara guru utama kepada al-Kulaini dan tafsirnya ini dianggap sebagai asas bagi kitab-kitab tafsir *Syiah*. Dalam bahagian mukadimahnya ketika membuat penjelasan tentang al-Quran, tafsiran ini menyebut:

“... dan sebahagian dari al-Quran itu berlainan dari apa yang diturunkan oleh Allah.”

(Rujuk ***Tafsir al-Qummi***, 1/25)

Antara contoh yang diberi mengenai pengubahan yang terdapat dalam al-Quran ialah ayat 110 Surah Ali-Imran, “كُنْتُمْ خَيْرُ أَمْمَةٍ” (**Maksudnya**: Kamu sekalian adalah sebaik-baik umat). Menurut riwayat yang dinisbahkan (secara dusta) kepada Abu Abdullah, bahawa ayat ini sebenarnya diturunkan “كُنْتُمْ خَيْرُ أَمْمَةٍ” (**Maksudnya**: Kamu sekalian adalah sebaik-baik imam).

Sheikh Muhammad Baqir al-Majlisi (m 1110H) dalam kitabnya “*Bihar al-Anwar*” juga menyebut riwayat di atas dan beberapa riwayat lain yang menunjukkan al-Quran telah diubah, antaranya ialah ayat 143 Surah al-Baqarah, “Dan demikianlah Kami jadikan kamu “ummah” pertengahan”. Menurut al-Majlisi, perkataan ummah pada ayat ini diselewengkan dari perkataan yang sebenar diturunkan oleh Allah SWT iaitu “Aimmah” yang bermakna imam-imam. (Rujuk ***Bihar al-Anwar***, 90/27. Kitab ini dapat dirujuk di perpustakaan Universiti Kebangsaan Malaysia)

Akidah *Syiah* tentang al-Quran ini diterangkan dengan begitu jelas sekali oleh seorang lagi ulama tafsir *Syiah*, Hasyim bin Sulaiman al-Bahrani dalam kitab tafsirnya “*al-Burhan*”:

*“Ketahuilah bahawa sesungguhnya kebenaran yang tidak diragukan lagi berasaskan hadis-hadis yang mutawatir dan lain-lain, bahawa al-Quran yang ada di tangan kita itu telah berlaku sesuatu perubahan selepas Rasulullah SAW. Mereka yang mengumpulkannya selepas Rasulullah SAW telah menggugurkan perkataan dan ayat-ayat yang banyak. Sesungguhnya al-Quran yang terpelihara daripada perubahan tersebut, yang sama dengan apa yang diturunkan oleh Allah ialah al-Quran yang dikumpulkan oleh Ali A.S, kemudian sampai kepada anaknya al-Hasan, hingga hal kepada ‘al-Qaim’ (Imam kedua belas iaitu Imam Mahdi yang ditunggu). Dan al-Quran ini sekarang tersimpan padanya”*

(Rujuk **al-Burhan fi Tafsir al-Quran**)

Demikianlah hampir setiap kitab tafsir mereka terdapat perbahasan mengenai perubahan al-Quran di bahagian mukadimahnya.

Sepanjang yang diketahui hanya terdapat empat orang sahaja dalam kalangan ulama besar mereka yang menyatakan bahawa tidak terdapat perubahan dalam al-Quran yang ada. Mereka ialah Sheikh Mufid, al-Sayed al-Murtada, Abu Jaafar al-Tusi dan Abu Ali al-Tabrusi. Mengapakah ulama-ulama Syiah ini mengingkari akidah Syiah yang sabit dalam nas-nas yang mutawatir mengenai penyelewengan al-Quran yang ada pada hari ini? Kami tidak ingin membuat sebarang andaian, biarlah ulama Syiah sendiri yang menjelaskannya.

Syiekh Nikmatullah al-Jazairi, salah seorang ulama mereka dari kalangan mutaakhirin menjelaskan:

*“Yang nyata perkataan ini (al-Quran tidak diubah) keluar daripada mereka kerana muslihat yang banyak di sebaliknya; antaranya ialah menutup pintu kecaman ke atas mereka, iaitu sekiranya harus terdapat perubahan pada al-Quran, bagaimanakah boleh kita berpegang dengan prinsip-prinsip dan hukum-hukumnya?”*

(Nikmatullah al-Jazairi, **al-Anwar al-Nukmaniah**)

Adalah jelas dari penjelasan yang dibuat oleh ulama *Syiah* ini bahawa pandangan yang bertentangan dengan akidah *Syiah* tentang al-Quran ini dilahirkan oleh para ulama tersebut atas dasar “*taqiyyah*” (menzahirkan apa yang berlawanan dengan iktikad sebenar kerana kepentingan tertentu).

Para ulama *Syiah* kemudiannya menyedari akan bahaya pandangan yang dilahirkan oleh empat orang ulama tadi terhadap akidah mereka tentang al-Quran, walaupun ianya dilakukan atas dasar *taqiyyah*. Kerana penerimaan pandangan tersebut (al-Quran tidak diubah) bererti penolakan terhadap hadis-hadis saih yang begitu banyak diriwayatkan dalam kitab-kitab saih mereka mengenai perubahan yang dilakukan oleh para sahabat ke atas al-Quran. Ini boleh menggugat seluruh akidah asas dalam Mazhab *Syiah*, seperti *imamah*, *wisayah*, *raj'ah* dan sebagainya seperti kata al-Majlisi:

*“Adalah nyata hadis ini dan banyak lagi hadis-hadis saih yang lain jelas menunjukkan berlaku pengurangan dan pengubahan pada al-Quran. Pada pendapat saya, hadis-hadis mengenai perkara ini mutawatir dari segi makna; tidak menerima hadis-hadis ini bermakna penolakan semua hadis sebagai pegangan. Malah saya berpendapat hadis-hadis dalam perkara ini tidak kurang daripada hadis-hadis yang menyebut tentang imamah; jadi dengan demikian bagaimana mereka menetapkan imamah melalui hadis?”*

(dipetik oleh al-Tabrusi dalam **Faslul Khitab**, hlm. 353)

Menyedari hakikat ini, para ulama *Syiah* berusaha menulis kitab-kitab bagi mengukuhkan akidah ini dalam kalangan pengikut *Syiah*. Antara kitab penting yang dikarang khusus untuk tujuan ini ialah kitab “*Faslul Khitab fi Isbat Tahrif Kitab Rabil Arbab*” (Kepastian kata pada membuktikan berlaku penyelewengan pada kitab Tuhan) yang dikarang oleh “Sheikh kita yang teragung, kepercayaan Islam, Haji Mirza Husain bin al-Allamah Muhammad Taqiy al-Nuri al-Tabrusi” (demikian pengenalan yang diberi kepada ulama ini (m 1220H) ), oleh Sheikh al-Abbas al-Qummi dalam kitabnya “*al-Kunna*

*wa al-Alqab". Nama kitab ini sudah cukup untuk menyatakan isi kandungan pentingnya iaitu yang dibincangkan dalam bab sebelas yang berjudul: "Pada menyatakan hadis-hadis yang banyak dengan jelas menunjukkan berlaku kekurangan pada al-Quran."* Untuk menyokong dakwaannya itu, al-Tabrusi telah membawa sekitar 2,000 hadis yang diriwayatkan dari imam-imam *maksum* mereka. Kitab ini telah menimbulkan kegemparan dalam kalangan ulama Syiah. (Sebab) yang menimbulkan kegemparan bukanlah kerana kitab ini membawa pandangan baru yang bertentangan dengan akidah Syiah, tetapi kerana ia telah mendedahkan sesuatu yang ingin mereka rahsiakan selama ini yang terdapat bertaburan dalam kitab-kitab induk mereka. Jadi, perbezaan al-Tabrusi dengan para ulama yang tidak bersetuju dengannya hanyalah dari segi pelaksanaan prinsip *taqiyyah* sahaja.

Ini jelas terbukti apabila al-Tabrusi tetap dianggap seorang ulama besar dan amat disanjung. Kitabnya "*Mustafrak al-Wasail*" dianggap sebagai salah satu rujukan Syiah yang terpenting sehingga disebutkan :

*"Sebarang hujah bagi mujtahid zaman ini tidak akan sempurna sebelum ia merujuk kepada kitab 'al-Mustadrak' (Agha Barzak al-Tahrani, A'lam al-Syiah). Dan Khomeini sendiri yang tidak begitu banyak menyebut rujukan dalam kitabnya 'al-Hukumah al-Islamiah' ada menyebut kitab ini sebagai rujukan (hlm. 148). Pengarangnya pula disebut sebagai 'al-Marhum'."*

Dalam rangka usaha menyokong hujah bahawa terdapat perubahan dalam al-Quran, al-Tabrusi memuatkan sepenuhnya surah *al-Wilayah* yang dikatakan antara surah yang digugurkan oleh Saidina Uthman R.A (hlm. 180-181) kerana surah ini mengandungi puji terhadap Saidina Ali R.A. Selepas menyalin surah ini al-Tabrusi mengulas:

*“Apa yang nyata dari perkataannya (pengarang kitab Dabastan Mazahib), bahawa ia mengambil surah ini dari kitab-kitab Syiah. Sehingga saya sendiri belum menemui kitab-kitab itu; tetapi Sheikh Muhammad bin Ali bin Syahr Asyub al-Mazandri telah menyebut dalam kitab ‘al-Masalib’ mengikut yang diriwayatkan daripadanya, bahawa mereka (sahabat-sahabat) telah menggugurkan daripada al-Quran surah ‘al-Wilayah’ sepenuhnya dan barangkali inilah surahnya ”*

Jadi Surah *al-Wilayah* ini bukanlah rekaan Orientalis Perancis seperti yang didakwa oleh Haji Hassan Salleh, ia adalah rekaan *Syiah* yang dipetik oleh orientalis. Ini jelas dapat diperhatikan dari tarikh kedua-dua buku ini diterbitkan. Kitab “*Faslul Khitab*” diterbitkan dalam tahun 1298H (1878M), sedangkan buku “*Sejarah Mushaf-Mushaf Parsi*” – seperti yang disebutkan oleh Haji Hassan Salleh – baru diterbitkan dalam tahun 1980.

## PANDANGAN SYIAH TERHADAP SUNNAH

Daripada sikap mereka terhadap sahabat, yang menatijahkan sikap mereka terhadap al-Quran seperti yang telah disebutkan, tentulah tidak sukar bagi kita untuk memahami sikap mereka terhadap Sunnah. al-Husain al-Amili, pengarang kitab *Mustalah Hadis* “*Wusul al-Akhyar ila Usul al-Akhbar*”, setelah mengkafirkan sahabat-sahabat utama seperti Saidina Abu Bakar, Umar dan Sayyidah Aisyah R.Anha, menyatakan penolakan hadis yang diriwayatkan oleh jumhur sahabat dengan katanya :

*“Maka hadis-hadis sahih yang diriwayatkan oleh Ahli Sunnah semuanya dan semua yang mereka riwayatkan adalah tidak sahih.”*

(Rujuk Wusul *al-Akhyar ila Usul al-Akhbar*, hlm. 78-94)

Kitab-kitab sahih yang menjadi pegangan mereka penuh dengan riwayat-riwayat oleh para periwayat yang menganut akidah

sesat dan menyeleweng seperti Jabir al-Ju'fi, Zurarah bin A'yun, Hisyam bin Salim al-Jawaliqi dan lain-lain daripada golongan “*al-Musyabbihah*” dan “*al-Mujassimah*” (lihat al-Baghdadi, *al-Farq Bain al-Firaq*). Sementara yang lainnya pula, sama ada daripada mereka yang dikenali sebagai pendusta, atau dari mereka yang tidak dikenali. Dalam sanad hadis-hadis *Syiah* banyak didapati riwayat yang hanya menyebutkan “daripada sekumpulan sahabat-sahabat kita” (lihat ***al-Kaafi, Man La Yahduruhu al-Faqih, al-Tahzib, al-Istibsar*** dan lain-lain kitab hadis mereka).

Satu lagi sumber yang menjadi pegangan dalam Mazhab *Syiah* ialah sebuah kisah khurafat terbesar yang lebih hebat dari kisah-kisah dongeng yang terdapat dalam *Hikayat Seribu Satu Malam*, dan jalan ceritanya juga boleh menandingi siri popular televisyen “*Mission Impossible*”; iaitu kisah keghaiban Imam Mahdi dan perutusan-perutusan yang dikatakan datang dari tempat persembunyiannya, yang dikenali dengan hadis “*al-Tauquiaat*”.

Menurut riwayat *Syiah*, Muhammad bin Hasan al-Askari, Imam kedua belas mereka – yang tak pernah wujud sebenarnya – dalam umur sekitar 5 tahun, telah menghilangkan diri di bilik persembunyian bawah tanah yang terdapat di rumah bapanya di “*Surra Man Raa'*” dan terus ghaib. Walau bagaimanapun, ia boleh dihubungi oleh orang tertentu sahaja yang menjadi perantaraan dikenali dengan “*al-Bab*”. Dari tempat persembunyiannya, dia memerintah seluruh alam. Dan melalui orang-orang yang dikenali dengan al-Bab ini, para pengikut *Syiah* boleh menyampaikan hadiah-hadiah ataupun pertanyaan-pertanyaan kepada imam mereka yang ghaib.

Jawapan-jawapan imam akan disampaikan kepada yang bertanya melalui *al-Bab*. Surat-surat jawapan yang dikatakan ditulis sendiri oleh imam yang ghaib inilah yang dikenali dengan hadis “*al-Riqa'*”. Ia dianggap sebagai salah satu sumber hukum *Syiah*. Keadaan ini yang dikenali dalam akidah *Syiah* dengan “*ghaibah sughra*” (ghaib kecil), berlaku sehingga 70 tahun. Selepas itu, Imam tidak lagi boleh dihubungi oleh sesiapa sehingga ke hari ini, yang mereka namakan sebagai “*ghaibah kubra*” (ghaib besar). Khomeini sendiri

ada menyebut tentang akidah ini dalam kitabnya “*al-Hukumah al-Islamiah*” seperti berikut:

“Sesungguhnya ‘ghaibah kubra’ bagi Imam kita al-Mahdi telah berlalu lebih seribu tahun; dan akan berlalu seribu tahun sebelum ada kepentingan yang menghendaki kedatangan Imam yang ditunggu ini.”

(Rujuk *al-Hukumah al-Islamiah*, hlm. 26)

Tentang hadis *al-Tauqiaat* pula beliau menyebut :

“Riwayat ketiga ialah surat bertanda tangan yang keluar daripada Imam kedua belas al-Qaim al-Mahdi; saya akan mengemukakannya beserta dengan keterangan bagaimana mengambil faham daripadanya.”

(Rujuk *al-Hukumah al-Islamiah*, hlm.76)

Tahukah saudara bahawa sesiapa yang tidak beriman dengan khurafat ini kafir pada pandangan Syiah? Saudara bagaimana? Khususnya mereka yang terpengaruh dengan Syiah.





## FITNAH-FITNAH SYIAH TERHADAP PARA SAHABAT

Haji Hassan Salleh dalam tulisannya telah menyebutkan tuduhan-tuduhan *Syiah* terhadap para sahabat tanpa membuat sebarang penjelasan, malah ia semacam mengiakan tuduhan-tuduhan tersebut.

Oleh itu, kami merasakan adalah satu tanggungjawab keimanan menjelaskan fitnah-fitnah yang dilemparkan terhadap peribadi-peribadi yang begitu besar kedudukannya dalam Islam seperti yang telah dihuraikan sebelum ini. Antara fitnah-fitnah tersebut ialah:

### **SAIDINA ABU BAKAR MENGHALANG FATIMAH MEMPUSAKAI TANAH *FIDA'***

Ini adalah salah satu isu yang sangat dibesar-besarkan oleh *Syiah* dalam kitab-kitab mereka. Isu ini dibangkitkan dengan tujuan menuduh Saidina Abu Bakar R.A telah mengenepikan hukum al-Quran, dengan mereka hadis palsu yang berbunyi :

لَا نُرَثُ، مَا تَرَكْنَا صَدَقَةً

**Maksudnya:** “Kami (nabi-nabi) tidak diwarisi, harta yang kami tinggalkan adalah sedekah.”

Sebagai penyambung lidah *Syiah*, Haji Hassan menyebut tuduhan tersebut dan membawa dalil-dalil yang merupakan hujah-hujah *Syiah* untuk menegakkan dakwaan mereka.

Dalam membentangkan hujahnya, Haji Hassan Salleh mendakwa bahawa hadis yang diriwayatkan oleh Abu Bakar R.A itu bertentangan dengan beberapa ayat al-Quran iaitu ayat 11 dari Surah al-Nisa'; ayat 16 dari Surah al-Naml dan ayat 5 & 6 dari Surah Maryam. Beliau lalu menyimpulkan hujahnya dengan mengatakan:

*“Ketiga-tiga ayat tadi adalah bertentangan dengan dakwaan Abu Bakar yang berpegang dengan hadis tersebut. Dalam hal ini, apabila hadis bertentangan dengan al-Quran, maka ia (hadis) mestilah diketepikan.”*

Kesimpulan yang dapat diambil dari hujah Haji Hassan Salleh terhadap Saidina Abu Bakar ini ialah:

- (a) Sama ada beliau (Abu Bakar) seorang yang jahil mengenai ilmu syarak sehingga tidak tahu manakah yang perlu didahulukan antara al-Quran dan hadis; ataupun
- (b) Beliau sengaja mengenepikan hukum al-Quran yang jelas dengan mengemukakan hadis palsu rekaan sendiri untuk tujuan keduniaan – selaras dengan tuduhan *Syiah* yang telah dikemukakan sebelum ini bahawa Saidina Abu Bakar seorang munafik yang berpura-pura memeluk Islam untuk merampas kuasa.

Bagi sesiapa yang menginsafi dan menyedari dirinya sebagai mukmin, kedua-dua kesimpulan terhadap sahsiah seperti Saidina

Abu Bakar R.A ini amat berat untuk dipikul dan ditanggung. Walau bagaimanapun, kita akan mengetahui siapakah yang sebenarnya jahil atau pendusta.

Adapun tentang hadis yang diriwayatkan oleh Saidina Abu Bakar R.A itu, ia sebenarnya adalah hadis mutawatir yang diriwayatkan oleh ramai sahabat seperti Huzaifah, al-Zubair, Abu Hurairah, al-Abbas, Saidina Ali, Saidina Uthman, Abdul Rahman bin Auf dan lain-lain (lihat Bukhari /Muslim /Abu Daud). Kenyataan Haji Hassan Salleh “*Hadis tersebut hanya diriwayatkan oleh Abu Bakar*” mencerminkan sama ada beliau jahil atau ingin berdusta. Abu Hurairah R.A meriwayatkan dengan lafaz yang sedikit berbeza, tetapi maksudnya adalah sama:

لَا تقتسمُ ورثتي ديناراً ما تركتُ بعدَ نفقةِ نسائيٍ ومؤنةِ عاملٍ  
فهو صدقةٌ

“Waris-waris aku tidak membahagi-bahagikan dinar; apa yang aku tinggalkan selepas ditolak nafkah isteri-isteriku dan upah pekerja-pekerjaku, maka ianya adalah sedekah.”

Riwayat Muslim

Dan yang lebih aneh lagi ialah hadis ini juga diriwayatkan oleh al-Kulaini dalam *al-Kaafi* – kitab hadis paling sahih dalam kalangan Syiah. Khomeini sendiri dalam “*al-Hukumah al-Islamiah*” turut berhujah dengan hadis ini (hlm. 93) iaitu hadis yang bermaksud :

“... dan bahawa ulama adalah waris-waris bagi para nabi, dan sesungguhnya nabi-nabi tidak mewariskan dinar dan dirham, tetapi mereka meninggalkan warisan ilmu, barangsiapa mengambil darinya, maka sesungguhnya ia telah mengambil habuan yang sempurna.”

(lihat *al-Kaafi*, Jld. 1, Kitab *Thawab al-Alim wa al-Muta'alim*)

*Dalam ulasannya terhadap hadis ini, Kulaini menyebut:*

“Hadis ini adalah sahih”

*Dan dalam huraian seterusnya beliau menyatakan:*

“Sesungguhnya keadaan kehidupan Rasulullah SAW adalah amat sederhana. Baginda tidak memiliki dalam hidupnya suatu harta pun; sesungguhnya Baginda telah meninggalkan ilmu yang ianya lebih mulia daripada harta.”

*Imam Zaid bin Ali bin al-Husain bin Ali bin Abu Talib (bapa saudara kepada Imam Jaafar al-Sodiq); iaitu Imam mazhab Syiah Zaidiyah, juga meriwayatkan hadis yang sama dalam kitab Musnadnya yang dikenali dengan “al-Majmu’ al-Fiqhi” (bab Fadl al-Ulama, hlm. 342). Dalam berhujah atau berbohong ini, orang-orang Syiah mungkin lupa atau menganggap Ahli Sunnah tidak tahu, bahawa dalam mazhab mereka kaum perempuan tidak mewarisi harta tetap (tak alih), seperti yang diriwayatkan oleh al-Kulaini dalam al-Kaafi (Kitab al-Mirath) dari Abu Jaafar katanya:*

“Perempuan tidak mewarisi suatu pun harta tanah dan harta tetap”.

*Al-Qummi dalam kitab sahihnya “Man la Yahduruhu al-Faqih” (Kitab al-Faraaid) juga membawa riwayat yang sama maksudnya.*

*Penganut Syiah dalam membangkitkan isu ini mereka menekankan tentang pusaka yang patut diterima oleh Fatimah R.Anha sahaja, sedangkan waris-waris Rasulullah SAW – sekiranya Baginda diwarisi – termasuk bapa saudaranya al-Abbas dan isteri-isteri Baginda. Saidina Abu Bakar membacakan hadis tersebut bukan sahaja kepada Fatimah R.Anha, tetapi juga kepada isteri-isteri Baginda termasuklah Aisyah R.Anha dan anak Saidina Umar, Hafsa R.Anha.*

*Lihat bagaimana hujah-hujah Syiah runtuh di tangan mereka sendiri seperti runtuhnya gunung salji oleh pancaran matahari. Kerana hujah-hujah Syiah hanya tegak di tempat yang gelap, tertutup dan terlindung dari cahaya kebenaran. Sesiapa yang membaca kitab-kitab Syiah akan dapat menyaksikan kebenaran kata-kata Imam Syafie:*

“Aku tidak pernah melihat dalam kalangan ahli-ahli bidaah yang paling banyak berdusta selain dari golongan ‘Rafidhah’ (Syiah Imamiah).”

(Ibnu Taimiyah, *Minhaj al-Sunnah*)

Adapun tentang ayat 11 dari Surah al-Nisa' yang digunakan oleh Haji Hassan Salleh untuk menghujah terhadap Abu Bakar R.A yang bermaksud:

“*Allah mensyariatkan bagimu tentang (pembahagian pusaka untuk) anak-anakmu; iaitu bahagian seorang anak lelaki sama dengan bahagian dua orang anak perempuan,*”

Maka ia adalah dalil am. Yang dimaksudkan dengan “anak-anak kamu” bukan sahaja termasuk anak-anak nabi, tetapi termasuk juga anak yang kafir atau murtad, dan anak yang membunuh (si mati). Anak yang kafir tidak menerima pusaka walaupun ia termasuk dalam umum ayat tadi kerana dikhkususkan oleh hadis yang bermaksud:

لَا يَرِثُ الْمُسْلِمُ الْكَافِرُ، وَلَا يَرِثُ الْكَافِرُ الْمُسْلِمَ

**Maksudnya:** “Orang Islam tidak mewarisi orang kafir dan orang kafir tidak mewarisi orang Islam.”

Riwayat al-Bukhari

Demikian juga anak yang membunuh tidak menerima pusaka berdasarkan hadis:

“Tiada bagi pembunuh sebarang hak pusaka.”

Demikian juga hadis yang diriwayatkan oleh Saidina Abu Bakar R.A bahawa para anbiya tidak diwarisi adalah sebagai “*mutakhassis*” atau dalil yang mengkhususkan ayat al-Quran yang am tadi. Menurut ilmu usul, ayat-ayat al-Quran boleh dikhususkan oleh hadis-hadis “*Ahad*”. Dan bagi Saidina Abu Bakar R.A, hadis yang diriwayatkannya adalah bertaraf “*qat’ie*” (pasti) kerana beliau mendengar sendiri daripada Rasulullah SAW. Dalam kes ini, Saidina Abu Bakar R.A berhak menjatuhkan hukuman berdasarkan ilmunya, kerana sebagai khalifah, beliau juga adalah hakim.

Pada hakikatnya, kaedah yang mengatakan bahawa tidak ada pertentangan antara dalil am dan dalil khas bukanlah satu masalah ilmu yang begitu mendalam dalam *Usul Fiqh*, sebaliknya ia adalah satu pengetahuan asas sahaja. Menurut ulama *Usul*, tiada sebarang dalil am semata-mata tanpa mengambil kira dalil yang mengkhususkannya akan menyebabkan berlaku pertentangan yang banyak antara ayat-ayat al-Quran sendiri. Misalnya, ayat 228 dari Surah al-Baqarah menerangkan:

*“Perempuan-perempuan yang diceraikan hendaklah menahan diri (menunggu) tiga kali suci.”*

Perkataan “*perempuan yang diceraikan*” dalam ayat ini adalah umum, termasuk perempuan yang diceraikan sebelum disetubuhi oleh suaminya atau sesudahnya. Tetapi ayat 44 dari Surah al-Ahzab pula menyatakan bahawa perempuan yang diceraikan sebelum disetubuhi oleh suaminya tidak perlu menjalani idah. Adalah jelas kedua-dua ayat ini tidak bertentangan kerana ayat kedua ini mengkhususkan keumuman ayat pertama tadi. Berpandukan kepada dalil am semata-mata tanpa melihat kepada “*mukhassis*”nya boleh membawa kepada kufur. Misalnya firman Allah SWT yang bermaksud:

وَخَلَقَ كُلَّ شَيْءٍ

“*dan Dia lah yang menciptakan tiap-tiap sesuatu*”

Surah al-Furqan (2)

Perkataan “segala sesuatu” dalam ayat ini umum, termasuk juga zat dan sifat Allah SWT. Tanpa melihat kepada pengkhususnya, ia membawa makna yang zat dan sifat Allah SWT juga makhluk. Walau bagaimanapun, umum ayat ini dikhususkan oleh dalil sifat *Qidam* bagi Allah SWT.

Adapun tentang ayat 16 dari Surah al-Naml yang bermaksud:

**وَوَرَثَ سُلَيْمَانُ دَأْوُدَ**

“Dan Nabi Sulaiman mewarisi (pangkat kenabian dan kerajaan) Nabi Daud;”

Maka, ayat ini tidak dapat menolong Haji Hassan Salleh dalam menegakkan hujahnya kerana maksud mewarisi di sini ialah “*mewarisi ilmu dan kenabian*” mengikut tafsiran jumhur ulama yang dipersetujui oleh Haji Hassan Salleh sendiri dalam tulisannya itu. Apa yang dipertikaikan di sini ialah mengenai pewarisan harta yang merupakan bidang ilmu yang khusus dikenali dengan “*Ilmu Faraid*”. Bagaimana pula ilmu dan kenabian dapat dibahagikan secara *Ilmu Faraid*, di mana anak lelaki mendapat 2/3, anak perempuan mendapat 1/3 dan seterusnya?

Jelaslah di sini siapakah yang sebenarnya jahil atau berdusta; Haji Hassan Salleh atau Saidina Abu Bakar? Orang yang tidak tahu membezakan antara am dan khas, bagaimana pula hendak mengajar malah menyalahkan manusia yang paling baik dan alim dari kalangan umat Muhammad SAW dengan pengakuan Rasulullah SAW sendiri.

Satu bukti yang paling jelas menunjukkan kepalsuan hujah *Syiah* dalam menimbulkan isu ini ialah bahawa Saidina Ali R.A sendiri tidak mengubah kedudukan tanah *fida’* dari keadaan yang ada di zaman khalifah-khalifah sebelumnya. Baginda tidak membahagi-bahagikannya kepada anak-anak Fatimah R.Anha, al-Abbas dan kepada isteri-isteri Rasulullah SAW. Fakta ini bukan sahaja disebutkan dalam kitab-kitab Sunnah, tetapi juga dalam kitab-kitab

*Syiah* sendiri, seperti “*Syarh Nahj al-Balaghah*” oleh Ibnu Abil Hadid. Malah Ibnu al-Maitham al-Bahrani, seorang lagi ulama *Syiah* yang mensyarahkan kitab “*Nahj al-Balaghah*” telah menyebutkan dalam kitabnya bahawa Fatimah R.Anha telah menerima penjelasan yang dibuat oleh Saidina Abu Bakar R.A berhubung dengan harta peninggalan Rasulullah SAW dan telah redha dengan tindakan khalifah Islam pertama itu. Perlu ditegaskan di sini bahawa Saidina Abu Bakar R.A dalam penjelasannya juga menyebutkan hadis Rasulullah SAW yang menyatakan bahawa sara hidup Ahlul Bait adalah daripada harta negara. Dan inilah yang beliau lakukan, malah apa yang diberi oleh Abu Bakar R.A lebih banyak daripada harta yang dituntut. Begitu juga khalifah kedua Saidina Umar al-Khattab R.A, sewaktu menyenaraikan mereka yang patut menerima sara hidup dari wang negara, golongan Ahlul Bait yang didahulukan dan diberi habuan yang lebih daripada mana-mana golongan termasuk Ahli Badr dan daripada beliau sendiri (lihat Abu Ubaid, *al-Amwal*).

### **KHALID BIN AL-WALID TERLIBAT DENGAN SKANDAL ?**

*Haji Hassan Salleh memperluaskan lagi sasarannya terhadap para sahabat dengan membabitkan nama Khalid bin al-Walid dalam tuduhan beliau selanjutnya seperti berikut:*

“Abu Bakar tidak mengenakan hukuman had ke atas Khalid bin al-Walid kerana membunuh Malik bin Nuwairah dan kabilahnya, serta skandal beliau dengan isteri Malik bin Nuwairah”

Siapakah Khalid bin al-Walid yang dijadikan sasaran oleh *Syiah* ini? Beliau adalah seorang sahabat dan panglima perang Rasulullah SAW yang tiada tolok bandingnya, bukan sahaja dalam sejarah Islam, tetapi juga dalam sejarah dunia amnya. Amat jarang didapati

dalam sejarah, panglima yang tidak pernah tewas di medan perang seperti Khalid. Sejak pengislamannya, Khalid dilantik oleh Rasulullah SAW mengetuai pasukan berkudanya, di samping memimpin beberapa pasukan tentera Islam.

Perang Mu'tah menyerlahkan ketokohan Khalid bin al-Walid sebagai panglima tentera Islam dalam menentang tentera kafir. Setelah tiga orang panglima sebelumnya – Zaid bin Harithah, Jaafar bin Abu Talib dan Abdullah bin Rawahah – gugur silih berganti, Khalid mengambil alih pimpinan tentera Islam yang jumlahnya sekitar 3,000 orang sahaja menghadapi tentera Rom dan musyrikin Arab yang dianggarkan sekitar 200,000 orang. Pada hari Mu'tah ini, Khalid berperang dengan begitu hebat sekali sehingga 9 bilah pedang patah di tangannya. Akhirnya tentera Rom berjaya ditewaskan. Rasulullah SAW yang telah diberitahu melalui wahyu tentang gugurnya tiga orang panglima Islam – sebelum pembawa berita gembira mengenainya sampai ke Madinah – telah menyebut dalam khutbahnya:

*“...kemudian pimpinan tentera diambil oleh satu pedang dari pedang-pedang Allah, dan Allah memberikan kemenangan kepadanya.”*

Jadi gelaran “*Saifullah*” ini diberi oleh Rasulullah SAW kepada Khalid adalah berasaskan wahyu.

Semasa peperangan pembukaan Mekah, Khalid ditugaskan oleh Rasulullah SAW memimpin salah satu pasukan tentera yang bergerak ke Mekah. Selepas *Fath Makkah*, beliau ditugaskan oleh Rasulullah SAW memimpin pasukan tentera yang dihantar untuk memerangi dan berdakwah kepada kabilah-kabilah Arab sekitarnya, antara yang terpenting ialah pasukan yang dihantar untuk meruntuhkan berhala Quraisy yang terbesar – “*al-'Uzza*”.

Pada zaman Khalifah Abu Bakar, Khalid menjadi tenaga penting di sebalik peperangan menumpaskan gerakan *riddah* orang Arab berikutan kewafatan Rasulullah SAW. Sejarah perjuangan Islam

tidak mungkin dapat melupakan peranan Khalid dalam peperangan Yarmuk yang amat penting dalam rangka perkembangan Islam selepas Rasulullah SAW. Setelah menyatukan keempat-empat ketumbukan tentera Islam yang dihantar oleh khalifah di bawah pimpinannya, beliau dengan tentera yang hanya berjumlah 36,000 orang telah berjaya menghancurkan tentera Rom yang berjumlah 200,000 orang. Kejayaan-kejayaannya menewaskan tentera Rom dan Parsi di medan masing-masing adalah merupakan pembuka jalan ke arah keruntuhan kedua-dua kuasa besar ini kemudiannya.

Inilah dia Khalid yang dikenali oleh Allah dan rasul-Nya serta kaum muslimin dalam sejarah perjuangan Islam. Tetapi sungguh malang orang yang pernah diakui oleh Rasulullah SAW sebagai:

نَعْمَ عَبْدُ اللَّهِ وَأَخُو الْعَشِيرَةِ خَالِدُ بْنُ الْوَلِيدِ وَسَيْفُ مِنْ سُيُوفِ  
اللَّهِ سَلَّمَ اللَّهُ عَزَّ وَجَلَّ عَلَى الْكُفَّارِ وَالْمُنَافِقِينَ

**Maksudnya:** “Sebaik-baik hamba Allah dan saudara kabilah Khalid bin al-Walid; satu pedang dari pedang-pedang Allah yang dihunuskan terhadap orang-orang kafir dan munafikin.”

Riwayat Ahmad

dan pernah disifatkan oleh Abu Bakar R.A sebagai “sukar bagi perempuan untuk melahirkan orang seperti Khalid” – rupa-rupanya orang yang begitu besar martabat dan jasanya dalam Islam ini pada Haji Hassan dan Syiah adalah manusia yang bergelumang dengan skandal (sungguh besar perkataan yang keluar dari mulut mereka, sesungguhnya apa yang mereka ucapkan tidak lain dari dusta belaka – Surah al-Kahfi : 5).

Siapakah orangnya Haji Hassan Salleh ini sehingga begitu berani sekali menggunakan perkataan yang keji (skandal) terhadap sahabat dan panglima perang Rasulullah SAW yang telah begitu banyak berjasa dalam perjuangan menegakkan Islam? Beliau barangkali terlupa bahawa dengan jasa bakti merekalah (sahabat-

sahabat) beliau dapat mengenal Allah dan Rasul-Nya, mengenal erti iman dan amal, dosa dan pahala dan seterusnya.

Malik bin Nuwairah adalah ketua suku Bani Yarbu' dari kabilah Bani Tamim. Dia adalah seorang pemimpin kabilah Arab yang terlibat dalam gerakan golongan murtad berikutan kewafatan Rasulullah SAW. Ketika menerima berita kewafatan Rasulullah SAW, Malik dan pengikut-pengikutnya melahirkan kegembiraan dengan memukul gendang, memaki penganut Islam dan memulangkan semula zakat kepada pengikut-pengikutnya dengan mengatakan:

*"Sekarang terlepaslah kamu dari bebanan orang ini (Nabi Muhammad SAW)"*

Di samping itu, dia memaksa dan memerangi amil-amil Rasulullah SAW yang lain yang enggan menyertainya (Malik adalah amil yang dilantik oleh Rasulullah SAW untuk kaumnya). Dalam masa yang sama, Malik menerima pelawaan Sajah binti al-Haris – seorang perempuan yang mendakwa menjadi nabi – untuk bersekutu dengannya bagi memerangi khalifah Abu Bakar R.A.

Salah satu pasukan terkuat yang dibentuk oleh Abu Bakar untuk memerangi golongan murtad ini ialah pasukan yang dipimpin oleh Khalid. Tugas yang diarahkan oleh Khalifah kepada Khalid pertamanya ialah memerangi Talhah bin Khuwailid, pemimpin kabilah Bani Asad yang mendakwa menjadi nabi dan berjaya mengumpulkan beberapa kabilah Arab menyertai gerakannya. Dan tugas keduanya ialah memerangi Malik bin Nuwairah. Setelah berada selama sebulan di al-Buzahah memerangi Talhah dan mengembalikan kabilah-kabilah yang terpengaruh dengannya kepada Islam, Khalid beredar ke al-Butah untuk memerangi Malik bin Nuwairah. Dalam gerakan inilah Malik dan pengikut-pengikutnya ditawan.

Terdapat beberapa riwayat yang menyebutkan tentang kejadian pembunuhan ke atas Malik dan pengikut-pengikutnya. Satu riwayat menyebutkan bahawa Khalid memerintahkan supaya Malik dan

pengikut-pengikutnya ditahan untuk siasatan lebih lanjut kerana tentera yang menangkap mereka membuat laporan yang berbeza tentang keadaan tawanan tersebut ketika ditawan, sama ada telah kembali kepada Islam atau masih dalam keadaan murtad. Kerana cuaca begitu sejuk pada waktu malam, Khalid mengarahkan pengawal-pengawal supaya memanaskan tawanan dengan katanya “daafiuu asrakum” (panaskan tawanan kamu). Ungkapan seperti ini dalam loghat Kinanah bermakna bunuh. Kebetulan pengawal-pengawal adalah dari Bani Kinanah. Ekoran dari salah faham arahan ini, Malik dan pengikut-pengikutnya dibunuh.

Sementara riwayat yang lain pula menyebut bahawa Malik dan pengikut-pengikutnya dibunuh setelah keluar perkataan kufur dari mulutnya ketika bersoal jawab dengan Khalid. Malah al-Khatib al-Tabrizi dalam “Syarh al-Hamash” menyebutkan bahawa Saidina Abu Bakar R.A yang memerintahkan supaya Malik dibunuh kerana jenayah yang dilakukannya dalam masa gerakan riddah (lihat Muhammad Husain Haikal, al-Siddiq, Abu Bakr, dan Abdul Aziz al-Dahlawi, **Mukhtasar al-Tuhfah al-Ithna Asyriah**).

Daripada riwayat-riwayat yang disebutkan di atas, tidak ada satu pun yang menunjukkan bahawa Khalid boleh dipersalahkan. Sebaliknya, beliau telah melaksanakan tugasnya dengan penuh kejayaan. Cuma, apabila Khalid berkahwin dengan bekas isteri Malik, orang tertentu menyebarkan berita yang Khalid membunuh Malik untuk berkahwin dengan isterinya. Cerita ini disebarluaskan di Madinah sebelum kepulangan Khalid. Setelah tiba di Madinah, Khalid lalu membuat penjelasan kepada Khalifah dan Khalifah menerima penjelasannya.

Orang yang mempunyai akidah yang betul dan menyimpan perasaan yang baik terhadap para sahabat dan pejuang Islam, tentu sudah memadai baginya apabila Saidina Abu Bakar R.A sendiri sebagai khalifah dan hakim pada waktu kejadian ini berlaku, dan mengendalikan sendiri kes ini – telah tidak mengambil apa-apa tindakan terhadap Khalid. Ia sudah tentu tidak akan memberi

perhatian lagi kepada cerita-cerita karut yang begitu banyak direka oleh penulis-penulis sejarah yang kebanyakannya daripada kalangan Syiah yang memang memusuhi sahabat. Sumber-sumber yang muktabar seperti “Tarikh al-Tabari” dan “al-Bidayah wa al-Nihayah” menyebutkan bahawa Khalid hanya berkahwin dengan tawannya itu selepas habis idahnya (lihat Abdul Aziz al-Dahlawi, *Mukhtasar al-Tuhfah al-Ithna Asyirah*, hlm. 238-239).

Seperti yang diketahui dalam ilmu fiqh, bahawa persoalan hukum had dan qisas bukanlah persoalan yang mudah, ia memerlukan proses pembuktian yang cukup terang dan teliti tanpa sebarang keraguan hatta bagi seorang hakim yang mendengar kes semasa yang dibawa ke hadapannya. Bagaimana pula manusia yang hidup di abad ini boleh menentukan hukum had dan qisas dalam satu kejadian yang berlaku sejak 15 kurun yang lalu, dengan hanya melalui kitab-kitab sejarah dan sastera yang lebih mirip kepada bentuk cereka? Tetapi apa nak dihairankan, kerana pemikiran Syiah memang aneh; orang murtad dibela, sedangkan wali Allah dan pejuang Islam dimaki dan difitnah.

### **SAIDINA UMAR HARAMKAN MUTAAH:**

Sesiapa saja yang berjasa kepada Islam tidak akan terlepas dari serangan Syiah; makin besar jasanya, semakin besar pulalah permusuhan Syiah terhadapnya. Saidina Umar R.A adalah antara sahabat yang dianggap oleh Syiah sebagai musuh ketat mereka. “Kesalahannya” tidak lain daripada peranan beliau dalam menghancurkan empayar keagungan Parsi dan memadamkan api Majusi buat selama-lamanya. Sebaliknya, pengkhianat besar dalam sejarah Islam, seorang mulhid perancang kejatuhan Baghdad yang datang bersama Raja Tatar Hulagu sebagai penasihat dan menteri kepadanya, yang turut sama mengendalikan penyembelihan lebih sejuta umat Islam Baghdad di zaman Khalifah al-Musta’sim Billah (m 656H) – mendapat pujian yang tinggi melangit dalam kitab-kitab mereka. Hinggakan Khomeini dalam kitabnya “al-Hukumah

al-Islamiah” yang tidak langsung menyebut nama Saidina Umar dan Abu Bakar R.Anhuma atas dasar taqiyah, tidak lupa memuji pengkhianat ini dengan katanya:

“Kecualilah kemasukannya secara zahir (ke dalam pemerintahan Ahli Sunnah) boleh membawa kemenangan hakiki kepada Islam dan umat Islam, seperti kemasukan ”Ali bin Yaqtin dan Nusairuddin al-Tusi (ke dalam pemerintahan al-Musta’sim), semoga Allah merahmati kedua-duanya.”

(Rujuk **al-Hukumah al-Islamiah**, hlm. 142)

Salah seorang pembantu kanan kepada al-Tusi ini ialah Ibn Abi al-Hadid, seorang ulama *Syiah* yang berfahaman Mu’tazilah dan pengarang kitab “*Syarh Nahj al-Balaghah*” yang banyak dirujuk oleh Haji Hassan Salleh dalam tulisannya.

Antara tuduhan *Syiah* terhadap Khalifah Islam kedua ini ialah bahawa Saidina Umar R.A adalah orang yang pertama mengharamkan nikah *mutaah*. Khalifah Umar R.A bukanlah orang yang mengharamkan nikah *mutaah*, beliau hanyalah menguatkuasakan pengharamannya yang sabit dalam hadis-hadis saih yang sampai ke peringkat mutawatir (lihat Ibn Rusyd, **Bidayatul Mujtahid**, 2/63). Ibn Majah meriwayatkan dengan sanad yang sahih, bahawa Saidina Umar R.A telah menyebutkan dalam khutbahnya:

“Sesungguhnya Rasulullah SAW telah mengizinkan kita berkahwin mutaah sebanyak tiga kali, kemudian Baginda mengharamkannya; demi Allah, sekiranya aku mendapati sesiapa berkahwin mutaah sedangkan ianya seorang “muhson” (sudah berkahwin), maka pasti aku rejam dia dengan batu.”

(lihat Muhammad bin Ismail al-Sonani, **Subulas Salam**, 3/126. Beliau adalah seorang ulama dari mazhab Syiah Zaidiyah)

Para ulama Ahli Sunnah dan *Syiah* Zaidiyah telah ijmak mengharamkan nikah *mutaah* berpandukan kepada hadis-hadis

sahih termasuk yang diriwayatkan daripada kalangan Ahlul Bait seperti Saidina Ali R.A dan Ibn Abbas R.Anhuma. Antaranya ialah hadis-hadis berikut:

- Daripada Ibn Abbas R.Anhuma katanya:

إِنَّمَا كَانَتِ الْمُتَعَةُ فِي أُولِي الْإِسْلَامِ ، وَكَانَ الرَّجُلُ يَقْدُمُ الْبَلْدَةَ لِيُسْرِ لَهُ بِهَا مَعْرِفَةٌ ، فَيَتَزَوَّجُ الْمَرْأَةَ بِقَدْرِ مَا يَرَى أَنَّهُ يُقْيمُ ، فَتَحْفَظُ لَهُ مَتَاعَهُ ، وَتُصْلَحُ لَهُ شَيْئًا

**Maksudnya:** “Mutaah harus di zaman permulaan Islam, apabila seseorang mereka merantau ke negeri asing di mana ia tidak mempunyai kenalan lalu ia mengahwini perempuan sekadar masa yang ia menetap di tempat itu, supaya dengan itu ia dapat memelihara diri dan barang-barangnya.”

إِذَا نَزَّلَتِ الْآيَةُ : إِلَّا عَلَى أَزْوَاجِهِمْ أَوْ مَا مَلَكُتْ أَيْمَانُهُمْ قَالَ ابْنُ عَبَّاسٍ : فَكُلُّ فَرْجٍ سُوا هُمَا فَهُوَ حَرَامٌ

Kata Ibn Abbas R.Anhuma:

“Apabila turun ayat (melainkan ke atas isteri-isteri dan hamba-hamba mereka, Surah al-Mukminun : 6), maka setiap hubungan jenis yang lain darinya (isteri atau hamba) adalah haram”

(Rujuk *Tuhfah al-Ahwazi*)

- Dari Ali R.A:

نَهَىٰ عَنِ مُتْعَةِ النِّسَاءِ يَوْمَ خَيْرٍ، وَعَنْ أَكْلِ لُحُومِ الْحُمُرِ  
الإِنْسِيَّةِ

**Maksudnya:** “Sesungguhnya Rasulullah SAW telah melarang nikah mutaah ketika peperangan Khaibar, dan juga Rasulullah SAW melarang makan daging keldai jinak.”

Riwayat al-Bukhari dan Muslim

- Diriwayatkan dari Saburah al-Juhami:

**نَهِيٌّ عَنْ مُتَعَةِ النِّسَاءِ فِي حَجَّةِ الْوَدَاعِ**

“Sesungguhnya Rasulullah SAW melarang nikah mutaah pada Haji Wida”

Riwayat Ahmad dan Abu Daud

- Imam Zaid bin Ali (m 122H) seorang ulama mujtahid daripada kalangan Ahlul Bait, meriwayatkan dalam kitab Musnadnya daripada datuknya Ali bin Abu Talib katanya:

“Rasulullah SAW melarang nikah mutaah pada tahun peperangan Khaibar.”

- Imam Zaid ditanya tentang hukum nikah mutaah, beliau menjawab:

“Mutaah hukumnya seperti bangkai, darah dan daging babi.”  
(lihat **Musnad al-Imam Zaid**, hlm. 271)

Inilah antara hadis-hadis sahih yang banyak menyatakan pengharaman nikah mutaah. Adalah diperhatikan bahawa hampir setiap hadis yang menyebut tentang keharusannya, menyebutkan dalam waktu yang sama pengharamannya. Hadis yang diriwayatkan dari Ibn Mas'ud R.Anhuma ini menjelaskan keadaan dalam mana mutaah diharuskan, katanya:

“Di waktu kami keluar berperang bersama Rasulullah SAW, perempuan-perempuan tidak ikut serta, lalu kami bertanya

*kepada Rasulullah SAW: “Bolehkah kami melakukan kasi?”  
Rasulullah SAW mlarang kami berbuat demikian, dan kemudian memberi kelonggaran kepada kami berkahwin dengan perempuan dengan bayaran baju untuk tempoh tertentu.”*

Riwayat al-Bukhari dan Muslim

Dengan sebab itu, Ibn Abbas R.Anhuma menafikan sekeras-kerasnya khabar yang menyebut bahawa Ibn Abbas R.Anhum kemudiannya telah menarik balik pendapatnya bahawa keharusan *mutaah* dalam darurat masih kekal dan kembali kepada pendapat jumhur sahabat yang mengatakan bahawa *mutaah* haram secara mutlak (lihat **Subul al-salam**, 3/126).

Berdasarkan nas-nas di atas, para ulama sepakat mengatakan bahawa nikah *mutaah* adalah haram, seperti yang ditegaskan oleh Ibn Munzir:

*“Tidak ada seorang ulama pun hari ini yang mengharuskan mutaah kecuali dari golongan Rafidah (Syiah Imamiah)”.*

*Qadhi Iyad mengatakan:*

*“Kemudian berlaku ijmak dari seluruh ulama mengharamkan mutaah kecuali Rafidah”.*

Al-Baihaqi meriwayatkan Imam Jaafar bin Muhammad al-Sodiq (Imam *maksum* keenam menurut Syiah) ditanya mengenai mutaah, beliau menjawab:

*“ia adalah zina”.*

Menurut al-Qurtubi:

*“Semua riwayat sepakat mengatakan bahawa waktu keharusan mutaah tidak lama dan bahawa ia telah diharamkan. Kemudian ijmak mutaah tidak lama dan bahawa*

*ia telah diharamkan. Kemudian ijmak ulama salaf (dahulu) dan khalaf (kemudian) menghukumkan haram nikah mutaah kecuali mereka yang tidak boleh diambil kira dari golongan Rafidah”*

(lihat al-Syaukani, **Nail al-Autar**, 6/151-157. Beliau juga seorang ulama mujtahid dari Mazhab Zaidiyah yang sebenarnya mewarisi ilmu Ahlul Bait).

Inilah dia hukum mutaah yang telah ijmak oleh seluruh ulama Islam termasuk Mazhab Syiah Zaidiyah. Apakah pula pandangan Syiah Imamiah terhadap mutaah dan bagaimanakah ia diamalkan? Pada pandangan Syiah, nikah mutaah yang dihukumkan zina oleh seluruh ulama ini bukan sahaja setakat harus dalam keadaan tertentu, tetapi ia digalakkan mengamalkannya secara meluas dan dianggap satu ibadat yang besar sehingga tidak sempurna seseorang mukmin itu tanpa mengamalkan nikah mutaah. Bagi mengelakkan anggapan bahawa apa yang dinyatakan di sini adalah satu fitnah, kami akan membuat petikan-petikan langsung dari kitab-kitab Syiah sekalipun kerja ini meremangkan bulu rom, namun kami terpaksa melakukannya kerana mendedahkan kebatilan adalah wajib.

Salah satu daripada empat kitab sahih di sisi Syiah ialah “Man la Yahduruhu Faqih” karangan Abu Jaafar Muhammad bin Ali bin al-Hussin Babuwaih al-Qummi (m 381H), yang dikenali dengan gelaran “al-Sodiq” (yang amat benar). Antara riwayat yang terdapat dalam kitab ini berhubung dengan mutaah ialah:

Dari Imam Abu Jaafar (Imam maksum kelima) katanya setelah ditanya tentang pahala berkahwin mutaah:

*“Sekiranya ia berkahwin mutaah dengan tujuan mencari keredhaan Allah dan untuk menyalahi mereka yang mengharamkannya (Ahli Sunnah); maka dia tidak bercakap dengannya (perempuan) melainkan ditulis baginya satu kebajikan, setiap kali dia menghulurkan tangan kepadanya, ditulis satu kebajikan. Apabila dia menghampirinya, maka*

*Allah memberi keampunan kepadanya satu dosa. Apabila dia mandi, diampunkan Allah baginya sekadar air yang mengalir atas rambutnya.”*

Aku bertanya :

*“Adakah sebanyak bilangan rambut?”*

Jawabnya:

*“Ya, sebanyak bilangan rambut.”*

Abu Jaafar berkata:

*“Ketika Nabi isra’ ke langit, Baginda bersabda: “Jibril mendatangi aku dan berkata: Ya Muhammad! Sesungguhnya Allah telah mengampunkan dosa orang-orang yang mengahwini perempuan secara mutaah dari umatmu”*

Diriwayatkan bahawa:

*“Sesungguhnya mukmin itu tidak sempurna hingga ia mengamalkan nikah mutaah”*

(lihat *Man la Yahduruhu Faqih*, Jld. 3)

Begitu besar sekali pahala perbuatan yang diijmak oleh ulama sebagai zina ini pada pandangan Syiah.

Bagaimakah kahwin *mutaah* diadakan? Seorang ulama mujtahid Syiah terkemuka, Abu Jaafar Muhammad bin Hassan bin Ali al-Tusi (m 460H), dalam kitabnya “*al-Nihayat fi Mujarrad al-Fiqh*” menerangkan peraturan-peraturan yang berkaitan dengan kahwin *mutaah* seperti berikut:

*“Adapun penyaksian dan pemberitahuan, maka kedua-duanya bukan syarat mutaah”;*

*“Tidak mengapa bermutaah dengan Yahudi dan Nasrani, tetapi makruh bermutaah dengan Majusi”;*

*“Tidak mengapa bermutaah dengan perempuan jahat (pelacur)... seorang lelaki tidak perlu bertanya kepada perempuan yang ia hendak bermutaah dengannya; adakah dia mempunyai suami atau tidak”;*

*“Tidak mengapa seorang lelaki bermutaah dengan anak gadis yang tidak mempunyai bapa tanpa menggunakan wali dan ia boleh menyebuhinya...”;*

*“Sekurang-kurang bayaran yang memadai untuk bermutaah ialah satu gambar patung dari gula atau segenggam makanan atau seumpamanya”;*

*“Kalau ternyata setelah ia bersetubuh dengan perempuan yang dinikahinya secara mutaah bahawa ia mempunyai suami, perempuan itu berhak mendapat bayaran”;*

*“Adapun tempohnya, maka mengikut apa yang dipersetujui, sama ada sebulan, setahun atau sehari”;*

*“Seorang lelaki boleh berkahwin dengan seberapa banyak bilangan perempuan pun, kerana mereka (perempuan) adalah seperti hamba-hamba”;*

*“Harus bagi seseorang lelaki bernikah mutaah dengan seorang perempuan berapa kali pun, satu lepas satu. Apabila tamat tempohnya, harus bagi lelaki berakad semula pada ketika itu juga.”*

Inilah dia peraturan-peraturan kahwin mutaah Syiah seperti yang dijelaskan oleh seorang ulama besar yang mereka gelarkan dengan “*Syaikh al-Taifah*” (guru puak Syiah). Ulama ini begitu terkemuka dalam kalangan Syiah seperti yang dapat diperhatikan dalam pengenalan tentang dirinya yang ditulis oleh Sheikh Agha Barzak al-Tabrani:

*“Beliau adalah sebesar-besarnya ulama agama dan Sheikh bagi seluruh para mujtahid Islam”.*

Adapun tentang bagaimana akad *mutaah* dijalankan, al-Kulaini dalam kitabnya *al-Kaafi* meriwayatkan bahawa Imam Jaafar al-Sodiq ditanya cara melafazkan akad *mutaah*:

*“Bagaimana aku berkata ketika telah berada sendirian dengannya? Imam menjawab: Kamu berkata: Aku bernikah mutaah dengan kamu mengikut kitab Allah dan Sunnah nabi-Nya, tanpa kamu mewarisi dan diwarisi, selama sekian hari atau sekian tahun – jika kamu mahu – dengan bayaran sebanyak sekian dirham – kamu menyebut bayaran yang dipersetujui antara kamu berdua, sama ada sedikit atau banyak.”*

(Kitab-kitab yang disebutkan di atas boleh dirujuk di perpustakaan UKM)

Petikan-petikan di atas menunjukkan maksudnya dengan jelas tentang hakikat kahwin mutaah dalam ajaran *Syiah*. Berasaskan peraturan mutaah *Syiah* ini, tiada siapa pun boleh marah atau menganggapnya sebagai satu kesalahan – kalau isterinya atau anak gadis dan lain-lain keluarganya dibawa orang ke hotel atau ke mana-mana untuk dinikahi secara *mutaah*; kerana lelaki tidak perlu bertanya sama ada seseorang perempuan itu mempunyai suami atau tidak, dan ia boleh berlaku tanpa wali dan saksi. Apa yang penting ialah persetujuan dan bayaran sahaja. Tentulah tidak sukar bagi mana-mana lelaki untuk melafazkan *“Aku bermutaah dengan kamu”* dengan menyebutkan bayaran dan tempoh dipersetujui. Perbuatan seperti ini bukan sahaja harus, malahan satu ibadat yang besar pula (di sisi *Syiah*). Sesiapa yang ingin mendapat pahala yang banyak, ia boleh menyimpan gundik sebanyak mana yang termampu olehnya walaupun sehingga seribu orang, atas nama kahwin mutaah. Al-Tusi menyebut satu riwayat dari Abu Abdullah bahawa beliau ditanya: Adakah mutaah termasuk dalam bilangan empat? Imam menjawab:

*“Kahwinlah dengan seribu perempuan, kerana mereka adalah perempuan-perempuan yang disewa.”*

(Rujuk *al-Ibtisar*, 3/147)

Setelah mengetahui hakikat mutaah *Syiah* seperti yang dipaparkan di atas, maka soalan yang pasti timbul kepada kita ialah: Apakah bezanya mutaah *Syiah* ini dengan sistem gundik atau pelacuran? Apakah ada sebarang bentuk galakan terhadap maksiat zina ini lebih daripada apa yang dilakukan oleh *Syiah* atas nama mutaah ini? Dan siapakah di antara kita yang redha ahli keluarganya diperlakukan demikian? Tidak dapat digambarkan betapa kerosakan yang akan menimpa agama dan umat sekiranya pemikiran *Syiah* ini merebak ke dalam masyarakat.

Siapakah sebenarnya perancang utama di sebalik penubuhan mazhab ini? Atau dengan kata lain: Siapakah guru mereka dalam melancarkan serangan terhadap sahabat-sahabat Rasulullah SAW? Perancang utama mazhab ini tidak lain ialah Abdullah bin Saba', seorang Yahudi yang berasal dari Yaman yang telah memeluk Islam secara pura-pura dengan tujuan merosakkan akidah Islam dan merancang perpecahan dalam kalangan umat Islam. Cerita manusia yang digelar "*Ibn al-Sauda*" ini disebut oleh hampir seluruh ahli sejarah, sama ada daripada kalangan Sunnah mahupun *Syiah*. Al-Nubakhti, seorang ulama dan ahli sejarah *Syiah* yang terawal dari kurun ketiga hijrah menulis:

*“Sabaiyah adalah pengikut Abdullah bin Saba’. Ia adalah daripada mereka yang melahirkan cercaan ke atas Abu Bakar, Umar, Uthman serta sahabat yang lain, dan menyatakan penolakan terhadap mereka”*

(*Firaq al-Syiah*).

Pemikiran dan akidah yang disebarluaskan oleh Abdullah bin Saba' ini seperti ***wasayah***, ***raj'ah***, ***ghaib*** dan sebagainya telah dijadikan oleh *Syiah* sebagai ajaran-ajaran asas dalam mazhab mereka.

Pokok-pokok pemikiran yang tumbuh hasil dari semaian “*Ibn al-Sauda*” ini kemudiannya berkembang dan dimanfaatkan oleh berbagai-bagi anasir yang ingin meruntuhkan Islam dengan cara merosakkannya dari dalam, setelah mereka yakin bahawa Islam tidak mungkin lagi dikalahkan dengan kekuatan dan melalui penentangan secara terang-terangan. Menggambarkan ini, al-Maqrizi menulis:

*“Ketahuilah bahawa sebab mengapa kebanyakan puak terkeluar daripada agama Islam ialah bahawa bangsa Parsi pernah memiliki kerajaan yang luas dan penguasaan ke atas sekalian umat yang menyebabkan timbul perasaan dalam diri mereka bahawa bangsa Parsi adalah satu bangsa yang unggul dan tinggi. Perasaan ini mendorong mereka memanggil diri mereka sebagai Tuan dan golongan yang merdeka, manakala bangsa-bangsa lain dianggap sebagai hamba kepada mereka. Apabila mereka diuji dengan kehilangan kerajaan di tangan bangsa Arab, padahal bangsa Arab adalah satu bangsa yang begitu rendah pada pandangan mereka; maka ujian ini dianggap satu bencana yang amat besar dan terlalu berat untuk ditanggung. Lalu mereka cuba memerangi Islam beberapa kali, tetapi dalam setiap peperangan, Allah telah memberi kemenangan kepada Islam. Dari pengalaman ini, mereka berpendapat bahawa merosakkan Islam dengan cara tipu helah adalah lebih berkesan. Lalu, segolongan mereka mengambil langkah memeluk Islam secara zahir dan cuba memenangi hati golongan Syiah dengan melahirkan kecintaan kepada Ahlul Bait dan membesar-besarkan apa yang dianggap sebagai kezaliman terhadap Saidina Ali. Dengan memainkan sentimen ini, mereka berjaya membawa pengikut-pengikut Syiah ke dalam berbagai-bagai aliran fahaman hingga berjaya menyelewangkan mereka dari jalan petunjuk.”*

(Rujuk *al-Khitat*, 1/362)

Ahmad Amin dalam kajiannya juga telah membuat kesimpulan yang sama:

*"Pada hakikatnya Syiah telah menjadi sarang bagi setiap golongan yang ingin meruntuhkan Islam kerana permusuhan ataupun dengki; dan golongan yang ingin memasukkan ajaran nenek moyang mereka seperti Yahudi, Nasrani, Majusi dan Hindu. Begitu juga mereka yang ingin membebaskan negeri dan keluar dari empayar Islam. Kesemua mereka itu telah menjadikan kasih kepada Ahlul Bait sebagai tabir bagi melindungi segala apa yang mereka rancang dan usahakan."*

(Rujuk *Fajr al-Islam*, hlm. 276)

Seperkara yang perlu ditegaskan di sini bagi mengelakkan kekeliruan ini bahawa: "**Mazhab Syiah Imamiah Ithna Asyriah ini bukanlah mazhab Ahlul Bait**". Kita yakin sepenuhnya bahawa Saidina Ali R.A dan anak cucunya adalah bersih dari segala ajaran karut yang terdapat dalam mazhab ini. Kebanyakan riwayat-riwayat yang dinisbahkan kepada imam-imam Ahlul Bait adalah palsu semata-mata. Atas asas pemalsuan dan pembohongan inilah sebenarnya mazhab *Syiah* ditegakkan. Dengan sebab itu, mereka menjadikan *taqiyyah* sebagai satu ajaran asas sehingga tidak sempurna agama tanpanya. Pada hakikatnya, *taqiyyah Syiah* ini tidak lebih dari satu "**lesen besar**" yang membolehkan para pengikutnya berbohong terhadap Ahli Sunnah untuk memperdaya mereka.

Golongan ini telah diambil tindakan keras oleh Saidina Ali R.A semasa hayatnya. Tetapi oleh kerana anak cucu selepas beliau tidak memiliki apa-apa kuasa, maka mereka hanya mampu mengutuk sahaja apabila mendapat tahu bahawa golongan yang mendakwa menjadi pengikut mereka telah menggunakan nama Ahlul Bait untuk menyebarkan ajaran-ajaran yang menyeleweng dari landasan sunnah.

Terdapat banyak sekali riwayat-riwayat yang menunjukkan bahawa Ahlul Bait adalah bersih dari sebarang akidah ajaran karut yang disebarluaskan atas nama mereka. Al-Hamzani meriwayatkan bahawa Suwaid bin Ghaflah telah memberitahu Saidina Ali R.A tentang sekumpulan orang yang mendakwa sebagai pengikutnya, mencerca Abu Bakar dan Umar R.Anhuma, beliau lalu berkata:

*“Laknat Allah ke atas sesiapa yang menyimpan sebarang perasaan terhadap kedua-duanya kecuali yang baik dan elok.”*

Beliau kemudiannya menaiki mimbar Masjid Kufah dan menyampaikan khutbahnya, yang antara lainnya menegaskan:

*“Demi sesungguhnya, sebaik-baik umat ini sesudah nabinya ialah Abu Bakar dan Umar; selepas itu Allah lah yang Maha Mengetahui pada siapakah kebaikan berikutnya.”*

(Rujuk **Dalail al-Nubuwah**)

Riwayat ini adalah riwayat yang mutawatir yang diriwayatkan oleh al-Bukhari dan lain-lain sehingga 80 sumber riwayat. Ali bin al-Hassan, salah seorang cucu kepada Saidina Ali R.A, mengatakan kepada sekumpulan orang yang sedang mencerca Saidina Abu Bakar dan Saidina Umar R.Anhuma:

*“Kamu sekalian mempersendakan Islam, dan kamu semua bukanlah dari ahlinya.”*

(Muhammad Abu Zuhrah, **Tarikh al-Mazahib al-Islamiah**)

Abu Umar bin Abdul Aziz al-Kasyi, seorang ulama Syiah dari kurun keempat hijrah meriwayatkan dari Imam Jaafar al-Sodiq, katanya:

*“Kami Ahlul Bait adalah benar, tetapi tidak terlepas dari orang-orang yang melakukan dusta atas nama kami”*

Riwayat yang lain memetik kata-kata Imam Jaafar al-Sodiq mengenai Zuhrah bin A'yun, seorang periyat utama hadis-hadis Syiah seperti yang terdapat dalam *al-Kaafi* dan lain-lain seperti berikut:

*“Tiada siapa pun yang telah mengadakan bidaah dalam Islam lebih dari apa yang diadakan oleh Zuhrah; laknat Allah ke atasnya.”*

(Rujuk **Rijal al-Kasyi**)

Dalam kajian kami terhadap mazhab ini melalui kitab-kitab induk mereka sendiri, dan dari kajian para ulama Ahli Sunnah yang ditulis khusus bagi menentang golongan ini di sepanjang zaman, seperti Abu Naim al-Asbahani (m 430H) dalam “*al-Imamah*”, Abu Bakar al-Arabi (m 543H) dalam “*al-Awasim min al-Qawasim*”, Ibnu Taimiyah (m 728H) dalam “*Minhaj al-Sunnah*” dan juga ulama-ulama mutaakhir seperti Sayed Muhibuddin al-Khatib dalam “*al-Kutut al-Aridah*”, Ustaz Ehsan Ilahi Zahir melalui kajian-kajiannya yang amat bernilai tentang mazhab ini dalam kitab-kitabnya “*al-Syiah wa al-Sunnah*”, “*al-Syiah wa al-Tasyayyu’*”, “*al-Syiah wa Ahlul Ba’i*”, “*al-Syiah wa al-Quran*” dan dari penelitian terhadap rekod-rekod dan tindak-tanduk golongan ini sepanjang sejarah Islam terutamanya peristiwa kejatuhan Baghdad – kami tidak ragu-ragu untuk mengatakan bahawa Khomeini dan mereka yang seumpamanya adalah lebih berbahaya dan lebih membawa kerosakan kepada Islam daripada sepuluh Salman Rushdie. Kerana semua orang tahu bahawa Salman Rushdie adalah seorang murtad, dan dengan itu tidak ada siapa yang akan mempercayainya. Tetapi Khomeini dan pengikut yang sepertinya dengan berselindung di sebalik serban dan jubahnya serta menaburkan ‘gula-gula’ Revolusi Islam, *Pemerintahan Islam* serta slogan-slogan seperti ‘Amerika Syaitan Besar’ dan sebagainya – dengan mudah dapat memperdayakan bukan sahaja individu yang kurang pengetahuan tentang Islam, tetapi juga dalam kalangan mereka yang berpendidikan. Sebarang fahaman sesat yang didukung dan disokong oleh golongan terakhir ini kesannya adalah lebih besar dan lebih berat kerana mereka dianggap sebagai hujah dan ikutan orang ramai.

Kami ingin menarik perhatian para pembaca sekalian kepada dua hadis yang membabitkan tanggungjawab dan peranan setiap Muslim dalam menghadapi golongan bidaah. Pertamanya ialah sabda Rasulullah SAW yang bermaksud:

مِنْ وَقَرَّ أَهْلَ الْبِدَعِ فَقَدْ أَعْنَى عَلَى هَدْمِ الْإِسْلَامِ

*“Barangsiaapa membesarakan pembawa bidaah, maka sesungguhnya ia telah menolong meruntuhkan Islam”*

Ibn Hajar telah menyebut hadis-hadis yang berkaitan dengan golongan bidaah menyatakan:

*“Saya akan membaca kepada anda nas-nas yang darinya anda akan mengetahui secara qat’ie (pasti) bahawa golongan Rafidhah dan Syiah adalah dari sebesar-besarnya ahli bidaah.”*


(Rujuk **al-Sowaiq al-Muhriqah**, hlm. 2)

Kedua, hadis yang telah dipetik di permulaan tulisan ini, ketika Rasulullah SAW melaknat sesiapa yang tidak menggunakan ilmunya apabila lahir bidaah dan sahabat-sahabatnya dimaki. Sambungan hadis ini seterusnya menyatakan bahawa Allah SWT tidak akan menerima darinya amalan fardhu dan juga amalan sunat (riwayat al-Khatib al-Baghdadi dan Ibn Asakir). Dari segi rohnya, hadis ini juga membawa makna bahawa setiap yang mempunyai kemampuan atau kebolehan perlu memainkan peranannya dalam membanteras fahaman bidaah, tanpa mengira apakah bentuk kemampuan dan kebolehannya; sama ada dari sudut ilmu, harta atau kekuasaan. Malah, pengalaman menunjukkan bahawa ketiga-tiga tenaga ini adalah perlu dalam memerangi sebarang fahaman yang sesat dan batil.

Setiap orang perlulah menanyakan diri masing-masing apakah sumbangan yang dia perlu berikan mengikut kemampuannya dalam mempertahankan kesucian agama Allah ini daripada serangan golongan bidaah, sama ada yang dilakukan secara terang-terangan atau secara berselindung. Riak-riak pengaruh *Syiah* yang mula berkocak di negara kita akhir-akhir ini tidak seharusnya dipandang sambil lewa sahaja. Ia seharusnya dianggap sebagai amaran-amaran bahaya yang tiada siapa dapat menduga padahnya nanti sekiranya tidak diambil perhatian yang bersungguh-sungguh dan tindakan yang sewajarnya.



Program Seminar Antarabangsa yang dianjurkan untuk memberi kesedaran mengenai Bahaya Ancaman Gerakan Syiah



# FAHAMAN SYIAH JAUH BERCANGGAH DENGAN AHLI SUNNAH WAL JAMAAH

Oleh : Syaikh Mahmood Sa'ad Nasih

Terjemahan oleh : Datuk Hj. Wan Zahidi bin Wan Teh

**S**etiap orang yang mengkaji dengan mendalam Mazhab Ahli Sunnah wal Jamaah dan Syiah Jaafriyah Imamiah, sudah tentu akan beroleh kesimpulan bahawa kedua-dua mazhab ini tidak mungkin akan bertemu atau diperdekatkan kecuali jika kita boleh mempertemukan antara dua perkara yang bertentangan seperti menemukan malam dengan siang, atau sejuk dengan panas pada waktunya yang sama.

Berdasarkan kesimpulan di atas, maka sudah tentu mereka tidak mungkin terpedaya dengan kata-kata manis yang keluar daripada mulut golongan *Syiah* untuk menipu dan memperdaya mereka dengan tujuan supaya Ahli Sunnah wal Jamaah bertukar menjadi *Syiah* dan untuk memesongkan agama mereka.

Saya tidak ingin membahas atau membincangkan tajuk ini kalauumlah tidak kerana apa yang berbangkit di akhir-akhir ini daripada sesetengah kalangan Ahli Sunnah wal Jamaah yang terpedaya dengan kebatilan Khomeini yang berjaya mendapat kuasa Iran

sesudah menghancurkan kerajaan Shah, kemudian mendirikan *Syiah*.

Dari awal-awal lagi ingin ditegaskan di sini bahawa saya tidaklah bersama Syah Iran yang disingkirkan itu, kerana kebatilannya sudah begitu masyhur hingga tidak perlu disebutkan lagi. Ada sesetengah kalangan Ahli Sunnah wal Jamaah yang sebelum ini menolak mazhab *Syiah* dan akidahnya, tetapi dengan tiba-tiba mengubah pendirian mereka dan menganggap bahawa Khomeini adalah seorang *Syiah* yang sederhana dan bahawa gerakan *Syiah* Iran adalah gerakan yang benar dan baik yang bertujuan menegakkan pemerintahan yang sejahtera.

Mereka yang terpedaya ini mula menyeru ke arah mengadakan hubungan setiakawan dengan *Syiah*, menolong dan membantu mereka. Kami memang mengharapkan yang sangkaan mereka itu betul dan bahawa Khomeini adalah seorang *Syiah* yang sederhana dalam pandangannya terhadap imam yang dua belas, Khulafa al-Rasyidin, terhadap para sahabat, ulama salaf dan juga semua pemerintah umat Islam. Akan tetapi apa yang berlaku ialah sangkaan terhadap mereka tinggal sangkaan semata-mata. Khomeini adalah seorang pendakyah yang begitu tebal fahaman *Syiahnya* hingga tidak lagi dapat disifatkan sederhana.

## IMAM DUA BELAS

Khomeini berpendapat bahawa imam yang dua belas lebih afdal dari Malaikat, Nabi dan Rasul, apa lagi Abu Bakar, Umar, Uthman dan para sahabat Nabi yang lain R.Anhum. Beliau juga berpendapat bahawa pemerintah-pemerintah yang memerintah Islam, selain dari imam-imam mereka ialah pemerintah *taghut* yang zalim, dan bahawa yang berhak memerintah selepas imam yang dua belas ialah ulama fiqh dari kalangan *Syiah* sahaja.

Dengan itu tidak siapa pun harus memegang teraju pemerintahan umat Islam, kecuali ia adalah seorang imam atau ulama fiqh dari mazhab *Syiah* yang menghafal nas-nas imam dan perkataan

mereka. Khomeini berpendapat bahawa *Syiah* sahajalah mazhab yang benar. Dengan itu, ia menyeru kepada penganutan fahaman *Syiah*. Ia juga berpegang teguh dengan akidah *Syiah* yang antara lain ialah akidah khurafat keghaiban Imam Muhammad bin al-Hassan al-Askari. Pada pandangannya seperti lain-lain penganut *Syiah*, *raj'ah* (رجعة) iaitu kemunculan semula imam yang ghaib adalah akidah yang sah.

Kami takut akan disoal oleh Allah SWT kerana tidak mendedahkan kebatilan dan menentangnya dengan menyatakan kebenaran dan menegakkannya. Kami mahu supaya **mazhab Syiah tidak dapat bertapak di negeri Ahli Sunnah wal Jamaah**. Sesungguhnya, akibat kecuaian Ahli Sunnah wal Jamaah dalam memerangi kebatilan *Syiah*, maka negara Iraq yang sebelum ini negara majoriti Ahli Sunnah wal Jamaah telah bertukar menjadi negara majoriti *Syiah*.

Sejak awal-awal lagi *Syiah* telah menampakkan belang dan taringnya. Sebaik saja mereka dapat mencapai kekuasaan, salah seorang daripada khatib mereka dalam satu khutbah yang disiarkan melalui radio dan televisyen telah menyatakan bahawa tidak berapa lama lagi mereka akan menawan Mekah dan Baghdad. Dan salah seorang dari golongan mereka bernama Salah Kharit, membuat kenyataan dalam majalah “*Saut al-Khalij*” (Suara Teluk):

*“Sesungguhnya saya melihat kemenangan bendera hitam telah hampir tiba masanya.”*

Orang yang menyokong Khomeini mungkin akan mencari helah untuk membelaanya dengan mengatakan mereka yang mengucapkan demikian adalah orang yang fanatik, Khomeini dan pengikut-pengikutnya tidaklah begitu.

Kepada mereka itu kami katakan:

*“Bertenanglah dan jangan gopoh, kami akan menghakimi Khomeini menerusi tulisannya sendiri yang tersebar luas. Kami tidak menghukum Khomeini berdasarkan kata-*

*kata musuhnya ataupun kata-kata pengikutnya dan tidak juga melalui kata-kata yang diucapkannya, tetapi kami menghukumnya berdasarkan apa yang ditulisnya, yang disebar luaskan di kalangan Ahli Sunnah wal Jamaah dengan tujuan mempengaruhi fikiran mereka serta menonjolkan pandangan, mazhab dan akidah Syiah.”*

Sebaik saja pergerakan *Syiah* di Iran berjaya mendapat kuasa, mereka terus menghantar sebuah buku karangan Khomeini yang berjudul “*al-Hukumah al-Islamiah*” (Pemerintahan Islam) ke agensi percetakan di Beirut dan Kuwait yang sebelum itu telah disebarluaskan di Iraq pada tahun 1970 ketika berlaku perselisihan hebat antara parti Ba’ath Iraq dengan Shah.

## MENCETAK BUKU

*Dar al-Taliah* di Beirut telah mencetak buku ini pada bulan Rabiul Awwal 1399H bersamaan Mac 1979M. Selepas itu keluar pula satu cetakan lain di Kuwait yang diterbitkan oleh percetakan *Saut al-Khalij*.

Di baris pertama pembahagian pengenalan buku cetakan Beirut, penerbitnya menyatakan:

*“Buku ini adalah himpunan ucapan-ucapan Ayatollah Khomeini, dikeluarkan oleh Pergerakan Islam Iran di bawah tajuk “al-Hukumah al-Islamiah”.*

Di hujung lembaran cetakan pertama Kuwait tertulis seperti berikut:

*“Pergerakan Islam Iran”*

Ini menunjukkan bahawa buku ini diterima oleh Khomeini sendiri dengan segala isi kandungannya, seperti juga ianya diterima oleh Pergerakan Islam Iran. Oleh itu, tidak ada sebarang keraguan lagi untuk menolak isi kandungan buku ini atau mempertikaikan penggunaan kenyataan di dalamnya sebagai hujah untuk menghakimi Khomeini menerusi perkataannya sendiri.

Sekalipun buku ini adalah himpunan ucapan Khomeini sejak sepuluh tahun yang lalu, tetapi ia seperti yang disebutkan oleh penerbitnya, membolehkan pembaca mengikuti perkembangan revolusi Iran ketika ini dan juga kemungkinan-kemungkinan kesan positifnya ke atas dunia Arab dan juga seluruh dunia.

Bagi pembaca yang tidak meneliti dan membuat kajian secara mendalam, mereka mungkin akan terpedaya ketika membaca buku ini secara sepantas lalu. Ini adalah kerana buku ini menggunakan isu memperbaiki keadaan buruk yang menimpa umat Islam disebabkan penguasaan pemerintah-pemerintah yang zalim.

Khomeini mahu semua umat Islam melancarkan gerakan untuk melakukan perubahan. Pernyataan seperti ini memang sedap didengar pada zahirnya, akan tetapi Khomeini sebenarnya memfokuskan perbincangan pada satu persoalan sahaja yang kesimpulannya ialah:

*“Bahawa pemerintahan adalah hak imam-imam dua belas sahaja, barangsiapa yang merebut kuasa dari mereka, dia adalah seorang yang zalim.”*

Oleh kerana imam-imam tidak berterusan wujudnya, iaitu kelahiran mereka terhenti dengan ghaibnya imam yang kedua belas, Khomeini berpendapat bahawa **perjuangan untuk mendapat kuasa tidak boleh dihentikan**. Pada pandangannya, **orang yang layak memegang tampuk pemerintahan hanyalah ulama fiqh dari kalangan Syiah** yang meriwayatkan perkataan-perkataan imam dan mewarisi ilmu mereka.

Dalam masalah ini, Khomeini menyalahkan ulama-ulama *Syiah* yang berpendapat wajib ditunggu kemunculan imam yang ghaib sahaja, tanpa berjuang untuk mendapatkan kekuasaan. Khomeini menyokong pendapatnya dengan menggunakan hujah-hujah akal dan juga nas yang didapati dalam kitab-kitab *Syiah*. Persoalan yang dibangkitkan oleh Khomeini, yang menjadi intipati dan dasar daripada bukunya itu sebenarnya adalah tuduhan kepada pengikut

## MENGENAL HAKIKAT SYIAH

Ahli Sunnah wal Jamaah. Hal ini kerana Khomeini berpandangan bahawa usaha-usaha pengikut Ahli Sunnah wal Jamaah untuk mendapatkan kekuasaan adalah suatu perbuatan zalim dan yang layak memegang tampuk pemerintahan hanyalah ulama *Syiah* sahaja.

Antara dalil yang digunakan oleh Khomeini dalam menegakkan pendapatnya ialah perkataan imam mereka bahawa:

*“Kehakiman hanyalah menjadi hak Nabi dan Wasi (penerima wasiat) Nabi. Dan Faqih (yang dimaksudkannya ialah ulama fiqh dari golongan Syiah) adalah Wasi Nabi.”*

Dalam masa ghaibnya Imam, *Faqihlah* yang menjadi Imam, pemimpin dan hakim kepada umat Islam.

Khomeini memetik perkataan yang dikatakan datang dari imam kedua belas yang ghaib dalam masa keghaibannya,

*“Adapun hukum mengenai peristiwa-peristiwa yang berlaku, maka hendaklah dirujuk kepada orang yang meriwayatkan perkataan kami, kerana mereka adalah hujah aku ke atas kamu dan aku adalah hujah Allah SWT.”*

(hlmn. 7)

Khomeini menjelaskan lagi masalah ini di halaman 44 dan 45, iaitu hak memerintah bagi ulama *Syiah*:

*“Sekalipun tidak ada ketetapan siapakah orang yang akan menjadi (pemangku) kepada imam yang ghaib dalam masa keghaibannya, namun sifat-sifat pemerintah yang syarie sentiasa wujud kepada sesiapa yang memiliki kelayakan memerintah manusia.”*

Kesimpulan daripada sifat-sifat itu ialah:

*“Mengetahui undang-undang dan keadilan, ada pada ulama fiqh kita pada zaman ini.”*

Di halaman 49 Khomeini berkata:

*“Allah SWT telah menyerahkan pemerintahan Islam secara amali, yang wajib dibentuk di zaman keghaiban Imam, seperti mana Allah SWT telah menyerahkannya kepada Nabi dan Amirul Mukminin (Ali bin Abi Talib).”*

Inilah sebenarnya persoalan yang menjadi asas perbincangan buku ini. Perbincangan ini juga telah disebut dan diperkatakan secara tidak langsung di lembaran pertama melalui tulisan yang besar lagi jelas:

*“Pelajaran fiqh yang disampaikan oleh al-Imam al-Khomeini, rujukan tertinggi Syiah kepada para penuntut ilmu agama di Najaf al-Asyraf di bawah tajuk ‘Wilayat al-Faqih’ ”*

(Pemerintahan Ulama)

Sekalipun tajuknya sudah cukup untuk memberitahu pokok perbincangannya, namun akidah Khomeini dan mazhabnya dapat dibaca dengan jelas menerusi lembaran-lembarannya seperti mana yang akan dibentangkan dan dijelaskan. Supaya dengan itu, hakikat sebenar akan tersingkap kepada mereka yang begitu mudah sekali menisbahkan kepada Khomeini apa yang tidak diakui oleh Khomeini sendiri, kalau dia mendengarnya atau dikemukakan kepadanya.

Imam-imam pada pandangan Khomeini lebih afdal daripada Malaikat, Nabi dan Rasul. Kalau lah pendapat ini tidak ditulis oleh Khomeini sendiri, kami sudah tentu mengatakan ia dusta dan tidak sah dinisbahkan kepadanya. Akan tetapi anda hanya perlu membuka halaman 50 daripada bukunya “*Pemerintahan Islam*” cetakan Beirut, kemudian membacanya dan seterusnya membuat penelitian. Khomeini berkata:

*“Bahawa imam-imam mempunyai “maqam” (kedudukan) yang terpuji, darjah yang tinggi dan khalifah semula jadi, di mana seluruh alam ini tunduk di bawah kekuasaan dan pemerintahannya.”*

Apakah maksud pernyataan ini? Apakah dia “Khalifah semula jadi” yang seluruh alam ini tunduk di bawah kekuasaan dan pemerintahannya? Tidakkah dengan perkataan ini ia telah meletakkan darjat imam setaraf dengan maqam ‘Uluhiyyah’ (ketuhanan)? Apa yang kita tahu ialah tiada siapa yang mempunyai martabat demikian selain daripada Allah SWT.

Kita teruskan lagi membaca lembaran yang sama untuk kita mendapat penjelasan apakah yang dimaksudkan oleh Khomeini dengan “maqam terpuji” dan “darjat yang tinggi”. Berkata Khomeini yang digelarkan Ayatollah:

*“Dan antara perkara asas dalam mazhab kita ialah bahawa imam-imam kita mempunyai ‘maqam’ (kedudukan) yang tidak dapat dicapai oleh malaikat yang hampir dengan Allah SWT dan juga Nabi yang diutuskan.”*

Cuba lihat, adakah lagi sebarang akidah sesat yang melampaui lebih daripada apa yang ditulis oleh Khomeini ini? Adakah anda boleh temui orang yang ada dalam dirinya walau sebesar habuk pun dari akidah yang sahih dan imam yang benar serta menyedari apa yang diucapkannya sanggup mengatakan bahawa imam-imam lebih afdal daripada Malaikat, Nabi dan Rasul?

Sesungguhnya Khomeini berani mengingkari hukum yang termasuk dalam lingkungan **“al-Ma’lum min al-Din bi al-Darurah”** (perkara asas agama yang mesti diketahui oleh semua umat Islam) dengan mengingkari satu ajaran agama yang begitu terang seperti cahaya matahari:

*“Bahawa Nabi dan Rasul adalah lebih afdal daripada jin dan manusia lain seluruhnya.”*

Maha Suci Engkau Ya Allah SWT, Maha Suci Engkau. Sesungguhnya ini satu dusta besar, dosa yang amat berat dan satu pembohongan terhadap kitab Allah SWT.

Kalaular begini kedudukan imam-imam dibandingkan dengan Para Rasul, maka bagaimana pula kedudukan mereka jika dibandingkan

dengan sahabat-sahabat khususnya Khulafa al-Rasyidin seperti Abu Bakar, Umar, Uthman dan Ali R.A? Dan betapa pula kedudukan pemerintah-pemerintah Bani Umaiyyah dan Bani Abbasiyah dibandingkan dengan mereka (imam-imam)?

## DENDAM KESUMAT

Sesungguhnya apa yang pernah kita dengar daripada mereka mengenai maki hamun serta dendam kesumat terhadap para sahabat Rasulullah SAW sudah semestinya memenuhi dada Khomeini yang berpendapat bahawa imam-imam lebih afdal daripada para Rasul. Mereka telah mencabul hak para sahabat dengan mengutamakan orang yang lebih rendah martabatnya daripada sahabat Nabi. Pada mereka, sahabat-sahabat adalah pemerintah yang zalim.

Apabila imam-imam, pada pandangan Khomeini lebih afdal daripada para Rasul, sedangkan Nabi Muhammad SAW adalah salah seorang daripada Rasul, maka tidakkah perkataan ini menunjukkan isyarat secara halus kepada akidah *Syiah* yang mengatakan bahawa Ali lebih berhak menjadi Rasul daripada Nabi Muhammad SAW dan bahawa Jibril telah tersalah apabila menyampaikan wahyu kepada Nabi Muhammad SAW, sedangkan sepatutnya disampaikan kepada Ali. Jika tidak, bagaimana hendak kita tafsirkan perkataannya bahawa imam-imam lebih afdal daripada Rasul.

Kita perhatikan di sini bahawa “semua imam”, bukan Ali sahaja, lebih afdal daripada para Rasul. Jadi ungkapan secara umum ini memberi kefahaman bahawa semua imam lebih afdal daripada para nabi dan rasul. Pada halaman 52 beliau menyebut:

*“Imam-imam sebelum alam ini dijadikan, adalah cahaya-cahaya, lalu Allah SWT jadikan mereka mengelilingi ‘Arasy dan mereka diberi martabat dan darjat yang paling hampir dengan Allah SWT, yang hanya Allah SWT sahaja yang mengetahuinya, seperti yang pernah dikatakan oleh Jibril”*

*dalam riwayat Mikraj: "Sekiranya aku hampir sekadar satu jari sahaja, pasti aku terbakar".*

Dengan nama Allah SWT kami minta anda tafsirkan setelah meneliti kata-katanya:

*"Bagaimanakah imam-imam itu sebelum alam ini dijadikan adalah cahaya dan bagaimana mereka mengelilingi 'Arasy? Kekeliruan apakah ini?"*

Khomeini tidak terhenti setakat ini, bahkan dia pergi lebih jauh lagi dengan meletakkan kepada Fatimah segala sifat yang diberi kepada imam serta mengangkatnya lebih tinggi daripada darjah kemanusiaan, padahal Allah SWT telah berfirman kepada bapanya (Rasulullah SAW) yang bermaksud:

*"Katakan bahawa sesungguhnya aku ini adalah manusia seperti kamu."*

Dengarlah kata-katanya (Khomeini) mengenai Fatimah:

*"Martabat seperti ini juga wujud pada Fatimah az-Zahra AS tetapi bukan bererti bahawa ia adalah pemerintah atau qadi. Martabat Fatimah ini adalah sesuatu yang lain dari martabat pemerintah dan khalifah. Sungguhpun begitu, tidak pula bermakna ia tidak punya martabat tinggi itu, seperti mana juga ia tidak memberi erti bahawa Fatimah adalah perempuan biasa seperti perempuan-perempuan lain dari kalangan kita."*

Apa yang diperakui oleh Khomeini terhadap Fatimah iaitu mengangkatnya ke darjah yang lebih dari manusia biasa juga diperakui pada hak imam di mana ia berkata tentang fuqaha (Syiah) pada halaman 50 :

*"Dan ini (tugas menjalankan pemerintahan oleh ulama Syiah) adalah satu tugas yang berat, yang hanya boleh dilaksanakan oleh mereka yang layak sahaja. Tugas ini*

*tidak mungkin dilakukan kecuali martabat mereka diangkat melebihi daripada manusia biasa.”*

Dengan demikian Khomeini menganggap imam-imam lebih tinggi daripada kedudukan manusia biasa. Kita beriktikad bahawa sifat *'ismah* iaitu terpelihara daripada dosa hanya bagi Rasulullah SAW sahaja. Itupun maksum dalam menjalankan tugas kerasulannya. Oleh itu, Rasulullah SAW kadang-kadang tersalah dalam perkara ijtihad dan kadang-kadang terlupa dalam perkara pelaksanaan. Allah SWT telah menegur Baginda SAW dalam masalah tawanan perang Badar dan ketika Baginda bermasam muka terhadap seorang yang buta. Begitu juga dalam masalah pengharaman madu ke atas dirinya. Rasulullah SAW juga pernah terlupa dengan mengerjakan dua rakaat sahaja sembahyang yang sepatutnya empat rakaat. Inilah akidah kita Ahli Sunnah wal Jamaah berkenaan sifat maksum Rasulullah SAW tetapi Khomeini menetapkan akidah *Syiah* dalam perkara *'ismah* dengan katanya (hlm. 141):

*“Dari sini, imam-imam kita yang maksum telah menekankan...”*

*'ismah* pada Khomeini memberi pengertian sifat yang kita tidak mampu meletakkan kepada Rasulullah SAW sekalipun. Berkata Khomeini mengenai imam-imam (hlm. 91):

*“Kita beriktikad bahawa jawatan yang diberikan oleh imam-imam kepada ulama fiqh masih tetap terpelihara. Hal ini kerana fikiran kita tidak menerima bahawa imam-imam boleh lalai dan lupa. Kita juga beriktikad bahawa mereka mengetahui apa saja perkara yang menjadi kepentingan umat Islam.”*

Imam-imam mengikut akidah *Syiah* Khomeini telah mewarisi para Nabi dalam semua perkara. Menyebut secara umum begini, memberi erti secara tidak langsung bahawa imam-imam diberi wahu. Bagaimana tidak, kerana mereka telah mewarisi nabi dalam semua perkara. Berkata Khomeini di halaman 97:

*“Dan jika sekiranya hadis Ulama itu mewarisi Nabi, itu dimaksudkan imam-imam seperti yang ada setengah riwayat, namun kita tidak ragu-ragu bahawa maksud “mewarisi” ini ialah mewarisi nabi-nabi dalam semua perkara, bukan dalam persoalan hukum-hakam dan ilmu semata-mata.”*

Imam-imam di sini ialah dua belas imam yang diiktiraf oleh Syiah Imamiah secara khusus kepimpinan (imamah) mereka, berbeza dengan golongan Syiah yang lain.

Khomeini tidak sahaja berhenti setakat mengatakan bahawa Rasulullah SAW yang melantik imam-imam dengan nas, malah dia berpendapat Allah SWT lah yang menurunkan wahyu kepada Rasulullah SAW memerintahkan supaya melantik Ali sebagai khalifah sesudahnya. Ia berkata di halaman 42:

*“Bahawa Rasulullah SAW... Allah SWT telah berkata-kata dengannya melalui wahyu supaya Baginda menyampaikan apa yang diturunkan kepadanya mengenai siapa yang akan menggantikannya untuk memimpin umat manusia. Maka dengan hukum ini, Rasulullah SAW telah melaksanakan apa yang telah diperintahkan kepadanya dengan melantik Amirul Mukminin (Ali R.A) sebagai khalifah.”*

Di halaman 20 pula beliau mengatakan:

*“Kita beriktikad bahawa Rasulullah telah melantik penggantinya dengan peringatan Allah SWT.”*

Dan di halaman 25 beliau menyebut:

*“Rasulullah SAW telah melantik dengan perintah Allah SWT pengganti sesudahnya untuk melaksanakan tugas ini (memerintah umat)”*

Dengan ini, Khomeini berpendapat di halaman 39:

*“Bahawa imam-imam telah ditentukan.”*

Jika demikian mengapakah pula golongan *Syiah* berbeza pendapat di kalangan mereka di peringkat yang begitu awal dalam masalah ini, iaitu ketika wafatnya Imam Jaafar al-Sodiq? Setengah golongan mengiktiraf Ismail bin Jaafar sebagai Imam. Golongan yang lain mengiktiraf Musa bin Jaafar, saudara Ismail, kedua-duanya daripada zuriat Fatimah yang mana bapa mereka imam yang maksum?

Orang yang digelar Ayatollah ini menyatakan kepada kita di halaman 131 bahawa Rasulullah SAW telah berkata pada satu perkumpulan manusia:

*“Siapakah yang sanggup menjadi khalifahku, wasi (penerima wasiat) aku dan menteriku dalam tugas ini?”*

Maka tiada siapa yang bangun melainkan Ali. Di halaman yang sama, beliau menyebutkan bahawa Rasulullah SAW telah menyampaikan perintah Ilahi ini di tempat yang bernama “*Ghadir Khum*” di mana Baginda menyampaikan kepada manusia bahawa Ali adalah Amirul Mukminin. Ini bermakna Ali adalah pemerintah dan penguasa syarie bagi urusan negara dan umat manusia.

Dan lebih daripada itu beliau berkata:

*“Hingga malaikat pun tunduk kepadanya; begitu juga seluruh umat manusia, hingga musuh sekalipun tunduk kepadanya kerana mereka semua tunduk kepada kebenaran pada waktu berdirinya, duduknya, bercakapnya dan diamnya, waktu khutbah sembahyang dan peperangan”*

Khomeini berpendapat bahawa Rasulullah SAW dikira sebagai pengkhianat kepada Allah SWT sekiranya Baginda SAW tidak menyampaikan kepada manusia pengantinya Ali. Kita berpendapat bahawa Rasulullah SAW tidak menentukan sesiapa pun sebagai khalifah sesudahnya. Dengan berpegang kepada pendapat ini pada pandangan Khomeini dengan sendirinya bererti kita menuduh Rasulullah berkhanat, seperti katanya di halaman 32:

*“Rasulullah SAW dikira tidak menyampaikan risalah sekiranya Baginda SAW tidak menentukan Ali sebagai Khalifah.”*

Sebelum ini beliau menyebutkan bahawa tugas rasul dikira kurang dan tidak sempurna; yang menyempurnakan kekurangannya ialah imam-imam. Masalah ini beliau tegaskan lagi di halaman 19 dengan katanya:

*“Dan adalah penentuan Rasulullah SAW akan pengganti sesudahnya bagi melaksanakan dan memelihara undang-undang, melakukan keadilan adalah faktor penyempurnaan dan pelengkap kepada tugas kerasulannya.”*

Tidaklah ganjil apabila Khomeini mengatakan cakap imam-imam adalah syariat yang berkekalan seperti hadis Rasul kerana imam-imam pada pandangannya lebih afdal daripada para Rasul. Oleh itu, ucapan imam pada pandangannya adalah sebagai hukum agama yang wajib dipatuhi sewaktu hidup dan sesudah mereka mati. Beliau berkata di halaman 90 :

*“Kita mengetahui bahawa perintah imam berbeza dengan perintah orang lain daripada mereka. Mengikut mazhab kita, semua perkara yang keluar daripada imam dalam hidup mereka adalah berkuatkuasa dan wajib diikuti sekalipun mereka telah mati.”*

Apabila martabat dan darjah para imam begitu tinggi, maka mereka adalah hujah Allah SWT ke atas makhlukNya. Kita tidak perlu gopoh dengan mengatakan barangkali maksud Khomeini daripada ucapan tersebut bahawa para imam adalah hujah Allah SWT ialah:

*“Mereka adalah penyampai dan penyebar agama semata-mata”*

Khomeini tidak membiarkan orang memahami cakapnya dengan fahaman yang dia tidak maksudkan. Di halaman 78 dia menjelaskan dan mentafsirkan maksudnya:

*“Hujah Allah SWT bermakna semua imam adalah tempat rujukan manusia dalam segala urusan. Allah SWT telah melantiknya dan mempertanggungjawabkan segala tindakan dan pentadbiran yang boleh memberi manfaat dan membahagiakan umat manusia. Maka hujah Allah SWT ialah*

*orang yang Allah SWT lantik untuk melaksanakan hujah ke atas kaum Muslimin yang wajib dilaksanakan dan tidak boleh diabaikan dalam melaksanakan hudud dan dalam memungut ‘khumus’ (satu perlima).*

## **MENJADI KEWAJIPAN**

Ketika mentafsirkan firman Allah SWT yang bermaksud:

*“Sesungguhnya Allah SWT menyeru kamu menunaikan amanah kepada ahlinya”*

Surah an-Nisa’, ayat 58

Beliau berkata:

*“Allah SWT memerintahkan rasul-Nya supaya mengembalikan amanah yakni “imamah” kepada orang yang berhak, iaitu Amirul Mukminin (Ali R.A); dan menjadi kewajipan Ali pula mengembalikannya kepada orang selepasnya. Begitulah seterusnya...”*

Di halaman 84, beliau mentafsirkan makna taat kepada *ulil ‘amri* yakni imam-imam dan mengambil daripada mereka segala pengajaran dan mentaati mereka. Beliau seterusnya mengatakan *ulil ‘amri* adalah imam-imam. Akidah Khomeini terhadap Imam Mahdi adalah satu khurafat besar yang dijadikan oleh Syiah ajaran pokok dalam mazhab mereka. Dengan akidah ini mereka membolehkan ulama dan fuqaha mereka menguasai manusia dan menghalalkan untuk mengambil harta benda mereka.

Mereka mendakwa bahawa Muhammad bin al-Hassan al-Askari, iaitu imam yang kedua belas mengikut kepercayaan mereka telah masuk ke bilik persembunyian (*saradib*) bawah tanah di “*Samarra*” waktu umurnya lima tahun kemudian terus menghilangkan diri hingga ke hari ini. Mereka mempercayai dia masih hidup dan akan muncul semula pada satu hari nanti untuk memenuhi ruang bumi ini dengan cahaya dan keadilan setelah dipenuhi dengan kezaliman dan kemungkarana.

Faedah yang diperolehi oleh pemimpin-pemimpin mazhab *Syiah* dari akidah ini ialah bahawa atas nama Imam Mahdi yang ditunggu-tunggu, mereka memerintah umat manusia dan mentadbirkan urusan mereka tanpa sesiapa pun dapat membantah. Persoalan ini telah disebut oleh Khomeini di beberapa tempat dalam kitabnya, seperti dalam kitab “*Ikmaluddin wa Itmamunnikmah*” yang mengutip daripada kitab “*al-Hukumah al-Islamiah*” pada halaman 76 dan 77. Bacalah halaman itu di mana anda akan melihat cerita yang amat ajaib dan pelik yang dipetik oleh Khomeini daripada kitab “*Ikmaluddin*” dalam bab “*al-Ghaibah*”. Cerita ini disebut oleh “*al-Tubrusi*” dalam kitab “*al-Ihtijaj*”.

Apakah yang disebutkan oleh riwayat ini yang mana ianya dipindahkan secara bersanad? Amat pelik terdapat riwayat yang bersanad seperti ini! Riwayat itu menyebut:

*“Ishak bin Yaaqub berkata: Aku meminta Muhammad bin Uthman al-Umari supaya menyampaikan surat aku yang mengandungi pertanyaan mengenai beberapa masalah yang aku musykil.”*

Anda perhatikan surat ini ditujukan kepada siapa? Ia ditujukan kepada imam yang ghaib melalui salah seorang naibnya, iaitu Muhammad Uthman al-Umari.

Khomeini mengakui riwayat ini dan membenarkannya dengan katanya:

*“Riwayat ketiga adalah jawapan bertulis (التوقيع) daripada imam kedua belas yang masih hidup, iaitu al-Mahdi. Kami akan bentangkan dengan menjelaskan cara mendapat faedah daripadanya.”*

Ya! Lelaki itu (Ishak bin Yaaqub) cuba perhatikan dua nama tersebut, kedua-dua nama yahudi pada asalnya menunjukkan suratnya kepada imam yang ditunggu-tunggu al-Mahdi dan datang jawapan bertandatangan dengan tulisan Maulana Sahibuzzaman (Imam Mahdi yang ghaib). Apa yang menjadi perhatian kita dalam

jawapannya ialah para berikut dijadikan hujah oleh Khomeini mengenai “*Imamatul Faqih*” (kepimpinan ulama) iaitu katanya:

*“Ada pun peristiwa-peristiwa yang berlaku maka hendaklah dirujuk mengenai hukumnya kepada perawi hadis kami, kerana mereka adalah hujah aku ke atas kamu dan aku adalah hujah Allah SWT. Adapun Muhammad bin Uthman al-Umari maka Allah SWT redha kepadanya dan bapanya. Ia adalah orang kepercayaanku, kitabnya adalah kitabku.”*

Dalam komentarnya terhadap khurafat ini, Khomeini berkata:

*“Mereka yang semasa zaman berlakunya keghaiban imam, yang sentiasa berhubung dengan naibnya sementara naib pula menghubunginya dan meminta fatwa darinya tidaklah menanyakan berkenaan dengan tempat rujukan dan berfatwa...”*

Riwayat ini jelas faedah besar yang ditujukan oleh mereka yang membuat dakwaan mengenai keghaiban imam. Tujuan mereka ialah supaya semua urusan umat berada dalam genggaman mereka. Bukan itu saja, malah akidah ini di sisi orang *Syiah* telah sebatи hingga mereka tidak dapat melepaskan diri daripadanya lagi dan keadaan hubungan penganut *Syiah* dengan imam-imam mereka telah menjadi seperti hubungan hamba dengan tuannya. Hal ini kerana imam-imam mereka mengatakan kepada mereka secara dusta bahawa:

*“Periwayat-periwayat hadis kami adalah menjadi hujah ke atas kamu semua.”*

Di sini ingin saya menarik perhatian saudara bahawa Muhammad bin Uthman al-Umari (naib imam yang ghaib) tidak lupa menyelitkan dalam riwayatnya yang palsu itu mengenai kedudukannya yang tinggi dan martabatnya yang besar, di mana ia mendakwa Imam Sahibuzzaman mengatakan,

*“Adapun Muhammad bin Uthman al-Umari, maka Allah SWT redha kepadanya dan bapanya.”*

Dengan akidah ini, akidah “*al-Ghaibah*” ini, siapa saja yang memusuhi Islam dan umatnya, manakala ia sampai ke martabat pimpinan dalam mazhab *Syiah* boleh mendakwa yang ia telah berhubung dengan imam yang ghaib Sahibuzzaman dan imam telah memerintahkan begitu dan begini yang boleh merosakkan negara dan umat. Ia juga boleh mengarahkan tenaga umat *Syiah* untuk memerangi Islam dan merancang pakatan terhadap umatnya.

Khomeini beriman dengan keghaiban imam kedua belas dan mempercayai kembalinya di satu hari nanti. Ini boleh didapati di merata tempat dalam kitabnya, yang menunjukkan bahawa “*al-Ghaibah*” adalah satu akidah yang tertanam kuat dalam fikirannya tanpa boleh diragukan lagi.

Kami petik di sini sebahagian daripada tulisannya mengenai akidah ini, selain dari apa yang telah disebutkan dahulu. Di halaman 26, beliau berkata:

*“Telah berlalu “al-Ghaibah Kubra” (keghaiban besar) bagi imam kita al-Mahdi sejak lebih seribu tahun mungkin beribus tahun akan datang sebelum tibanya keperluan menghendaki kemunculannya yang ditunggu-tunggu itu.”*

Di halaman 47, beliau berkata:

*“Di hari ini, di zaman keghaiban imam tidak ada sebarang nas yang menetapkan orang tertentu untuk mentadbirkan urusan negara.”*

Di halaman 49 pula beliau menyebutkan:

*“Allah SWT telah menyerahkan pemerintahan Islam secara amali yang wajib dibentuk di zaman keghaiban imam.”*

Seterusnya di halaman 144, beliau mensia-siakan seruannya kepada pengikut *Syiah* dengan katanya:

*“Persiapkan diri untuk imam zaman kamu sehingga kamu dapat menyebarkan keadilan di atas muka bumi yang luas ini.”*

Adapun mengenai bagaimana perpindahan “*imamah*” (kepimpinan) dan “*wilayah*” (pemerintahan) kepada imam semasa, beliau berkata di halaman 98:

*“Rasulullah SAW yang sebelum ini memerintah semua urusan manusia telah menentukan pengganti sebagai pemerintahan sesudahnya iaitu Amirul Mukminin (Ali R.A). Kemudian kepimpinan pemerintahan ini berpindah dari satu imam ke satu imam sehingga sampai kepada Imam al-Hujjah yang ada (Imam al-Mahdi yang ghaib)”*

Kita telah mendengar kenyataan yang berulang kali dikeluarkan oleh pemimpin-pemimpin gerakan di Iran, mengatakan bahawa Islam tidak dilaksanakan kecuali dalam masa hayat Rasulullah SAW dan di zaman pemerintahan Saidina Ali bin Abi Talib. Adalah jelas bahawa mereka tidak mengiktiraf zaman-zaman keemasan *Pemerintahan Islam*, iaitu zaman Khulafa ar-Rasyidin, Abu Bakar, Umar dan Uthman R.A. Mereka juga tidak mengiktiraf zaman *Pemerintahan Islam* yang panjang bermula daripada zaman Kerajaan Bani Umaiyyah termasuklah pemerintahan Umar bin Abdul Aziz yang adil, begitu juga zaman pemerintahan Bani Abbasiyah kemudiannya.

Kiranya mereka mengatakan bahawa ada penyelewengan dan keburukan pada sesetengah pemerintahan Bani Umaiyyah dan Bani Abbasiyah, maka sudah tentu kita tidak mengingkari mazhab mereka. Akan tetapi mereka menghukum secara total dan umum tanpa mengiktiraf zaman silam umat Islam serta menuduh seluruh umat Islam di sepanjang zamannya temasuklah zaman Khulafa ar-Rasyidin telah menyeleweng.

Khomeini ini tidak terkeluar daripada pegangan *Syiah* dalam perkara ini. Ia menetapkan mazhabnya dengan menggunakan dalil-dalil *Syiah* yang menyeleweng dan dusta. Khomeini tidak menyebut seorang pun dari khalifah-khalifah Abu Bakar, Umar, Uthman dan juga sahabat-sahabat R.A yang lain dengan sebutan yang baik, malah nama mereka pun tidak mendapat tempat dalam kitabnya.

Apabila perlu berdalil, ia hanya menyebut Rasulullah SAW dan Ali sahaja. Lihat katanya di halaman 46:

*“Beginilah perjalanan yang berlaku di masa Rasulullah SAW sehingga zaman ghaibnya Imam mereka ‘Sahibuzzaman’ adalah jelas diketahui seperti yang tersebut di halaman 47: “Pandangan Syiah mengenai mereka yang layak memerintah manusia adalah jelas diketahui sejak wafatnya Rasulullah SAW hingga zaman ghaibnya Imam pada pandangan mereka ialah seorang yang mengetahui hukum dan undang-undang serta adil dalam melaksanakannya.”*

## PANDANGAN BARU

Saya mahu anda sebagai pembaca memerhati dengan baik perkataan orang yang mereka gelarkan dengan Ayatollah ini:

*“Sejak wafat Rasulullah SAW hingga zaman ‘ghaibah’ (ghaib imam)”*

Dia telah menafikan hingga zaman Abu Bakar, Umar dan Uthman R.A.

Mereka pada pandangan *Syiah* Khomeini, tidak berhak memerintah umat manusia. Nas ini jelas tanpa perlu ditakwil lagi. *“Pada pandangan Syiah mengenai mereka yang layak memerintah manusia telah diketahui dengan jelas.”*

Perhatikan katanya *“telah diketahui”*. Dia berpegang dengan mazhab *Syiah* yang diketahui umum dan tidak membawa sebarang pandangan baru. *“Sejak wafatnya Rasulullah hingga zaman ghaibnya imam”*, perhatikan masa yang dihadkan oleh Khomeini ini. Masa ini mengandungi zaman pemerintahan Bani Umaiyyah dan Bani Abbasiyah.

Adapun pandangannya mengenai pemerintahan selepas itu, maka ia telah menggariskannya di halaman 33 dengan katanya:

*“Di zaman permulaan Islam, Bani Umayyah dan mereka yang sama dengannya telah berusaha menghalang tegaknya pemerintahan Ali bin Abu Talib, sedangkan ia diredhai di sisi Allah SWT dan Rasul-Nya. Segala usaha mereka yang jahat itu telah mengubah cara pemerintahan dan sistemnya serta menyeleweng daripada Islam, kerana programnya menyalahi arah dan pengajaran Islam. Kemudian selepas mereka, datang pula Bani Abbasiyah yang juga mengikut jejak yang sama sehingga pemerintahan bertukar menjadi kekuasaan dan kerajaan warisan yang menyerupai pemerintahan ‘Kisra’ Parsi, ‘Qaisar’ Rom dan ‘Firaun’ Mesir. Hal ini berterusan hingga ke hari ini.”*

Perhatikan bagaimana ia menyebutkan secara umum dengan katanya: “*dan berterusan hingga hari ini*,” yakni dari zaman Ali bin Abu Talib hingga ke hari ini tidak ada *Pemerintahan Islam*. Semuanya pemerintahan adalah *taghut* dan zalim dan *Pemerintahan Islam* telah tergendala.

Khomeini berkata lagi di halaman 79:

*“Allah SWT menjadikan Amirul Mukminin (Ali R.A) sebagai hujah ke atas mereka yang menentangnya dan menyalahi pemerintahannya, seperti Muawiyah dan semua pemerintahan Bani Umayyah, Bani Abbasiyah serta semua pembantu dan penolong mereka kerana merampas hak Ali dan memegang jawatan yang mereka tidak berhak memegangnya.”*

Khomeini menyatakan dengan jelas pandangannya. Dia menukilkan riwayat yang menganggap berhakimkan selain dari imam-imam *Syiah* dan kepada yang lain dari ulama fiqh *Syiah* sebagai berhakimkan kepada ‘*taghut*’. Dia menganggap semua kerajaan yang lain daripada kerajaan *Syiah* sebagai kerajaan yang menyeleweng dan zalim.

Katanya di halaman 79:

*“Dan Allah SWT yang menghukum pemerintah yang zalim dan semua kerajaan yang menyeleweng daripada ajaran*

## MENGENAL HAKIKAT SYIAH

*Islam dan mengenakan hukuman ke atas segala apa yang mereka lakukan.”*

Kita telah mengetahui daripada perkataannya sebelum ini bahawa pemerintah-pemerintah Ahli Sunnah wal Jamaah antaranya ialah Khulafa ar-Rasyidin yang tiga termasuk dalam pemerintah yang zalim pada pandangan *Syiah*. Khomeini seterusnya memetik perkataan Saidina Husain mengikut dakwaan mereka mengenai pemerintahan yang wujud di zamannya:

*“Barangsiapa yang berhakimkan mereka semua sama ada perkara yang hak atau batil, maka sesungguhnya mereka berhakimkan kepada taghut”*

Dan apa yang diterima hasil daripada berhakimkan *taghut* adalah dianggap haram, sekalipun yang diambilnya itu adalah haknya yang sebenar. Kerana ia mengambilnya mengikut hukum-hukum *taghut*, sedangkan Allah SWT telah memerintahkan supaya kufur dengannya. Firman Allah SWT, maksudnya:

*“Mereka mahu berhakimkan taghut, sedangkan mereka diperintahkan kufur dengannya.”*

Surah an-Nisa', ayat 60

Berkata Khomeini mengenai nas tadi:

*“Imam dalam rangka jawapannya terhadap soalan yang bertanya telah menegah sebarang rujukan kepada pemerintah yang zalim dalam perkara yang berhubung dengan hak atau pembalasan dengan tegahan secara umum. Ini bermakna sesiapa yang rujuk kepada mereka, sesungguhnya ia telah rujuk pada hukumnya, sedangkan Allah SWT telah memerintah supaya kufur dengannya...”*

Khomeini berpendapat cara ini mesti berterusan hingga terbengkalai segala jabatan-jabatan pemerintah yang zalim bukan sehingga datangnya pemerintah Islam yang adil, tetapi sehingga pemerintahan dipegang oleh imam atau mereka yang dilantik oleh

imam untuk memerintah umat manusia. Ini bermakna bahawa, setiap pemerintah yang bukan imam atau dilantik oleh imam, maka ia termasuk dalam pemerintah yang zalim (lihat halaman 87 dan 88).

Dalam menyatakan pandangannya ini, Khomeini berdalilkan pernyataan yang diriwayatkan oleh *Syiah* dari Imam Jaafar al-Sodiq:

*“Sesungguhnya aku telah menjadikannya sebagai pemerintah ke atas kamu.”*

Semua manusia adalah wajib berhakimkan ulama yang dilantik dan mereka ialah Ulama *Syiah* sahaja, seperti yang ditegaskan oleh beliau:

*“Mereka tidak berhak merujuk kepada yang lain darinya (selain dari ulama fiqh Syiah) (halaman 88)*

Khomeini berkata di halaman 60:

*“Setengah periwayat hadis berdusta atas nama Nabi SAW dengan meriwayatkan hadis-hadis yang tidak disabdarkan oleh Baginda seperti Samurah bin Jundub, dia mereka-reka hadis yang menyentuh kehormatan Amirul Mukminin.”*

Dalam serangannya ke atas kerajaan-kerajaan yang zalim di halaman 71, beliau memasukkan Muawiyah ke dalam senarai sasarannya dengan katanya:

*“Kerajaan Islam itu ialah kerajaan memberi ketenangan dan keamanan kepada manusia dan tidak memusnahkan keamanan dan ketenangan mereka seperti kebanyakan yang kamu saksikan, di mana orang yang hidup di bawah penindasan dalam keadaan takut dan gelisah. Setiap saat ia takut dirinya diserang di rumahnya serta dicabut nyawa, harta dan segala yang dimiliki olehnya.”*

Kemudian beliau berkata tentang Muawiyah:

*“perkara seperti yang telah berlaku di zaman Muawiyah. Ia membunuh manusia dengan berdasarkan sangkaan dan tuduhan, menahan mereka begitu lama, membuang negeri dan mengeluarkan mereka daripada kampung mereka dengan cara yang tidak hak, mereka hanya mengucapkan Tuhan kami Allah SWT sahaja.”*

Kemudian beliau berkata:

*“Kerajaan Muawiyah tidak sedikit pun melambangkan kerajaan Islam dari dekat dan jauh.”*

Antara orang yang secara khusus menjadi sasarannya ialah khalifah Harun al-Rasyid yang dipandang oleh Syiah sebagai jahil di halaman 133:

*“Ini dia tarikh menceritakan kepada kita mengenai orang jahil yang memerintah manusia tanpa sebarang kelayakan, Harun al-Rasyid, apakah pengetahuan yang diperolehnya? Begitu juga mereka yang sebelum dan sesudahnya.”*

Lihat katanya “sebelum dan sesudahnya”, saudara dapat mengetahui bahawa Khomeini menuju sedemikian semua pemerintah sebelum dan sesudahnya sudah tentu terkecuali imam-imam Syiah dan lihat perkataannya mengenai Harun al-Rasyid dan al-Makmun, bagaimana ia menuju mereka sebagai pemimpin yang zalim. Antara manusia yang paling banyak melakukan kerosakan seperti yang diceritakan dalam sejarah Islam, ialah al-Thusi dan al-Qaddah. Mereka telah melakukan jenayah yang amat besar terhadap Ahli Sunnah wal Jamaah.

Berkata Syeikh Muhibuddin al-Khatib dalam bukunya “*al-Khuthut al-Aridah*” mengenai al-Thusi:

*“Setelah pendeta dan ulama Syiah an-Nusair al-Thusi mengarang syair memuji Khalifah Abbasiyah al-Musta’sim, ia secara tiba-tiba berbalik menghasut dan mengusahakan*

*kehancuran umat Islam di Baghdad. Ia datang bersama angkatan panglima Tatar, Hulagu dan turut serta mengendalikan penyembelihan besar-besaran terhadap umat Islam Baghdad lelaki dan perempuan, kanak-kanak dan orang tua. Ia juga merestui kitab-kitab ilmu pengetahuan dibuang ke dalam sungai Dajlah..."*

Al-Thusi mendapat penghormatan dan pujian yang tinggi daripada as-Syeikh al-Khomeini. Ia menganggap kerja-kerja dan perbuatan jenayahnya sebagai khidmat besar Islam. Berkata Khomeini:

*"Manusia merasa rugi juga dengan kehilangan al-Khawajah Nusairudin al-Thusi dan orang-orang seumpamanya, yang telah memberikan khidmat yang besar terhadap Islam."*

Perhatikan gelaran "al-Khawajah" yang diberikan kepada al-Thusi dan perhatikan perkataannya "khidmat besar". Di halaman 142 ia menyingkapkan sebahagian dari "khidmat besar" ini, bila dia bercakap mengenai "taqiyah" yang menurutnya tidak harus dalam semua keadaan, tetapi dalam keadaan tertentu sahaja. Dia memberi contoh "keadaan tertentu" itu dengan katanya (hlm. 142):

*"Melainkan kemasukan ke dalam pemerintah secara zahir itu boleh memberi kemenangan hakiki kepada Islam dan umat Islam seperti masuknya Ali bin Yaqtin dan Nusairudin al-Thusi – moga-moga Allah SWT mencucuri rahmat ke atas kedua-duanya."*

Maksud "masuk secara zahir" itu ialah kemasukan al-Thusi ke dalam pemerintahan al-Musta'sim, Khalifah Abbasiah yang terakhir memegang jawatan Menteri. Ia masuk dengan tujuan melaksanakan niat jahat orang Syiah dan al-Thusi ini telah menjalankan fungsinya dengan begitu berjaya sekali. Ia telah menyediakan kemudahan dan suasana yang sesuai untuk Hulagu menyerang Baghdad. Dengan jasa yang telah dilakukan oleh Nusairudin al-Thusi ini, tidak lain dari apa yang telah kami sebutkan sebelum ini, iaitu mengendalikan penyembelihan dan penumpahan darah besar-besaran ke atas umat Islam Baghdad. Dan lihat bagaimana Khomeini memohon

doa restu ke atas mereka dan menganggap perbuatan mereka sebagai memberi kemenangan hakiki kepada Islam.

*Syiah memalsukan hakikat dan menyelewengkan sejarah. Adakah benar apa yang disebutkan oleh Khomeini di halaman 146?:*

*"Imam-imam kita dan pengikut-pengikut mereka di sepanjang sejarah sentiasa menentang pemerintah yang zalim di setiap tempat dan sama sekali tidak berdamai dengan mereka. Dengan sebab itu mereka ditimpa oleh pelbagai bencana dan kesusahan."*

Apa yang dilakukan oleh orang *Syiah* ialah menentang pemerintah-pemerintah umat Islam dan pendakwah-pendakwah as-Sunnah di setiap tempat, kadang-kadang secara terang dan kadang-kadang secara menggunting dalam lipatan. Sekiranya tidak, di mana tugas menunjukkan jalan-jalannya? Perhatikan bagaimana sangkaan bagi Ahli Sunnah wal Jamaah terhadap mereka sampai dilantik menjadi Menteri dan perhatikan bagaimana dendam kesumat orang Majusi terhadap Islam.

Syeikh Muhammad Abu Zuhrah menyebut mengenai Menteri *Syiah* dalam bukunya "*Tarikh al-Mazahib al-Islamiah*" dengan katanya:

*"... hingga apabila Tatar datang ke Baghdad, perbalahan antara Syiah dan Sunnah begitu memuncak. Dan Menteri Negara waktu itu seorang Syiah, iaitu Menteri al-Alqami. Ia lalu mengurangkan bilangan tentera hingga Tatar dapat memasuki Baghdad tanpa sebarang kesusahan. Tentera Tatar kemudian meneruskan perjalanan dengan menghancurkan segala apa yang mereka temui."*

Beliau seterusnya memetik apa yang ditulis oleh ahli sejarah Islam, Ibnu Athir mengenai kisah kehancuran Baghdad di tangan Tatar. Kata Ibnu Athir:

*"... kerja ini mengandungi sebutan tentang kisah peristiwa yang hebat dan bencana yang paling besar melanda seluruh negara Islam yang tak mungkin dapat dilihat lagi*

*seumpamanya. Bencana ini menimpa seluruh makhluk, khususnya umat Islam. Kalaulah ada orang berkata bahawa alam ini, sejak Allah SWT menjadikan Adam hingga sekarang tidak pernah ditimpa bencana seumpamanya, nescaya kata-kata itu benar. Kerana dalam sejarah tidak ada yang dekat atau menghampirinya. Barangkali sekalian makhluk tidak akan melihat peristiwa seumpama ini sehingga hancur alam kecuali ketika datang Ya'juj wa Ma'juj... mereka ini (tentera Tatar) tidak membiarkan seorang pun hidup, malahan mereka membunuh perempuan, lelaki dan kanak-kanak. Mereka membelah perut perempuan yang mengandung dan membunuh anak dalam kandungan.”*

Orang yang terbabit bersama Hulagu dalam melakukan jasa-jasa seperti inilah yang disanjung dan dipuja oleh Khomeini di samping memanjatkan doa restu kepada mereka

*“... maka hendaklah mengambil iktibar wahai sekalian orang yang mempunyai matahati”*

Surah al-Hasyr (2)

*Syiah* memerangi pemerintahan beraja secara warisan, tetapi di waktu yang sama mereka berpegang kepada akidah yang “tidak sah agama melainkan dengan berpegang kepadanya”, iaitu pemerintahan itu hakim dan juga pengikut imam daripada kalangan *Syiah* sahaja. Mereka menyeru supaya dihapuskan sistem beraja, kemudian mereka bertukar menjadi orang yang menuntut pemerintahan secara warisan daripada kalangan pengikut-pengikut mereka sahaja.

*Syiah* mendakwa mereka akan memerangi Yahudi dan mengembalikan Palestin. Kita tahu mereka hanya akan memperdagangkan persoalan Palestin seperti yang telah diperdagangkan oleh orang lain. Dan jika sekiranya mereka benar dalam dakwaan itu, maka sudah tentu mereka berpendapat bahawa jalan ke Quds tidak mungkin sampai kecuali melalui penguasaan ke atas Mekah dan Madinah. *Syiah Lubnan* adalah satu contoh yang jelas. Sepanjang peristiwa yang menyedihkan di Lubnan, orang

*Syiah* mengasingkan diri. Mereka tidak memberikan sebarang bantuan kepada orang Islam dan Palestin, malah mereka menjadi punca malapetaka ke atas orang Islam. Saya akhiri tulisan saya ini dengan memetik kata-kata Khomeini dalam pertemuannya dengan majalah “*al-Kifah al-‘Arabi*” yang dilampirkan di dalam bukunya “*Pemerintahan Islam*” cetakan Kuwait halaman 165. Khomeini berkata:

*“Syiah telah mencuba sejak dari awal lagi mengasaskan negara keadilan Islam. Oleh kerana negara atau pemerintah telah wujud sebenarnya pada zaman Rasulullah SAW dan zaman al-Imam Ali R.A, maka kita beriman ia mungkin diwujudkan semula, tetapi orang yang zalim sepanjang sejarah menghalang ke arah pelaksanaan Islam dalam semua aspek.”*

Khomeini menganggap bahawa negara Rasulullah SAW adalah negara *Syiah*. Dia mendakwa bahawa *Syiah* telah tegak di zaman Rasulullah SAW dan zaman Saidina Ali bin Abu Talib. Kerajaan ini adalah kerajaan keadilan dan bahawa orang zalim telah menghalang ke arah pelaksanaan Islam.

Siapakah orang yang zalim itu? Tidak syak bahawa mereka adalah semua pemerintah Islam yang datang sebelum dan sesudah Saidina Ali bin Abu Talib R.A seperti yang kami telah sebutkan dahulu. Saya tidak ingin Ahli Sunnah wal Jamaah masih berada dalam keadaan leka dan lalai sehingga tiba bendera hitam dari Iran. Ketika itu mereka akan tersedar daripada kelekaan dengan dentuman sejata, di mana penyesalan tidak berguna lagi.

Inilah dia kata-kata Khomeini saya kemukakan kepada anda sebagai pembaca. Apa yang tersembunyi di sebalik kata-katanya itu lebih besar dan hebat lagi. Maka janganlah terpedaya dengan kata-kata manis tetapi beracun yang mereka gunakan untuk memancing persaudaraan dengan Ahli Sunnah wal Jamaah.

Persaudaraan yang mereka laung-laungkan itu adalah persaudaraan yang tak punya rasa dan nilai sama sekali setelah kita melihat apa

yang dilakukan oleh *Syiah* dan pengikut-pengikutnya di sepanjang sejarah Islam. Dan akhir doa kami ialah :

“Segala puji hanya untuk Allah SWT, Tuhan sekalian alam...



# SEJARAH PERKEMBANGAN SYIAH DAN PERKAITANNYA DENGAN AHLI BAIT

## SYIAH GENERASI PERTAMA

Perkataan “*Syiah*” pada asalnya digunakan dengan makna *pengikut* atau *pembantu* seseorang seperti kata az-Zubaidi dalam kitabnya Taj al-‘Arus:

كُلُّ قَوْمٍ اجْتَمَعُوا عَلَىٰ أَمْرِهِمُ الشِّيَعَةِ ، وَكُلُّ مَنْ عَارَفَ إِنْسَانًا  
وَتَحَزَّبَ لَهُ فَهُوَ شِيَعَةُ لَهُ

**Maksudnya:** “*Setiap kaum yang berkumpul bagi sesuatu tujuan maka mereka merupakan Syiah dan setiap orang yang menolong seseorang dan menyebelahinya maka ia disebut Syiah kepadanya.*”

Pada awal Islam, perkataan “*Syiah*” hanya digunakan dengan pengertian asal ini, iaitu penyokong bagi kumpulan-kumpulan yang bertelalah dalam perkara-perkara yang berhubung dengan siasah atau pengurusan negara. Perkataan ini banyak digunakan ketika berlaku pertikaian antara Mu’awiyah dan Saidina Ali R.A selepas

kewafatan Saidina Uthman R.A. Pada hakikatnya pertikaian antara dua kumpulan ini hanya bersifat siasah semata-mata dan tidak membabitkan akidah dan pegangan agama. Saidina Ali meminta Mu'awiyah memberikan bai'ah kepadanya memandangkan pelantikannya sebagai Khalifah adalah sah. Manakala Mu'awiyah meminta Saidina Ali mengambil tindakan terlebih dahulu terhadap para pembunuh Saidina Uthman R.A yang menyertai pasukannya (pasukan Saidina Ali) sebelum ia dan para pengikutnya dapat mengiktiraf beliau (Saidina Ali) sebagai khalifah. Daripada sini, para pengikut Saidina Ali disebut "Syiah Ali", manakala pengikut Mu'awiyah disebut sebagai "Syiah Mu'awiyah"

Inilah asal penggunaan perkataan "Syiah". Namun penggunaannya berkembang kepada pengertian yang khusus seperti yang disebut oleh Ibnu Athir dalam kitab al-Nihayah

وقد غالب هذا الإسلام على كل من يزعم أنه يتولى علياً رضي  
الله عنه وأهل بيته حتى صار لهم إسمًا خاصًا

**Maksudnya:** "Nama ini kemudiannya digunakan secara meluas kepada setiap mereka yang mendakwa sebagai pengikut setia Saidina Ali dan Ahlul Bait sehingga perkataan "Syiah" menjadi nama khusus bagi mereka."

Perhatikan perkataan "yaz'um" (mendakwa) yang digunakan oleh Ibnu al-Athir yang membawa maksud bahawa mereka sebenarnya tiada kaitan dengan Saidina Ali dan Ahlul Bait. Nama Saidina Ali dan Ahlul Bait digunakan sebagai topeng bagi melindungi ajaran bidaah yang mereka bawa dengan tujuan meruntuhkan Islam.

Telah disebutkan sebelum ini bahawa perselisihan antara Saidina Ali dan Mu'awiyah bersifat siasah semata-mata. Ini bermakna para penyokong Saidina Ali pada ketika itu tidak menganuti akidah seperti yang dianuti oleh Syiah hari ini seperti membenci para sahabat khususnya Saidina Abu Bakar dan Umar R.A, mengingkari al-Quran dan juga sunnah Rasulullah SAW dan sebahagiannya daripada ajaran-ajaran yang diserapkan oleh Abdullah bin Saba',

seorang Yahudi yang berasal daripada Yaman. Malah antara syarat *sulh* (perdamaian) yang dikenakan oleh Saidina al-Hassan sebelum menyerahkan kuasanya kepada Mu'awiyah ialah bahawa Mu'awiyah perlu mengikut jejak langkah al-Khulafa al-Rasyidin. Sekiranya al-Hassan menganggap Mu'awiyah sebagai kafir, sudah tentu beliau tidak menyerahkan kuasanya dan tidak menyuruh adiknya al-Hussain serta ketua tenteranya, Qais bin Said supaya berbai'ah kepada Mu'awiyah.

### **PERKEMBANGAN SYIAH KEPADA RAFIDHAH (رافضية)**

Bagi menggambarkan perkembangan ini, saya nukilkian di sini tulisan Ihsan Ilahi Zahir dalam kitabnya “*al-Syiah wa al-Tasyayyu'*”

*“Selepas zaman ini, berlaku perkembangan dan perubahan pengikut-pengikut Syiah. Mereka terpengaruh dengan pemikiran-pemikiran Yahudi, Majusi dan Nasrani, serta menganut akidah-akidah asing yang diseludupkan ke dalam Islam, disebabkan dendam mereka terhadap pemerintah Islam dan kerana terpedaya dengan penyelewengan dan pemalsuan oleh golongan zindiq daripada kalangan Yahudi dan Majusi. Dan yang mengepalai kegiatan penyusupan akidah dan pemikiran yang menyeleweng ini ialah ‘Abdullah bin Saba’, seorang ejen Yahudi yang menggunakan pemelukan Islam sebagai tabir bagi menutup rencana dan kegiatannya yang merosakkan itu. Dia jugalah orang yang membangkitkan fitnah dan menggerakkan pemberontakan untuk menjatuhkan khalifah Islam ketiga, Saidina Uthman bin ‘Affan R.A.”*

Sekalipun golongan yang digelar dengan gelaran *Assaba'iyyah* ini kemudiannya berpecah kepada beberapa puak, namun kesemuanya berpegang dengan asas-asas pemikiran yang digagaskan oleh Abdullah bin Saba' yang bertujuan merosakkan akidah, menghancur dan mengubah syariah serta memecahbelahkan umat Islam. Menjelaskan ini, Abu al-Muzaffar al-Asfiraini dalam kitabnya “*al-Tabsis fi al-Dir*” menulis:

*“Dan ketahuilah bahwa semua firqah Imamiah yang kami sebutkan itu sekata dalam mengkafirkan sahabat, mendakwa berlaku kekurangan dan perubahan pada al-Quran yang dilakukan oleh para sahabat. Dengan itu al-Quran yang ada pada hari ini tidak boleh dijadikan pegangan, demikian juga hadis-hadis yang diriwayatkan oleh para sahabat. Mereka juga mendakwa terdapat nas dalam al-Quran yang menetapkan Saidina Ali sebagai Imam tetapi telah digugurkan oleh para sahabat...”*

Gelaran golongan ini yang diberikan oleh Ahlul Bait sendiri sebenarnya adalah “*Rafidhah*” (tersisih). Kitab “*al-Raud al-Nadhir*” menyebut riwayat daripada Isa bin Yunus, katanya:

*“Adapun Rafidhah, maka permulaan kelahiran ialah ketika sekumpulan pengikut Imam Zaid bin Ali datang menemuinya dan meminta beliau menolak kepimpinan Abu Bakar dan Umar R.A sebagai syarat untuk mereka menyokongnya. Imam Zaid menolak permintaan mereka dan menegaskan yang beliau tetap menerima keduanya sebagai Khalifah. Mereka lalu mengatakan: إِذَا نَرْفَضْكُ (kalau begitu, kami menolak kepimpinan kamu). Imam Zaid menjawab: فَأَنْتُمْ الرَّافِضُةُ (maka kamu semua adalah Rafidhah).”*

Malah gelaran *Rafidhah* ini diberi oleh Rasulullah SAW sendiri seperti yang terdapat dalam hadis riwayat al-Darqutni daripada Ali R.A, sabda Rasulullah SAW:

**سَيَّاطِي قَوْمٌ لَهُمْ نَزَّ يَقُولُ لَهُمُ الرَّفِضَةَ...**

**Maksudnya:** “Akan datang selepasku satu kaum, mereka mempunyai gelaran yang dipanggil ‘al-Rafidhah’ (yang menolak kekhilafahan Syaikhain; Abu Bakar dan Umar).”

Berdasarkan keterangan di atas, maka sebahagian ulama tidak menamakan golongan ini sebagai “*Syah*” sebaliknya mereka disebut “*Rafidhah*”. Misalnya Imam Syafie pernah berkata seperti yang diriwayatkan oleh Harmalah:

## لَمْ أَرْ أَحَدًا بِالنَّزُورِ مِنْ الرَّفِضَةِ

**Maksudnya:** “Aku tidak pernah melihat seseorang yang paling banyak berdusta selain daripada golongan Rafidhah”

Ini ialah kerana mereka tidak layak dan tidak berhak dipanggil *Syiah* kerana *Syiah* di zaman awal ialah mereka yang berpandangan Saidina Ali R.A lebih utama daripada Saidina Uthman R.A sebagai khalifah. Mereka pada hakikatnya adalah Ahli Sunnah wal Jamaah kerana persoalan tersebut adalah perkara ijihad yang tidak membabitkan akidah.

Maka bertolak daripada perkembangan dan perubahan dalam akidah *Syiah*, pengertian *ghuluw* atau keterlaluan juga turut berubah. Menurut Imam al-Zahabi, sifat *ghuluw* di zaman salaf disebut kepada mereka yang memperkatakan sesuatu terhadap Saidina Uthman R.A, az-Zubair, Thalhah dan Mu'awiyah. Sedangkan *ghuluw* di zaman mutakhir ialah mereka yang mengkafirkan sahabat, menolak kekhilafahan Saidina Abu Bakar dan Saidina Umar R.A serta menganut akidah yang menyesatkan seperti yang disebut sebelum ini iaitu yang digelar *Rafidhah*.

Atas dasar perubahan pengertian ini jugalah kita dapat terdapat di kalangan ahli hadis yang diterima riwayat mereka yang dikatakan sebagai cenderung kepada *tasyayyu'* (berfahaman *Syiah*).

Berdasarkan huraian di atas, maka penggunaan gelaran “*Syiah*” bagi *firqah* Imamiah Ithna Asyarah (imam dua belas) adalah mengelirukan. Lebih mengelirukan lagi apabila dalam mentakrifkan golongan ini disebutkan sebagai pengikut Saidina Ali, atau pengikut Ahlul Bait, kerana seperti yang akan dijelaskan selepas ini mereka tiada kaitan dengan Saidina Ali R.A mahupun Ahlul Bait. Mereka adalah *al-Saba'iyyah* atau *al-Rafidhah*.

Namun dalam konteks penulisan atau perbahasan, gelaran *al-Rafidhah* semata-mata sukar dikenali. Oleh yang demikian, dalam tulisan ini saya menggunakan gelaran “*Syiah Rafidhah*” bagi merujuk kepada golongan ini untuk tujuan pengenalan. Perkataan

“Rafidhah” perlu digunakan kerana ia adalah gelaran yang diberi oleh Rasulullah SAW dan Ahlul Bait sendiri. Selain daripada itu, ia dapat membezakan *firqah dhollah* (kumpulan sesat) ini dengan sebahagian Salaf yang mengambil pendirian yang berbeza daripada jumhur ummah bersabit siapakah yang lebih utama untuk menjadi khalifah antara Saidina Ali dan Saidina Uthman selepas Saidina Umar R.A. Seperti yang disebutkan sebelum ini, mereka tergolong daripada Ahli Sunnah wal Jamaah sekalipun ada di antara mereka yang bersifat *ghuluw* dalam pendirianya kerana sahabat tidak maksum menurut pegangan Ahli Sunnah wal Jamaah wal Jamaah.

## SYIAH RAFIDHAH TIADA KAITAN DENGAN AHLUL BAIT

Melihat kepada akidah serta amalan mereka yang bertentangan dengan al-Quran, sunnah Rasulullah SAW, sunnah Khulafa al-Rasyidin serta para sahabat R.A dan Ahlul Bait, adalah jelas golongan *Rafidhah* ini tiada hubungan dengan Ahlul Bait. Saya berpendapat gambaran yang diberikan oleh Ahmad Amin dalam bukunya “*Fajrul Islam*” mengenai golongan ini sangat tepat:

وَالْحَقُّ أَنَّ التَّشِيعَ كَانَ مَأْوَىً بِلْجَاءَ إِلَيْهِ كُلُّ مَنْ أَرَادَ هَدْمَ الْإِسْلَامِ  
لِعَدَاوَةٍ أَوْ حَقْدٍ ، وَمَنْ كَانَ يُرِيدُ إِذْخَالَ تَعَالَمَ آبَائِهِ مِنْ يَهُودِيَّةٍ  
وَنَصَارَىٰ وَزَرْدَشْتِيَّةٍ وَهَنْدِيَّةٍ... كُلُّ هُؤُلَاءِ كَانُوا يَنْحِذُونَ حَبَّ أَهْلِ  
الْبَيْتِ سَتَارًا يَضْعُونَ وَرَاءَهُ كُلُّ مَا شَاءُتْ أَهْوَاءُهُمْ

**Maksudnya:** “Pada hakikatnya *tasyayyu'* (menganut Syiah) telah menjadi tempat berlindung bagi setiap mereka yang ingin meruntuhkan Islam kerana permusuhan atau dengki, dan mereka ingin memasukkan ajaran nenek moyang mereka seperti Yahudi, Nasrani, Zoroaster dan Hindu. Semua mereka menjadikan kasih kepada Ahlul Bait sebagai tabir untuk menutup tujuan mereka yang sebenar.”

Sebenarnya terdapat banyak bukti yang diriwayatkan daripada kalangan Ahlul Bait sendiri bermula daripada Saidina Ali hingga anak cucu Baginda yang mengutuk tindakan kumpulan ini menggunakan nama Ahlul Bait dalam kegiatan mereka menyebarkan ajaran bidaah, sesat dan kufur di kalangan orang ramai. Kitab *Tasbit Dalail al-Nubuwah* oleh al-Hamzani menyebut bahawa Suwaid bin Ghafalah seorang pembantu Saidina Ali memberitahu beliau bahawa terdapat sekumpulan orang yang mendakwa sebagai pengikut Saidina Ali R.A mencerca Saidina Abu Bakar R.A dan Saidina Umar R.A atas nama beliau. Saidina Ali R.A lalu mengatakan:

*“Aku berlindung kepada Allah SWT, daripada sebarang sangka buruk terhadap keduanya. Leknas Allah SWT terhadap sesiapa yang menyimpan sebarang perasaan tidak baik terhadap mereka.”*

Beliau kemudian memasuki masjid dan menyampaikan khutbah ringkas. Antara kandungannya ialah:

*“Aku mendapat tahu ada golongan yang menyebut dua penghulu Quraisy dan bapa kaum Muslimin dengan perkara yang aku bersih (berlepas diri) daripadanya malah aku akan kenakan hukuman terhadap orang yang memperkatakannya. Demi Allah SWT, tiada yang mengasihi keduanya melainkan ia seorang mukmin yang bertakwa dan tiada yang membenci keduanya melainkan ia adalah orang jahat lagi kotor (faajirun radi’i)”*

Di akhir khutbahnya ini, beliau mengakui kelebihan Saidina Abu Bakar R.A dan Saidina Umar R.A ke atas seluruh umat selepas Nabi SAW:

*“Sesungguhnya orang yang terbaik daripada kalangan umat ini selepas Nabi SAW ialah Abu Bakar dan Umar, kemudian Allah SWT lebih mengetahui siapakah yang terbaik selepas keduanya.”*

Ali bin al-Hussain Zainul Abidin (cucu Ali yang didakwa oleh golongan *Rafidhah* sebagai Imam keempat mereka), ketika menggambarkan hubungan Ahlul Bait dengan kumpulan sesat ini menyatakan:

*“Sesungguhnya Yahudi kasih kepada Uzair hingga mereka mengatakan tentangnya, Uzair bukan daripada mereka, dan mereka bukan daripada Uzair. Kaum Nasrani mengasihi Nabi Isa hingga mereka mengatakan bahawa Isa bukan daripada mereka dan mereka bukan daripada Isa. Keadaan kami (Ahlul Bait) juga demikian. Segolongan pengikut kami akan mengasihi kami sehingga mereka kata pada kami apa yang dikata oleh Yahudi pada Uzair dan Nasrani pada Isa, mereka bukan daripada golongan kami dan kami bukan daripada golongan mereka.”*

Muhammad bin Ali al-Baqir yang dianggap oleh *Syiah Rafidhah* sebagai Imam kelima berkata kepada salah seorang sahabatnya Jabir al-Jufi:

*“Wahai Jabir, sampai kepadaku bahawa segolongan mereka yang mendakwa mengasihi kami di Iraq mencerca Abu Bakar dan Umar, mereka mendakwa aku yang menyuruhnya. Sampaikan kepada mereka, aku dengan nama Allah SWT membersihkan diriku daripada mereka. Demi Allah SWT jika aku menjadi pemerintah pasti aku akan mendekatkan diri kepada Allah SWT dengan darah mereka.”*

**لَوْلَيْتُ لِتَقْرِبَ إِلَى اللَّهِ تَعَالَى بِدَمَائِهِمْ**

Dengan demikian kita lihat bagaimana Ahlul Bait tiada sebarang kaitan dengan puak *Syiah Rafidhah*, malah sebaliknya mereka mengutuk kegiatan golongan ini yang menyebarkan ajaran-ajaran yang bertentangan dengan Islam dan mengancam akan mengambil tindakan paling keras jika sekiranya mereka mempunyai kuasa.

Saya berpendapat adalah benar apa yang dikatakan oleh Sheikh Abdul Aziz Muhammad al-Zubairi mengenai golongan ini dalam kitabnya “*Izhabu fa Antum al-Rafidhah*”

وَالشِّيْعَةُ الرَّافِضَةُ هُمْ فِرْقَةٌ مِّنْ أَعْدَاءِ الْإِسْلَامِ، تَظَاهَرُوا بِمَحَبَّةِ آلِ  
البَّيْتِ كَذِبًا وَزُورًا ، وَدَعُوا النَّاسَ لِلتَّشْيُعِ فِيهِمْ ، وَنَسَبُوا إِلَى آلِ  
البَّيْتِ مَا لَمْ يَقُولُوهُ ، وَرَوَوُا عَنْهُمْ مَا لَمْ يَفْعَلُوهُ

*“Syiah Rafidhah adalah satu puak daripada golongan musuh Islam, mereka berpura-pura mengasihi Ahlul Bait secara dusta dan palsu, mengajak manusia menganut fahaman Syiah, menyebar ajaran-ajaran yang menyesatkan atas nama Ahlul Bait serta meriwayatkan perkara-perkara yang tidak dilakukan oleh mereka (Ahlul Bait).”*

Berdasarkan kepada apa yang ditulis oleh Sheikh Abdul Aziz ini, saya berpendapat istilah yang lebih tepat bagi merujuk kepada golongan ini ialah “firqah”, bukan “mazhab”. Kerana mazhab biasanya digunakan kepada kelompok yang tidak terkeluar daripada lingkungan Ahli Sunnah wal Jamaah.

## PENUTUP

Berasaskan kepada akidah dan ajaran seperti mana yang terdapat dalam kitab-kitab muktabar yang menjadi pegangan golongan ini, dan melihat kepada amalan dan tindak-tanduk mereka sepanjang sejarah dan masa kini (ketika buku ini ditulis), Syiah Imamiah Rafidhah adalah merupakan ancaman besar kepada pegangan Ahli Sunnah wal Jamaah serta keselamatan ummah dan negara jika golongan ini dibiarkan bertapak di negara kita. Antara rumusan yang dibuat oleh Dr. Nasir bin Abdullah bin Ali al-Qafari dalam tesis ijazah kedoktoran (Ph.D) yang berjudul:

أَصْلُ مَذَهَبِ الشِّيْعَةِ الْإِمَامِيَّةِ الْإِثْنَيْ عَشْرِيَّة

Adalah seperti berikut:

وفي أثرهم في العالم الإسلامي تبين أن لهم آثارهم الفكرية الخطيرة في إحداث الشرك في أمّة محمد صلّى الله عليه وسلم ، والصد عن دين الله ، وظهور فرق الزندقة والإلحاد...

*"Tentang kesan mereka di dunia Islam, ternyata mereka meninggalkan kesan pemikiran yang berbahaya dalam menyebarkan syirik di kalangan umat Muhammad SAW dan menyekat jalan agama Allah SWT, serta menggalakkan lahir golongan zindiq dan mulhid (atheis)..."*

Dalam risalah yang berjudul "Syiah Imam Dua Belas: Penyelewengannya Dari Jalan Ahli Sunnah wal Jamaah", saya menyatakan:

*"Peristiwa-peristiwa sejarah masa silam dan realiti masa kini memperlihatkan kepada kita bahawa permusuhan, persengketaan dan pertumpahan darah adalah sesuatu yang tidak dapat dielakkan jika fahaman Syiah Rafidhah dibiarkan bertapak di kalangan Ahli Sunnah wal Jamaah. Ini ialah kerana unsur-unsur tersebut telah diadun dan dicanai dengan begitu rapi sekali sehingga ia menjadi sebatи dan tidak mungkin dapat dipisahkan lagi."*

Umat Islam Ahli Sunnah wal Jamaah wajib mengambil pengajaran dan tidak melupakan sejarah kerajaan Safawiyah di bawah pimpinan Shah Ismail Safawi (907H/1501M) ketika berjaya menakluk Iran yang majoriti penduduknya bermazhab Sunni Syafie pada ketika itu. Sebaik sahaja beroleh kuasa, ia mula menyebarkan fahaman Syiah Rafidhah secara paksaan. Apabila dinasihatkan supaya tidak berbuat demikian kerana majoriti penduduk bermazhab Syafie, dia menolak dengan tegas dan mengatakan:

فإن تنطق الرعية بحرف واحد فسوف أمشق الحسام ولن أترك أحدا على قيد الحياة...

*“Jika ada rakyat yang membantah, saya akan hukuskan pedang dan tidak akan membiarkan sesiapa pun hidup”*

ia mengotakata kata-katanya dengan membunuh lebih sejuta pengikut Sunni yang enggan bertukar kepada fahaman *Syiah Rafidhah* dalam masa beberapa tahun sahaja. Ketika berjaya menakluki Baghdad, Shah Ismail memerintahkan supaya ulama-ulama Ahli Sunnah wal Jamaah dibunu dan masjid-masjid serta madrasah orang-orang Sunni dirobohkan. Dan sejarah berulang kembali sejak golongan ini beroleh kuasa di Iraq dengan sokongan Amerika Syarikat, seperti yang diceritakan dalam buku “*Masajid fi Wajhinnar*” (Masjid-masjid berhadapan dengan api) yang diterbitkan oleh “*Markaz ar-Rasyid li al-Dirasti wal Buhuth*” Iraq (lihat lampiran A-M).

Umat Islam di Malaysia, Kerajaan dan Swasta wajib mengambil semua langkah yang perlu bagi menyekat penyebaran fahaman sesat dan berbahaya ini daripada bertapak di negara kita melalui penguatan undang-undang dan juga pendedahan kesesatan dan penyelewengan ajaran agama *Syiah Imamiah Rafidhah* kepada orang ramai sebelum masanya terlambat dan sebelum *nasi menjadi bubur*.

والله أعلم

## **DAFTAR RUJUKAN**

- إحسان الهى ظهير. الشيعة والتشيع (الاهور : أدارة ترجمان السنة، 1983)

أحمد عبد العزيز الجمان ما يجب أن يعرفه المسلم عن عقائد الروافض  
الإمامية (القاهرة : مكتبة وهبة ، 1994) .٢

عبد العزيز بن محمد الزبيري التشيع اذهبا فأنتم الرافضة (اسكندرية : دار الإيمان ، 2004) .٣

٤. علي إبراهيم حسن التاريخ الإسلامي العام (القاهرة : مكتبة النهضة المصرية ، 1976)
٥. ناصر بن عبد الله بن القفاري الدكتور أصول مذهب الشيعة الإمامية الإثنى عشرية (الجيزة : دار الرضا ، 1998)
٦. محمد أبو زهرة الشيخ تاريخ المذهب الإسلامية (القاهرة : دار الفكر العربي بدون تاريخ)
٧. محمد إبراهيم الفيومي الدكتور الشيعة العربية والزيدية (القاهرة : دار الفكر العربي ، 2002)



Salah satu hauzah yang diserbu di Kota Bharu, Kelantan



Hauzah ar-Rida di Taman Sri Gombak, Selangor

MENGENAL HAKIKAT SYIAH

# AHLUL BAIT MENURUT PANDANGAN SUNNAH DAN SYIAH

## MUKADIMAH

Sebelum judul ini dibahaskan dengan lebih lanjut, rasanya perlu dijelaskan asas-asas dan sebab-sebab mengapa persoalan Ahlul Bait ini perlu dibincangkan. Bagi menjelaskan persoalan Ahlul Bait ini, saya suka memetik penjelasan yang ditulis oleh al-Faqih Ibnu Hajar al-Haithmi dalam mukadimah kitabnya “الصواعق المحرقة”

*“Ketahuilah bahawa yang mendorong saya menulis dalam perkara ini sekalipun saya merasa kurang mampu ialah hadis yang diriwayatkan oleh al-Khatib al-Baghdadi dalam kitab “الجامع” dan lainnya, bahawa Nabi SAW bersabda :*

*إِذَا ظَهَرَ الْفِتْنُ أَوْ قَالَ الْبِدْعُ وَسُبَّ أَصْحَابِي فَلَيَظْهُرُ الْعَالَمُ عَلَمٌ،  
فَمَنْ لَمْ يَفْعَلْ ذَلِكَ فَعَلَيْهِ لَعْنَةُ اللَّهِ وَالْمَلَائِكَةِ وَالنَّاسِ أَجْمَعِينَ لَا  
يَقْبَلُ اللَّهُ مِنْهُ صَرْفًا وَلَا عَدْلًا*

*“Apabila timbul fitnah atau bidaah di mana sahabat-sahabatku dimaki, maka orang yang berilmu hendaklah menzahirkan ilmunya, sesiapa yang tidak melakukannya, maka ke atasnya*

*laknat Allah, para malaikat dan manusia seluruhnya, Allah tidak akan menerima daripadanya amalan fardhu mahupun yang sunat.”*

Imam Rafie meriwayatkan:

عَمَلٌ قَلِيلٌ فِي سُنَّةٍ خَيْرٌ مِنْ عَمَلٌ كَثِيرٌ فِي بِدْعَةٍ  
(أَخْرَجَهُ الدَّيْلَمِي)

*“Amal yang sedikit dalam sunnah adalah lebih baik daripada amal yang banyak dalam bidaah”*

Al-Tabrani meriwayatkan:

مَنْ وَقَرَ صَاحِبَ بِدْعَةٍ فَقَدْ أَعَانَ عَلَى هَدْمِ الْإِسْلَامِ

*“Barangsiapa yang memuliakan ahli bidaah, maka sesungguhnya dia telah menolong meruntuhkan Islam.”*

Al-Bahaqi meriwayatkan:

لَا يَقْبِلُ اللَّهُ لِصَاحِبِ بِدْعَةٍ صَلَاتَةً وَلَا صَوْمًا وَلَا صَدَقَةً وَلَا حَجَّا  
وَلَا عُمْرَةً وَلَا جِهَادًا وَلَا صِرْفًا وَلَا عَدْلًا، يَخْرُجُ مِنَ الْإِسْلَامِ كَمَا  
يَخْرُجُ الشَّعْرَةُ مِنَ الْعَجِينِ

(أَخْرَجَهُ ابْنُ مَاجَهِ)

*“Allah tidak akan menerima daripada ahli bidaah sembahyang, puasa, sedekah, haji, umrah dan jihad, tidak juga amalan fardu dan sunat. Dia keluar daripada Islam seperti keluarnya rambut daripada tepung yang diulii.”*

Ibn Hajar selanjutnya menjelaskan:

وَسَأَتْلُو عَلَيْكَ مَا تَعْلَمُ مِنْهُ عِلْمًا قَطْعِيًّا أَنَّ الرَّافِضَةَ وَالشِّيَعَةَ  
وَنَحُوْهُمَا مِنْ أَكَابِرِ أَهْلِ الْبِدْعَةِ، فَيَتَنَوَّلُهُمْ هَذَا الْوَعِيدُ الَّذِي فِي  
هَذِهِ الْأَحَادِيْثِ عَلَى أَنَّهُ وَرَدَ فِيهِمْ أَحَادِيْثٌ بِخُصُوصِهِمْ

*“Dalam kitab ini saya akan kemukakan kepada anda nas-nas yang daripadanya anda akan ketahui secara pasti bahawa golongan Rafidhah, Syiah dan yang seumpamanya adalah daripada kalangan ahli bidaah yang terbesar. Oleh itu, amaran-amaran yang terdapat dalam hadis-hadis yang dikemukakan itu meliputi golongan ini, malah terdapat hadis-hadis yang khusus mengenai mereka.”<sup>1</sup>*

Golongan Ahlul Bait mempunyai kedudukan yang istimewa dalam Islam berasaskan nas-nas daripada al-Quran dan Sunnah. Sebahagian ulama memperuntukkan bab khusus dalam kitab yang mereka karang mengenai kelebihan Ahlul Bait seperti Ibnu Hajar dalam kitabnya “الصواعق المحرقة” bab 11. Sebahagiannya pula menulis kitab khusus mengenai kelebihan Ahlul Bait seperti kitab “فضيل اهل البيت” حقوق اهل البيت oleh Ibnu Taimiyyah dan kitab “الصواعق المحرقة” 10-11 oleh Maqrizi. Dalam mazhab Syafie, selawat ke atas keluarga Nabi SAW adalah sunat pada tahiyat akhir. Setengah pula mengatakannya sebagai wajib.<sup>2</sup>

Kedudukan Ahlul Bait seperti yang disebutkan di atas adalah merupakan satu kepercayaan dan amalan yang menjadi pegangan umum di kalangan orang-orang Ahli Sunnah. Oleh yang demikian persoalan mengenai kedudukan Ahlul Bait ini tidak pernah dibangkitkan selama ini.

1 الصواعق المحرقة : : 10-11

2 الخطيب الشربيني ”معنى المحتاج“، 1: 174,

Namun demikian, akhir-akhir ini kita dikejutkan dengan risalah-risalah layang<sup>3</sup> menggunakan nama Ahlul Bait dengan tujuan merosakkan kepercayaan terhadap para sahabat Rasulullah SAW serta sumber-sumber utama yang menjadi pegangan umat Islam seperti Sahih Bukhari, Muslim dan sebagainya.

Memandangkan perkembangan yang tersebut di atas, adalah menjadi kewajipan setiap Muslim untuk bangkit mempertahankan akidah Islam daripada serangan golongan bidaah yang bertujuan memesongkan umat daripada akidah yang hak. Kewajipan ini adalah satu kewajipan yang besar serta dijelaskan dalam hadis-hadis yang dipetik oleh Ibnu Hajar dalam mukadimah kitabnya “الصواعق المحرقة”. Bertolak daripada kesedaran tentang tanggungjawab inilah sebenarnya kertas kerja ini ditulis.

## PENGERTIAN AHLUL BAIT DAN MARTABAT MEREKA MENURUT AL-QURAN DAN AL-SUNNAH

Orang-orang Syiah mendakwa mereka adalah pengikut Ahlul Bait. Sebelum persoalan ini dibahaskan dengan lebih lanjut, perlu ditentukan terlebih dahulu siapakah yang dikatakan sebagai Ahlul Bait. Memandangkan bahasa al-Quran dan al-Sunnah adalah Bahasa Arab, kita perlu melihat terlebih dahulu pengertiannya dari sudut bahasa.

Menurut az-Zabidi, perkataan *al-Ahlu* bagi mazhab ialah orang yang menganutinya manakala *al-Ahlu* bagi lelaki ialah isterinya, termasuk anak-anaknya. Dengan ini, ditafsirkan firman Allah Taala<sup>4</sup> (وَسَارَ بِأَهْلِهِ): “*Dan berjalan Musa dengan ahlinya*” yakni isterinya dan ahlinya. *Al-Ahlu* bagi Nabi SAW ialah isterinya, anak-anaknya, menantunya Ali R.A.<sup>5</sup>

---

3 Lihat kandungan risalah pada Lampiran 1

4 29 : القاصص

5 ”تاج العروس“

Menurut Ibnu Manzur:

*“Ahli bagi lelaki ialah orang yang paling dekat dengannya. Ahlul Bait bagi Nabi SAW ialah isteri-isterinya, anak-anaknya dan menantunya yakni Ali R.A.”*

Kata setengah pendapat, Ahlul Bait ialah perempuan-perempuan Nabi SAW<sup>6</sup>. al-Imam ar-Ragib al-Asfahani menyatakan:

*“Ahli bagi laki-laki ialah mereka yang seketurunan dan seagama dengannya. Ahli bagi seseorang lelaki pada asalnya dipakai pada mereka yang tinggal serumah dengannya. Kemudian dipakai secara ‘majaz’ seperti dikatakan ‘ahli rumah seseorang, bagi mereka yang serumah dan senasab dengannya. Perkataan ini kemudian dijadikan istilah untuk keluarga Nabi SAW secara mutlak”*

Berasaskan petikan-petikan daripada kitab-kitab *lughah* yang muktabar di atas, jelas bahawa “Ahlul Bait” bagi seseorang dalam Bahasa Arab bermaksud: isteri, anak, menantu dan orang yang sama keturunan dengannya (بيت النسب).

Mengenai Ahlul Bait yang menjadi istilah khusus kepada keluarga Rasulullah SAW, al-Quran menyebut dalam surah al-Ahzab, ayat 33

وَقَرْنَ فِي بُيُوتِكُنَّ وَلَا تَبَرَّجْ تَبَرُّجَ الْجَنَهِلِيَّةِ  
الْأَوَّلَيْ وَأَقْمَنَ الْصَّلَوَةَ وَءَاتِينَ الْزَّكَوَةَ  
وَأَطْعَنَ اللَّهَ وَرَسُولَهُ وَإِنَّمَا يُرِيدُ اللَّهُ لِيُذْهِبَ  
عَنْكُمُ الْرِّجْسَ أَهْلَ الْبَيْتِ وَيُظْهِرُكُمْ تَطْهِيرًا



Surah Al-Ahzab 33 : 33

6 لسان العرب

7 المفردة في غريب القرآن

### Maksudnya:

*“Dan hendaklah kamu (para isteri Nabi SAW) tetap diam di rumah kamu serta janganlah kamu mendedahkan diri seperti yang dilakukan oleh orang-orang jahiliyah zaman dahulu; dan dirikanlah solat serta berilah zakat; dan taatlah kamu kepada Allah dan rasul-Nya. Sesungguhnya Allah (memerintahkan kamu dengan semua itu) hanyalah kerana hendak menghapuskan perkara-perkara yang mencemarkan diri kamu. Wahai ‘Ahlul Bait’ dan hendaklah membersihkan kamu sebersih-bersihnya (dari segala perkara yang keji).”*

### PENDAPAT PARA ULAMA TENTANG PENGERTIAN AHLUL BAIT

Al-Qurtubi ketika mentafsirkan ayat ini menyatakan firman Allah:<sup>8</sup>

وَذْكُرْ مَا يُتَلَى فِي بُيُوتِكُنَّ مِنْ ءَايَاتِ اللَّهِ  
وَأَحْكَمَةٌ ...

**Maksudnya:** “Ingatlah (wahai isteri-isteri Nabi) apa yang dibaca di rumah-rumah kamu sekalian (yakni isteri-isteri Nabi SAW daripada ayat-ayat Allah dan al-Hikmah - sunnah)”

Perkataan-perkataan ini menunjukkan bahawa yang dimaksudkan dengan Ahlul Bait ialah isteri-isteri Nabi SAW. Para ahli ilmu telah berselisih pendapat tentang Ahlul Bait, siapakah mereka? Ata’, Ikrimah dan Ibnu Abbas berpendapat mereka ialah isteri-isterinya sahaja, tidak ada sebarang lelaki bersama mereka. Mereka mengatakan bahawa maksud *al-Bait* ialah tempat tinggal Nabi SAW berdasarkan firman Allah “*Dan ingatlah (isteri-isteri Nabi SAW), apa yang dibacakan di rumah-rumah kamu.*” Sesetengah golongan

---

<sup>8</sup> الأحزاب (selepas ayat Ahlul Bait di atas)

seperti al-Kalbi<sup>9</sup> berkata: Mereka ialah Ali, Fatimah, Hassan dan Hussain sahaja. Yang nyata daripada ayat ini ialah umum untuk semua Ahlul Bait yang meliputi isteri-isteri dan keluarga yang lain. Adapun tentang “وَيَطْهُرُ كُمْ” (penggunaan *jama' muzakkar*), ialah kerana Rasulullah SAW, Ali, Hassan dan Hussain termasuk dalam Ahlul Bait; kerana (menurut kaedah bahasa Arab), apabila berkumpul “muzakkar” (laki-laki) dan “muannas” (perempuan), maka dimenangkan lelaki. Dengan demikian, jelaslah ayat ini menunjukkan isteri-isteri Rasulullah SAW adalah daripada kalangan Ahlul Bait kerana ayat ini menyentuh tentang mereka. Orang yang dihalakan (ditujukan ucapan) cakap juga adalah mereka yang berasaskan urutan dan konteks percakapan.

As-Sa'labi berkata:

*“Mereka (Ahlul Bait) adalah Bani Hashim, ini menunjukkan yang dimaksudkan dengan al-Bait (rumah) ialah بيت النسب ” (rumah keturunan). Dengan demikian, al-Abbas, bapa-bapa saudaranya dan anak-anak mereka termasuk dalam Ahlul Bait”<sup>10</sup>*

Imam Muslim meriwayatkan bahawa Zaid bin Arqam ditanya:

*“Adakah isteri-isteri (Rasulullah SAW daripada Ahlul Bait)?”*

Zaid menjawab:

*“isteri-isterinya daripada Ahlul Bait...”*

Imam Bukhari meriwayatkan Rasulullah SAW pergi ke bilik Aisyah R.Anha lalu memberi salam:

**”السلام عليكم أهل البيت ورحمة الله“**

Daripada keterangan-keterangan di atas, dapat disimpulkan bahawa Ahlul Bait menurut Ahli Sunnah termasuk: isteri-isteri Rasulullah,

<sup>9</sup> Hisham bin Muhammad al-Kalbi (m.240) seorang tukang cerita dan ahli sejarah nasab. Berkata Ibnu Asakir: al-Kalbi adalah seorang syiah dan tidak boleh dipercayai.

<sup>10</sup> 182-183. 14 “تفسير لقرطبي”

anak menantunya serta kaum kerabat daripada keturunan Bani Hashim dan Bani Mutalib.

## KELEBIHAN AHLUL BAIT

Menurut Ibnu Hajar, ayat 33 surah al-Azhab ini menunjukkan kelebihan Ahlul Bait kerana Allah menyatakan secara khusus keinginan membersihkan mereka daripada dosa atau syak dalam perkara-perkara berkaitan iman dan juga membersihkan mereka daripada akhlak yang keji. Setengah riwayat mengatakan bahawa “تطهير” ialah mengharamkan mereka daripada api neraka iaitu dengan ilham daripada Allah kepada mereka untuk bertaubat dan mengekalkan amal soleh.

Selain daripada itu, pengharaman zakat ke atas mereka adalah sebahagian maksudnya pembersihan dalam ayat di atas kerana zakat atau sedekah wajib adalah sisa-sisa pembersihan manusia (أوساخ الناس). Sebagai gantinya, mereka diberi harta 1/5 “خمس” harta rampasan perang atau harta negara.<sup>11</sup>

Dalam sunnah Rasulullah terdapat hadis-hadis yang menyatakan kewajipan mengasihi Ahlul Bait dan menjaga kepentingan mereka. Berikut ini diperturunkan sebahagian daripada nas-nas berkenaan:

”مَنْ أَحَبَّ اللَّهَ أَحَبَّ الْقُرْءَانَ، وَمَنْ أَحَبَّ الْقُرْءَانَ أَحَبَّنِي، وَمَنْ أَحَبَّنِي أَحَبَّ أَصْحَابِي وَفَرَائِسِي  
(رواہ الدیلمی)

“Barangsiapa kasih kepada Allah, dia kasih kepada al-Quran; barangsiapa kasih kepada al-Quran, kasih kepadaku; barangsiapa kasih kepadaku, kasih kepada sahabatku dan kerabatku”

Riwayat ad-Dailami

---

<sup>11</sup> 223، ”الصواعق المحرقة“

“أَحَبُّوا اللَّهَ لِمَا يَغْدُو كُمْ بِهِ مِنْ نِعْمَةٍ وَأَحَبُّونِي لِحُبِّ اللَّهِ وَأَحَبُّوا  
أَهْلَ بَيْتِ لِحْيَى”  
(رواه الترمذى والحاكم)

“Kasihlah akan Allah kerana segala nikmat yang dikurniakan kepada kamu, kasihlah aku kerana kasihan Allah, dan kasihlah keluargaku kerana kasihan aku.”

Riwayat at-Tirmizi dan al-Hakim

“أَئْتُكُمْ عَلَى الصَّرَاطِ أَشَدُّ كُمْ حُبًا لِأَهْلِ بَيْتِي وَلِأَصْحَابِي”  
(أخرجه ابن عدي والديلمي عن علي)

**Maksudnya:** “Orang yang paling tetap perjalanannya di atas titian (pada hari kiamat) ialah orang yang paling kasih kepada Ahlul Bait aku dan sahabat-sahabat aku”

Dikeluarkan oleh Ibnu ‘Adi dan ad-Dailami

عن ابن عمر: آخر ما تكلّم به النبي صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ:  
“أَخْلُقُونِي فِي أَهْلِي بَيْتِي”  
(رواه الطبرى)

**Maksudnya:** Daripada Ibnu Umar R.A: “Perkara akhir yang diucapkan oleh Rasulullah SAW ialah “Gantikanlah aku dalam (menjaga urusan) Ahlul Bait aku”.

Riwayat al-Tabrani

”إِسْتَوْصُوا بِأَهْلِ بَيْتِي خَيْرًا“

**Maksudnya:** “*Berbuat baiklah kamu sekalian terhadap Ahlul Bait aku*”

Berasaskan nas-nas di atas para ulama Ahli Sunnah sepakat mengatakan bahawa kewajipan umat Islam terhadap Ahlul Bait ialah menaruh rasa kasih sayang terhadap mereka, menjaga kepentingan serta berbuat baik terhadap mereka.

Inilah ajaran dan pegangan Ahli Sunnah tentang Ahlul Bait. Saidina Abu Bakar R.A mengatakan:

“*Sesungguhnya menghubungkan kerabat Rasulullah SAW lebih aku kasih daripada kerabat aku sendiri.*”<sup>12</sup>

Abu Ubaid meriwayatkan daripada Saidina Umar ketika membahagikan harta rampasan perang Iraq dan Syam bertanya kepada para sahabat siapakah yang patut dimulakan. Sahabat-sahabat R.A menjawab:

“*Mulakanlah dengan diri kamu sendiri.*”

Saidina Umar berkata:

“*Tidak, aku akan mulakan dengan Aisyah R.Anha sebanyak 12,000 dan isteri-isteri Rasulullah SAW yang lain sebanyak 10,000. Kemudian kepada Saidina Ali dan anak-anaknya serta golongan Bani Hashim yang menyertai perang Badar sebanyak 5,000*<sup>13</sup> (*tidak disebutkan di dalam kitab sama ada ia adalah dinar atau tidak*)”

Qadi ‘Iyadh berkata:

“**Hadis-hadis yang lalu menunjukkan wajib mengasihi Ahlul Bait dan haram yang sangat berat jika membenci mereka.**”

Ini juga pendapat Baihaqi, Baghawi dan lain-lain, malah Imam as-Syafie telah menyatakan dengan jelas hukum ini dengan katanya:

12 Riwayat Bukhari

13 Abu Ubai dal-Qasim bin Salim, “320”, الأموال

يَا أَهْلَ بَيْتِ رَسُولِ اللَّهِ، حَبْكُمْ قَرْضٌ مِنَ اللَّهِ فِي الْقُرْآنِ أَنْزَلَهُ

**Maksudnya:** “Wahai Ahlul Bait Rasulullah! Sesungguhnya kasihkan kamu adalah fardhu yang diturunkan Allah dalam al-Quran.”<sup>14</sup>

Imam as-Syafie sangat terkenal dengan kecenderungan dan kasihnya kepada keturunan Saidina Ali R.A sehingga beliau dituduh sebagai *Syiah* atau *Rafidhah*. Menjawab tuduhan tersebut, beliau dengan tegas menyatakan:

إِذَا كَانَ رَفْضًا حُبًّا لِّأَلِّ مُحَمَّدٍ فَلَيَشْهِدِ الشَّقَانِ أَنِّي رَافِضٌ

**Maksudnya:** “Sekiranya kasihkan keluarga Muhammad SAW itu sebagai *Rafidhah*, maka biarlah jin dan manusia menyaksikan bahawa saya seorang *Rafidhah*”<sup>15</sup>

## AHLUL BAIT SELAIN DARIPADA RASULULLAH SAW TIDAK MAKSUM

Menurut akidah Ahli Sunnah, sifat “عصمة” (terpelihara daripada dosa) khusus kepada Nabi dan Rasul sahaja. Selain daripada mereka termasuklah Ahlul Bait, tidak maksum. Ayat 33 surah al-Ahzab ini tidak membawa pengertian demikian, kata Ibnu Taimiyah:

“Adapun ayat (وَيُظَهِّرُ كُمْ تَطْهِيرًا) bukanlah merupakan khabar yang memberitahu bahawa Ahlul Bait telah bersih daripada kekejadian dan dosa, malah ayat ini mengandungi perintah kepada mereka untuk mengerjakan amalan yang boleh membawa kepada hilang kekejadian dan pembersihan. Ayat ini seperti juga ayat-ayat:

14 Muhammad Abu Zuhrah: “الشافعي”

15 Hadis riwayat Muslim dan ahli-hadis yang lain.

...مَا يُرِيدُ اللَّهُ لِيَجْعَلَ عَلَيْكُم مِّنْ حَرَجٍ وَلِكُنْ  
يُرِيدُ لِيُطَهِّرَكُمْ وَلِيُتَمَّ نِعْمَتُهُ عَلَيْكُمْ لَعَلَّكُمْ  
تَشَكُّرُونَ



**Maksudnya:** "...Allah tidak mahu menjadikan kamu menanggung sesuatu kesusahan (kepayahan), tetapi ia berkehendak membersihkan (mensucikan) kamu dan hendak menyempurnakan nikmat-Nya kepada kamu supaya kamu bersyukur."

Surah al-Ma'idah, ayat 6

يُرِيدُ اللَّهُ لِيُبَيِّنَ لَكُمْ وَيَهْدِيَكُمْ سُنَنَ الَّذِينَ مِنْ  
قَبْلِكُمْ وَيَتُوبَ عَلَيْكُمْ وَاللَّهُ عَلِيمٌ حَكِيمٌ

**Maksudnya:** "Allah menghendaki (dengan apa yang telah diharamkan dan dihalalkan dari kaum perempuan itu) ialah untuk menerangkan (syariat-Nya) dan untuk menunjukkan kepada kamu jalan-jalan aturan orang-orang yang dahulu daripada kamu (para nabi dan orang-orang soleh, supaya kamu mengikutinya), dan juga untuk menerima taubat kamu. Dan (ingatlah) Allah Maha Mengetahui, lagi Maha Bijaksana."

Surah an-Nisa' (26)

Maka perkataan 'يريد' (hendak) di sini mengandungi perintah, kasih dan redha tetapi ia (iradat yang mengandungi erti perintah, kasih dan redha) tidaklah semestinya berlaku.

Antara dalil yang menunjukkan bahawa yang demikian itu (menghilangkan keji yang menunjukkan keji dan pembersihan) itu adalah merupakan perintah (melakukan amalan yang membawa kepada pembersihan) dan bukannya khabar berlakunya perkara tersebut ialah Nabi SAW melingkungkan kain pada Ali, Fatimah,

Hasan dan Hussain RA, kemudian mendoakan:

اللَّهُمَّ هَوَلَاءُ أَهْلُ بَيْتٍ وَخَاصَّتِي، فَاذْهِبْ عَنْهُمُ الرِّجْسَ،  
وَطَهِّرْهُمْ تَطْهِيرًا

**Maksudnya:** “Ya Allah! Mereka adalah Ahlul Bait aku, maka hilangkanlah daripada mereka sifat-sifat yang keji dan bersihkanlah mereka sebersih-bersihnya.”<sup>16</sup>

Bukti yang lain ialah ayat ini berada di tengah-tengah ayat yang mengandungi perintah dan larangan (sila baca ayat 30 – 40 surah al-Ahzab). Urutan dan konteks ini jelas menunjukkan ia adalah perintah dan larangan; dan bahawa isteri-isteri Nabi SAW adalah daripada Ahlul Bait kerana ayat ini ditujukan kepada mereka.

Selepas turun ayat ini selama enam bulan, Rasulullah SAW lalu melintasi rumah Fatimah R.A setiap kali keluar kerana menunaikan sembahyang dan berkata:

الصَّلَاةُ أَهْلُ الْبَيْتِ

**Maksudnya:** “Tunaikan sembahyang wahai Ahlul Bait.”<sup>17</sup>

Kemudian Rasulullah SAW membaca ayat 33 surah al-Ahzab.<sup>18</sup> Hadis ini jelas menunjukkan perkaitan ayat “التطهير” dengan amalan seperti hadis:

إِعْمَلِي يَا فَاطِمَةَ فَإِنِّي لَا أُغْنِي عَنْكَ مِنَ اللَّهِ شَيْئًا

**Maksudnya:** “Beramallah wahai Fatimah, kerana aku tidak dapat berbuat apapun di sisi Allah bagi pihak dirimu”

16 Lihat al-Hafiz az-Zahabi “المتنقى”, Riwayat Tarmizi dan Ahmad.

17 Riwayat Tarmizi. Hadis ini juga diriwayatkan oleh kitab-kitab Syiah.

18 Lihat al-Majlisi, بحار الأنوار

Dalam hadis yang lain, Rasulullah SAW bersabda memperingatkan kaumnya dari Bani Hashim:

”يَا بَنِي هَاشِمٍ لَا يَجِدُونِي النَّاسِ بِالْأَعْمَالِ وَتُجِهُونِي بِالْأَنْسَابِ“  
(رواوه الطبراني)

“Wahai Bani Hashim! Janganlah nanti manusia lain datang kepadaku dengan amalan, kamu datang dengan keturunan.”

Sekiranya ayat “التطهير” dalam surah al-Azhab membawa erti Ahlul Bait maksum, maka ini bermakna semua sahabat, malah seluruh umat Islam adalah maksum, kerana Allah berfirman:

...وَلَكُنْ يُرِيدُ لِيُطَهِّرُكُمْ وَلِيُتَمَّ نِعْمَتَهُ عَلَيْكُمْ  
لَعَلَّكُمْ تَشْكُرُونَ

**Maksudnya:** “... tetapi Allah hendak membersihkan kamu dan menyempurnakan nikmatnya kepada kamu supaya kamu bersyukur.”

Surah al-Maidah, ayat 6

إِذْ يُعَشِّيْكُمُ الْنُّعَاسَ أَمْنَةً مِّنْهُ وَيُنَزِّلُ عَلَيْكُم مِّنَ  
السَّمَاءِ مَاءً لِيُطَهِّرُكُم بِهِ وَيُذَهِّبَ عَنْكُمْ رِجْزَ  
الشَّيْطَنِ ...

**Maksudnya:** “(Ingatlah) ketika kamu diliputi perasaan mengantuk sebagai satu (pemberian) aman dari Allah (menghapuskan kecemasan kamu). Dan (ingatlah ketika) ia menurunkan kepada kamu hujan dari langit untuk mensucikan kamu dengannya dan menghapuskan dari kamu gangguan syaitan”

Ayat dalam surah al-Maidah ini jelas ditujukan kepada seluruh umat Islam kerana ia dimulakan dengan ayat (يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا). Perkaitan ayat ini dengan amal juga adalah jelas kerana dalam ayat ini Allah memerintahkan umat Islam supaya bersuci ketika hendak bersembahyang. Oleh itu ayat “يُرِيدُ لِتُطَهَّرُ كُمْ” (Allah hendak membersihkanmu) bermakna: hendaklah kamu bersuci supaya kamu bersih, kerana Allah suka dan redha kamu menjadi bersih.

Manakala ayat surah al-Anfal pula turun ketika perang Badar, namun begitu ia tidak membawa erti bahawa sahabat-sahabat yang menyertai perang Badar adalah maksum. Ayat ini seperti juga ayat surah al-Maidah menghendaki supaya para sahabat menyucikan diri mereka zahir dan batin kerana Allah redha, kasih dan perintah mereka menjadi manusia yang bersih zahir dan batin.

Jaminan seseorang itu akan masuk syurga tidak bermakna dia *maksum* dari sebarang dosa kerana seseorang itu masuk syurga hanya dengan rahmat Allah SWT seperti yang disebut dalam hadis dan Allah berkuasa mengampunkan dosa sesiapa yang dikehendakinya.

يَغْفِرُ لِمَنْ يَشَاءُ وَيُعَذِّبُ مَنْ يَشَاءُ

**Maksudnya:** “Allah mengampunkan dosa bagi sesiapa yang Dia kehendaki dan mengazab sesiapa yang Dia kehendaki.”



## AHLUL BAIT DI SISI SYIAH IMAMIAH ISNA ASHARIAH JA'FARIAH<sup>19</sup>

Ahlul Bait menurut pandangan *Syiah* Imamiah Isna Ashriah ialah Saidina Ali, Fatimah, Hassan dan Hussain R.Ahum sahaja. Mereka mengeluarkan isteri-isteri dan kaum kerabat Rasulullah SAW (selain daripada yang disebutkan di atas) daripada pengertian Ahlul Bait yang terdapat dalam surah al-Ahzab, ayat 33 seperti yang telah dihuraikan sebelum ini. Al-Majlisi menjelaskan:

*“Ketahuilah bahawa ayat ini (al-Azhab:33) adalah antara dalil yang menunjukkan sifat “عصمة” (terpelihara daripada dosa) bagi “أصحاب الكساء” (mereka yang disebutkan di atas RA) kerana seluruh umat sependapat mengatakan bahawa yang dimaksudkan dengan Ahlul Bait adalah ahli rumah Nabi SAW sekalipun terdapat khilaf dalam menentukan siapakah mereka. Ulama-ulama kita (*Syiah*) RA dan banyak daripada kalangan ulama Jumhur (*Ahli Sunnah*) berpendapat bahawa ayat ini diturunkan kepada Ali, Fatimah, Hassan dan Hussain RA sahaja tidak termasuk ahli keluarga yang lain daripada mereka.”*

Ada dua dakwaan yang penting menjadi pegangan umat *Syiah* bersabit dengan ayat “الظهير” iaitu: Penentuan Ahlul Bait dan mereka adalah maksum. Kedua-dua pegangan inilah yang sebenarnya menjadi asas kepada seluruh ajaran bidaah yang terdapat dalam mazhab *Syiah* serta pertangannya dengan ajaran Sunnah. Oleh kerana kedua-dua perkara ini sangat penting, berikut ini dikemukakan sebahagian daripada hujah-hujah dan jawapan terhadapnya.

19 Golongan ini juga dikenali dengan nama al-Rafidah (yang menolak), kerana menolak syeikhaini (Khalifah Abu Bakar dan Umar) serta sahabat-sahabat Rasulullah SAW. Golongan *Syiah* pada mulanya menerima Imam Zaid bin Ali sebagai imam mereka. Sekitar 15,000 orang *Syiah* Kufah telah berbai'ah kepada Imam Zaid untuk menentang Hisyam bin Abdul Malik tetapi setelah tiba saat penentuan, mereka menolak Imam Zaid bin Ali kerana beliau bersangka baik terhadap syeikhaini dan enggan menolak kepimpinan keduanya. Imam Zaid lalu mengatakan kepada mereka رَفِضْتُمُونِي فَأَنْتُمْ الْأَنْفَضُّةُ. Sejak daripada itu mereka dipanggil “Rafidah”. Lihat as-Shahrastani الملال “البدایة و النهایة”, dan Ibnu Kathir و الحَلَّ.



## HUJAH-HUJAH SYIAH TENTANG PENENTUAN AHLUL BAIT

Menurut al-Majlisi, sekiranya ayat “التطهير” itu untuk isteri-isteri Nabi SAW, tentulah ayat itu berbunyi “وَيُطْهِرُكُنْ” (ganti nama bagi perempuan). Oleh kerana ayat ini turun pada Ahlul Bait (selain daripada isteri-isteri Nabi SAW), maka ayat ini menggunakan ganti nama “وَيُطْهِرُكُمْ”.<sup>20</sup>

Hujah ini sebenarnya menunjukkan kejahilan mereka dalam Bahasa Arab (kerana kebanyakan mereka daripada bangsa Parsi yang tidak memahami Bahasa Arab secara mendalam). *Dhamir* “muzakkar” digunakan di sana kerana dua sebab. Pertama, lafaz *al-Ahlu* adalah *muzakkar*. Orang-orang Arab menggunakan lafaz *muzakkar* sekalipun pada perempuan sekiranya diperhatikan ialah perkataan tersebut. Penggunaan seperti ini terdapat dalam ayat-ayat yang lain dalam al-Quran seperti:

إِذْ رَءَاء نَارًا فَقَالَ لِأَهْلِهِ أَمْكُثُوا إِنِّيْ إَذْسَتُ نَارًا  
 لَعَلَّنِيْ إِاتِيْكُم مِّنْهَا بِقَبْسٍ أَوْ أَجِدُ عَلَى الْنَّارِ  
 هَدِي

<sup>20</sup> Al-Majlisi dalam *بحار الأنوار*, 35:225. Lihat juga Sayid Muhammad Hussain al-Tabatabai “الميران في تفسير القرآن”, 16:32.

**Maksudnya:** “Ketika ia melihat api, lalu berkata Musa kepada ahlinya (isterinya, anak Nabi Shuib AS), tunggulah engkau di sini, sesungguhnya aku ada melihat api semoga aku dapat membawa kepada kamu satu cubaan daripadanya, atau aku dapat di tempat api itu: penunjuk jalan.”

قَالُوا أَتَعْجِبُنَّ مِنْ أَمْرَ اللَّهِ رَحْمَتُ اللَّهِ وَبَرَكَتُهُ  
عَلَيْكُمْ أَهْلَ الْبَيْتِ إِنَّهُ حَمِيدٌ مَحْيِدٌ



٧٣

**Maksudnya:** “Apakah kamu (Nabi Ibrahim AS) hairan tentang kekuasaan Allah? Rahmat Allah dan berkat-Nya ke atas kamu Ahlul Bait, sesungguhnya ia amat terpuji lagi mulia.”

Surah Hud, ayat 73

Di dalam hadis terdapat penggunaan seperti ini, seperti hadis berikut:

...”فَانطَّلَقَ إِلَى حُجْرَةِ عَائِشَةَ فَقَالَ: الْسَّلَامُ عَلَيْكُمْ...  
أَهْلَ الْبَيْتِ وَرَحْمَةُ اللَّهِ فَقَالَتْ وَعَلَيْكَ السَّلَامُ وَرَحْمَةُ  
اللَّهِ كَيْفَ وَجَدْتَ أَهْلَكَ؟ بَارَكَ اللَّهُ لَكَ“

“... lalu Rasulullah SAW pergi ke bilik Aishah R.Anha dan berkata ‘السلام عليكم أهل البيت ورحمة الله’, maka Aishah R.Anha menjawab ‘وعليك السلام ورحمة الله’, bagaimana dengan Ahli (isteri) kamu (Zainab binti Jahsy), semoga Allah mengurniakan keberkatan kepadamu”<sup>21</sup>

Dalam hadis ini, ada dua petunjuk penting yang membatalkan hujah Syiah. Pertama, penggunaan “dhamir muzakkar” kepada perempuan iaitu Aishah R.Anha kerana meraikan lafaz “Ahlu”. Kedua, isteri-isteri Rasulullah SAW yang dimaki dan dikafirkan oleh Syiah<sup>22</sup> adalah daripada kalangan Ahlul Bait.

21 Ibid.

22 Sahih Bukhari, Kitab Tafsir. Peristiwa ini berlaku selepas Rasulullah SAW diakad nikah dengan Zainab binti Jahsy R.Anha dan selesai jamuan walimah.

Sebab kedua mengapa “*dhamir muzakkar*” digunakan dalam ayat “التطهير” di atas ialah kerana yang dimaksudkan dengan Ahlul Bait dalam ayat ini bukan sahaja isteri-isteri Rasulullah SAW, tetapi juga menantu dan cucunya, malah setengah pendapat memasukkan juga Bani Mutalib dan Bani Hashim. Menurut kaedah Bahasa Arab, apabila berhimpun lelaki dan perempuan, digunakan lafaz “*muzakkar*”.

Antara hujah *Syiah* dalam menegakkan pendapat mereka mengenai siapakah yang dimaksudkan Ahlul Bait ialah hadis riwayat Tarmizi daripada Ummu Salamah R.Anha, katanya

“Ayat ini turun di rumahku.”

Selepas turun ayat ini, Rasulullah SAW memanggil Ali, Fatimah, Hassan dan Hussain, lalu Rasulullah masuk bersama mereka ke dalam kain (كساء) Khaibar dan bersabda

“Mereka ini adalah Ahlul Bait aku”.

Rasulullah SAW membaca ayat “التطهير” dan berdoa:

اللَّهُمَّ اذْهِبْ عَنْهُمُ الرُّجْسَ وَيُطَهِّرْنَمْ تَطْهِيرٌ

**Maksudnya:** “Ya Allah, hapuskanlah daripada mereka kekejian dan bersihkanlah mereka sebersih-bersihnya.”

*Ummu Salamah berkata (maksudnya):*

“Ya Rasulullah, tidakkah aku daripada ahli kamu?”

*Jawab Rasulullah SAW (maksudnya):*

“Kamu di tempat kamu, kamu telah berada dalam kebaikan.”

Riwayat lain menyebut: Aku (*Ummu Salamah*) berkata:

“*Ya Rasulullah, tidakkah aku daripada ahli kamu?*”

Rasulullah menjawab: “بِلَى” (Ya).

Ketika mengulas hadis ini, Shah Abdul Aziz ad-Dahlawi berkata:

“Hadis ini merupakan dalil yang sangat jelas bahawa ayat ini turun pada hak isteri-isteri Rasulullah SAW sahaja. Rasulullah SAW telah memasukkan mereka berempat dalam kelebihan ini dengan doanya yang berkah. Sekiranya ayat ini turun pada mereka (Ali, Fatimah, Hassan dan Hussain R.Anhum), maka tentulah doa tidak perlu, kerana Rasulullah tidak melakukan sesuatu yang telah berhasil. Pemahaman ini disokong oleh hadis sahih riwayat Imam Baihaqi bahawa Rasulullah berbuat demikian juga terhadap al-Abbas dan anak-anaknya.”<sup>23</sup>

Hadis-hadis al-Kisa' kebanyakannya *dhaif* dari segi sanad. Walaupun demikian, ulama Ahli Sunnah tidak keberatan meriwayat dan beramal dengan hadis *dhaif* sekiranya ia berkaitan dengan perkara fadhilat.

Perlu dijelaskan di sini bahawa dalam ajaran *Syiah*, persoalan عصمة dan penentuan Ahlul Bait adalah persoalan akidah yang menjadi asas penting bagi kesahihan mazhab mereka. Satu persoalan yang timbul di sini ialah bagaimana dalil yang sangat *dhaif* boleh digunakan untuk menegakkan satu asas penting dalam akidah?

---

23 ... al-Majlisi dalam “بحار الأنوار” menyebut tentang Aishah R.Anha:

”ويالجملة بعضها لأمير المؤمنين عليه السلام أولاً وآخرها هو أشهر من كفر إبليس... كما أنه كاف في الدلالة على كفرها ونفاقها المانعين من قبول روايتها مطلقاً.“

Maksudnya: “Secara amnya, kebencian Aishah R.A terhadap Amirul Mukminin (Ali A.S) secara keseluruhannya adalah lebih nyata daripada kekufuran Iblis... Demikian itu sudah cukup bagi menunjukkan kufur dan nifaknya (Aishah R.A) yang mana kedua-dua perkara ini menjadi penghalang untuk diterima riwayatnya secara mutlak” – lihat “بحار الأنوار”, Jld. 20, hlm. 150-151.

Sekiranya diterima tafsiran mereka tentang Ahlul Bait dan sifat **عَصَمَ** mereka, maka akan timbul rentetan soalan yang memerlukan jawapan berdasarkan dalil-dalil yang sah seperti:

- Manakah dalil yang menunjukkan selain daripada empat orang (Ali, Fatimah, Hassan dan Hussain R.Anhum), anak cucu mereka juga maksum?
- Sekiranya dikatakan keturunan Ali dan Fatimah R.Ahum maksum, mengapakah dua belas orang sahaja yang maksum?
- Manakah dalil yang menentukan setiap orang daripada imam mereka selepas Saidina Hussain itu maksum?

Apakah kaitan sifat **عَصَمَ** dengan hak memerintah umat sehingga hari Kiamat?

Saidina Ali dan anak cucunya tidak pernah mendakwa mereka adalah maksum dan keluarga mereka sahajalah yang berhak memerintah umat hingga hari Kiamat.

## **AKIDAH-AKIDAH SYIAH DIBINA ATAS PANDANGAN MEREKA TERHADAP AHLUL BAIT**

Berasaskan pandangan mereka terhadap Ahlu Bait seperti yang dihuraikan sebelum ini, *Syiah* telah membina asas-asas ajaran mereka yang bercanggah dengan ajaran Sunnah. Antaranya ialah:

### **A. AL-IMAMAH (AL-WILAYAH) DAN AL-WASAYAH<sup>24</sup>**

Al-Imamah atau al-Wilayah ialah hak memerintah umat Islam selepas Nabi SAW. Mereka menjadikan hak memerintah selepas Nabi SAW bagi Saidina Ali R.A dan keturunannya daripada zuriat Fatimah R.A sebagai salah satu daripada rukun iman yang penting sehingga tidak sah iman seseorang itu tanpa beriman dengannya.

---

24 Lihat "التحفة الانني عشرية", Ikhtisar Syeikh Mahmod Syukri al-Alusi, hlm. 151.

Al-Kulaini<sup>25</sup> yang mereka gelarkan dengan “نَقْعُ الدِّينِ” (*tsiqat al-Islam*) meriwayatkan dalam kitabnya “الكافي” (*al-Kaafi*) daripada Jaafar as-Sodiq katanya:

أَثَافِيُّ إِسْلَامٍ ثَلَاثَةُ: الصَّلَاةُ، وَالزَّكَاةُ، وَالْوِلَايَةُ، لَا تَصْحُّ وَاحِدَةٌ  
مِنْهَا إِلَّا بِصَاحِبِهَا

**Maksudnya:** “Tonggak Islam itu ada tiga, sembahyang, zakat dan wilayah; tidak sah salah satunya melainkan dengan ada yang dua lagi.”<sup>26</sup>

Dalam satu riwayat yang lain disebutkan yang paling afdal ialah al-Wilayah<sup>27</sup>. Ibnu Babawaih al-Qummi yang bergelar “الصادق” (yang sangat benar) mengatakan:

*“Iktikad kita pada orang yang mengingkari Imamah Amir al-Mukminin Ali bin Abu Talib R.A dan imam-imam selepasnya bahawa ia seperti orang yang mengingkari kenabian semua anbiya A.S dan iktikad kita pada orang yang mengakui Imamah Amir al-Mukminin tetapi mengingkari salah seorang daripada imam-imam selepasnya, adalah seperti orang yang mengiktiraf semua anbiya A.S tetapi mengingkari kenabian Muhammad SAW.”<sup>28</sup>*

Seorang ulama besar mereka, al-Mufid mengatakan:

إِتَّفَقَتِ الْإِمَامَيْهُ عَلَى أَنَّ مَنْ أَنْكَرَ إِمَامَةً أَحَدٍ مِنَ الْأَئِمَّةِ وَجَحَدَ مَا  
أَوْجَبَ اللَّهُ تَعَالَى مِنَ الطَّاعَةِ فَهُوَ كَافِرٌ ضَالٌّ مُسْتَحْقٌ الْخُلُودِ فِي  
النَّارِ

**Maksudnya:** “Ulama Imamah ijmak mengatakan bahawa siapa yang mengingkari imamah salah seorang daripada

25 Muhammad bin Yaakub al-Kulaini (329H). Kitabnya “بِفَالِكْلِ” adalah merupakan kitab hadis paling sahih di sisi Syiah setanding dengan Bukhari di kalangan Ahli Sunnah.

26 “بِحَارُ الْأَنْوَارِ”, Jld. 2, hlm. 18.

27 Ibid.

28 Al-Qummi, “الإِعْتِقَادُ”, hlm. 103.

*imam-imam (dua belas) dan mengingkari kewajipan taat kepadanya, maka dia adalah kafir lagi sesat dan kekal dalam neraka.”<sup>29</sup>*

## IMAM-IMAM LEBIH MULIA DARIPADA PARA ANBIYA’

Dalam bab yang berjudul “Kelebihan para imam ke atas para anbiya”, al-Majlisi membawa beberapa riwayat. Antaranya:

”مَا مِنْ نَبِيٍّ نُّبِئَ وَلَا مِنْ رَسُولٍ أُرْسِلُ إِلَّا بِوْلَاتِنَا وَتَفْضِيلَنَا عَلَىٰ مَنْ سِوَانَا“

**Maksudnya:** “Tiada seorang nabi pun yang diwahyukan dan tiada seorang rasul pun yang diutuskan melainkan dengan **wilayah** kami dan dengan kelebihan kami ke atas yang lain daripada kami.”

”عَنْ أَبِي سَعِيدِ الْخُدْرِيِّ قَالَ: سَمِعْتُ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يَقُولُ: يَا عَلِيَّ مَا بُعِثْتَ نَبِيًّا إِلَّا وَقَدْ دَعَاهُ إِلَىٰ وَلَاتِكَ طَائِعًا أَوْ كَارِهًا“

**Maksudnya:** Daripada Abi Said al-Khudri katanya: ”Aku mendengar Rasulullah SAW bersabda: Wahai Ali, Allah tidak mengutuskan seorang nabi pun melainkan Allah menyeru kepada wilayah kamu, sama ada secara sukarela atau paksa.“<sup>30</sup>

29 Al-Majlisi, “بحار الأنوار”, 22:390.

30 Al-Majlisi, op.cit. 26:280. Perlu diperingatkan di sini bahawa kebanyakan riwayat Syiah yang dikatakan daripada Imam Jaafar as-Sodiq adalah dusta. Imam Jaafar as-Sodiq adalah seorang ulama yang muktabar yang tidak mungkin akan menyeleweng daripada landasan sunnah.

## AL-WASAYAH

Al-Wasayah bererti setiap nabi mesti mewasiatkan penggantinya sebagai Imam sebelum wafat dan Imam berikutnya akan mewasiatkan penggantinya pula. Al-Majlisi membawa satu riwayat daripada Nabi SAW<sup>31</sup>:

مَا قَبَضَ اللَّهُ نَبِيًّا إِلَّا أَمْرَهُ أَنْ يَصَّى إِلَى عَشِيرَتِهِ مِنْ عَصَبَتِهِ وَأَمْرَنِي  
أَنْ أُوصِي

*“Allah tidak mewafatkan seseorang nabi hingga Allah memerintahkan berwasiat kepada keluarganya daripada kalangan ‘asabahnya dan Allah perintahkan aku supaya berwasiat”*

عَنْ أَبِي عَبْدِ اللَّهِ قَالَ: عَرَجَ النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ السَّمَاءَ  
مِائَةً وَعِشْرِينَ مَرَّةً، مَا مِنْ مَرَّةٍ إِلَّا وَقَدْ أَوْصَى اللَّهُ عَزَّ وَجَلَّ فِيهَا  
إِلَى النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ بِالْوُلَايَةِ لِعَلِيٍّ وَالْأَئِمَّةِ مِنْ بَعْدِهِ  
عَلَيْهِمُ السَّلَامُ أَكْثَرَ مِمَّا أُوصَاهُ بِالْفَرَائِضِ

*“Daripada Abdullah katanya: Nabi mi'raj ke langit seratus dua puluh kali. Pada setiap kali mi'raj, Allah wasiat kepada nabi tentang wilayah bagi Ali dan imam-imam selepasnya lebih banyak daripada wasiat Allah tentang amalan fardu.”*

## B. MENOLAK PEMERINTAHAN KHULAFĀ’ AR-RASYIDIN DAN MENGHUKUM MEREKA DAN SAHABAT-SAHABAT YANG MENGAKUI PEMERINTAHAN KHULAFĀ’ SEBAGAI KAFIR

Al-Kulaini meriwayatkan daripada Abu Abdullah mengenai tafsir ayat 137 surah an-Nisa':

<sup>31</sup> Ibid. Jld. 25, hlm. 69.

إِنَّ الَّذِينَ ءَامَنُوا ثُمَّ كَفَرُوا ثُمَّ ءَامَنُوا ثُمَّ كَفَرُوا  
ثُمَّ أَزْدَادُوا كُفْرًا لَمَّا يَكُنَ اللَّهُ لِيغْفِرَ لَهُمْ وَلَا

لِيَعْدِهِمْ سَبِيلًا

Surah An-Nisa' 4 : 137

**Maksudya:** “Sesungguhnya orang-orang yang beriman, kemudian mereka kafir, kemudian mereka beriman semula, kemudian mereka kafir sekali lagi, kemudian mereka bertambah-tambah lagi dengan kekufuran, Allah tidak sekali-kali akan memberi ampun kepada mereka dan tidak akan memberi petunjuk hidayah kepada mereka ke jalan yang benar.”

Kata Abu Abdullah:

“Ayat ini turun pada fulan dan fulan, mereka mulanya telah beriman dengan Nabi SAW kemudian mereka menjadi kafir ketika dikemukakan kepada mereka wilayah.”

Maksud ‘fulan’ di sini dijelaskan oleh ulama yang menghuraikan kitab ini dengan katanya:

“Maksud ‘fulan’, fulan itu ialah Abu Bakar, Umar dan Uthman.”<sup>32</sup>

Mengenai tafsir ayat surah al-Hujurat, al-Kulaini meriwayatkan daripada Imam Jaafar as-Sodiq:

قَوْلُهُ (حَبَّبَ إِلَيْكُمُ الْإِيمَانَ وَزَيَّنَهُ فِي قُلُوبِكُمْ) يَعْنِي أَمِيرُ الْمُؤْمِنِينَ عَلَيْهِ السَّلَامُ، (وَكَرَهَ إِلَيْكُمُ الْكُفْرُ وَالْفُسُوقُ وَالْعُصُبَيَانُ)  
الْأَوَّلُ وَالثَّانِي وَالثَّالِثُ

32 ”الكافي“، Jld. 1: hlm 420.

*"Katanya: (Allah menjadikan kamu kasih kepada iman dan menghiaskannya di hati kamu), yakni Amir al-Mukminin RA (dan menjadikan kamu benci kepada kufur, amalan fasik dan maksiat), yakni; yang pertama, kedua dan ketiga. Ketiga-tiga yang dimaksudkan itu tidak lain daripada tiga khalifah Islam sebelum Ali RA..."*

Al-Majlisi, ketika mengulas satu hadis tentang kelebihan sahabat yang melihat Nabi SAW berkata:

وَيَنْبُغِي أَنْ نَعْلَمُ أَنْ هَذِهِ الْفَضَائِلُ إِنَّمَا هِيَ لِمَنْ كَانَ مُؤْمِنًا مِنْهُمْ  
لَا لِلْمُنَافِقِينَ، كُفَّارِ الصِّرَاطِ وَأَصْرَابِهِمْ وَاتِّبَاعِهِمْ

*"Hendaklah anda ketahui bahawa kelebihan-kelebihan ini hanyalah bagi siapa yang beriman daripada kalangan mereka, bukan bagi golongan munafikin seperti mereka yang merampas jawatan khalifah dan seumpama mereka serta pengikut-pengikut mereka."<sup>33</sup>*

## SYIAH TIADA HUBUNGAN DENGAN AHLUL BAIT<sup>34</sup>

Melihat kepada pegangan serta amalan mereka yang bertentangan dengan al-Quran, Sunnah, Khulafa al-Rasyidin serta para sahabat dan Ahlul Bait R.Anhum, adalah jelas golongan *Syiah* ini pada hakikatnya tiada hubungan dengan Ahlul Bait. Terdapat riwayat-riwayat yang banyak dari kalangan Ahlul Bait sendiri yang mengutuk tindakan mereka menyebarkan ajaran bidaah, sesat dan kufur atas nama Ahlul Bait. Salah seorang daripada Ahlul Bait, iaitu Ali bin al-Husain Zaninul Abidin (cucu Saidina Ali yang didakwa oleh *Syiah* sebagai imam keempat mereka), ketika menyifatkan hubungan *Syiah* dengan Ahlul Bait:

33 Al-Majlisi. op.cit. Jld 22, hlm. 313. Huraian lebih lanjut mengenai persoalan ini dan sikap mereka terhadap al-Quran terdapat dalam tulisan saya: "Benarkah *Syiah* tidak kafirkan sahabat?".

34 Perkataan *Syiah* di sini merujuk kepada *Syiah* Imamiah atau yang lebih sesat daripada mereka sahaja; kerana mazhab *Zaidiyah* pada hakikatnya mempunyai pegangan yang sama dengan Ahli Sunnah.

*“Sesungguhnya Yahudi kasih kepada Uzair hingga mereka kata apa yang mereka kata tentangnya; Uzair daripada mereka dan mereka bukan daripada Uzair. Kaum Nasrani mengasihi Nabi Isa AS hingga mereka kata padanya apa yang mereka kata; Isa bukan daripada mereka dan mereka bukan daripada Isa. Keadaan kami (Ahlul Bait) juga demikian. Segolongan daripada pengikut kami akan mengasihi kami sehingga mereka kata kepada kami apa yang dikata oleh Yahudi kepada Uzair dan Nasrani kepada Isa; mereka bukan daripada golongan kami dan kami bukan daripada golongan mereka.”<sup>35</sup>*

Imam Jaafar as-Sodiq berkata kepada salah seorang yang mendakwa sebagai pengikutnya:

*“Wahai Jabir, sampai kepadaku bahawa segolongan mereka yang mendakwa mengasihi kami di Iraq, mencerca Abu Bakar dan Umar R.A. Mereka mendakwa aku yang menyuruhnya. Sampaikan kepada mereka bahawa aku dengan nama Allah membersihkan diriku daripada mereka. Demi Allah, sekiranya aku mempunyai kuasa, pasti aku bertaqarrub kepada Allah dengan darah mereka.”*

Berkata Saidina Ali R.A:

**يَهْلِكُ فِي مَحَبٍ مُفْرِطٍ يَقْرُطُنِي بِمَا لَيْسَ فِي وَمُبْغِضٍ مُفْتِرٍ يَحْمِلُهُ شَنَانِي عَلَى أَنْ يَبْهَثَنِي بِمَا لَيْسَ فِي**

*“Akan binasa padaku yang kasihkan aku secara melampau, dia mendewa-dewakan aku dengan apa yang tidak ada padaku; dan juga orang yang benci padaku sehingga kebencian itu mendorongnya menuduh aku dengan perkara-perkara yang tidak ada padaku.”*

Ad-Daruqutni meriwayatkan daripada Ali R.A, daripada Rasulullah SAW:

---

<sup>35</sup> رجال الكشي، ”رجال الكشي“، hlm. 111.

سَيِّاطِي مِنْ بَعْدِي قَوْمٌ لَهُمْ نَبَرٌ يُقَالُ لَهُمُ الرَّافِضَةُ، فَإِنْ أَدْرَكْتُهُمْ  
فَاقْتُلُهُمْ فَإِنَّهُمْ مُشْرِكُونَ.

*“Akan datang selepasku satu kaum, bagi mereka gelaran yang dipanggil al-Rafidahah. Kata Saidina Ali: Ya Rasulullah! Apakah alamat pada mereka? Jawab Rasulullah: Mereka memuji kamu dengan apa yang tidak ada pada kamu dan mereka mencerca golongan Salaf (seperti sahabat Rasulullah SAW)”*

## PANDANGAN ULAMA ISLAM SUNNAH TENTANG GOLONGAN RAFIDAH

Berkata Harmalah:

*“Aku mendengar Imam Syafie berkata:*

لَمْ أَرَ أَحَدًا أَشْهَدَ بِالْزُّورِ مِنَ الرَّافِضَةِ

**Maksudnya:** Aku tidak pernah melihat orang yang paling banyak bersaksi dusta selain daripada golongan Rafidahah.<sup>36</sup>

Al-Baghdadi ketika menyebut pendapat al-Jarudiah yang mengkafirkan sahabat-sahabat kerana tidak membai'ah Saidina Ali R.A (selepas wafat Rasulullah SAW) berkata:<sup>37</sup>

فَهَذَا قَوْلُ الْجَرُودِيَّةِ، وَتَكْفِيرُهُمْ وَاجِبٌ لِتَكْفِيرِهِمْ أَصْحَابَ النَّبِيِّ  
صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ

**Maksudnya:** “Dan inilah kata-kata al-Jarudiyah: Dan mengkafirkan mereka wajib kerana mereka mengkafirkan pada sahabat Nabi SAW”

36 Muhammad Abu Zuhrah, “تَارِيخُ الْمَذَهَبِ الإِسْلَامِيَّةِ”, Jld. 2, hlm. 546.

37 Al-Baghdadi, “الفرق بين الفرق”, hlm 22-23.

Ketika menyebut al-Jaririah, beliau berkata:

وَأَهْلُ السُّنَّةِ يَكْفُرُونَ سُلَيْمَنَ بْنَ جَوَيْرٍ مَّنْ أَجَلَ اللَّهُ كَفَرَ  
عثمان رضي الله عنه

**Maksudnya:** “Ahli Sunnah menghukumkan kafir terhadap Sulaiman bin Jarir kerana dia mengkafirkkan Saidina Uthman R.A.”<sup>38</sup>

Imam Muhammad bin Abdul Wahab, ketika mengulas pandangan Syiah bahawa Saidina Ali lebih afdal daripada para anbiya’, selain daripada Nabi Muhammad berkata:<sup>39</sup>

وَمَنْ اعْتَقَدَ فِي عَيْرِ الْأَنْبِيَاءِ كُونَهُ أَفْضَلُ مِنَ الْأَنْبِيَاءِ  
وَمَسَاوِيَا لَهُمْ فَقَدْ كَفَرَ وَقَدْ نَقْلَ عَلَى ذَلِكَ الْإِجْمَاعُ غَيْرُ  
وَاحِدٍ مِّنَ الْعُلَمَاءِ

**Maksudnya:** “Barangsiapa yang beriktiad pada selain daripada anbiya’, bahawa ia afdal daripada mereka dan menyamai mereka, sesungguhnya jadi kufur dia; dan yang demikian itu adalah ijmak seperti disebut oleh sebilangan ulama.”

Al-Marhum Sa’id Hawa ketika mengulas kenyataan Khomeini dalam kitabnya<sup>40</sup> ”كتشف الأسرار“ bahawa sahabat-sahabat R.Anhum telah mengubah al-Quran berkata:

وَهَذَا مِنْ خَمِينِي كُفْرٌ بِوَاحٍ وَنَقْضٌ لِلْإِسْلَامِ كُلِّهِ

**Maksudnya:** “Perkataan ini daripada Khomeini adalah satu kekufuran yang sangat jelas dan membatalkan Islam keseluruhannya.”<sup>41</sup>

قال ابن الطهر الخلي في منهج الكرامة: أجمعت الأمة على أن علياً بعد نبينا أفضل من الأنبياء غير أولي العزم وفي  
تفصيله عليهم خلاف

38 39 Muhammad bin Abdul Wahab, ”رسالة في الرد على الرافضة“، hlm. 29.

40 Kata Khomeini dalam ”كتشف الأسرار“، ان تهمة التحرير التي يوجهها المسلمين الى اليهود والنصاري انها تثبت على الصحابة

41 Sa’id Hawa, ”الخطب الحسينية“، hlm. 20.

Berkata Ibnu Hajar dalam المحرقة“الصواعق”:

وفي الفتاوي البديعية: من أنكر امامه أبي بكر رضي الله عنه فهو كافر، وقال بعضهم مبتدع، وال الصحيح أنه كافر، وكذلك، من أنكر خلافة عمر (رضي الله عنه) في أصح الأقوال... وأما تكفير أبي بكر ونظرائه ومن شهد لهم النبي صلى الله عليه وسلم بالجنة فلم يتكلم فيها أصحاب الشافعي والذي أراه الكفر قطعا موافقة لمامر

*“Tersebut dalam kitab البديعية: Sesiapa yang mengingkari kesahihan pemerintahan khalifah Abu Bakar R.A, maka jadi kafir dia; setengah ulama berkata: dia seorang ahli bidaah. Menurut pendapat sahih: dia adalah kafir. Demikian juga orang yang mengingkari kesahihan Umar R.A mengikut pendapat yang lebih sahih... adapun hukum mengkafirkan Abu Bakar R.A dan sahabat-sahabat yang seumpamanya daripada kalangan mereka yang disaksikan akan masuk syurga oleh Rasulullah SAW, sahabat-sahabat Syafie tidak memperkatakannya; pada pendapat saya hukumnya kufur tanpa khilaf”<sup>42</sup>*

Adalah jelas daripada ajaran-ajaran Syiah yang dibentangkan di atas, mereka adalah termasuk dalam golongan “غلة” (pelampau). Kerana pegangan golongan “pelampau” di zaman dahulu telah menjadi pegangan Syiah di zaman ini, dan tokoh-tokoh mereka juga telah diterima sebagai tokoh Syiah Imamiah kini. Ini diakui sendiri oleh seorang ulama Syiah, al-Mamaqani:<sup>43</sup>

ان ما كان يعتبر يومئذ غلوا صار بعد الآن من ضروريات المذهب

*“Sesungguhnya apa-apa yang dianggap pada ketika ini sebagai ghulu (keterlaluan), sekarang telah menjadi sebahagian daripada pegangan asas mazhab.”*

42 الصواعق المحرقة”，hlm. 381-382

43 Al-Mamaqani，“تنقیح المقال”.

## PENUTUP

Saidina Ali R.A berkata:

سَيِّأْتِي عَلَيْكُمْ بَعْدِي زَمَانٍ لَّيْسَ فِيهِ شَيْءٌ أَخْفَى مِنَ الْحَقِّ وَلَا أَظْهَرٌ  
مِنَ الْبَاطِلِ

**Maksudnya:** “Akan datang kepadamu selepasku satu masa dalam mana kebenaran menjadi begitu tersorok dan kebatilan sangat menonjol.”

Pada hemah saya, fenomena sekarang ini menepati apa yang disebut oleh Saidina Ali RA itu. Kekeliruan mengenai *Syiah* ini bukan sahaja melanda orang-orang yang tidak berpelajaran tetapi juga orang-orang yang berpelajaran dan berilmu.

Dalam hubungan ini, saya suka menarik perhatian kaum Muslimin khususnya daripada kalangan mereka yang berilmu dan juga mereka yang berada di tumpuk kuasa bahawa gerakan sulit *Syiah* sedang berjalan dengan rapi dan teratur untuk merosakkan akidah umat Islam. Kesan-kesan kegiatan mereka dapat dilihat daripada pengedaran risalah-risalah secara sulit yang memakai nama “*Markaz Ahlul Bai’*”.

Risalah-risalah tersebut mengandungi serangan dan cercaan termasuk mengkafirkan para sahabat Rasulullah SAW dan juga terhadap sumber-sumber muktabar seperti kitab hadis Sahih Bukhari dan lain-lain.

Pengaruh gerakan sulit *Syiah* ini telah merebak di kalangan pelajar-pelajar Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia sendiri. Risalah-risalah yang disebutkan di atas dilekatkan dari semasa ke semasa di pintu-pintu bilik pensyarah (termasuk penulis sendiri) secara sulit.

Memandangkan perkembangan yang disebutkan itu, belumkah lagi sampai masanya kita umat Islam menghadapi gerakan ini secara

teratur dan berkesan bagi melaksanakan amanah memelihara dan mempertahankan akidah Islam? Di sini saya suka menarik perhatian para pembaca sekali lagi terhadap hadis-hadis yang disebutkan oleh Ibnu Hajar seperti yang dimuatkan dalam mukadimah kertas kerja ini.

اللهم بلغت... اللهم فاشهد

*“Ya Allah, saya telah sampaikan... Ya Allah, saksikanlah”*



**Turbah Karbala**

## **GERAKAN SYIAH DI MALAYSIA**

Oleh : Dr Mohamed Fairooz bin Mohamed Fathillah

### **SYIAH DI MALAYSIA**

#### **KEDATANGAN SYIAH DI ALAM MELAYU**

Kedatangan Islam di Alam Melayu mula bertapak di Sumatera dan Pasai yang berasal dari Semenanjung Arab, China dan India. Aliran Ahli Sunah wal Jamaah adalah aliran Islam terawal yang tiba di Alam Melayu sebagai sebuah mazhab yang lengkap meliputi akidah, syariah dan akhlak. Aliran akidah dan mazhab ini telah menjadi pegangan para tokoh pendakwah terawal di Alam Melayu khususnya selepas abad ke-13M. Manakala terdapat teori yang mengatakan Syiah lebih awal tiba di Alam Melayu daripada aliran Ahli Sunah wal Jamaah. Hal yang demikian terjadi disekitar tahun 173H atau 790M apabila rombongan 100 orang pendakwah Syiah dari Arab, Parsi dan India Muslim yang diketuai oleh Nakhoda Khalifah Abbasiyyah telah tiba di Perlak.

Terdapat juga teori bahawa Syiah sampai ke Samudera Pasai pada permulaan abad ke-12M dengan dukungan kerajaan Fatimiyyah di Mesir. Syiah mula berkembang menerusi ajaran *wujudiyyah* dan tasawuf falsafah di Alam Melayu. Syiah berperanan sebagai kuasa politik di kepulauan Nusantara khususnya di Perlak. Begitu juga

wilayah Islam di Aceh yang merupakan kesan perebutan Syiah dan Ahli Sunnah wal Jamaah. Selain itu kemunculan Syiah di Nusantara dilihat apabila pengaruh Parsi yang berdagang di Ayuthia Thailand pada abad 15M hingga 17M. Begitu juga kemunculan Syiah pada abad ke-20M didapati dalam perdebatan aliran pemikiran Islam dalam kalangan Muslim ketika pentadbiran British di Malaya dan Singapura. Terdapat kecenderungan Syiah dalam pelbagai aktiviti sosial di Singapura, Thailand dan Indonesia. Hal yang demikian menunjukkan revolusi Iran pada tahun 1979 mempengaruhi agama dan budaya terhadap dunia Islam di Nusantara.

## **ALIRAN SYIAH DI MALAYSIA**

Kedatangan Syiah ke Malaysia bermula abad ke-12M menerusi pengaruh fahaman Batiniyyah yang meresap ke dalam pemikiran tasawuf teosofi seperti doktrin *wujudiyyah*, *hulul waittihad*, *Nur Muhammad*, *Insan Kamil*, *Rijal al-Ghayb (Imam Mahdi)* dan beberapa doktrin lain. Terdapat dua jenis Syiah di Malaysia yang dibawa oleh pendatang India dari negara mereka iaitu Syiah Taiyibi Bohra atau dikenali sebagai Dawood Bohra dan Syiah Ismailiyah Agha Khan. Kumpulan Syiah ketiga yang bergerak aktif di negara ini selepas revolusi Iran 1979 adalah Syiah Imamiyah atau dikenali dengan Syiah Imam dua belas. Terbaru, muncul pecahan kumpulan Syiah Imamiyah yang dikenali dengan nama Ansar al-Imam al-Mahdi atau Pendokong al-Yamani.

### **Syiah Dawoodi Bohra**

Komuniti Syiah Dawoodi Bohra di Malaysia ini telah wujud lebih 150 tahun lalu di Klang. Mereka terdiri daripada peniaga-peniaga yang berasal dari Bombay, India. Pada zaman pemerintahan British di Tanah Melayu. Pada tahun 1975 persatuan ini ditubuhkan dengan dianggotai oleh orang India Muslim Syiah Fatimi Isma'ili Taiyibi yang berasal dari Gujerat, Suraj dan Mumbai. Keahlilan

komuniti ini di Malaysia adalah sekitar 700 orang termasuk di Selangor hampir 200 orang yang tidak melibatkan warga tempatan. Menurut Jawatankuasa Fatwa Negeri Selangor yang bersidang pada 11 Disember 1982 memutuskan bahawa Persatuan Dawoodi Bohra Muslim Klang di Selangor merupakan golongan Islam yang bukan Ahli Sunnah wal Jamaah. Persatuan ini juga dilarang mengembangkan fahaman yang dianuti kepada masyarakat Islam lain serta menumpukan corong pembesar suara ke luar bangunan semasa azan dikemundangkan. Namun persatuan atau individu dalam kalangan ahli dibenarkan membayar zakat kepada Majlis Agama Islam Selangor.



## Syiah Ismailiah Agha Khan

Kumpulan Syiah ini merupakan pecahan daripada Syiah Ismailiah. Ia muncul di Iran pada awal kurun ke-19 Masihi. Gerakan Syiah Agha Khan ini tersebar dengan meluasnya dan terdapat di Nairobi, Dar al-Salam, Zimbabwe, Mogadishu, Congo, Belgium, India, Pakistan, Syria dan ianya berpusat di Karachi. Di Malaysia, kumpulan ini bergerak di sekitar Lembah Klang yang terdiri dalam kalangan pemilik premis-premis perniagaan PeerBhai. Pengikut kumpulan ini tidak dapat diketahui jumlahnya tetapi lebih sedikit daripada kumpulan Syiah Bohra. Antara pendakwah utama kumpulan ini ialah *Hasan 'Alī Shāh*, Agha 'Alī, Muhammad al-Husaini dan Karim.



## Syiah Al-Imamiyah (Ithna 'Ashariyyah)

Kumpulan ini dipercayai mula bertapak di Malaysia selepas tercetusnya Revolusi Iran pada tahun 1979. Pengaruh ajaran dan fahaman Syiah al-Imamiyah mula menular ke negara ini melalui bahan bacaan dan individu perseorangan sama ada yang berkunjung ke Iran atau yang datang dari Iran. Menurut dakwaan pemimpin Syiah al-Imamiyah, bilangan pengikut kumpulan ini di Malaysia telah menjangkau hampir 300,000 orang pengikut. Syiah al-Imamiyah menubuhkan syarikat perniagaan seperti mencetak, menjual alat tulis dan buku-buku. Syiah al-Imamiyah juga

menubuhkan pusat pengajian yang dinamakan sebagai Hauzah seperti Hauzah Ali Ar-Ridha, Hussainiyah Al-Hujjah dan Hauzah Ummu Abiha di Selangor serta Pengajian Husainiyah az-Zahra' di Kedah. Selain itu Syiah al-Imamiyah menubuhkan persatuan bergerak seperti Majlis A'la Talabah Malaysia (MA'LA) sebagai sebuah badan penasihat jamaah Ahlul Bait di Malaysia, Majma' Ahlul Bait Sedunia serta Majlis Syiah Malaysia.

Antara tokoh-tokoh aktivis Syiah al-Imamiyah yang terkenal di Malaysia ialah Mohd Kamilzuhairi bin Abdul Aziz sebagai ketua gerakan Syiah di Malaysia, Abdullah Hasan sebagai ketua Syiah di Kedah serta Pak Malik Takim di Johor sebagai Setiausaha Majlis Syiah Malaysia cawangan Johor. Dalam Muzakarah Khas Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan bagi Hal Ehwal Agama Islam Malaysia yang bersidang pada 5 Mei 1996 telah memutuskan bahawa ajaran Islam yang lain daripada pegangan Ahli Sunnah wal Jamaah adalah bercanggah dengan hukum syarak dan undang-undang Islam. Berikutan perkara itu, pada bulan Julai 2013, Kementerian Dalam Negeri (KDN) telah mengisyiharkan sebuah pertubuhan bernama Pertubuhan Syiah Malaysia sebagai haram berkuat kuasa serta-merta mengikut Seksyen 5 (1), Akta Pertubuhan 1966 kerana mencetuskan keresahan dalam kalangan umat Islam di negara ini.



Syiah Ansar Al-Imam Al-Mahdi

Kemunculan kumpulan Syiah baru yang dikenali dengan nama Ansar al-Imam al-Mahdi atau pendukung al-Yamani. Kumpulan ini mempercayai penambahan 12 orang wasi dalam kalangan Imam Syiah sebelum kehadiran Imam al-Mahdi. Wasi Imam al-Mahdi yang pertama adalah Syed Ahmad bin al-Hasan. Kumpulan ini aktif dengan menghadiri kursus-kursus khas di dalam dan luar negara. Sejak tahun 2015 Syiah Ansar al-Imam al-Mahdi mempunyai pengikut dari Perlis, Kedah, Selangor, Melaka, Negeri Sembilan, Kuala Lumpur dan Johor. Kumpulan ini juga telah berjaya merekrut ahli sehingga mencecah hampir 80 orang. Antara individu yang menggerakkan kumpulan ini adalah Muhammad Eshraq bin Abd Latif, Farhan bin Azmi dan Rafiey bin Ali. Pada 19 November 2016 kumpulan ini telah diserbu oleh pihak cawangan khas Bukit Aman dan penguat kuasa JAIM ketika kumpulan ini sedang mengadakan Majlis Arba'in.

**DARI MELAKA , NEGERI SEMBILAN**

# Gerakan mula aktif setahun lalu

Kumpulan Al-Ansar Imam Mahdi yang dilumpuhkan Jaim sudah rekruit 80 orang termasuk individu berkeluarga

**MELAKA TENGAH** - Kumpulan Al-Ansar Imam Mahdi yang dilumpuhkan seluruh agama Islam Melaka (Jaim) dalam sejarah kerisianiti, sudah memperkenalkan kira 80 anggota.

Penyokongnya yang terdiri daripada ahli agama Islam dan ahli politik, Agensi Perpaduan Nasional (APN), Parti Gerakan Demokratik (Barisan Rakyat) dan Barisan Nasional awal mendapati, kira-kiranya mereka belum bergerak sejak sebelum bulan Ramadhan pada tahun 2016 di Melaka, Negeri Sembilan dan Kuala Lumpur.

"Kumpulan Al-Ansar Imam Mahdi ini semasa itu masih menjadi ahli politik Persekutuan Islam Malaya yang duduk sebagai ahli politik di Melaka," katanya.

Menurutnya, 16 individu terdiri dibawah rohaniyat Setiausaha Eksekutif Negerialia Syariah Negeri Melaka (19) kerana menganggap agama Islamik akan dibabas di Melaka pada Tenggah Syarikat Melaka pada 20 Februari 2017.

"Menurutnya, 16 individu tersebut dibabas kerana ia tidak mempunyai maklumat tentang kebenaran Islam mengenai agama Islamik dan bukan seorang Islamik," katanya.

Beliau menambah bahawa, surat-surat se-  
cara terperinci akan diberikan buat selesa ke atas kumpulan berdayam, malah kumpulan tersebut bantah dengan faktumnya Syiah Islamik.

"Kemudian mereka mengadakan perasmian bersama-sama di negeri ini," katanya.

Sementara itu, penjuruannya berjemuhan 16 pengikut terdiri kerana dia mengikuti kumpulan bersama-sama dengan jumlah RM15,000 setiap seorang di bawah Mahathirism Tinggi Syarikat Melaka, di sini serentak.

"Setelah itu, mereka yang terlibat bersama 14 orang lagi tahan melepas kerajaan kerana mereka menganggap agama Islamik akan dibabas di Melaka," katanya.



Pengikut Syiah Ansar al-Imam al-Mahdi Malaysia

## MAJLIS PERAYAAN SYIAH DI MALAYSIA

### Sambutan Hari ‘Asyura

Sambutan Hari ‘Asyura merupakan amalan ritual yang direka dan disebarluaskan untuk menunjukkan kesedihan kepada kecelakaan yang menimpa Husain bin Ali R.A saat terbunuh dengan zalim di bumi Iraq. Amalan memukul kepala dengan pisau serta menoreh dada dengan alatan tajam bermula ketika kerajaan Sofawiah diasaskan dengan sokongan daripada British dan berlaku secara signifikan ketika British menjajah benua India. Manakala pengikut Syiah di Malaysia mengubah amalan tersebut kepada ucapan takziah, qasidah, nyanyian nasyid dan perkumpulan di hauzah mereka dengan tangisan, pekikan dan pukulan ke dada. Selain itu mereka menggantikan amalan di jalanan bersempena Hari ‘Asyura dengan menyertai demonstrasi awam yang dianjurkan oleh parti-parti politik bagi mengangkat panji Syiah seperti gambar Khomeini dan bendera hitam yang tertera di atasnya kalimah “Ya Husain” di tengah-tengah jalan. Mereka turut melaungkan slogan-slogan Husain R.A. Mereka juga sering berkumpul di Husainiat bersempena ‘Asyura, hari-hari kelahiran, hari kesyahidan dan kepulangan, hari raya Aidul Fitri dan hari raya Aidul Adha.



**Sambutan Hari Asyura di Timur Tengah**

## Sambutan Majlis Perayaan Sepanjang Tahun

Amalan bid'ah yang seterusnya adalah menyambut majlis perayaan sepanjang tahun. Selain daripada sambutan Hari 'Asyura, setiap bulan penganut Syiah mempunyai acara dan aktiviti untuk mereka berkumpul dan menghidupkan fahaman mereka. Jika diperhatikan kebanyakan perayaan fahaman ini tertumpu kepada meraikan imam-imam mereka begitu juga dengan meraikan golongan Ahlu al-Bait dan para ulama' mereka. Jadual 2.3 di bawah menjelaskan secara keseluruhan sambutan majlis perayaan penganut Syiah Melayu di Malaysia sepanjang tahun:

### Sambutan Hari Wiladah az Zahra



\*Sambutan ini diadakan di Selangor

## Jadual 2.3 Perayaan sempena peristiwa

<b>Bil.</b>	<b>Bulan</b>		<b>Peristiwa</b>
1. MUHARRAM	10	-	Syahid Imam Hussain A.S.
		25	- Syahid Imam Ali Zainal Abidin A.S.
2. SAFAR	07	-	Maulid Imam Musa Al Kazim A.S.
		17	- Syahid Imam Ali Ridha A.S.
		20	- Hari Arba'in 40 hari Syahid Imam Hussain A.S.
		28	- Wafat Rasulullah SAW & Syahid Imam Hassan
3. RABIULAWAL	05	-	Wafat Sayyidah Fatimah Ma'sumah A.S.
		08	- Syahid Imam Hassan Askari A.S.
		10	- Perkahwinan Rasulullah & Sayyidah Khadijah
		17	- Maulid Rasulullah SAW & Imam Ja'far al-Sadiq
		18	- Maulid Sayyidah Kalsum A.S.
4. RABIULAKHIR	08	-	Maulid Imam Hassan Askari A.S
5. JAMADILAWAL	05	-	Maulid Sayyidah Zainab Al-Kubra A.S.
		15	- Maulid Imam Ali Zainal Abidin A.S
6. JAMADILAKHIR	03	-	Wafat Sayyidah Fatimah Az Zahra' A.S.
		20	- Maulid Sayyidah Fatimah Az Zahra' & Khomenei
		26	- Syahid Imam Ali Naqi A.S.
7. REJAB	01	-	Maulid Imam Muhammad Baqir A.S.
		10	- Maulid Imam Muhammad Taqi A.S.
		13	- Maulid Imam Ali ibn Abi Talib A.S.
		15	- Wafat Sayyidah Zainab Al Kubra A.S.
		25	- Syahid Imam Musa Kazim A.S.
		27	- Yaumul Mab'ath & Peristiwa Isra' & Mi'raj
8. SYAABAN	03	-	Maulid Imam Hussain A.S.
		04	- Maulid Abul Fadil Abbas A.S.
		08	- Ghaibul Sughra Imam Al Mahdi A.S.
		15	- Maulid Imam Mahdi A.S.

9. RAMADHAN	10	- Wafat Sayyidah Khadijah Kubra A.S.
	15	- Maulid Imam Hassan Mujitaba A.S.
	19	- Imam Ali Ibn Abi Talib A.S. ditetak di Masjid Kufah
	21	- Syahid Imam Ali ibn Abi Talib A.S.
	23	- Malam Lailatui Qadar
	28	- Hari Al Quds Sedunia
10. SYAWAL	01	- Hari Raya Eidul Fitri
	10	- Ghalbul Kubra Imam Mahdi A.S
	25	- Syahid Imam Jaafar Sadiq A.S.
11. ZULKAEDAH	01	- Maulid Saidah Fatimah Ma'sumah A.S.
	11	- Maulid Imam Ali Ridha A.S.
	29	- Syahid Imam Muhammad Taqi A.S.
12. ZULHIJJAH	01	- Perkahwinan Imam Ali. & Sayyidah Fatimah al-Zahra
	07	- Syahid Imam Muhammad Baqir A.S.
	10	- Hari Raya Eidul Adha
	15	- Maulid Imam Ali Al-Hadi A.S.



Sambutan Hari Ghadir setiap 18 Zulhijjah

**MAULID (TARİH DAN TARİKH)**

- 10-Syahid Imam Hussain A.S. (Rabu 07.01.09)
- 25-Syahid Imam Ali Zainal Abidin A.S. (Khamis 22.01.09)
- 07-Maulid Imam Musa Al Kadim A.S. (Selasa 03.02.09)
- 17-Syahid Imam Ali Ridha A.S. (Jumat 13.02.09)
- 20-Hari Arba'in 40 hari Syahid Imam Hussain A.S. (Selasa 17.02.09)
- 28-Wafat Resulullah S.A.W & Syahid Imam Hassan A.S. (Selasa 24.02.09)

**MAULID (TARİH DAN TARİKH)**

- 05-Wafat Sayyidah Fatimah binti Musa al-Kazim A.S. (Jum'at 02.03.09)
- 06-Syahid Imam Hassan Askari A.S. (Khamis 09.03.09)
- 10-Perkawinan Resulullah S.A.W & Sayyidah Khadijah R.A. (Selasa 17.03.09)
- 17-Maulid Resulullah S.A.W. & Imam Jaafar Sadiq A.S. (Selasa 14.04.09)
- 19-Maulid Sayyidah Kalsum A.S. (Rabu 15.04.09)

**MAULID (TARİH DAN TARİKH)**

- 08-Maulid Imam Hassan Askari A.S. (Selasa 04.04.09)

**MAULID (TARİH DAN TARİKH)**

- 05-Maulid Sayyidah Zainab Al Kubra A.S. (Khamis 30.04.09)
- 15-Maulid Imam Ali Zainal Abidin A.S. (Ahad 10.05.09)

**MAULID (TARİH DAN TARİKH)**

- 03-Wafat Sayyidah Fatimah Az Zahra' A.S. (Khamis 25.05.09)
- 20-Maulid Sayyidah Fatimah Az Zahra' A.S. & imam Khomeini (A.S.) (Rabu 26.05.09)
- 26-Syahid Imam Ali Neqi A.S. (Selasa 20.06.09)

**MAULID (TARİH DAN TARİKH)**

- 01-Maulid Imam Muhammad Bagir A.S. (Rabu 24.06.09)
- 10-Maulid Imam Muhammad Taqi A.S. (Jumat 03.07.09)
- 13-Maulid Imam Ali Ibn Abi Talib A.S. (Jum'at 06.07.09)
- 15-Wafat Sayyidah Zainab Al Kubra A.S. (Rabu 08.07.09)
- 25-Syahid Imam Musa Kazim A.S. (Selasa 18.07.09)
- 27-Yaumul Mab'uth & Peristiwa Isra' & Mi'raj (Jumaat 20.07.09)

**MAULID (TARİH DAN TARİKH)**

- 03-Maulid Imam Hussein A.S. (Selasa 23.07.09)
- 04-Maulid Abul Fadil Abbas A.S. (Ahad 28.07.09)
- 08-Ghalib Sugra Imam Al Mahdi A.S. (Khamis 30.07.09)
- 15-Maulid Imam Mahdi A.S. (Khamis 06.08.09)

**MAULID (TARİH DAN TARİKH)**

- 10-Wafat Sayyidah Khadijah Khoira A.S. (Rabu 31.08.09)
- 15-Maulid Imam Hassan Muttaja A.S. (Selasa 05.09.09)
- 18-Imam Ali ibn Abi Talib A.S. di Isyakai Masjid Kufah (Selasa 08.09.09)
- 21-Syahid Imam Ali ibn Abi Talib A.S. (Jumat 11.09.09)
- 23-Malam Lailatul Qadar (Ahad 13.09.09)
- 28-Hari Al Quds Sedula Umarat 18.09.09)

**MAULID (TARİH DAN TARİKH)**

- 01-Hari Raya Aidilfitri (Ahad 20.09.09)
- 10-Ghalib Kubra Imam Mahdi A.S. (Selasa 29.09.09)
- 25-Syahid Imam Jaafar Sadiq A.S. (Rabu 14.10.09)

**MAULID (TARİH DAN TARİKH)**

- 01-Maulid Sayyidah Fatimah Ma'sumah A.S. (Selasa 20.10.09)
- 11-Maulid Imam Ali Ridha A.S. (Jumat 30.10.09)
- 29-Syahid Imam Muhammad Baqir A.S. (Selasa 31.10.09)

**MAULID (TARİH DAN TARİKH)**

- 01-Perkawinan Imam Ali A.S. & Sayyidah Fatimah Az Zahra' (Rabu 18.11.09)
- 07-Syahid Imam Muhammad Baqir A.S. (Selasa 24.11.09)
- 10-Hari Rayu Eidul Adha (Jumat 27.11.09)
- 15-Maulid Imam Ali Al Hadi A.S. (Rabu 02.12.09)
- 18-Hari Raya Aidil Ghidhr (Selasa 05.12.09)
- 24-Hari Muharram (Jumat 11.12.09)

Allah SWT merahmati bagi mereka-mereka yang menghidupkan ursus kami (majlis-majlis kami). Hadis Imam Jaafar Sadiq A.S:

Dzikirku an-Nabi, Nasirul Ridha & A. Asy'ar Lampung, Manzura.

## PENULISAN SYIAH DI MALAYSIA



### Artikel dan Buku



Penulisan dan karya berkenaan kecintaan kepada Ahli al-Bait yang berorientasikan ideologi Syiah semakin berkembang dalam kalangan masyarakat di Malaysia. Penulisan dan rujukan tersebut yang berbahasa Malaysia atau Indonesia boleh dimiliki dengan memuat turun secara langsung melalui medium atas talian. Begitu juga cetakan buku-buku pula diterbitkan dan tersebar di kedai-kedai buku sebelum diharamkan oleh kerajaan Malaysia. Manakala di perpustakaan awam dan universiti, buku-buku mereka masih boleh didapati sehingga kini untuk kegunaan pengkaji dan mahasiswa. Selain itu golongan Syiah telah menyebarkan risalah dan pamphlet mereka secara terbuka di masjid dan surau di beberapa negeri di Malaysia. Berikut adalah buku-buku Syiah yang boleh didapati di Malaysia:

## MENGENAL HAKIKAT SYIAH

### Jadual 2.4 Buku Syiah di Malaysia

Bil.	Tajuk	Pengarang
1.	Dialog Sunah-Syiah	Syeikh Syarafuddin al-Musawi
2.	Kunci-kunci Syurga	Syaikh Abbas al-Qummi
3.	Minhaj Kebenaran dan Pendedahannya	al-Hasan bin Yusuf al-Mutahhar al-Hulliyy
4.	Kenapa Aku Memilih Mazhab Syiah Ahlul Bait	Syeikh Muhammad Mar'i al-Amin al-Antaki
5.	Peshawer Nights	al-Sayyid Muhammad Rais al-Wahidin
6.	Akhirnya Aku Temui Kebenaran	Muhammad al-Tijani al-Samawi
7.	Pengantar Ilmu-ilmu Islam	Murtadha Muthahhari
8.	Mukhtasar Al-Ahkam	Markaz Ahlul Bait
9.	Meniti Titian Kebenaran Mazhab Rasul dan Albait	Khair Izzah
10.	Fatimah Al-Zahra dan 9 Keturunannya yang Mulia	Tarikuddin bin Haji Hassan
11.	Perempuan Nan Bercinta	Faisal Tehrani
12.	Ketupat Cinta dan Karbala	Faisal Tehrani
13.	Cinta Asyura dan Karbala	Helmi Mohd Foad (Wartawan Utusan)
14.	Agama Politik: Nalar Politik Islam	Ahmad Vaezi/Ali Syahab





## Kajian Akademik

Pelaksanaan keputusan Majlis Fatwa Kebangsaan Malaysia telah memberikan tekanan terhadap Syiah untuk melaksanakan ajarannya secara terang-terangan. Ditambah pula dengan Akta Keselamatan Dalam Negeri yang dikenali sebagai *Internal Security Act (ISA)* yang memberikan kuasa kepada kerajaan untuk menahan dan memenjara sesiapa sahaja yang boleh mengancam perpaduan masyarakat tanpa sebarang pembelaan. Dalam pada itu terdapat beberapa tokoh akademik telah menulis artikel dan makalah akademik bagi membela nasib Syiah di Malaysia yang dilihat didiskriminasikan oleh kerajaan. Antaranya ialah seperti Mohd Faizal Musa, Syed Farid Alatas, Chandra Muzaffar, Farok Musa dan lain-lain lagi. Secara umum kajian akademik ini, menyentuh sudut manusawi dalam isu penindasan dan penafian hak dan kebebasan beragama khasnya golongan Syiah yang mendapat perhatian khusus dalam kalangan ahli akademik.





## Surat Akuan Berkanun

Sehingga Ogos 2013, penganut Syiah Malaysia telah mengambil langkah berani untuk mengiktiraf Syiah di Malaysia dengan menghantar sebanyak **141 deklarasi dan surat akuan berkanun** yang mengandungi perakuan sebagai penganut Mazhab Imamiyah. Surat tersebut dihantar kepada Perdana Menteri, Menteri di Jabatan Perdana Menteri Hal Ehwal Islam dan Menteri Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan. Salinan turat dibuat kepada Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia (SUHAKAM) dan United Nations Malaysia. Terdapat seramai 141 orang yang telah membuat akuan bersumpah, di mana seramai 107 orang lelaki manakala 34 orang wanita. Mereka membuat akuan bersumpah menyatakan diri mereka berfahaman Syiah. Kumpulan ini juga telah membuat perisytiharaan menganut Syiah dengan menulis surat akuan berkanun di hadapan Pesuruhjaya Sumpah di beberapa Mahkamah di Malaysia antaranya ialah; Mahkamah Kuala Lumpur, Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur, Pesuruhjaya Sumpah Taiping Perak, Mahkamah Seksyen Alor Setar dan sebagainya.

## **Memorandum Majlis Syiah Malaysia dan Surat Terbuka kepada PM**

Syiah mendakwa bahawa mereka adalah pengikut Ahli Sunnah wal Jamaah. Mereka juga mencabar pihak berkuasa pada tahun 2011 di mana Majlis Syiah Malaysia telah menghantar memorandum yang ditandatangani oleh peguamnya, Mohd Haidar bin Mohd Hashim kepada Yang di-Pertuan Agong dan Perdana Menteri Malaysia. Isi kandungan memorandum tersebut bermatlamatkan untuk *merayu supaya warta pengharaman Syiah dan kesesatan Syiah dikaji semula dan dimansuhkan di peringkat negeri dan persekutuan.* Antara alasan yang dikemukakan adalah seperti berikut:

- i. Mengeksplorasi slogan 1Malaysia dan prinsip kebebasan dalam Perlembagaan Negara untuk mendapatkan hak beramal dengan Ajaran Syiah.
- ii. Menyatakan kesanggupan bersumpah laknat (*mubahalah*) jika kesetiaan mereka kepada pemerintah diragui.
- iii. Menyebut anggaran pengikut Syiah di Malaysia sekitar 200,000 hingga 300,000 orang.
- iv. Mempertikaikan mengapa ajaran Salafi-Wahabi dibenarkan untuk beramal tetapi ajaran Syiah disekat.
- v. Mendakwa Syiah telah sampai ke rantau Nusantara seawal abad ke-11 dan 12 Masihi iaitu lebih awal sebelum kemasukan Ahli Sunnah wal Jamaah.
- vi. Mendakwa mazhab Syiah menjadi mangsa tuduhan sesat oleh gerakan Salafi-Wahabi yang telah memberikan persepsi salah kepada pihak berkuasa agama.
- vii. Mendakwa Syiah adalah mazhab yang menjadikan al-Quran dan al-Sunah sebagai pegangan, malah Syiah adalah Ahli Sunnah wal Jamaah yang sebenar.

Pada tahun 2016, kumpulan Syiah di negara ini melalui Jawatankuasa Masyarakat Awam Syiah Imamiyyah (Ja'fari)

Malaysia dengan berani mengemukakan surat terbuka kepada YAB Perdana Menteri menuntut agar permohonan penggantungan, kajian semula dan pembatalan fatwa kebangsaan serta fatwa di peringkat negeri-negeri serta Enakmen Tatacara Jenayah Syariah berhubung pengharaman Mazhab Syiah Imamiyyah (Ja'fari) Malaysia sebagai penjenayah disusuli dengan pengiktirafan rasmi semula secepat mungkin berasaskan Perlembagaan Persekutuan sebagai *the supreme law of the federation*. (surat Terbuka PM 2016).



DISEDIAKAN OLEH:  
MASYARAKAT AWAM SYIAH IMAMIYYAH (JA'FARI) MALAYSIA

## LAMAN MEDIA SOSIAL SYIAH DI MALAYSIA

Kumpulan Syiah juga telah menggunakan Internet sebagai cara paling strategik untuk misi menarik pengikut mereka di sesebuah negara. Syiah menggunakan propaganda tentang isu-isu yang berkaitan dengan kelebihan yang Ahli al-Bait, cerita penganiayaan yang berlaku terhadap anak-anak Sayidina Ali serta isu-isu antarabangsa seperti isu al-Quds, Kerajaan Saudi Arabia, Syria dan Bahrain, merapatkan Sunni dan Syiah. Sebanyak 47 buah portal dan akaun peribadi telah dikenalpasti berperanan menyebarkan fahaman Syiah berpandukan penulisan, gambar album dan video mereka. Antara portal yang popular seperti portal Syiah Malaysia telah dikunjungi lebih 330 pengunjung setiap hari. Selain itu, terdapat lebih 200 akaun Facebook warga Malaysia yang membawa fahaman Syiah dan menyebarkannya dengan aktif.

## MODUS OPERANDI SYIAH DI MALAYSIA

### Penyertaan dalam Karnival Tempatan

Mereka telah mengambil kesempatan untuk menyebarkan akidah dan fahaman Syiah secara halus dengan menyertai karnival dan pameran yang diadakan di Malaysia. Antara kaedah yang digunakan ialah:

1. mengedarkan syiar-syiar agama, buku-buku dan risalah mereka.
2. mempromosikan tamadun dan budaya Syiah kepada pembaca dan pengunjung seperti memaparkan poster-poster pemimpin Syiah dan tempat-tempat yang dianggap suci oleh mereka.
3. menawarkan kemudahan melanjutkan pengajian ke peringkat tinggi di institusi-institusi dan pusat-pusat pengajian yang mengajarkan fahaman Syiah.

### **Hubungan bersama sebahagian Ilmuan dan Ahli Politik**

Pada tahun 1982 beberapa ilmuan dan pemikir Malaysia telah dijemput untuk menghadiri Himpunan Ulama Antarabangsa yang dianjurkan di Tehran, Iran. Beberapa ilmuan dan pemikir Malaysia juga turut dijemput bersama sebilangan pensyarah tempatan untuk ke Iran selepas kejayaan Revolusi 1981. Setelah pulang ke Malaysia, dua orang daripada delegasi tersebut telah terkesan dengan fahaman Syiah dan masih menganut fahaman itu sehingga kini.

### **Penajaan Menyambung Pengajian**

Penajaan pelajar Malaysia bermula setelah Revolusi Syiah Iran pada tahun 1979. Terdapat juga sejumlah pelajar yang pergi ke Iran dengan tanggungan peribadi untuk belajar di sana. Pada tahun 1982, seramai 200 orang pelajar telah dihantar oleh sebuah sekolah swasta tempatan ke Iran. Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia (KPTM) telah mensasarkan lebih 80,000 penuntut dari luar negara mengambil tempat di IPT Malaysia pada tahun 2010. Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah menyebut bahawa jumlah penuntut berwarganegara Iran adalah berjumlah 15,000 orang di pelbagai pengkhususan. Rakyat Iran merupakan negara luar yang mempunyai jumlah penuntutnya yang terbesar di negara ini. Dibimbangi mereka menyebarkan fahaman Syiah kepada rakyat tempatan termasuklah melalui perkahwinan.

### **Penghantaran para pelajar ke Iran**

Penghantaran pelajar Malaysia ke Iran mempunyai kesan yang amat besar terhadap penyebaran ajaran Syiah di Malaysia terutama dalam jangka masa panjang. Pada tahun 1984, enam orang pelajar dari *Madrasah al-Falah*, Melaka telah dihantar ke Qom. Begitu juga beberapa orang pelajar dari *Madrasah Dar al-'Atiq* di Johor Bahru dan *Madrasah Gunung Semanggol*, Perak telah dihantar melanjutkan pengajian di Qom (Che Mat, 1994).

Menurut Bahagian Penyelidikan, Jabatan Perdana Menteri, sistem pembelajaran di Iran agak berbeza berbanding di negara-negara lain. Kebanyakan pelajar luar yang melanjutkan pelajaran di Iran tidak sempat menghabiskan pengajian mereka kerana masalah bahasa serta dasar pendidikan Iran yang mengutamakan para pelajar tempatan berbanding pelajar luar termasuk Malaysia. Namun begitu, sesetengah pelajar sanggup mengulang tahun semata-mata untuk mendalami aliran Syiah dan pelajar-pelajar ini akan terus dibiayai sepenuhnya oleh kerajaan Iran.

Buku teks serta buku-buku pembelajaran mereka di kolej dan universiti ialah beberapa kitab Syiah yang terkenal seperti *Usūl al-Kafi*, iaitu kitab yang mengandungi hadis Syiah dan beberapa buku yang memuatkan pemikiran Khomeini. Antara pusat pengajian yang terkenal yang menempatkan para penuntut Malaysia di Universiti Mufid, Universiti al-Zahra, Universiti Qom, Madrasah Imam Khomeini dan Madrasah Hujjatiyyah. JAKIM mendapati sebahagian daripada bekas pelajar tersebut aktif dalam menyebarkan ajaran Syiah di Malaysia sekembali mereka ke tanah air (Seksyen Akidah 2011). Walau bagaimanapun, pemerjan mereka ke Iran tanpa mengikut proses permohonan pengajian ke luar negara di bawah seliaan Kementerian Pengajian Tinggi atau pihak kerajaan menyebabkan pemantauan sukar dilakukan. Oleh itu, beberapa nota diplomatik diantar kerajaan Malaysia kepada kerajaan Iran agar tidak menyebarkan ajaran Syiah di Malaysia dan tidak menaja para pelajar Malaysia untuk melanjutkan pengajian dalam bidang teologi di Iran (Seksyen Akidah 2013).

### **Menggunakan saluran hak asasi manusia.**

Setelah dikenakan beberapa sekatan dan tangkapan daripada pihak berkuasa agama di Malaysia, penganut Syiah di negara ini didapati mengambil tindakan lanjut menerusi saluran HAM. Pada 2010, penganut Syiah mengemukakan memorandum bantahan kepada Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia (SUHAKAM) untuk menyatakan bantahan terhadap penangkapan 200 orang

penganut Syiah oleh Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS) (Seksyen Akidah 2011). Kumpulan ini juga menghantar surat kepada Majlis Agama Islam Selangor (MAIS) untuk membuat permohonan rayuan pembatalan pertuduhan di bawah Seksyen 23 Enakmen Tatacara Jenayah Syariah (Negeri Selangor) 2003 pada 15 Disember 2010 dan 24 Mei 2011. Pada 2011, penganut Syiah atas nama “Majlis Syiah Malaysia” menghantar memorandum kepada Yang di-Pertuan Agong dan Perdana Menteri Malaysia, merayu supaya warta pengharaman Syiah dan kesesatan Syiah dikaji semula dan dimansuhkan di peringkat negeri dan kebangsaan (Seksyen Akidah 2012). Selain itu, untuk mengukuhkan lagi kedudukan mereka dari sudut perundangan, seramai 141 orang penganut Syiah Melayu telah menghantar deklarasi dan surat akuan berkanun yang mengandungi perakuan sebagai penganut Mazhab Imamiyah Ja’fari (Seksyen Akidah 2013).

Pada sesi Semakan Berkala Sejagat (UPR) pada 24 Oktober 2013 di Majlis Hak Asasi Manusia, Geneva, Switzerland. Terdapat beberapa laporan yang dihantar secara berasingan kepada Majlis tersebut oleh badan-badan seperti *Becket Fund for Religious Liberty*, *Human Rights Watch*, *Amnesty International*, *Majlis Peguam*, *International Commission of Jurists* dan lain-lain NGO Hak Asasi Manusia, tetapi isi kandungan laporan COMANGO (iaitu gabungan NGO-NGO Malaysia dalam proses UPR) membentuk sebahagian besar tuntutan yang terkandung di dalam dokumen-dokumen yang menjadi asas rujukan rekod hak asasi Malaysia pada pusingan kali ini. Antara tuntutan-tuntutan berbahaya dalam laporan tersebut ialah:

Perenggan 10 Laporan COMANGO menimbulkan banyak kekeliruan terhadap isu kebebasan beragama di Malaysia. Antaranya termasuk kes tuntutan penggunaan kalimah Allah oleh penganut Kristian yang masih belum diputuskan secara muktamad oleh mahkamah tertinggi di Malaysia. Selain itu, laporan juga mempersoalkan larangan terhadap penganut Syiah menyebarkan fahaman mereka di kalangan orang-orang Islam.



### Antara tuntutan COMANGO

Langkah ini menunjukkan, pengikut Syiah telah menggunakan seluruh medium perundangan yang ada untuk mempertahankan ajaran mereka atas nama hak asasi manusia sekaligus menyumbang kepada penyebaran ajaran Syiah dengan lebih bebas tanpa sebarang gangguan daripada pihak berkuasa.

## PEMBENDUNGAN PERKEMBANGAN SYIAH DI MALAYSIA

### Sekatan Penyebaran Ajaran Bukan Ahli Sunnah wal Jamaah

Berdasarkan Perlembagaan Persekutuan Malaysia yang memperuntukkan bahawa Islam adalah agama Persekutuan di samping agama lain boleh diamalkan dengan aman dan damai di mana-mana bahagian Persekutuan. Definisi Islam dalam perlembagaan Malaysia merujuk kepada mazhab Ahli Sunnah wal Jamaah sebagaimana yang diputuskan dalam Muzakarah Khas Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi hal Ehwal Ugama Islam Malaysia yang bersidang pada 5 Mei 1996. Muzakarah telah membuat ketetapan bahawa Ahli Sunnah wal Jamaah sebagai mazhab yang diiktiraf daripada segi akidah, syariah dan akhlak. Kenyataan ini juga berpandukan kepada Enakmen Pentadbiran Agama Islam sebahagian negeri di Malaysia yang memasukkan Ahli Sunnah wal Jamaah sebagai mazhab rasmi negeri. Pihak berkuasa agama negeri perlu mengambil tindakan-tindakan seperti berikut bagi memperkemaskan prosedur penguatkuasaan iaitu:

- i. Pegawai-pegawai penguatkuasa perlu mahir dalam perundangan dan enakmen jenayah syariah negeri masing-masing.
- ii. Memahami serta mendalami enakmen undang-undang jenayah syariah di negeri masing-masing.
- iii. Menggiatkan seminar, latihan, bengkel mengenai undang-undang berkaitan dengan enakmen jenayah syariah negeri.
- iv. Mengadakan ujian undang-undang jenayah syariah.
- v. Membina dan memperkemaskan modul latihan penguatkuasaan.
- vi. Memperkuuhkan kerjasama dengan beberapa pihak yang penting dalam melaksanakan tugas penguatkuasaan seperti Polis Diraja Malaysia, Jabatan Agama Islam Negeri dan beberapa badan NGO yang lain serta masyarakat.



Peruntukan Undang-undang ke atas Penganut Syiah

## MENGENAL HAKIKAT SYIAH

Tindakan ke atas Syiah boleh diambil berdasarkan Akta/Enakmen Jenayah Syariah yang berkuatkuasa di negeri-negeri. Fatwa pengharaman Syiah telah diwartakan oleh semua negeri kecuali Sarawak yang belum mewartakannya atau dalam proses pewartaan. 13 negeri tersebut adalah:

Jadual 2.4 : Pewartaan pengharaman Syiah  
di negeri-negeri sehingga 2017

Bil.	Negeri	No. Warta	Tarikh Warta
1	Kelantan	No. 1, Jilid 50	2 Jan 1997
2	Pulau Pinang	PG. PU 1	Jan 1997 (pindaan Sep 2012)
3	Wilayah Persekutuan	PU (B) 106	30 Jan 1997
4	Melaka	M.PU 5 , M.P.U. 14.	24 Jul 1997, 24 Sep 2015
5	Terengganu	PUN TR. (1110)	25 Sep 1997
6	Negeri Sembilan	NSPU5	27 Feb 1998
7	Selangor	PU 10	24 Sep 1998
8	Kedah	No. 4, Jilid 41	18 Feb 1999
9	Johor	Jil. 56 No.4	16 Feb 2012
10	Perak	PU. Pk. 07/2001	1 Mac 2012
11	Perlis		7 Ogos 2012
12	Pahang	-	12 Sep 2013
13	Sabah	Jil. LXXII No. 35	7 Sep 2017

Sumber: Polis Diraja Malaysia (2018)



Berdasarkan Jadual 2, hampir kesemua negeri telah mewartakan fatwa pengharaman fahaman Syiah. Boleh dikatakan, pewartaan ini adalah sebahagian dari elemen ‘*securitization*’ berdasarkan kepada pendekatan konsep keselamatan negara. ‘*Securitization*’ adalah jalur pemikiran yang telah diperkenalkan oleh sarjana keselamatan seperti Barry Buzan, Ole Weaver dan Jaap de Wilde dalam membangunkan idea mengenai proses ‘*securitization*’ atau proses penyelamatan. Pada asasnya, apabila sesuatu isu dikemukakan sebagai isu yang menimbulkan ancaman kepada kewujudan sesuatu objek sasaran, maka isu itu mula mencapai dimensi keselamatan. Keadaan ini adalah proses pertama dalam ‘*securitization*’, apabila pelaku penyelamatan berjaya meyakinkan audiens atau kumpulan sasaran bahawa kewujudan objek sasaran itu terancam, maka proses ‘*securitization*’ tersebut menjadi lengkap (Rashila 2018:16). Sehubungan itu, kajian mendapati bahawa isu mengenai fahaman Syiah di dalam negara ini sebenarnya telah dibincangkan dalam fasa ‘*securitization*’ walaupun ia masih belum diangkat menjadi isu keselamatan negara. Elemen ini boleh didapatkan dari ucapan-ucapan pemimpin-pemimpin negara, keputusan


## MENGENAL HAKIKAT SYIAH

tertinggi kerajaan dan juga pemutusan pengharaman Syiah melalui Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan.

Menurut Cawangan Khas, PDRM (2018) dan Bahagian Penguatkuasaan, JAIS (2018), walaupun kerajaan telah memfatwakan pengharaman Syiah melalui Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan (MJFK), namun setiap tahun masih terdapat penangkapan melibatkan pengikut fahaman Syiah yang menganjurkan aktiviti yang bercanggah dengan Ahli Sunnah wal Jamaah. Selain itu terdapat juga penglibatan warganegara asing yang menjalankan aktiviti berkaitan fahaman Syiah seperti di Selangor, Johor, Perak dan Melaka. Pengesanan ini di buat melalui statistik penangkapan mereka yang terlibat dengan fahaman Syiah dalam negara khususnya ketika meraikan hari-hari kebesaran Syiah seperti Hari Ashura pada 10 Muharram, Meratapi Kematian Sayidina Hussein dan sebagainya.

Menurut statistik yang dikeluarkan oleh pihak Cawangan Khas, PDRM (2018), dari tahun 2010 sehingga 2017 (lapan tahun operasi), seramai 803 orang telah ditahan dalam serbuan bersepadu melibatkan lima buah negeri iaitu di Selangor, Pahang, Johor, Perak dan Melaka. Tangkapan tersebut sama ada melibatkan warganegara Malaysia mahupun warganegara asing. Statistik adalah seperti di Graf 1 berikut:

Graf 1 : Tangkapan Penganut Syiah Seluruh Negara  
Dari Tahun 2010-2017.



Sumber : Cawangan Khas, Polis Diraja Malaysia, 2018

Dari Graf 1 di atas, statistik menunjukkan mengenai operasi bersepada yang diadakan oleh Jabatan Agama Islam dan PDRM bermula dari tahun 2010 hingga 2017. Dari 803 orang yang ditahan 759 orang adalah warganegara Malaysia dan 44 daripadanya adalah warganegara asing dan kebanyakannya adalah warganegara Pakistan, Iraq dan Bahrain. Negeri Selangor mencatatkan jumlah tangkapan tertinggi iaitu sebanyak 630 orang, diikuti dengan Perak 120 orang, 30 di Melaka, 22 di Johor dan 1 di Pahang.


Tangkapan tertinggi di Selangor adalah suatu perkara yang tidak memerlukan. Ini dapat dianalisis dari dua elemen seperti berikut:

1. Selangor boleh disifatkan sebagai pinggir Lembah Klang (Kuala Lumpur). Lokasi Selangor yang terletak berhampiran dengan ibu negara Malaysia iaitu Kuala Lumpur menjadikan negeri ini kerap dijadikan sasaran sebagai lokasi penyebaran ajaran agama bukan sahaja Syiah, malahan ajaran-ajaran sesat yang lain. Sehingga 2017, 39 ajaran sesat dikenal pasti dan dilaporkan wujud di Selangor sebagaimana pelaporan yang dijelaskan dalam Dewan Undangan Negeri (DUN) Selangor. Dari jumlah berkenaan 19 daripadanya dikesan masih bergerak aktif dan tiga daripadanya disifatkan mampu mengancam keselamatan dan ketenteraman awam iaitu fahaman Syiah, ajaran Millah Abraham dan kumpulan Militan Daesh (Ahmad Yunus 2017, 7 November).
2. Selangor merupakan antara lokasi paling banyak menempatkan pusat-pusat pengajian tinggi awam (IPTA) mahupun swasta (IPTS). Kewujudan institusi-institusi pengajian ini menyemarakkan lagi aktiviti penyebaran fahaman Syiah dalam kalangan pelajar dan pensyarah universiti. Melalui temu bual bersama pihak Polis Diraja Malaysia pada 11 April 2018, usaha pengembangan fahaman Syiah turut berlaku melalui usaha-usaha pengedaran bahan penerbitan buku berunsur Syiah yang diletakkan di tempat-tempat strategik seperti di perpustakaan, universiti-universiti dan masjid-masjid. Bahkan sekitar tahun 2013, pernah

dikesan terdapat iklan-iklan yang di tampil di papan-papan kenyataan di dalam IPTA sekitar Lembah Klang mengenai tawaran untuk belajar dan memahami ajaran Syiah yang betul serta disandarkan kepada Mazhab Ja'fariyyah (temu bual bersama Cawangan Khas, PDRM pada 11 April 2018). Graf di bawah merupakan statistik penuh tangkapan pihak PDRM dalam operasi bersama Jabatan Agama berhubung fahaman Syiah di seluruh negara:

Graf 2 di bawah menunjukkan tangkapan yang dibuat oleh PDRM bersama Jabatan Agama Islam Negeri (JAIN) bermula dari tahun 2010 sehingga tahun 2017. Dalam tempoh lapan tahun operasi bersepadau membanteras fahaman Syiah yang dilakukan oleh pelbagai agensi, tiada satu trend sekata boleh didapati. Ada ketikanya penangkapan dilihat meningkat dan ada ketikanya tangkapan menurun. Namun yang agak membimbangkan ialah penglibatan warga asing yang turut ditahan dalam operasi tersebut. Ini memperlihatkan terdapat usaha dan penglibatan warga asing dalam menghidupkan fahaman Syiah dalam negara (Temu bual bersama Cawangan Khas, PDRM pada 11 April 2018).

Graf 2 : Jumlah Tangkapan Penganut Syiah  
Seluruh Negara, 2010-2017



Sumber: Polis Diraja Malaysia, 2018.



### Mekanisma Pembendungan Syiah Di Malaysia

Sidang parlimen yang bertarikh 9 Mac 2011 menyatakan bahawa kerajaan tidak mencegah atau pun melarang pengamalan kebebasan agama yang disebut pengamalan masing-masing tetapi ditegah penyebaran daripada ajaran tersebut kepada mereka yang telah pun mempunyai pegangan agama masing-masing khususnya pengikut ajaran Ahli Sunnah wal Jamaah. Berdasarkan kepada Penyataan Rasmi Parliment, bagi memastikan ajaran selain daripada Ahli Sunnah wal Jamaah yang diamalkan di Malaysia tidak menjadikan keselamatan negara, kerajaan telah membuat pencegahan awal untuk membendung penyebaran fahaman selain Ahli Sunnah wal Jamaah daripada terus menular dan mempengaruhi umat Islam di Malaysia. Malah, negeri yang bertanggungjawab secara langsung dalam hal ehwal agama telah mengadakan usaha-usaha menjaga kesucian agama Ahli Sunnah wal Jamaah agar tidak tergugat. Antara usaha tersebut adalah:

- i. Menyebarluaskan fatwa-fatwa yang telah dibuat tentang larangan penyebaran Syiah kepada masyarakat;

- i. Sesi penjelasan kepada masyarakat melalui program-program ceramah dan penyebaran maklumat larangan ini menerusi media cetak dan elektronik;
- ii. Program pemantauan dan mengawal bahan-bahan media cetak dan elektronik dari tersebarnya fahaman Syiah menerusi media-media secara berterusan;
- iii. Meningkatkan kerjasama antara agensi-agensi agama dan kementerian-kementerian yang berkaitan dalam menangani dan menyekat fahaman selain Ahli Sunnah wal Jamaah daripada tersebar dari masyarakat; dan
- iv. Mengambil tindakan undang-undang terhadap pihak terbabit sekiranya didapati melanggar mana-mana peruntukan undang-undang yang sedang berkuatkuasa di negeri-negeri yang telah mewartakan kesalahan penyebaran ajaran Syiah.

## **Penutup**

Syiah adalah satu ajaran yang hanya akan tertegak dengan keruntuhan Ahli Sunnah wal Jamaah. Penyatuan antara Ahli Sunnah dan Syiah tidak akan berlaku kerana Syiah tidak pernah ikhlas untuk bersatu dengan Sunni sebaliknya berhasrat memadamkan terus kewujudan Ahli Sunnah di muka bumi. Oleh itu, masyarakat perlu menyiapkan diri dengan ilmu yang benar bagi menghadapi pertempuran secara ilmiyyah seperti yang dizahirkan oleh puak Syiah.

## RUJUKAN

- Mohamad Jarpani bin Syopiyan & Muhammad Faisal bin Asha'ari. 2017. Sorotan Perkembangan Hubungan Gerakan Syiah Di Malaysia: Penilaian Menerusi Facebook. *Jurnal Pengajian Islam, KUIS*.
- Kamaluddin Nurdin Marjuni. 2013. *Agenda politik Syiah dendam warisan dalam mencari pemimpin umat*. Selangor: PTS Millennia Sdn.Bhd.
- Kamaluddin Nurdin Marjuni. 2010. *Al-Mazahib al-'Aqa'idiyah al-Islamiyyah*. Malaysia: Universiti Sains Islam Malaysia.
- Kamaluddin Nurdin Marjuni. 2009. *Mauqif al-Zaidiyah wa Ahl al-Sunnah min al-'Aqidah al-Ismailiyah wa Filsufatuhu*. Lebanon: Jami' al-Huquq Mahfuzah.
- Kamarul Azmi Jasmi & NurAmirah Mohd Rashid. 2008. Kesan Negatif Globalisasi terhadap Wanita Islam dan Penyelesaiannya. (Dlm.) Arieff Salleh, *Isu Wanita Dalam Perundangan Islam*. Johor Bahru: Universiti Teknologi Malaysia.
- Kamil Zuhairi. 2011. Memorandum kepada YDP Agong, bertarikh 6 Jun.
- Kertas JKP Bil. 2/102/2012. *Cadangan Memperkasakan Fatwa Ajaran Syiah*. JAKIM
- Laporan Akhir Kajian Tahap Kefahaman Akidah Belia Islam Berisiko Tinggi di Selangor. 2014. Geran Kerjasama Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor dan Majlis Agama Islam Selangor, Januari-Disember 2014.
- Warta Kerajaan Negeri Selangor. 2013. *Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Selangor) 2003 Fatwa di bawah Subseksyen 50(1)*.
- Muhammad Faisal bin Asha'ari & Mohamad Jarpani bin Syopiyan. 2014. Memahami Hubungan Gerakan Syiah Antarabangsa

- Dengan Syiah di Malaysia: Penilaian di Facebook. *Prosiding Seminar Antarabangsa Dakwah & Etnik: Perspektif Multi-Disiplin*. Bangi: UKM.
- Mohd Haidhar bin Kamarzaman. 2011. Syiah di Selangor. Tesis Sarjana Muda Pengajian Islam, UKM.
- Muhamad Faisal Ashaari, Mohd Naim Saad, Anuar Puteh & Abu Darda Mohamad. 2013. Isu-isu seputar di Facebook pro-Syiah Malaysia. *Prosiding Nadwah Nusantara (NUN) V: Ulama dan Cabaran Idealisme Semasa*, hlm. 400-405.
- Muhamad Faisal Ashaari. 2013. Isu-isu Seputar Syiah di facebook Pro-Syiah Malaysia. *Prosiding Nadwah ulama Nusantara (NUN) V*. Bangi: UKM.
- Zakaria Stapa, Kamaruddin Salleh, Abdul Rahman Mahmood, Ahmad Munawar Ismail & Abdul Hafiz Mat Tuah. 2014. Laporan Akhir Penyelidikan Ancaman Aliran Bukan Ahli Sunah terhadap Perpaduan Umat Islam di Malaysia. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Hafiz Basir. 2016. *Da'wah al Syiah al Imamiyah al Ithna Asyariyyah Fi Malizia wa Juhud Ahli Sunnah wal Jamaah Fi Muwajahatiha*. Makkah: Jami'ah al-Malik Saud.
- Nurjaanah Abdullah. 2007. *Legislating Faith in Malaysia*. Singapore Journal of Legal Studies. Singapore.
- Ezad Azraai et al. 2011. Penetapan Mazhab Ahli Sunnah wal Jamaah sebagai Definasi Islam di Malaysia: Hak Penyebaran agama bagi Kumpulan Agama Minoriti (dlm) *Jurnal Undang-Undang Malaysia*.
- Jabatan Agama Islam Selangor. 2013. *Bahaya Syiah Dari Aspek Akidah, Syariah dan Akhlak Kepada Ummah dan Negara*. Shah Alam: JAIS.
- Jabatan Kemajuan Islam Malaysia. 2010. *Penjelasan Terhadap Fahaman Syiah*. Putrajaya: JAKIM.

- Jabatan Kemajuan Islam Malaysia. 2014. *Bahagian Perancangan dan penyelidikan. Analisis Akuan Berkanun Pengakuan Bermazhab Syiah*. Putrajaya: JAKIM.
- Jabatan Kemajuan Islam Malaysia. *Kertas Kerja Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia* (dlm) Kertas kerja JKF Bil. 2/102.2012.
- Jabatan Mufti Kedah. 2013. *Perbezaan di antara akidah Ahli Sunnah wal Jamaah dengan Syiah*. Alor Setar, Kedah.
- Anis Malik Toha. 2012. Syiah di Malaysia. *Islamia Jurnal Pemikiran Islam Republika*.
- Anon. 2012. Pengaruh fahaman syiah semakin runcing. *Berita Harian*. 15 Mac.
- Kamis Ismail. 2003. *Shi'ah dan Pengaruhnya dalam Bidang Politik dan Tasawuf Falsafah di Alam Melayu*. Tesis. PhD. Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, UKM.
- Marcinkowski, Christopher. 2006. *Facets is Shi'ite Islam in Contemporary Southeast Asia (II): Malaysia and Singapore*. *Kertas Kerja Institute of defence and strategic studies Singapore*. Anjuran Institute of defence and strategic studies Singapore, 29 Disember.
- S.Q Fatimi. 1963. *Islam Comes to Malaysia*. Singapore: Malaysian Sociological Research Institute Ltd.
- Mahayudin Yahaya. 1986. *Sejarah Awal Perpecahan Umat Islam*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Hasjmy, A. 1981. Adakah Kerajaan Islam Perlak Negeri Islam Pertama di Asia Tenggara (dlm.) *Sejarah Masuk dan Perkembangan Islam di Indonesia*. Aceh: P.T. al-Ma'arif.
- Mohd Samsuddin Harun & Azmul Fahimi Kamaruzaman. 2011. Kemunculan budaya Syiah di Alam Melayu: Satu Kajian Awal. *Prosiding Nadwah Ulama Nusantara (NUN IV): Ulama Pemacu Transformasi Negara*.

Mohd Samsuddin Harun et al. 2011. *Kemunculan Budaya Syiah di Alam Melayu: Satu Kajian Awal Dim prosiding Nadwah Ulama Nusantara (NUN) IV.* Bangi: UKM.

Aizam Mas'od. 2010. *Diskusi Isu Bid'ah dan Anti Mazhab Dim Diskusi Isu Akidah dan Pemikiran Semasa.* Putrajaya: JAKIM.

Aizam Mas'od. 2014. *Soal Jawab Syiah di Malaysia.* Putrajaya: JAKIM.

## FATWA WILAYAH PERSEKUTUAN TERHADAP FAHAMAN SYIAH



### FATWA PENGHARAMAN SYIAH

Mesyuarat Jawatankuasa Perundingan Hukum Syarak Wilayah Persekutuan kali ke yang diadakan pada telah membincangkan hukum. Mesyuarat telah memutuskan seperti berikut:

- i. Berdasarkan fakta-fakta yang dikemukakan, mesyuarat bersetuju menerima keputusan muzakarah khas Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan bagi Hal Ehwal Agama Islam Malaysia pada 3 Mei 1996 seperti berikut :
  - a) **Memansuhkan keputusan muzakarah Jawatankuasa Fatwa pada 24 dan 25 September 1984** yang menyatakan 'bahawa hanya mazhab syiah dari golongan Al-Zaidiah dan Ja'fariah yang diterima untuk di "amalkan di Malaysia".
  - b) Menetapkan bahawa umat Islam di Malaysia hendaklah hanya mengikuti ajaran Islam yang berasaskan pegangan Ahli Sunnah Wal-Jamaah dari segi "aqidah, syari'ah dan akhlAQ.
  - c) Menyokong dan menerima cadangan pindaan perlembagaan Persekutuan dan Perlembagaan negeri-negeri supaya memperuntukkan dengan nyata bahawa agama bagi persekutuan dan negeri-negeri hendaklah agama Islam yang berasaskan pegangan Ahli Sunnah Wal-Jama'ah dari segi "aqidah, syari'ah dan akhlAQ.
  - d) Memperakukan pindaan kepada semua undang-undang negeri yang berhubung dengan hukum syarak bagi menyerlasarkan ta'rif "hukum syarak" atau "undang-undang" Islam seperti berikut :

'Hukum Syarak' atau 'Undang-Undang Islam' ertinya undang-undang Islam yang berasaskan pegangan Ahli Sunnah Wal-Jama'ah dari segi aqidah, syari'ah dan akhlAQ.

- e) Memperakukan bahawa ajaran Islam yang lain daripada pegangan Ahli Sunnah Wal-Jama'ah adalah bercanggah dengan hukum syarak dan undang-undang Islam dan dengan demikian penyebaran apa-apa ajaran yang lain daripada pegangan Ahli Sunnah Wal-Jama'ah adalah **dilarang**.
- f) Menetapkan bahawa semua umat Islam warganegara ini adalah tertakluk kepada **undang-undang Islam dan Hukum syarak yang berasaskan pegangan kepada ajaran Ahli Sunnah Wal-Jama'ah sahaja**.
- g) Menetapkan bahawa penerbitan, penyebaran dan penyebaran apa-apa buku, risalah, filem video dan lain-lain yang berkaitan dengan ajaran Islam yang bertentangan dengan pegangan Ahli Sunnah Wal-Jama'ah adalah diharamkan.

II. Bersetuju supaya keputusan fatwa ini divartakan segera.

**FATWA WILAYAH PERSEKUTUAN  
TERHADAP FAHAMAN SYIAH**

1. Fahaman *Syiah* didapati menyeleweng daripada pegangan akidah Ahli Sunnah wal Jamaah serta bertentangan dengan hukum syarak. Ciri-ciri penyelewengan yang terdapat dalam ajaran *Syiah* adalah seperti yang berikut:
  - a. Sudut akidah, iaitu seperti yang berikut:
    - i. Mempercayai bahawa semua imam adalah maksum (terpelihara daripada dosa kecil dan besar). Imam-imam juga tidak bersalah atau tersilap dalam segala tindak-tanduknya;
    - ii. Mengkafirkan para sahabat Rasulullah SAW;
    - iii. Al-Quran yang ada pada hari ini ialah al-Quran yang sudah diselewengkan dan ditokok tambah;
    - iv. Al-Bada' iaitu menyatakan ilmu Allah berubah-ubah berdasarkan sesuatu peristiwa berlaku. Ini bermaksud Allah jahil dan tidak mempunyai ilmu keseluruhannya;
    - v. Raja'ah iaitu kepercayaan bahawa imam-imam akan dihidupkan semula untuk mengadili dan menghukum orang-orang yang telah merampas hak mereka termasuklah Saidina Abu Bakar, Umar, Uthman, Aisyah, Muawiyah dan lain-lain sahabat;
    - vi. Konsep Imamah atau wilayah iaitu kepercayaan imam-imam dilantik oleh Allah SWT;
    - vii. Ghaibah iaitu kepercayaan tentang adanya imam yang lenyap dan akan kembali ke dunia untuk membawa keadilan dalam pemerintahan;

- viii. Mempercayai Imam kedua belas (Muhammad bin Hassan al-Askari) telah ghaib dan akan bangkit sebagai Imam Mahdi al-Muntazar;
  - ix. Al-Baraah iaitu kepercayaan untuk bebaskan diri dan hubungan kasih sayang dengan semua khalifah sebelum Ali iaitu Abu Bakar, Umar dan Uthman;
  - x. Menokok tambah nama Saidina Ali dalam kalimah syahadah seperti “Tiada Tuhan melainkan Allah, Muhammad pesuruh Allah, Ali khalifah yang dilantik oleh Allah”;
  - xi. Taqiyah iaitu kepercayaan menyembunyikan fahaman sebenar dan melahirkan yang lain daripada apa yang ada dalam hati;
  - xii. Menghalalkan nikah Mutaah;
  - xiii. Menolak hadis-hadis yang diriwayatkan oleh para sahabat termasuk isteri Rasulullah SAW sekalipun hadis mutawatir kerana menyatakan sahabat telah murtad selepas kewafatan Rasulullah SAW. hanya menerima hadis-hadis yang diriwayatkan daripada imam-imam Ahlul Bait sahaja;
- b. Sudut syariat, iaitu seperti yang berikut:
- i. Menolak ijmak ulama’;
  - ii. Menolak qias sebagai sumber hukum syarak;
  - iii. Menuduh Abu Bakar, Umar, Uthman dan Muawiyah sebagai empat berhala Quraisy serta pengikut-pengikutnya adalah musuh Allah;

- iv. Mendakwa hanya Ali yang menghimpun al-Quran dengan sempurna;
  - v. Mendakwa sesiapa menziarahi kubur Saidina Hussain akan memperolehi ganjaran syurga;
  - vi. Melakukan penyeksaan tubuh badan sehingga berdarah sempena 10 Muharram bagi mengingati dan menangisi kematian Saidina Hussain dalam peristiwa Karbala;
  - vii. Menghina atau melaknat Abu Bakar dan Umar serta isteri-isteri Nabi;
  - viii. Mengharuskan sembahyang jamak tanpa sebab-sebab yang diharuskan dalam hukum syarak;
  - ix. Menyatakan sembahyang Dhuha adalah bidaah;
  - x. Menetapkan prinsip khumus sebagai kadar zakat;
  - xi. Tidak wajib basuh kaki ketika berwuduk sebaliknya hanya disapu sahaja;
  - xii. Sujud di atas batu yang didakwa batu Karbala ketika solat;
- 
2. Mana-mana orang hendaklah menjauhi dan dilarang mengamalkan ciri-ciri ajaran, amalan dan fahaman *Syiah* sebagaimana yang dinyatakan dalam perenggan 1(a) atau 1(b). Mana-mana orang yang mengamalkan ciri-ciri ajaran, amalan atau fahaman *Syiah* itu hendaklah bertaubat.
  3. Mana-mana orang dilarang menyebarkan, mengedarkan, mengantung atau menerbitkan apa-apa poster, buku, risalah, majalah atau apa-apa bahan bacaan lain sama ada dicetak, ditaip, ditulis tangan atau dikeluarkan dalam apa juga

bentuk keluaran atau ulangannya termasuklah audio visual, filem, rakaman, laman web atau media cetak atau elektronik sebagaimana yang dinyatakan dalam perenggan 1(a) atau 1(b).

4. Mana-mana orang adalah dilarang daripada terlibat atau bersubahat sebagaimana yang dinyatakan dalam perenggan (1), (2) atau (3) seperti mana di atas boleh dikenakan tindakan penguatkuasaan dan didakwa di bawah Akta Kesalahan Jenayah Syariah (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1997 [Akta 559] atau undang-undang lain yang berkuatkuasa.

Bertarikh 6 Ogos 2013

Ruj: [PMWP/100/20 Klt.2; PN(PU<sup>2</sup>)530/VI]